

**IMPLIKASI PERUBAHAN DASAR KERAJAAN  
TERHADAP PERCETAKAN MELAYU**

**MOHD KHAIRUL AZAHARI BIN ABDUL RANI**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2016**

**IMPLIKASI PERUBAHAN DASAR KERAJAAN  
TERHADAP PERCETAKAN MELAYU**

**MOHD KHAIRUL AZAHARI BIN ABDUL RANI**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2016**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: MOHD KHAIRUL AZAHARI BIN ABDUL RANI

(No. K.P/Pasport:

No. Pendaftaran/Matrik: AHA100036

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**IMPLIKASI PERUBAHAN DASAR KERAJAAN TERHADAP PERCETAKAN  
MELAYU**

Bidang Penyelidikan: KOMUNIKASI VISUAL

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

## **ABSTRAK**

Kajian ini meninjau tentang beberapa perubahan dasar atau ketetapan kerajaan dalam urusan perolehan percetakan melibatkan pencetak-pencetak Melayu yang bernaung di bawah Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM). Untuk menemui objektif kajian ini, dua kaedah penyelidikan digunakan iaitu tinjauan dan analisis kandungan. Temu tanya dengan beberapa individu penting dalam kajian ini juga diadakan untuk berbincang, mengetahui rentetan masa dan situasi terkini industri percetakan Melayu. Antara individu-individu tersebut ialah Presiden dan mantan-mantan presiden PPPMM, Ketua Pengarah dan mantan-mantan ketua pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Kaedah tinjauan telah dikendalikan ke atas semua ahli-ahli PPPMM yang kini berjumlah enam puluh empat buah syarikat percetakan Melayu. Kaedah analisis kandungan pula dikendalikan terhadap sebelas buah memorandum dan enam belas buah surat terbitan PPPMM yang dituju khusus kepada pemimpin tertinggi kerajaan dan pentadbir-pentadbir kanan jabatan dan kementerian. Dapatan kajian ini mendapati ahli-ahli PPPMM begitu terkesan dengan perubahan dua ketetapan kerajaan untuk mengkorporatkan Jabatan Percetakan Negara kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad dan penyerahan Bahagian Pemasaran dan Percetakan DBP kepada sebuah syarikat swasta iaitu Dawama Sdn Bhd. Walaupun perubahan ketetapan ini berpandukan kepada ketetapan yang terkandung dalam perjanjian konsesi, tetapi tanpa pemantauan dan kawalan oleh pihak kerajaan, pencetak-pencetak Melayu mengalami kerugian yang agak besar oleh kerana beberapa pelanggaran syarat telah berlaku. Kajian ini akan menyelusuri dari tempoh awal penglibatan pencetak Melayu secara serius dalam industri percetakan hingga kepada perubahan dasar kerajaan berlaku.

## **ABSTRACT**

This study looks at several changes in government policies or resolution in handling issues pertaining to printing acquisition which involves Malay printing companies that are subsidiaries of Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM). In order to form the research objective for this study, two research methods were utilized: survey and content analysis. Interview sessions were held with some prominent individuals to discuss and find out about the time line and current situations concerning the Malaysian printing industry. Some of these individuals were the President and former presidents of PPPMM, Managing Director and former managing directors of Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). A survey was conducted among all members of PPPMM of which membership has now reached forty four Malay printing companies. In addition, the use of content analysis as a method was applied on eleven memorandum and sixteen letters published by PPPMM which were written for the leaders in the government departments and senior administrators in both the government as well as the ministry's departments. Findings of this research indicate the PPPMM members are greatly affected by the two changes in government's resolution to corporatize Jabatan Percetakan Negara to Percetakan Nasional Malaysia Berhad and the handover of the DBP's Marketing and Printing to a private company, Dawama Sdn Bhd. Even when the change in resolution was made based on regulations found in the concession's agreement, without adequate supervision and monitoring by the government, the Malay printing businesses suffered quite a huge loss due to several incidents involving breach of rules. Thus, this research aims to trace Malay printing companies' serious initial involvement in the industry to the point where the change in government's policy took place.

## **PENGHARGAAN**

Ribuan terima kasih dan penghargaan diucapkan kepada:

Isteri Tersayang Haliza Kasmungi dan  
Anak-anak tercinta Nurul Najihah, Muhammad Syahmi,  
Nur Aisyah dan Nur Dhia Zahra kerana memberi ruang dan masa  
untuk saya menyiapkan penyelidikan ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada:

Prof. Madya Dr. Hamedi Mohd Adnan  
Profesor Dr. Azizah Hamzah dan  
Pensyarah-pensyarah di Jabatan Pengajian Media

Sekalung penghargaan juga kepada:

Y.Bhg. Dato Badrudin bin Bakar, Presiden PPPMM  
Y.Bhg. Tan Sri Sanusi Junid dan Haji Nordin bekas Presiden PPPMM  
Dato Hj Termuzi Hj Aziz dan Dato Aziz Deraman, bekas Ketua Pengarah DBP  
En. Lokman bin Harun dan Dato Abdul Ghani Ngah, Pengurusan Dawama Sdn Bhd  
Rektor dan Pengurusan Tertinggi UiTM dan  
Rakan-rakan sekalian

## **KANDUNGAN**

Abstrak .....	iii
Abstract .....	iv
Penghargaan .....	v
Kandungan .....	vi-viii
Senarai Rajah .....	ix
Senarai Jadual.....	x-xi
Senarai Singkatan.....	xii

### **BAB 1: PENDAHULUAN**

1.1 Latar Belakang Kajian .....	1-4
1.2 Permasalahan Kajian .....	4-12
1.3 Objektif Kajian .....	13-14
1.4 Kaedah Penyelidikan .....	14-21
1.5 Skop Kajian .....	21-22
1.6 Susunan Bab .....	22-24

### **BAB 2: KERANGKA TEORITIKAL**

2.1 Pengenalan .....	25
2.2 Teori Pengeluaran Produk Budaya .....	26-33
2.3 Percetakan dan Organisasi .....	34-39
2.4 Perubahan Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Industri Percetakan Melayu .....	40-41
2.5 Kesimpulan .....	41

### **BAB 3: KAJIAN LITERATUR**

3.1 Pengenalan .....	42-43
3.2 Dasar Kerajaan.....	43-52
3.3 Pengkorporatan dan Penswastaan .....	52-57
3.4 Transformasi Teknologi Percetakan dan Komunikasi	
3.4.1 Transformasi Teknologi Percetakan .....	58-66
3.4.2 Transformasi Teknologi Komunikasi .....	67-69

### **BAB 4: METODOLOGI KAJIAN .....70-74**

4.1 Survei .....	75-85
4.1.1 Analisis Soalan Terbuka .....	85
4.2 Analisis Kandungan.....	85-92
4.2.1 Tatacara Unit Analisis .....	92-95

### **BAB 5: SEJARAH PERCETAKAN DAN PERKEMBANGAN INDUSTRI PERCETAKAN SEMASA DI MALAYSIA**

5.1 Sejarah Percetakan Di Negeri-negeri Jajahan Selat.....	96-97
5.1.1 Percetakan di Pulau Pinang .....	97-99
5.1.2 Percetakan Mubaligh di Pulau Pinang .....	99-100
5.1.3 Percetakan di Melaka.....	100-102
5.1.4 Percetakan di Singapura.....	102-105
5.2 Sejarah Jabatan Percetakan Negara .....	105-107
5.2.1 Pejabat Percetakan Yang Pertama.....	107-109
5.2.2 Pejabat Percetakan Negeri Selangor .....	109
5.2.3 FMS Government Printing Office .....	110-111
5.2.4 Jabatan Percetakan Negara Malaysia .....	111-115
5.3 Sejarah Dewan Bahasa dan Pustaka .....	115-120
5.3.1 Jabatan Khidmat Sokongan Teknikal .....	120-124
5.4 Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia .....	124-131
5.5 Percetakan Nasional Malaysia Berhad.....	132-137
5.5.1 Ancaman Percetakan Nasional Malaysia Berhad Terhadap Pencetak Melayu .....	137-141
5.6 Penswastaan Bahagian Pemasaran dan Percetakan DBP dan Dawama Sdn Bhd .....	141-146
5.6.1 Pelanggaran Perjanjian oleh Dawama Sdn Bhd kepada Pengusaha Percetakan Melayu .....	146-156
5.7 Surat Pekeliling Perbendaharaan .....	156-162

5.7.1	Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 (SPP10/93) .....	162-168
5.8	Perkembangan Ekonomi Percetakan Di Malaysia Masa Kini .....168-169	
5.8.1	Jumlah Nilai Dagangan Eksport Malaysia dalam Industri Percetakan .....	170-186
5.8.2	Ramalan Pertumbuhan Industri Percetakan.....187-188	
5.9	Kesimpulan .....	189

## **BAB 6: DAPATAN KAJIAN I- SURVEI**

6.1	Survei .....	190-192
6.2	Susun Atur Kajian dan Analisis Data .....	192-195
6.2.1	Demografi .....	195-202
6.2.2	Amalan ketika Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.10 Tahun 1981 .....	202-205
6.2.3	Amalan setelah pembatalan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.10 Tahun 1981 dan pengkorporatan Jabatan Percetakan Negara.....205-211	
6.2.4	Amalan sebelum dan selepas penswastaan Bahagian Pemasaran dan Percetakan DBP kepada Dawama .....	211-220
6.2.5	Kesan kedatangan teknologi maklumat dan perubahan teknologi percetakan .....	221-228
6.3	Kesimpulan dapatan kajian .....	228

<b>6.4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN II- ANALISIS KANDUNGAN .....</b>	<b>229-230</b>
6.5	Susun Atur Kajian dan Analisis Data .....	230-235
6.6	Hasil Kajian dan Perbincangan .....	235-242
6.7	Kesimpulan .....	242-245

## **BAB 7: KESIMPULAN .....**246-260

7.1	Cadangan Kajian.....	260-263
-----	----------------------	---------

## **BIBLIOGRAFI .....**264-272

**LAMPIRAN A -** Borang Soal Selidik

**LAMPIRAN B -** Senarai Memorandum

**LAMPIRAN C -** Senarai Pencetak Bumiputera

**LAMPIRAN D -** Jumlah Dagangan Industri Percetakan Malaysia

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Tajuk Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
2.1	Model Smith, 1966	33
2.2	Model Proses Percetakan	34
2.3	Model Teknologi-teknologi Percetakan	36
2.4	Kerangka Teori Perubahan Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Industri Percetakan Melayu	41
5.1	Bekas Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Percetakan Negara (kini PNMB)	109
5.2	Ibu Pejabat Pertama Dewan Bahasa dan Pustaka di Bukit Timbalan, Johor Bahru	116
5.3	Ibu Pejabat Kedua Dewan Bahasa dan Pustaka di Jalan Young	117
5.4	Ibu Pejabat Ketiga Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur	118
5.5	Bangunan Baharu Ibu Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur	119
5.6	Kakitangan di Jabatan Khidmat Sokongan Teknikal	121

## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>	<b>Tajuk Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
5.1	Penyata Sebutharga Lembaga Sebutharga dan Lembaga Tender pada Pencetak Bumiputera Tahun 1988	113
5.2	Jumlah Dagangan Antarabangsa Industri Percetakan Malaysia	170
5.3	Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia Untuk Produk Percetakan	171
5.4	Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia Untuk Produk Buku, Brosur, <i>Leaflets</i> dan Bahan Bercetak Lain	172
5.5	Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia untuk Produk Akhbar, Jurnal dan Percetakan Berkala	174
5.6	Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia Untuk Produk Buku Kanak-kanak	175
5.7	Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia Untuk Produk Muzik, Bahan Bercetak Rakaman atau dalam Manuskip	176
5.8	Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia Untuk Produk Peta, Hidrografi atau dalam Kumpulannya	178
5.9	Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia untuk Produk Pelan dan Lukisan untuk Arkitek	179
5.10	Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia untuk Produk Kiriman, Hasil atau Setem	180
5.11	Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia untuk Produk <i>Transfer (Decalcomanias)</i>	181
5.12	Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia untuk Produk Poskad Illustrasi dan Kad Ucapan	183
5.13	Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia untuk Produk Percetakan Kalendar	184

5.14	Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia untuk Produk Percetakan Lain dan Pelbagai	186
5.15	Nilai Jangkaan Dagangan Sektor Percetakan Kepada Ekonomi Negara	188
6.1	Statistik Keandalan Soalan Soal Selidik	195
6.2	Demografi Jantina Yang Mewakili Syarikat Percetakan Melayu	196
6.3	Demografi Faktor Usia Responden	197
6.4	Demografi dari Segi Jawatan Responden dalam Syarikat	198
6.5	Demografi dari Segi Pengalaman dalam Industri Percetakan	199
6.6	Demografi dari Segi Kelayakan Akademik Responden	200
6.7	Demografi dari Segi Pengalaman Menerima Tender Percetakan Kerajaan	201
6.8	Demografi dari Segi Pengalaman Menerima Tender Percetakan Kerajaan	202
6.9	Amalan Ketika Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1981 (SPP10/81)	203
6.10	Aamalan Setelah Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 (SPP10/93)	206
6.11	Amalan Setelah Pengkorporatan Jabatan Percetakan Negara	207
6.12	Amalan Sebelum dan Selepas Penswastaan Bahagian Pemasaran dan Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka kepada Dawama	215
6.13	Kesan Kedatangan Teknologi Maklumat dan Perubahan Teknologi Percetakan	221

6.14	Taburan Bidang Utama dalam Memorandum dan Surat Terbitan PPPMM	236
6.15	Taburan Arah Tindakan dalam Memorandum	237
6.16	Taburan Arah Tindakan dalam Surat Terbitan	237
6.17	Perbandingan Taburan Arah Tindakan Antara Dokumen Memorandum dan Surat Terbitan	241

## **SENARAI SINGKATAN**

- DBP : Dewan Bahasa & Pustaka  
JPN : Jabatan Percetakan Negara  
PNMB : Percetakan Nasional Malaysia Berhad  
PPPMM : Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia  
SPP : Surat Pekeliling Perbendaharaan  
SPP10/93 : Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Kajian ini membincangkan perubahan dasar kerajaan dan kesan yang diterima oleh pengusaha-pengusaha percetakan Melayu. Dasar kerajaan ini tertumpu kepada arahan-arahan perbendaharaan dan pekelilingan kerajaan yang berkaitan dengan industri percetakan. Selain itu, kajian ini juga turut menganalisis kesan yang dihadapi oleh pengusaha percetakan Melayu setelah kerajaan mencapai keputusan untuk mengkorporat dan menswastakan dua buah agensi percetakannya yang menjadi sumber utama pendapatan mereka. Dua buah agensi berikut ialah Jabatan Percetakan Negara (JPN) yang telah dikorporatkan menjadi Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) bermula pada tahun 1993. Sebuah lagi agensi yang terlibat dalam kajian ini ialah Bahagian Percetakan dan Pemasaran, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang telah diserahkan kepada syarikat swasta Dawama Sdn Bhd untuk mengambil fungsi dan peranan mencetak serta memasarkan penerbitan DBP.

Pada peringkat awal pengambil alihan kedua-dua agensi terbabit oleh pengurusan baharu telah mewujudkan satu bentuk persefahaman di antara PNMB dan Dawama dengan para pengusaha percetakan Melayu. Setelah beberapa lama pengkorporatan dan penswastaan ini berlaku, sedikit demi sedikit kepincangan dan pelanggaran syarat telah berlaku di antara agensi-agensi tersebut dengan pengusaha percetakan Melayu hingga menjelaskan pendapatan dan ekonomi syarikat mereka. Sesungguhnya langkah kerajaan untuk mengkorporat dan menswastakan JPN dan DBP telah menyumbang kepada kejatuhan industri percetakan orang Melayu kerana kedua-dua agensi terbabit merupakan penyumbang terbesar ekonomi kepada pencetak Melayu.

Perkembangan teknologi percetakan dan komunikasi dunia juga mengundang kejatuhan ekonomi dalam kalangan pengusaha percetakan Melayu. Pengusaha-pengusaha Melayu tidak mampu membeli teknologi percetakan yang lebih moden akibat kejatuhan ekonomi akibat terkesan dengan pengkorporatan dan penswastaan tersebut. Kejatuhan ekonomi ini akibat ketiadaan tender percetakan daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan seluruh agensi kerajaan setelah pengkorporatan dan penswastaan ini berlaku. Perkara ini berlaku kerana kebergantungan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu kepada tender percetakan kerajaan yang cukup tinggi (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 1992). Sejarah menunjukkan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu pernah gemilang dengan hasil kekayaan mencetak tender kerajaan seperti buku teks dan dokument-dokumen kerajaan. Kini, industri percetakan Melayu mengalami kejatuhan disebabkan kekurangan tender percetakan yang disalurkan kepada mereka. Sehingga penyelidikan ini dijalankan, pengusaha-pengusaha percetakan Melayu masih mengharapkan bantuan daripada segi pemberian tender percetakan daripada kerajaan. Dalam wawancara Harian Metro bertarikh 12 April 2005, Presiden Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPMM), Dato Badruddin Abu Bakar menjelaskan:

Saya tidak malu menyatakan bahawa kebanyakan pengusaha syarikat percetakan Bumiputera masih mengharapkan projek kerajaan. Ini kerana ramai usahawan Bumiputera dalam pelbagai bidang lain, begitu juga syarikat senaraian awam di Bursa Malaysia berjaya membangunkan perniagaan kerana kontrak kerajaan. Namun, tidak dinafikan ada juga syarikat yang berjaya tanpa sokongan dan pertolongan daripada kerajaan dan ini bergantung kepada jenis industri yang diceburi.

(Sumber: Harian Metro, 12 April 2005)

Lantaran kekurangan tender percetakan kerajaan, maka pengusaha-pengusaha Melayu ini tidak berupaya mengumpul dana yang mencukupi untuk membeli peralatan moden. Seiring dengan kemajuan teknologi percetakan dan komunikasi yang lebih canggih, citarasa pengguna telah beralih kepada kaedah percetakan digital yang lebih dikuasai dan dimiliki oleh kaum Cina. Keupayaan teknologi percetakan digital ini adalah setanding dengan percetakan ofset yang dimiliki oleh pengusaha percetakan Melayu. Keupayaan percetakan digital mampu menghasilkan mutu cetakan yang berkualiti dan boleh mencetak pada kos yang minimum dengan kadar yang cukup murah. Berbanding dengan teknologi ofset yang hanya berupaya untuk mencetak pada skala yang besar dan banyak menghasilkan pembaziran serta kerugian yang tinggi kepada pengguna.

Kajian ini bermula sejak penglibatan serius orang Melayu dalam percetakan iaitu dari awal tahun 1970 sehingga 2014. Walau bagaimanapun, penekanan dan fokus kajian lebih terarah dari tarikh ketetapan baharu kerajaan tentang pengkorporatan JPN dan juga penswastaan Bahagian Percetakan dan Pemasaran DBP. Fokus dalam tempoh tersebut dianggap sebagai mercu tanda dalam kajian yang merupakan detik-detik sukar orang Melayu dalam industri ini. Pada peringkat awal penglibatan orang Melayu dalam percetakan bermula tahun 1970 hingga 1991, industri ini berjaya menaikkan pendapatan orang Melayu pada masa itu (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 1992). Pelbagai kejayaan mampu dikehapi dalam industri ini seperti perolehan percetakan kerajaan bernilai jutaan ringgit pada orang Melayu yang juga ahli Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM).

Teras kajian ini ialah mengkaji tentang perubahan dasar atau ketetapan yang dibina oleh kerajaan untuk mengawal segala aktiviti percetakan kerajaan yang melibatkan keseluruhan

pengusaha percetakan Melayu. Pengusaha percetakan Melayu diberi keistimewaan untuk memiliki perolehan percetakan kerajaan berbanding kaum lain (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 1992). Selain faktor di atas, keputusan kerajaan untuk menyerahkan kepada pihak swasta terutama Bahagian Percetakan dan Pemasaran DBP juga perlu dikaji kerana berkait dengan kejatuhan ekonomi kaum Melayu dalam percetakan.

Selain dua faktor di atas, kajian sampingan turut dilakukan pada sistem teknologi komunikasi dan percetakan dunia yang turut menjadi penyumbang kepada kejatuhan industri percetakan Melayu. Kebuntuan yang dihadapi untuk memiliki peralatan percetakan moden yang lebih ekonomi dan canggih, perubahan penggunaan sistem perolehan elektronik oleh kerajaan Malaysia juga turut mendorong secara tidak langsung kepada masalah kemerosotan perniagaan percetakan orang Melayu. Kelonggaran pada sistem tersebut yang membenarkan pemilik syarikat selain yang berdaftar dengan PPPMM untuk memperolehi tender percetakan kerajaan telah mendorong masalah yang dihadapi orang Melayu semakin parah. Sesungguhnya kedua-dua faktor ini memberi kesan sampingan kepada pemasalan kemunduran pengusaha percetakan Melayu ini kian berlanjutan.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Rata-rata syarikat percetakan Melayu wujud di negara ini sejak awal tahun 1970 lagi (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 1992). Walaupun orang Melayu secara serius membabitkan diri dalam industri percetakan pada awal tahun 1980, tetapi segelintir orang Melayu pada ketika itu telah memulakan perniagaan percetakan sejak 1970 lagi. Beberapa potensi dan peluang dilihat sebagai permulaan untuk bangkit dalam industri percetakan telah menyebabkan mereka memulakan perniagaan ini. Hasilnya boleh dilihat dengan tertubuhnya Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM) yang telah

didaftarkan pada 22 Jun 1975 dan Ybhg. Tan Sri Sanusi Junid (ketika itu Dato' Seri) telah dilantik sebagai presiden yang pertama. Persatuan ini telah ditubuhkan atas nasihat Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia (DPPMM) yang melihat perlunya sebuah persatuan diwujudkan untuk mewakili pencetak-pencetak Melayu yang masih baharu ketika itu.

Pada tahun 1981 kepimpinan negara yang diterajui oleh Ybhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad (ketika itu Dato' Seri) telah membawa lembaran baru kepada pencetak-pencetak bumiputera. Pada masa pemerintahan beliau, kerajaan telah membuat ketetapan kesemua kerja yang melibatkan percetakan kecuali kerja percetakan bahan-bahan rahsia dan keselamatan kerajaan perlu diserahkan kepada pencetak-pencetak bumiputera yang berdaftar dengan PPPMM (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 1992). Keputusan kerajaan ini membolehkan industri percetakan orang Melayu terus berkembang dan lebih maju.

Hasil keputusan itu telah menyaksikan pendaftaran syarikat percetakan orang Melayu semakin bertambah. Kesinambungan peningkatan tersebut, pendaftaran keahlian dalam PPPMM juga turut bertambah sehingga mencecah 80 buah syarikat (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2006). Kerajaan juga telah membuka peluang yang lebih besar untuk orang Melayu melebarkan perniagaan mereka. Antara bantuan yang diberikan seperti modal, kelengkapan premis perniagaan seperti komputer, mesin pracetak, mesin cetak, pasca cetak. Melihat kepada bentuk bantuan yang diberikan ini peningkatan keahlian syarikat orang Melayu dalam PPPMM semakin bertambah bilangannya kepada 250 buah syarikat (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2006).

Dekad 80-an menyaksikan industri percetakan orang Melayu berkembang dengan pesat. Ketetapan yang diberikan kerajaan (Arahan Perbendaharaan/Bilangan 20, Tahun 1981)

mewajibkan semua kerja percetakan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun perlu disalurkan kepada pencetak-pencetak Melayu yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan juga ahli PPPMM. Dalam wawancara Harian Metro bertarikh 12 April 2005, Presiden Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM), Dato' Badruddin Abu Bakar menjelaskan:

Kini pengusaha-pengusaha percetakan Melayu bertambah besar dan berkembang pesat.

Sehingga kini industri ini telah melahirkan ramai tenaga mahir bumiputera yang mencecah 20,000 orang di seluruh negara berserta dengan pelaburan yang cukup besar.

Terdapat dalam kalangan syarikat percetakan Bumiputera telah membuat pelaburan lebih dari RM50 juta.

(Sumber: Harian Metro, 12 April 2005)

Kejatuhan orang Melayu dalam bidang percetakan bermula apabila pengkorporatan Jabatan Percetakan Negara (JPN) pada 1993 dan penswastaan Bahagian Percetakan dan Pemasaran, DBP kepada syarikat konsesi iaitu Dawama Sdn. Bhd pada 2002. Keputusan kerajaan untuk mengkorporat dan menswastakan kedua-dua agensi ini telah menyaksikan kejatuhan yang teruk terhadap perusahaan percetakan Melayu. Sebahagian besar syarikat percetakan Melayu terpaksa menutup premis percetakan mereka disebabkan pendapatan yang diperoleh semakin kecil dan tidak mampu untuk menanggung kos operasi yang tinggi (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2006). Perkara ini berlaku disebabkan tawaran tender percetakan daripada kedua-dua agensi tersebut telah berkurang akibat pengkorporatan dan penswastaan.

Langkah pengkorporatan JPN kepada PNMB ini dilaksanakan melalui satu garis panduan yang diperkenalkan kerajaan untuk memberi panduan dan langkah yang perlu dituruti

oleh JPN setelah dikorporatkan (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 1992). Surat Pekeliling Perbendaharaan (Bilangan 10, Tahun 1993 (SPP10/93) merupakan satu panduan yang perlu dipatuhi oleh PNMB setelah pengkorporatan JPN. Walaupun kerajaan telah bersetuju untuk menjadikan JPN sebuah syarikat korporat, tetapi kerajaan masih merupakan pemegang saham terbesar dalam syarikat terbabit. Pematuhan syarat dan perniagaan PNMB perlu memenuhi terma dan syarat dalam SPP10/93. Antara kandungan SPP10/93 menyebut segala kepentingan dan hak yang sepatutnya diberikan kepada pengusaha percetakan Melayu perlu disalurkan seperti mana yang diperoleh mereka sebelum pengkorporatan ini berlaku. Keluasan pasaran perniagaan PNMB dalam perolehan percetakan kerajaan telah dijelaskan dalam SPP tersebut iaitu merangkumi enam jabatan kerajaan sahaja iaitu:

- I. Parlimen Malaysia
- II. Kementerian Dalam Negeri
- III. Kementerian Kewangan
- IV. Kementerian Undang-undang (kini Jabatan Peguam Negara)
- V. Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia
- VI. Jabatan Perdana Menteri

Menurut SPP10/93 perolehan percetakan kerajaan selain daripada jabatan dan kementerian yang tersenarai di atas perlulah ditawarkan dan ditenderkan kepada pengusaha percetakan Melayu yang juga merupakan ahli PPPMM. Dengan termaktubnya SPP10/93 itu maka kepentingan dan hak pengusaha percetakan Melayu tidak terjejas walaupun pengkorporatan ini berlaku.

Selain isu pengkorporatan JPN, langkah penswastaan Bahagian Percetakan dan Pemasaran DBP kepada syarikat konsesi menjadi penyumbang kedua terbesar masalah yang dihadapi pengusaha percetakan Melayu. Penswastaan ini dilaksana berlandaskan terma dan syarat dalam perjanjian konsesi yang telah ditandatangani antara kerajaan dengan syarikat Dawama Sdn Bhd. Menurut perjanjian tersebut kepentingan dan hak pengusaha percetakan Melayu tidak tergugat walaupun agensi ini tidak lagi ditadbir oleh DBP (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2006). Namun, setelah penswastaan berlaku pelbagai pelanggaran perjanjian telah berlaku dan kesan yang diterima oleh pengusaha percetakan Melayu cukup besar. Semasa bahagian ini masih di bawah DBP, keseluruhan penerbitan DBP misalnya urusan percetakan buku teks sekolah, dicetak sepenuhnya oleh orang Melayu. Setelah penswastaan berlaku, pihak Dawama telah menyekat dan menafikan hak yang sepatutnya dimiliki oleh orang Melayu.

Dalam konteks ini hubungan dasar (ketetapan) tentang pengkorporatan dan penswastaan serta transformasi teknologi akan dikaji dan didalami. Hubungan ini dilihat memberi kesan kepada kemajuan dan kemunduran industri percetakan orang Melayu. Walaupun faktor pengkorporatan dan penswastaan ini dilihat antara penyebab yang mempengaruhi industri percetakan orang Melayu, namun Dasar Penswastaan Negara dan Dasar Pensyarikatan Malaysia yang telah diperkenalkan pada tahun 1983 tidak akan dikaji secara khusus.

Faktor pengkorporatan dalam kajian ini merujuk kepada keputusan kerajaan untuk mengkorporatkan Jabatan Percetakan Negara (JPN) kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB). Faktor penswastaan dalam kajian ini pula merujuk kepada keputusan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk menyerahkan Bahagian Pemasaran dan Percetakan mereka

kepada syarikat konsesi (swasta) iaitu Dawama Sdn Bhd. DBP bertindak sebagai penerbit terutama buku-buku teks Kementerian Pelajaran sejak sekian lama. Bagi percetakan buku-buku tersebut pula akan diserahkan kepada pencetak-pencetak Melayu. Setelah pengkorporatan JPN dan penswastaan, bahagian ini ditugaskan kepada Dawama Sdn Bhd, hal ini telah menghalang orang Melayu untuk mencetak dokumen-dokumen kerajaan dan buku-buku teks yang menjadi tunjang utama keuntungan dan kemajuan orang Melayu dalam industri percetakan.

Pengkorporatan dan penswastaan ini berlaku berlandaskan garis panduan yang diwartakan kerajaan dan perjanjian konsesi yang telah ditandatangani. Lantaran tiada langkah pemantauan dan penguatkuasaan yang diambil oleh kerajaan, maka pelanggaran syarat oleh PNMB dan Dawama dengan pencetak Melayu tidak berupaya dibendung. Penafian hak orang Melayu oleh kedua-dua syarikat ini dikatakan berpunca daripada segi teknologi dan peralatan percetakan yang tidak setanding dengan percetakan kaum lain. Pemilikan peralatan lama oleh pengusaha Melayu dengan keupayaan yang agak terbatas menyebabkan kedua-dua syarikat terbabit membuat pelaburan yang besar untuk membeli peralatan percetakan moden. Dengan pemilikan peralatan tersebut, kedua-dua syarikat berupaya untuk mencetak sendiri kesemua tender percetakan. Keputusan memiliki peralatan percetakan bagi tujuan untuk mencetak sendiri segala perolehan percetakan kerajaan merupakan satu pelanggaran syarat yang terkandung dalam SPP10/93 dan perjanjian konsesi kerajaan dengan syarikat Dawama. Dengan tindakan tersebut, boleh dikatakan sebanyak 75 peratus perolehan percetakan kerajaan telah dikaut oleh kedua-dua syarikat tersebut. Dengan tindakan itu, 95 peratus bilangan pengusaha Melayu merasa tergugat kerana mereka bergantung sepenuhnya kepada tawaran tender pihak kerajaan. Akibatnya, laporan keahlian PPPMM menunjukkan pengusaha percetakan Melayu di Malaysia telah menurun dari jumlah asal seramai 250 buah kepada 51

buah syarikat disebabkan perkara tersebut (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2006).

Kemunculan internet telah membawa lembaran baru kepada kerajaan untuk membangunkan pelbagai aplikasi dan sistem pemudah cara untuk digunakan dalam segala urusan. Sistem e-perolehan merupakan satu sistem yang dilaksanakan oleh kerajaan bertujuan untuk pemberitahuan, pendaftaran syarikat dan penyaluran keseluruhan perolehan kerajaan. Masalah berkaitan sistem ini kepada pengusaha percetakan Melayu ialah sistem ini tidak selari dengan arahan dan syarat yang terkandung dalam SPP10/93 bagi urusan perolehan percetakan kerajaan. Dalam SPP10/93 menyebut hanya syarikat percetakan orang Melayu dan bumiputera sahaja serta menjadi ahli PPPMM yang boleh memperoleh dan mencetak tender percetakan kerajaan. Kelemahan sistem e-perolehan ini ialah kelonggaran pendaftaran syarikat untuk mendaftar di bawah bidang percetakan boleh dilaksanakan oleh sesiapa sahaja (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2008). Akibatnya, syarikat selain pemilikan orang Melayu dan bukan ahli PPPMM boleh mendaftar, memperoleh dan mencetak tender percetakan kerajaan. Kelemahan ini secara tidak langsung menyebabkan masalah yang sedia ada dihadapi oleh orang Melayu akibat pengkorporatan dan penswastaan semakin bertambah.

Perubahan teknologi dalam industri percetakan juga merupakan antara penyebab kemerosotan industri percetakan Melayu. Teknologi percetakan kini telah berubah kepada percetakan digital yang lebih moden, mudah dan mampu mencetak dalam kualiti yang baik. Perubahan citarasa pengguna menggunakan teknologi ini disebabkan keupayaan mencetak pada kadar yang minimum dengan harga yang lebih murah. Kajian rentas yang dilakukan terhadap ahli-ahli PPPMM, hampir 100 peratus masih menggunakan teknologi konvensional yang berupaya mencetak pada skala yang besar sahaja. Romano F. (2008) menjelaskan

sebahagian besar pengguna kini lebih terarah untuk menempah cetakan pada kadar yang sedikit dengan harga yang murah. Pengusaha percetakan Melayu tidak berupaya mencetak tempahan pada kadar yang sedikit kerana teknologi yang dimiliki mereka akan mendatangkan kerugian pada pengguna dan harga yang ditawarkan jauh lebih tinggi. Menurut Cummings dan Chhita (2004) keupayaan teknologi digital ini mampu digunakan oleh pelbagai lapisan pengguna seperti pelajar, syarikat, ahli perniagaan dan ramai lagi kerana keupayaannya menghasilkan bahan bercetak pada kadar yang minimum. Kebanyakan pengguna kini tidak memerlukan jumlah cetakan yang berskala besar dan oleh yang demikian percetakan digital merupakan satu-satunya pilihan yang ada, lebih cepat dan murah.

Perkembangan sebegini telah menggugat pendapatan orang Melayu kerana teknologi konvensional tidak sesuai digunakan bagi percetakan yang berskala kecil. Bagi beralih kepada teknologi digital memerlukan satu perubahan daripada saiz perniagaan yang besar kepada kecil. Hal ini demikian kerana, untuk menjalankan perniagaan percetakan yang berteknologi moden seperti percetakan digital ini tidak memerlukan saiz atau ruang perniagaan yang besar bahkan hanya memerlukan ruang bersaiz bilik sahaja. Kaedah pemasaran bahan bercetak untuk teknologi ini juga agak terbatas kerana keupayaannya hanya mampu untuk menghasilkan beberapa produk sahaja berbanding percetakan konvensional.

Oleh itu beberapa isu dan masalah telah dikenal pasti yang menjadi punca masalah ini berlaku. Antara beberapa perkara tersebut seperti:

1. Langkah kerajaan untuk menjadikan Jabatan Percetakan Negara kepada sebuah syarikat korporat telah menyebabkan kemerosotan ekonomi dan kemajuan industri percetakan orang Melayu. Walaupun langkah

pengkorporatan dan pengoperasian JPN perlulah berpandu kepada arahan SPP10/93, tetapi pemantauan dan penguatkuasaan oleh kerajaan tidak dilaksanakan telah menyebabkan industri percetakan Melayu terus malap. Akibatnya industri percetakan orang Melayu terpaksa gulung tikar dan dilihat semakin tidak bermaya untuk bersaing dengan pengusaha percetakan bangsa lain di negara ini.

2. Keputusan kerajaan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menyerahkan (swasta) segala kerja percetakan dan pemasaran penerbitan DBP kepada syarikat swasta, iaitu Dawama Sdn Bhd telah mengakibatkan industri percetakan Melayu semakin dihimpit kesusahan. Masalah ini merupakan masalah kedua yang perlu dihadapi oleh pencetak Melayu setelah pengkorporatan JPN. Pelbagai langkah diambil oleh Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia untuk membantah dan menyekat keputusan yang dibuat oleh DBP tetapi menemui kegagalan. Pengambil alihan keseluruhan kerja percetakan dan pemasaran DBP oleh Dawama telah menyebabkan semakin banyak syarikat percetakan Melayu ditutup.
3. Kemajuan teknologi maklumat telah menyaksikan pelbagai aplikasi dan sistem dibangunkan kerajaan sebagai pemudah cara dalam segala urusan kerajaan antaranya sistem e-perolehan. Sistem ini memiliki kelemahan yang mengakibatkan pengusaha percetakan Melayu semakin tenat. Selain itu perubahan teknologi yang berlaku dalam percetakan juga menjadi penyumbang kepada kemerosotan yang dialami oleh orang Melayu.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini amat penting dijalankan kerana hingga kini masih belum ada kajian yang dijalankan ke atas pengusaha percetakan Melayu ini. Kajian ini akan menerokai pelbagai kejayaan yang pernah dicapai oleh pengusaha percetakan Melayu sehingga kecuali zaman kemundurannya.

Kajian ini dilaksanakan bagi mencapai objektif yang berikut:

1. Mengkaji punca pihak kerajaan membuat keputusan untuk mengorporatkan dan menswastakan dua agensi besarnya iaitu Jabatan Percetakan Negara dan juga Bahagian Pemasaran dan Percetakan DBP kepada sector swasta untuk diambil alih. Kedua-dua agensi merupakan agensi yang berperanan dalam keseluruhan aktiviti percetakan kerajaan.
2. Menilai kesan yang diterima pencetak-pencetak Melayu akibat perubahan ketetapan atau dasar kerajaan berkaitan dengan pengkorporatan Jabatan Percetakan Negara kepada PNMB dan penswastaan Bahagian Pemasaran dan Percetakan DBP kepada Dawama menggunakan kaedah survei.
3. Menganalisis kandungan memorandum dan surat terbitan (surat iringan tentang perbahasan sesuatu isu baharu) Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM) yang dituju khusus kepada pemimpin tertinggi dan pentadbir kerajaan. Memorandum dan surat terbitan PPPMM ini amat berkaitan dengan isu yang dihadapi oleh pengusaha percetakan Melayu.

4. Mengkaji kesan yang dihadapi oleh pencetak Melayu akibat perubahan dasar kerajaan melalui analisis beberapa dokumen penting kerajaan yang berkaitan dengan industri percetakan Melayu seperti Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 (SPP10/93), Arahan Perbendaharaan Bilangan 20 Tahun 1981 dan Peraturan Perolehan Percetakan AM
5. Mengkaji kesan kemajuan teknologi maklumat dan teknologi percetakan pada masa kini yang turut mendorong implikasi kepada pencetak Melayu. Kerajaan telah mengambil peluang membangunkan sistem dan aplikasi yang berfungsi sebagai pemudah cara dalam segala urusan perolehan kerajaan. Pembangunan sistem ini juga mempunyai kaitan dengan pemasalahan yang dihadapi oleh pencetak-pencetak Melayu. Sistem ini dibangunkan seiring dengan kemajuan teknologi maklumat yang semakin maju kini.

#### **1.4 Kaedah Penyelidikan**

Kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu kualitatif dan kuantitatif. Kedua-dua kaedah ini digunakan untuk mendapatkan sumber berkenaan dengan perkembangan dan keadaan semasa yang dihadapi oleh keseluruhan pencetak Melayu yang juga merupakan ahli PPPMM. Kaedah survei dipilih untuk dijalankan terhadap ahli-ahli PPPMM. Manakala, kaedah analisis kandungan pula adalah untuk menganalisis kandungan memorandum dan surat terbitan PPPMM.

Kajian ini juga menggunakan kaedah temubual kualitatif kerana melaluinya pengkaji dapat mengenal pasti segala pemasalahan kajian dengan lebih tepat dan terperinci. Melalui temubual pengkaji juga dapat mengetahui tentang pengalaman suka duka pengusaha

percetakan Melayu dalam mengharungi liku-liku sepanjang penglibatan mereka dalam industri ini. Kaedah ini dapat memberi gambaran dari aspek sosial, ekonomi, pendapat, pandangan, pengetahuan dan tabiat serta tindak balas terhadap isu-isu yang dihadapi. Kaedah ini dijalankan bersama beberapa individu penting yang terlibat dalam isu semasa yang dihadapi oleh pengusaha percetakan Melayu. Isu semasa yang dimaksudkan di sini merujuk kepada kejatuhan ekonomi pengusaha percetakan Melayu akibat dari perubahan dasar atau ketetapan yang dibuat kerajaan dalam penyaluran perolehan percetakan kepada orang Melayu melalui agensi-agensi yang bertanggungjawab.

Antara individu-individu yang dipilih untuk ditemubual ialah Haji Ahmad Rushdi bin Abdul Rahman bekas Pengurus Kanan Pengeluaran, Jabatan Percetakan Negara, En. Izham bin Yusuf; Pengarah Urusan Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Datuk Haji Aziz bin Deraman; bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dato' Haji Termuzi Haji Aziz; bekas Ketua Pengarah DBP, En. Ghafar bin Abdullah; Ketua Komunikasi Korporat DBP, Puan Noraini binti Jirim; Editor Kanan Penerbitan DBP, En. Lokman bin Harun; Pengarah Urusan Dawama Sdn Bhd, Dato Abdul Ghani Ngah; Timbalan Pengarah Urusan Dawama Sdn Bhd, Tan Sri Sanusi Joned bekas Presiden Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPM), Haji Nordin bekas Presiden PPPMM dan Dato Badrudin bin Bakar Presiden PPPMM sekarang. Individu-individu ini dipilih kerana mereka merupakan orang penting yang terlibat ketika orang Melayu mula bangun dan jatuh dalam industri percetakan.

Bagi memperoleh data kajian, segala maklumat dan bahan-bahan sama ada bercetak atau tidak akan dikumpulkan. Data dan maklumat terabit merangkumi beberapa siri Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) dan Arahan Perbendaharaan yang menyentuh tentang industri percetakan Melayu secara khusus turut juga dikumpul. Bagi melengkapkan maklumat

sekunder ini, segala bahan penting seperti terma dan syarat perjanjian yang terkandung dalam konsesi juga turut diperoleh untuk dikaji. Bagi membuktikan kesahihan maklumat bercetak yang diperolehi, bahan digital dari internet juga akan digunakan.

Bagi mengkaji tentang perubahan dasar kerajaan dan kesannya terhadap industri percetakan orang Melayu, kaedah tinjauan dengan keseluruhan ahli PPPMM digunakan. Selain itu, kaedah analisis kandungan terhadap memorandum dan surat terbitan PPPMM yang dituju khas kepada pemimpin tertinggi dan pentadbir kerajaan Malaysia tentang beberapa pemasalahan yang dihadapi oleh mereka turut dikaji. Justeru, analisis kandungan ini akan menyelusuri pemasalahan yang timbul daripada perubahan beberapa ketetapan yang dibuat kerajaan tentang industri percetakan Melayu. Sehingga kajian ini berjalan, PPPMM telah membangunkan sebanyak 14 siri memorandum dan 22 buah surat terbitannya. Siri-siri memorandum utama dihasilkan pada setiap dua tahun sekali bermula pada sesi pentadbiran PPPMM 1992-1994. Memorandum-memorandum ini ditujukan khas kepada Perdana Menteri serta timbalannya dan akan dibangunkan pada setiap sesi pentadbiran PPPMM baru mengambil alih. Apabila pucuk pimpinan baru PPPMM dibentuk pada setiap dua tahun sekali, maka memorandum utama yang baharu akan dirangka. Bagi surat terbitan PPPMM pula ditujukan khas kepada pentadbir-pentadbir tertinggi kerajaan yang menjaga hal ehwal kewangan, pengurusan kontrak dan segala yang berkaitan dengan urusan perolehan percetakan kerajaan. Kesemua dokumen ini dianalisis untuk menilai sejauh mana tahap keseriusan kesan yang diterima oleh pencetak-pencetak Melayu.

Untuk mencapai objektif-objektif kajian, persoalan-persoalan kajian melalui kaedah-kaedah yang terpilih perlu dibangunkan. Antara persoalan-persoalan kajian ialah:

- a) Kenapa kerajaan mengambil keputusan untuk menyerahkan kedua-dua agensinya iaitu Jabatan Percetakan Negara dan Bahagian Pemasaran dan Percetakan DBP kepada sektor swasta?
- b) Kenapa setelah penyerahan kedua-dua agensi ini kepada sektor swasta, pencetak Melayu terus terpinggir dan perniagaan mereka merosot walaupun dengan jelas disebut dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 dan perjanjian konsesi dengan jelas menyebut hak dan keistimewaan pencetak Melayu tidak akan terjejas?
- c) Kenapa tiada sebarang langkah daripada kerajaan untuk membendung perkara sebegini terus berlarutan?
- d) Bagaimana kesan penyerahan kedua-dua agensi kerajaan ini kepada sektor swasta memberi kesan kepada pencetak Melayu?
- e) Kenapa setelah penswastaan Bahagian Pemasaran dan Percetakan DBP kepada Dawama telah mengundang pelbagai isu kepada pencetak Melayu dan seterusnya merencat penerbitan DBP?
- f) Apakah punca kerajaan melaksana penggunaan system e-perolehan dalam pengurusan perolehan kerajaan?
- g) Bagaimana system ini berfungsi dalam urusan pendaftaran syarikat dan pengagihan perolehan kerajaan dalam bidang percetakan?

- h) Kenapa penggunaan sistem ini memberi kesan kepada industry percetakan melibatkan pencetak-pencetak Melayu

Kaedah survei dijalankan hanya melibatkan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu yang berdaftar dan merupakan ahli kepada Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM). Berdasarkan rekod keahlian semasa PPPMM, jumlah keahliannya sebanyak 64 buah syarikat. Borang soal selidik untuk kajian ini dibangunkan untuk meneroka pemasalahan kajian. Borang soal selidik ini mempunyai tiga bahagian utama yang perlu dijawab oleh ahli-ahli PPPMM.

Sehingga kajian ini dijalankan, bilangan ahli persatuan yang direkodkan terdiri daripada 64 buah syarikat. Taburan lokasi syarikat yang menganggotai persatuan ini meliputi pelbagai negeri dengan Kuala Lumpur dan Negeri Selangor yang paling ramai. Selain itu terdapat juga syarikat yang beroperasi di negeri-negeri lain selain Lembah Kelang seperti Terengganu, Perak, Pulau Pinang, Melaka dan Kelantan.

Oleh itu, sampel kajian ini hanya terdiri daripada 64 buah syarikat yang menganggotai PPPMM. Ahli-ahli PPPMM dipilih sebagai sampel kerana ahli-ahli PPPMM merupakan syarikat percetakan Melayu yang diberi keistimewaan oleh kerajaan untuk memperoleh dan mencetak segala urusan percetakan kerajaan. Keahlian dalam PPPMM juga turut disebut dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 (SPP10/93) yang hanya membenarkan ahli-ahli ini sahaja yang layak untuk diberikan tender percetakan kerajaan. Selain itu, ahli-ahli PPPMM juga merupakan pengusaha sebenar (real player) dalam industri percetakan kerana mempunyai pelbagai kapasiti seperti mesin cetak, pra cetak dan peralatan

selepas cetak. Keanggotaan dalam PPPMM hanya membenarkan syarikat yang memiliki segala peralatan ini sahaja untuk menganggotainya.

Di negara kita ini terdapat beberapa persatuan percetakan selain PPPMM seperti Persatuan Pencetak-pencetak Malaysia, Persatuan Percetakan Cina Malaysia dan Persatuan Percetakan Negeri Selangor. Ketiga-tiga persatuan ini dianggotai oleh kaum Cina dan India sahaja. Bagi tujuan kajian, hanya PPPMM sahaja yang dipilih kerana ahli-ahlinya merupakan 100% milikan orang Melayu. Selain kepentingan keanggotaan dalam PPPMM disebut dalam SPP10/93, pemilikan 100% ekuiti milik bangsa Melayu merupakan aspek utama bangsa ini dipilih dalam urusan perolehan percetakan kerajaan.

Bagi mengendalikan proses survei ini, pengkaji memilih untuk mengirimkan borang soal selidik melalui pos. Pada peringkat awal survei ini dijalankan, peratusan respons yang diperoleh agak rendah iaitu sekitar 18 peratus. Keadaan sebegini tidak merencatkan pengkaji untuk melakukan proses survei ini kerana menurut Wimmer dan Dominick (2006), peratusan maklum balas yang diterima melalui pos hanya dalam lingkungan 5% ke 40% sahaja. Dengan pendapat berikut, pengkaji berhasrat untuk meneruskan analisis data daripada proses survei tersebut. Bagi menyokong dapatan daripada proses survei tersebut, kaedah analisis kandungan turut digunakan bagi melengkapkan proses tinjauan yang telah dilakukan. Dalam erti kata lain, data daripada analisis kandungan menjadi penyokong kepada proses survei.

Kerlinger (2000) menjelaskan, analisis kandungan merupakan kaedah untuk mendalami dan menganalisis komunikasi secara sistematik. Kaedah ini juga mampu untuk menganalisis objektif dan kuantitatif angkubah-angkubah dalam sesuatu kajian. Selain itu, Babbie (2001) berpandangan kaedah analisis kandungan merupakan kajian tentang komunikasi

antara manusia yang direkod. Menurut beliau lagi, antara bahan-bahan yang sesuai dianalisis melalui kaedah ini adalah seperti buku, majalah, surat khabar, laman sesawang atau web, surat khabar, surat-surat rasmi, memorandum, lagu, lukisan, ucapan, emel, buletin dan pelbagai lagi.

Untuk analisis kandungan dalam kajian ini, kesemua memorandum dan surat terbitan yang dibangunkan oleh PPPMM sebagai satu badan yang dibentuk untuk menjaga hal ehwal keseluruhan pengusaha percetakan Melayu kepada pemimpin-pemimpin negara akan dikaji. Dalam kajian ini, pengkaji berjaya mendapatkan koleksi memorandum dan surat terbitan asli daripada PPPMM kepada beberapa Perdana Menteri Malaysia dan Timbalan Perdana Menteri serta pegawai-pegawai utama pentadbiran kerajaan. Sehingga kini jumlah keseluruhan memorandum yang dihasilkan oleh PPPMM adalah sebanyak 14 buah dan surat terbitan pula sebanyak 21 buah.

Siri-siri memorandum dan surat terbitan ini bermula sejak tahun 1992 lagi yang di saat hasrat kerajaan untuk menjadikan Jabatan Percetakan Negara (JPN) menjadi sebuah syarikat korporat diperbadankan. Lanjutan daripada memorandum pertama ini, pelbagai versi memorandum lain dibangunkan oleh PPPMM untuk membantah beberapa tindakan kerajaan melaksanakan pengkorporatan JPN, penswastaan Bahagian Percetakan dan Pemasaran DBP dan pelaksanaan penggunaan sistem baharu kerajaan bagi urusan pendaftaran dan penyerahan tender iaitu sistem e-perolehan. Walaupun matlamat asal memorandum dan surat terbitan ini dihasilkan adalah untuk membuat bantahan, tetapi terdapat juga maklumat-maklumat lain seperti sokongan dan cadangan yang diutarakan oleh ahli-ahli PPPMM juga terkandung di dalamnya.

Walau bagaimanapun dapatan kaedah ini tidak sama sekali mengulangi isu-isu yang dibincangkan dalam kaedah survei. Apa yang pasti dapatan melalui kaedah ini akan bersatu dan membentuk hasil yang lebih baik bagi mencapai objektif-objektif kajian.

### **1.5 Skop Kajian**

Skop kajian merupakan topik-topik perbincangan yang terdapat dalam sesuatu kajian. Lincoln dan Guba (1985) mengemukakan konsep ‘fokus kajian’ bagi menjelaskan topik awalan yang pengkaji kualitatif akan terokai. Othman Lebar (2009) menjelaskan fokus kajian akan menyediakan skop kajian awalan yang secara umum menunjukkan jenis-jenis maklumat yang perlu dikutip dalam pengumpulan data dan jenis sampel, populasi atau latar (tempat) yang akan dimasukkan ke dalam kajian.

Kajian perubahan dasar kerajaan dan kesannya terhadap industri percetakan Melayu hanya dijalankan ke atas syarikat percetakan Melayu yang menganggotai Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia sahaja. Pencetak Melayu merupakan kaum yang diberi keistimewaan untuk memiliki perolehan percetakan kerajaan. Keistimewaan yang dinikmati ini bermula dari tahun 1981 hingga 2002. Tahun 2002 merupakan tarikh kemuncak dan penting kepada pencetak Melayu keseluruhannya kerana pada tahun tersebut segala urusan percetakan bahan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang menjadi penyumbang ekonomi terbesar pencetak Melayu telah diambil alih sepenuhnya oleh pengurusan Dawama Sdn Bhd.

Kajian ini melibatkan agensi-agensi percetakan lain seperti Percetakan Nasional Malaysia Berhad dan Syarikat Percetakan Dawama Sdn Bhd. Hal ini bagi memperoleh maklumat tentang fungsi dan tanggungjawab sebenar mereka kepada pengusaha percetakan Melayu selepas pengkorporatan dan penswastaan berlaku. Pengkaji menemu bual secara

bersemuka dengan Pengarah Eksekutif PNMB, Encik Izham Yusoff; Pengarah Eksekutif Dawama Sdn Bhd, Encik Lokman Harun dan timbalannya, Dato Ghani Ngah. Temubual secara bersemuka ini perlu untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak PNMB dan Dawama tentang isu yang dikaji.

Selain individu-individu tersebut, pengkaji juga turut mengadakan sesi temu tanya dengan Datuk Haji Aziz bin Deraman dan Dato' Haji Termuzi Haji Aziz, bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), En. Ghafar bin Abdullah, Ketua Komunikasi Korporat DBP dan Puan Noraini binti Jirim, Editor Kanan Penerbitan DBP. Sesi temu tanya ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran tentang sejarah penglibatan pencetak Melayu hingga kepada keputusan DBP menyerahkan urusan pemasaran dan percetakannya kepada Dawama Sdn Bhd

Dalam kajian ini penyelidik memperoleh maklumat daripada keseluruhan pengusaha percetakan Melayu yang berdaftar dengan PPPMM. Mengikut rekod pendaftaran keahlian dalam Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, di negeri Kelantan, Perak, Melaka, Johor dan Terengganu hanya diwakili oleh sebuah syarikat sahaja berbanding negeri Kedah sebanyak 4 buah dan Pahang 2 buah syarikat dan selebihnya berada di Lembah Kelang. Syarikat-syarikat ini sebahagian besarnya merupakan ahli lama yang masih kekal dalam persatuan ini dan mempunyai pengalaman yang begitu lama dalam urusan percetakan kerajaan.

### **1.6 Susunan Bab**

Kajian ini terhasil melalui himpunan 7 bab keseluruhannya. Setiap bab dalam kajian ini akan diperjelaskan satu persatu secara terperinci.

## **Bab 1 - Pendahuluan**

Bab ini adalah himpunan segala maklumat berkaitan bidang kajian, tajuk, kaedah penyelidikan, permasalahan kajian yang akan dibincangkan, objektif kajian ini dilaksanakan dan skop kajian.

## **Bab 2 – Kerangka Teoritikal**

Bab ini membincangkan tentang teori pengeluaran produk budaya dan kerangka teori kajian ini. Selain teori-teori, bab ini juga turut membincangkan tentang kerangka model-model percetakan

## **Bab 3 – Kajian Literatur**

Bab ini mengupas kajian-kajian lepas yang berkisar tentang dasar kerajaan yang menyentuh tentang aktiviti percetakan melibatkan pencetak Melayu dan agensi-agensi kerajaan. Turut dikupas juga dalam bab ini ialah kajian-kajian lepas tentang penswastaan dan pengkorporatan. Bahagian akhir ialah kajian-kajian lepas tentang transformasi teknologi yang berlaku dalam dunia komunikasi dan percetakan itu sendiri.

## **Bab 4 – Metodologi Kajian**

Bab ini menerangkan kaedah-kaedah yang digunakan untuk penyelidikan kajian ini. Melalui bab ini pengkaji menerangkan langkah-langkah yang diambil dan diguna pakai dalam kaedah yang dipilih serta terdapat juga beberapa perbincangan lanjut tentang kaedah yang digunakan.

## **Bab 5 – Sejarah Percetakan dan Perkembangan Industri Percetakan Semasa di Malaysia**

Bab ini pula membincangkan sejarah percetakan awal di Malaysia. Selain itu melalui bab ini juga diterangkan tentang sejarah Jabatan Percetakan Negara (JPN), sejarah Dewan Bahasa dan

Pustaka, Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPMM), Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) dan Surat Pekeliling Perbendaharaan

#### **Bab 6 – Dapatan Kajian I dan II – Survei dan Analisis Kandungan**

Bab ini membincangkan dapatan kajian untuk kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini iaitu proses survei dan analisis kandungan. Hasil kajian melalui kaedah ini diterangkan dengan mendalam disertakan juga keputusan analisis kajian.

#### **Bab 7 – Kesimpulan dan Perbincangan**

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini. Bab ini menerangkan kesimpulan yang dihasilkan pengkaji melalui penggunaan kedua-dua kaedah analisis kajian iaitu proses survei dan analisis kandungan

## **BAB 2**

### **KERANGKA TEORITIKAL**

#### **2.1 Pengenalan**

Kerangka teoritikal adalah merupakan orientasi atau pendirian yang penyelidik bawa ke dalam kajiannya (Othman Lebar, 2009). Ia merupakan struktur, kerangka sokongan atau kerangka kajian (Merriam, 1998). Terdapat beberapa cara untuk mengenal pasti kerangka teoritikal. Antaranya adalah berkaitan dengan orientasi disiplin. Orientasi disiplin ini merupakan lensa untuk kita melihat dunia. Hal ini akan menentukan perkara yang menjadi perhatian dan soalan.

Kajian terhadap perubahan dasar dan kesannya terhadap industri percetakan Melayu ini menggunakan pakai teori pengeluaran produk budaya. Menurut Rudestam dan Newton (1992), kerangka teoritikal berfungsi sebagai konseptual atau pemandu arah dalam sesuatu penyelidikan bagi menjelaskan hubungan antara konsep bagi mengaitkan sesuatu perkara abstrak yang berlaku dalam keadaan yang serupa. Bagi menjelaskan pembangunan dan perubahan industri percetakan Melayu kini, hubungan konsep dasar (ketetapan); pengkorporatan dan penswastaan (merujuk kepada pengkorporatan dan penswastaan organisasi kerajaan yang berkaitan percetakan) dan transformasi teknologi digunakan bagi menjelaskan pengeluaran produk budaya.

## **2.2 Teori Pengeluaran Produk Budaya**

Menurut Azizah Hamzah (2010), industri percetakan tergolong dalam industri kandungan (content industries) bersama-sama dengan industri penerbitan multimedia, audio-visual, produksi sinematografi, hasil kraf dan reka bentuk. Industri-industri ini wujud hasil gabungan pengkaryaan, pengeluaran dan proses komersialisasi kandungan (contents) yang bercorak kebudayaan dan tidak *tangible*.

Industri percetakan merupakan salah satu bentuk perniagaan yang melibatkan pengeluaran sesuatu bahan bercetak seperti buku. Proses untuk mencetak sesuatu bahan bacaan seperti buku melibatkan banyak pihak, antaranya penulis, editor, pereka grafik, pengatur huruf, pembaca pruf, pencetak, penjilid dan penerbit. Walaupun terdapat pelbagai kaedah percetakan yang terdapat di dunia kini, ofset merupakan kaedah yang paling sesuai dan bertepatan untuk digunakan kerana keupayaan teknologi ini untuk menjimatkan kos pengeluaran dan mencetak dalam kuantiti yang banyak (Mohd Khairul Azahari, 2008).

Aktiviti percetakan menggunakan kaedah ofset merupakan kaedah yang paling popular dan banyak diperlakukan di Malaysia (Malaysia Printing & Supporting Industries Directory, 2008). Di Malaysia hanya dua kaum yang memonopoli ekonomi percetakan, iaitu Cina dan Melayu. Hal ini boleh dilihat dengan kewujudan dua buah persatuan yang mewakili dua bangsa dalam kegiatan ekonomi percetakan iaitu Persatuan Pencetak-pencetak Cina Malaysia dan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia. Kajian ini memberi tumpuan yang lebih kepada pencetak-pencetak Melayu lantaran kaum ini diberi keistimewaan daripada Kerajaan Malaysia dalam memperoleh tender-tender percetakan sama ada daripada Kerajaan

Persekutuan, Kerajaan Negeri, badan-badan berkanun mahupun syarikat-syarikat berkaitan kerajaan.

Industri percetakan seperti industri-industri lain yang beroperasi dalam lingkungan sistem perlembagaan yang besar dan melibatkan kepentingan negara. Penggubalan sesuatu dasar, undang-undang dan peraturan serta pelbagai syarat digubal bagi mengawal industri yang beroperasi. Perkara-perkara yang berkaitan dasar, undang-undang, peraturan dan syarat berkaitan percetakan di dalam negara diklasifikasikan sebagai dasar percetakan. Mus Chairil Samani (2002) menegaskan bahawa dasar, undang-undang, peraturan dan syarat membentuk spesifikasi budaya yang mempengaruhi pengeluaran produk budaya. Bailey (1990) berhujah komponen budaya dan komponen komersil adalah sama penting dalam pengeluaran produk budaya. Menurut McQuail (1993), budaya mewujudkan standardisasi atau peraturan yang perlu diikuti boleh mengekang operasi sesebuah organisasi media. Mus Chairil Samani (2002) menjelaskan dasar negara merupakan sub komponen budaya yang mempengaruhi pengeluaran produk budaya sesebuah organisasi media.

Teori pengeluaran produk budaya begitu sesuai diaplikasikan dalam kajian ini. Apabila menyentuh tentang peraturan, pencetak-pencetak Melayu yang bernaung di bawah PPPMM juga perlu mematuhi ketetapan yang telah terkandung dalam polisi kerajaan bagi mendapatkan tender percetakan kerajaan. Tender percetakan kerajaan telah diagihkan kepada dua organisasi besar kerajaan untuk disalurkan kepada pencetak Melayu iaitu JPN dan juga DBP. Seperti yang diketahui JPN sebelum pengkorporatannya telah diberi tanggungjawab oleh kerajaan untuk mengendalikan keseluruhan bahan-bahan bercetak bagi kegunaan rasmi kerajaan seperti kepala surat, memo, resit-resit, laporan tahunan dan pelbagai lagi untuk diagihkan kepada pencetak Melayu. Setelah sekian lama jabatan ini beroperasi, kerajaan telah membuat keputusan untuk

mengkorporatkan JPN kepada syarikat swasta menjadi Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) berpandukan kepada satu peraturan dikenali SPP10/93. Peraturan ini akan mengekang dan mengawal segala urusan percetakan antara pihak PNMB dan pencetak Melayu tetapi malangnya peraturan ini telah dilanggar oleh PNMB dengan tidak mengagihkan urusan percetakan kerajaan kepada pencetak Melayu bahkan mencetaknya sendiri.

Terdapat satu lagi jabatan kerajaan yang begitu penting bagi pencetak Melayu untuk memperolehi tender percetakan kerajaan yang telah lama terjalin iaitu DBP. Jabatan ini telah diberi tanggungjawab oleh kerajaan untuk melaksanakan urusan percetakan bahan bacaan umum dan buku teks sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh DBP adalah untuk menerbitkan bahan bacaan tersebut dan perlu dicetak melalui pencetak Melayu. Penswastaan Bahagian Pemasaran dan Percetakan DBP kepada sektor swasta telah menjelaskan ekonomi pencetak Melayu apabila peraturan yang terdapat dalam perjanjian konsesi telah dilanggar. Pelanggaran ini dipercayai berpunca dari penguasaan pihak swasta yang ingin menguasai urusan percetakan produk budaya iaitu buku teks KPM yang berjumlah besar.

Berpandukan kepada kedua-dua isu ini, hujah Mus Chairil Samani (2002), Bailey (1990) dan McQuail (1993) tentang pembentukan peraturan dan syarat untuk membentuk spesifikasi budaya yang mempengaruhi pengeluaran produk budaya amat penting dengan kajian ini. Pelanggaran pelbagai syarat yang telah dimeterai oleh pihak swasta tidak akan mewujudkan hubungan yang mesra seterusnya menjelaskan pengeluaran produk budaya. Pengeluaran produk budaya bernilai tinggi seperti buku teks telah menjadi punca pemasalahan yang dihadapi pencetak Melayu semakin sukar dan berlarutan.

Bagi menjelaskan dengan lebih terperinci berkaitan budaya, Williams (1998) menyatakan bahawa budaya bukan sekadar sesuatu yang bersifat unggul dan statik bahkan mengandungi nilai kesejagatan dan kekal dalam naluri kemanusiaan. Selain itu, budaya juga boleh dikelaskan sebagai barang atau satu himpunan dokumentasi yang diperoleh daripada kesarjanaan yang muncul daripada pemikiran dan pengalaman manusia melalui penulisan. Williams (1998) seterusnya berkata:

“Budaya menerangkan tentang makna dan nilai-nilai tertentu yang merangkumi tingkah laku dalam kehidupan dan juga institusi. Analisis budaya pula adalah penjelasan daripada makna dan nilai yang tersirat dan tersurat dengan cara tertentu dalam kehidupan”

Dalam erti lain Mus Chairil Samani (2002) berhujah, budaya menjelaskan makna, norma serta nilai tentang cara hidup sesebuah masyarakat. Cara hidup yang dimaksudkan merangkumi segenap aspek kehidupan manusia dalam masyarakat seperti dialek percakapan, adat, pakaian, makanan dan pelbagai lagi. Williams (1998) berhujah bahawa budaya yang dipraktikkan oleh generasi sekarang akan mewarisi budaya tersebut kepada generasi akan datang melalui penekanan, pengajaran dan ikutan. Memetik kata-kata dari Williams (1998) beliau berhujah:

“Budaya boleh menyumbang secara radikal kepada pertumbuhan kuasa dalam kehidupan manusia, masyarakat dan persekitaran”

Dalam lingkungan atau konteks inilah dasar sesebuah negara dianggap boleh mempengaruhi dan mengawal keseluruhan pengeluaran produk budaya.

Faktor dasar kerajaan dilihat boleh mengawal operasi sesebuah organisasi percetakan sesebuah negara. Proses percetakan merupakan proses pengeluaran sesuatu bahan penerbitan (bercetak) sebagai barang untuk dipasarkan kepada pengguna. Percetakan juga merupakan proses yang menggabungkan kemahiran dan kepakaran manusia dalam mengawal peralatan atau teknologi yang dipraktikkan dalam sesebuah industri percetakan (Hamidin Abdullah, 2005). Era kemajuan orang Melayu dalam perniagaan percetakan dilihat lebih menonjol sejak tahun 1980 lagi. Ini jelas terbukti apabila industri percetakan dilihat dapat meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat pada ketika itu. Kebanyakan usahawan Melayu berlumba-lumba untuk mendapatkan peralatan percetakan dan bersaing dalam memperolehi tender kerajaan terutamanya tender bagi mencetak buku teks sekolah. Dalam spesifikasi budaya, proses atau kaedah percetakan mempengaruhi pengeluaran produk budaya pada sesebuah organisasi percetakan. Untuk menzahirkan pengeluaran sesuatu bahan bercetak, maka penggunaan sesuatu teknologi perlu digunakan sebagai alat pilihan untuk sesebuah perindustrian. Merujuk kepada perspektif Jary dan Jary (1995) berkaitan dengan maksud teknologi iaitu:

“Teknologi ialah produk sosial yang menggabungkan kedua-dua perkakasan manusia seperti mesin dan peralatan serta ilmu pengetahuan dalam aktiviti pengeluaran yang berbeza.”

McQuail (1993) bersepakat dengan Jary dan Jary bahawa penggunaan teknologi amat penting untuk sesuatu proses penerbitan dan percetakan. Beliau membuat rumusan bahawa kehadiran teknologi jelas akan melahirkan standardisasi dan mengawal operasi sesebuah organisasi media seperti syarikat percetakan.

Selain dasar dan teknologi, terdapat satu lagi faktor yang turut mempengaruhi pengeluaran produk budaya, iaitu faktor organisasi (penswastaan dan pengkorporatan) yang


menjalankan perusahaan percetakan. McQuail (1993) berhujah bahawa tumpuan kepada konteks organisasi (penswastaan dan pengkorporatan) merupakan antara faktor terpenting selain dari budaya (dasar) dan teknologi yang dipertimbangkan dalam teori pengeluaran budaya bagi sesebuah organisasi media.

Faktor dasar (ketetapan), pengkorporatan dan penswastaan serta transformasi teknologi merupakan faktor yang saling berkait dan mempengaruhi pengeluaran produk budaya dalam perniagaan percetakan orang Melayu. Menyentuh tentang industri percetakan, kita tidak dapat lari daripada industri penerbitan. Industri percetakan tergolong dalam ruang lingkup industri penerbitan.

Industri percetakan pada hakikatnya tidak mampu berdiri sendiri tanpa penglibatan pihak-pihak lain seperti penerbit, organisasi dan orang perseorangan. Hal ini kerana industri percetakan merupakan sebuah industri yang lebih menawarkan perkhidmatan atau servis iaitu percetakan. Segala pendapatan dalam industri ini diperoleh daripada servis mencetak. Misalnya, proses pengeluaran produk budaya seperti penerbitan buku, pihak penulis akan menyerahkan manuskrip yang telah siap kepada editor yang bertindak sebagai penerbit, penyunting dan pelabur untuk sesebuah buku yang ingin diterbitkan. Sehubungan dengan ini, model yang dikemukakan oleh Smith (1966) dapat menggambarkan hubungan yang kompleks dalam rangka penerbitan ini, walaupun kerangka model itu lebih dekat untuk diterapkan dalam penerbitan buku (Hamed Mohd Adnan, 2001). Dalam model Smith ini, beliau menjelaskan hubungan faktor dalam penerbitan dengan pihak yang lain dan dianggap mempunyai peranan yang amat penting iaitu penerbit. Dalam hal ini, penerbit menjadi pengurus yang menggerakkan ikatan atau jaringan dengan pengarang, penterjemah, pelukis, pemodal, ejen

literari, pembekal kertas, pencetak, pengedar, penjual runcit, pembeli institusi dan pengguna individu (Hamedi Mohd Adnan, 2001).


Dalam industri penerbitan, penerbit bertindak sebagai penyelaras dalam segala aktiviti penerbitan. Pada masa yang sama, proses-proses asas atau turutan kerja juga tergambar dalam model tersebut. Walaupun model ini telah diguna pakai sejak sekian lama, namun kelemahan ketara Smith dalam merangka model ini adalah dalam memberi penjelasan tentang faktor penarik dan penolak untuk proses penerbitan yang berlaku. Pelbagai aspek lain seperti budaya, intelektual, perundangan, politik, ekonomi, sikap dan pelbagai lagi yang turut sama memberi peranan bagi menggerakkan industri penerbitan tidak terdapat dalam model itu. Faktor-faktor tersebut merupakan teras yang dominan dalam industri penerbitan di mana-mana negara pun.



Rajah 2.1: Model Smith, 1966

### 2.3 Percetakan dan Organisasi

Percetakan merupakan satu kaedah penghasilan yang melibatkan beberapa proses sebelum sesuatu produk itu terhasil. Proses percetakan melibatkan pelbagai proses bermula dengan kerja-kerja reka bentuk seperti penyusunan teks, reka letak, fotografi, warna dan pelbagai lagi bagi menghasilkan suatu rekaan awal sebelum dihantar ke proses berikutnya iaitu pracetak. Bahagian ini pula akan membuat kerja-kerja seperti pemisahan warna, penghasilan filem dan plat cetak. Setelah itu proses seterusnya akan melibatkan kerja-kerja mencetak. Setelah proses mencetak selesai, proses terakhir merupakan kerja-kerja pasca cetak. Kerja-kerja di bahagian ini melibatkan kerja penjilidan, *die-cut*, *embossing* dan pelbagai lagi. Percetakan merupakan satu industri yang melibatkan beberapa proses sebelum sesuatu produk itu dicetak. Proses-proses dalam percetakan ini dapat dilihat dengan lebih jelas melalui model proses seperti dalam Rajah 2.2.



Rajah 2.2: Model Proses Percetakan  
(Sumber: Bruno, Michael H. (1995). *Pocket Pal: A Graphic Arts Production Handbook* (16th ed.)

Percetakan merupakan sebuah industri yang berupaya untuk mencetak pelbagai jenis bahan menerusi kepelbagaian kaedah. Kaedah percetakan ini kebiasaannya dipilih bergantung kepada produk percetakan yang ingin dicetak. Hal ini kerana industri percetakan mempunyai pelbagai jenis dan kaedah percetakan seperti *offset*, *gravure*, *letterpress*, cetak saring (silk screen) dan pelbagai lagi. Setiap kaedah ini digunakan mengikut kesesuaian tertentu kerja-kerja


percetakan tersebut. Bagi industri pengeluaran produk budaya seperti buku, ofset merupakan kaedah yang terbaik dan sesuai digunakan. Senario ini disebabkan percetakan jenis ini menawarkan kos yang paling efektif dan kemampuannya untuk mencetak dalam kuantiti yang banyak. Industri percetakan Melayu keseluruhannya memiliki teknologi ofset berbanding dengan teknologi-teknologi lain (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2008). Penggunaan teknologi ofset ini merupakan kaedah yang paling sesuai digunakan untuk kerja-kerja percetakan am termasuklah percetakan buku teks.

Buku teks merupakan sumber ekonomi yang terpenting dalam industri percetakan orang Melayu. Proses percetakan buku teks sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia telah dipertanggungjawabkan kepada DBP. Pihak DBP pula perlu mengagihkan kerja-kerja tersebut kepada pengusaha percetakan Melayu secara adil dengan melaksanakan tawaran tender secara terbuka. Perkara ini jelas disebut dalam Arahan Perpendaharaan Malaysia yang memberi keistimewaan kepada golongan Melayu untuk meningkatkan tahap ekonomi mereka.

Walau bagaimanapun proses pengeluaran produk budaya seperti buku teks sebenarnya lebih kompleks. Mus Chairil Samani (2002) menjelaskan kompleksiti pengeluaran produk budaya bagi sesebuah buku teks bertambah rumit apabila keputusan organisasi luar mempengaruhi keputusan yang sudah diputuskan oleh sesebuah organisasi. Kemungkinan yang berlaku ialah campur tangan atau penglibatan luar dalam sesuatu proses penerbitan buku telah berlaku dalam konteks sosial tertentu. Menurut Altbach (1995) beliau menaruh keyakinan penuh bahawa industri penerbitan tempatan boleh menjadi penggerak dan pembangunan negara secara umumnya serta secara langsung berperanan dalam kejayaan bangsa.

Terdapat dua jenis organisasi yang menawarkan perkhidmatan percetakan iaitu organisasi awam (kerajaan) dan organisasi swasta. Kaedah ini disokong melalui perspektif Du

Gay *et al.* (1997) yang mana beliau berpendapat pengeluaran produk budaya dan perkhidmatan seumpamanya dikeluarkan oleh organisasi kerajaan dan swasta. Jelas Du Gay *et al.* segala kandungan produk yang dikeluarkan oleh agensi pengeluaran media akan dipengeruhi oleh kaedah pemilikan organisasi.



Rajah 2.3: Model Teknologi-teknologi Percetakan  
(Sumber: Bruno, Michael H. (1995). Pocket Pal: A Graphic Arts Production Handbook (16th ed.))

Mus Chairil Samani (2002) berhujah bahawa organisasi penerbitan awam seperti juga organisasi penerbitan swasta beroperasi dalam kekangan dasar, amalan dan ekonomi penerbitan yang membentuk persekitaran budaya pengeluaran. Situasi sebegini juga mempengaruhi organisasi percetakan awam (kerajaan) dan juga organisasi percetakan swasta. Namun begitu kekangan ini lebih dirasai oleh organisasi percetakan swasta kerana penglibatan

terus mereka dalam mengaut keuntungan hasil penerbitan bahan bercetak. Kekangan yang dirasai ini lebih kepada aspek pengawalan bahan bercetak seperti buku teks dan proses penerbitannya yang dikawal sepenuhnya oleh kerajaan melalui dasar-dasar yang telah diwartakan. Organisasi percetakan awam tidak merasai kekangan ini kerana organisasi ini wujud bukan berorientasikan perniagaan malah sebagai pemudah cara untuk sesuatu bahan bercetak itu diterbitkan.

Selain kekangan berkaitan dasar, terdapat kekangan lain yang mencakupi dalam organisasi percetakan swasta dan secara jelas mempengaruhi pengeluaran produk budaya melalui organisasi ini. Pengkorporatan dan penswastaan Jabatan Percetakan Negara dan Bahagian Pemasaran dan Percetakan DBP telah mengakibatkan kejatuhan dan kegagalan orang Melayu dalam perniagaan percetakan ini (Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tahun 2012/2014). Pengkorporatan Jabatan Percetakan Negara kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) pada hakikatnya akan lebih menjurus untuk membantu industri percetakan orang Melayu. Situasi yang berlaku kini adalah sebaliknya sehingga menyebabkan PNMB menjadi pesaing rapat dengan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu.

Tender-tender percetakan kerajaan yang disalurkan kepada mereka sepatutnya perlu diagih kepada pengusaha percetakan Melayu tetapi tidak dilakukan. Perkara sebaliknya pula berlaku kerana mereka mengaut tender tersebut dan terus mencetaknya. Peranan Jabatan Percetakan Negara setelah dikorporatkan hanya bertumpu kepada mencetak produk-produk cetakan keselamatan dan rahsia kerajaan yang hanya melibatkan beberapa kementerian, jabatan dan suruhanjaya sahaja. Tender percetakan yang selebihnya perlu diagihkan secara sama rata kepada pengusaha percetakan Melayu. Kini, dengan pembelian peralatan percetakan yang lebih

moden dan baharu seperti mesin cetak, pracetak dan pascacetak akan membolehkan PNMB mempunyai keupayaan untuk mencetak segala tender-tender kerajaan tanpa perlu diagih kepada pengusaha-pengusaha percetakan orang Melayu. Perkara sebegini akan menyebabkan pengusaha percetakan Melayu lebih terhimpit dengan masalah kekurangan kerja bagi menampung kos operasi syarikat yang semakin meningkat.

Umumnya, ramai yang mengetahui peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam memartabatkan bahasa Melayu. Penubuhan DBP bertujuan untuk mengembangkan Bahasa Melayu yang telah dijadikan bahasa kebangsaan sejak tahun 1956. Selain itu, peranan DBP adalah sebagai pencetak, penerbit, membantu usaha percetakan dan penerbitan buku-buku, risalah-risalah dan lain-lain bentuk persuratan dalam bahasa kebangsaan. Akibat campur tangan pihak-pihak tertentu yang tidak mahu melihat orang Melayu maju dengan cepat dalam perniagaan percetakan, terdapat usul-usul yang menginginkan Bahagian Pemasaran dan Percetakan DBP dimansuhkan dan segala urusan percetakan bahan-bahan bacaan ini diserahkan kepada syarikat konsesi swasta iaitu Dawama Sdn Bhd. Kewujudan Dawama berlaku melalui perjanjian konsesi yang telah ditandatangani. Melalui perjanjian tersebut menyatakan segala kos penerbitan dan percetakan perlu ditanggung oleh DBP dan pemegang konsesi (Dawama) tidak akan menanggung kos-kos tersebut. Dalam hal ini, kewujudan Dawama juga telah menyekat penyaluran tender percetakan DBP terutama tender percetakan buku teks kepada pengusaha percetakan Melayu. Dawama akan menyekat penyaluran tender percetakan buku teks yang berskala tinggi untuk diagihkan kepada orang Melayu (Memorandum Bantahan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia kepada Perdana Menteri 2004/2006). Perkara sebegini telah mengakibatkan perniagaan percetakan orang Melayu merosot dan jatuh sama sekali. Sebelum kewujudan Dawama segala operasi mencetak

buku dan terbitan DBP yang lain diserahkan kepada pengusaha percetakan Melayu (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2008).


Selepas penubuhan Dawama, bilangan tender percetakan yang diperoleh pengusaha percetakan Melayu semakin mengecil dan kebanyakannya tender itu merupakan tender yang tidak mampu disiapkan oleh Dawama kerana kekangan masa yang dihadapi oleh mereka (Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tahun 2004/2006). Selain itu ketidaaan sebarang tender daripada agensi terbabit dikatakan berpunca dari ketidaaan peralatan mencetak yang dimiliki oleh orang Melayu tidak setanding dengan bangsa lain (Harian Metro, 12 April 2005). Ini bermakna Dawama menyerahkan tender percetakan itu kepada pencetak lain yang bukan ahli PPPMM untuk memperoleh keuntungan yang tinggi.

Kekangan lain yang timbul kepada organisasi percetakan swasta ialah perubahan teknologi yang berlaku dalam industri percetakan dunia. Menurut Jary dan Jary (1995), beliau berhujah bahawa teknologi merupakan salah satu pemangkin kepada kemajuan organisasi penerbitan dalam pengeluaran produk budaya seperti buku. Melalui temu tanya dengan Presiden PPPMM, Dato Badrudin Abu Bakar menjelaskan, rata-rata pemilik syarikat percetakan orang Melayu masih menggunakan teknologi lama dalam aktiviti percetakan. Teknologi lama ini sepatutnya perlu digantikan dengan teknologi baru yang lebih baik dan jelas sekali mendatangkan keuntungan kepada pengguna teknologi tersebut. Disebabkan kini perniagaan percetakan orang Melayu telah jatuh, bagi memungkinkan mereka memiliki teknologi baharu ini agak kabur kerana memerlukan pelaburan yang agak tinggi.

## **2.4 Perubahan Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Industri Percetakan Melayu**

Dalam kajian perubahan dasar kerajaan dan kesannya terhadap industri percetakan Melayu, satu model dibangunkan untuk memberi penjelasan yang lebih tepat tentang pembangunan dan kemunduran orang Melayu dalam perniagaan percetakan di Malaysia. Rajah 2.4 memberi penerangan lanjut tentang pertembungan faktor luaran dalam hubungan perniagaan percetakan Melayu dengan agensi-agensi kerajaan. Dalam model ini pengkaji menggolongkan dasar kerajaan itu kepada tiga bahagian utama iaitu Pekeliling Kerajaan, Arahan Perbendaharaan dan tender-tender percetakan kerajaan. Model tersebut menunjukkan hubungan di antara pihak kerajaan dengan pengusaha percetakan Melayu yang berdaftar dengan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPMM). Dalam pengagihan tender percetakan kerajaan, pihak pengusaha percetakan Melayu perlu mematuhi syarat dan peraturan yang termaktub dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan dan Arahan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Lingkungan peraturan ini meliputi dari proses pemberian tender hingga kepada proses pembayaran kerajaan kepada pengusaha percetakan.

Dalam model ini juga terdapat satu bahagian yang dapat digolongkan sebagai pertukaran dasar kerajaan dalam melihat perlunya pengkorporatan dan penswastaan agensi-agensi kerajaan. Pengkorporatan dan penswastaan ini dilihat jelas untuk mengurangkan kebergantungan agensi tersebut dengan kerajaan. Walaupun pengkorporatan dan penswastaan ini berlaku, hubungan antara kerajaan dan agensi yang terbabit masih utuh melalui penyaluran perolehan percetakan kerajaan. Pada asasnya, hubungan pengusaha percetakan Melayu dan PPMM dengan agensi terbabit masih dalam keadaan yang baik semasa ketetapan kerajaan ini berubah. Perkara ini dapat dilihat iaitu kebanyakannya pencetak-pencetak Melayu masih lagi berurusniaga dengan baik bersama-sama agensi terbabit.



Rajah 2.4: Kerangka Teori Perubahan Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Industri Percetakan Melayu

## 2.5 Kesimpulan

Secara umumnya kerangka teori ini akan digunakan sebagai teras dalam kajian ini. Kerangka ini dibangunkan untuk menjadi landasan kepada pengkaji untuk mencapai obektif kajian melalui kaedah kajian yang dipilih. Oleh itu model kerangka ini akan membantu pengkaji menyelusuri setiap bahagian yang terlibat dalam merungkai pemasalahan kajian

## **BAB 3**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan ulasan persuratan daripada pelbagai kajian yang dijalankan dalam bidang percetakan. Pengkhususan lebih terarah kepada dasar awam kerajaan yang berkait dengan pengkorporatan dan penswastaan. Selain itu, bahagian ini juga membincangkan kemajuan teknologi percetakan dan komunikasi yang berlaku pada masa kini.

Kajian tentang percetakan di negara ini amat kurang dikaji hingga kini. Perkara ini jelas apabila tinjauan secara manual dan atas talian yang dilakukan di beberapa buah perpustakaan menunjukkan bidang yang paling banyak dikaji adalah bidang penerbitan buku dan majalah. Penerbitan buku dan majalah merupakan antara penyumbang terbesar ekonomi percetakan. Hal ini dapat dilihat dengan kebanjiran judul buku dan majalah yang diterbitkan setiap tahun di pasaran. Menjurus kepada industri percetakan yang melibatkan kaum Melayu, kajian masih terlalu kurang hingga kini. Hal ini kerana kaum ini dianggap antara kaum minoriti yang mencebur ke dalam percetakan di Malaysia. Bagi memudahkan perbincangan dalam bahagian ini, sub-sub tajuk berkaitan dengan industri percetakan akan dibentuk. Hal ini bertujuan bagi mengkategorikan semua kajian dan persuratan lain yang menjadi sumber rujukan dalam kajian ini. Antara tajuk yang dikaji ialah amalan pengkorporatan dan penswastaan yang berlaku dalam industri percetakan di Malaysia. Kedua-dua tajuk ini begitu signifikan kepada pengkajian ini. Sub-sub tajuk ini dirangka kerana dianggap sebagai persoalan utama kepada kejatuhan ekonomi industri percetakan Melayu seterusnya menjawab persoalan kajian ini. Selain itu sub

tajuk teknologi percetakan dan komunikasi turut dibincangkan kerana merupakan penyumbang kecil kepada kemerosotan perusahaan percetakan orang Melayu.

### **3.2 Dasar Kerajaan**

Industri percetakan Melayu pernah melalui zaman kegemilangan bermula tahun 1980. Kegemilangan ini berterusan selama 20 tahun lamanya (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2008). Kegemilangan orang Melayu dalam bidang percetakan disebabkan pembangunan dasar (ketetapan) yang didukung oleh Perdana Menteri ketika itu iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Hal ini bagi melihat orang Melayu terus maju dalam pelbagai bidang industri termasuklah bidang percetakan.

Dasar-dasar yang diilhamkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika itu jelas untuk meningkatkan sosio ekonomi bangsa Melayu dalam bidang perniagaan (Shahrul Izwan Naser, 2010). Dengan pengenalan beberapa dasar awam seperti Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Penswastaan Negara sekitar awal tahun 1981 telah menyaksikan industri perniagaan orang Melayu semakin berkembang maju termasuklah bidang percetakan. Perdana Menteri telah membuat ketetapan melalui Arahan Perbendaharaan dengan mengarahkan kesemua tender percetakan am kerajaan dan agensi-agensinya perlu disalurkan kepada pengusaha percetakan Melayu melalui Jabatan Percetakan Negara (JPN). Ketetapan ini tidak merangkumi tender percetakan dokumen keselamatan yang perlu dicetak sendiri oleh JPN. Keistimewaan yang dinikmati ini adalah lanjutan kepada ketetapan (dasar) yang dibangunkan kerajaan bagi membolehkan orang Melayu berkecimpung dan berjaya dalam pelbagai bidang termasuklah percetakan. Oleh itu beberapa perbincangan berkaitan dasar awam perlu dikaji kerana berkait rapat dengan kejayaan dan kejatuhan orang Melayu dalam bidang percetakan.

Dasar awam didefinisikan sebagai sebarang keputusan dan tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk melakukan sesuatu yang mempunyai objektif, matlamat dan tujuan tertentu (Mahani Zainal Abidin, 2002). Dasar awam dijadikan panduan umum dalam mengatasi sesuatu masalah dalam sesebuah negara. Dasar awam juga boleh dilihat sebagai suatu tindakan yang mempunyai tujuan tertentu oleh kerajaan untuk kepentingan rakyat, dan seterusnya keputusan itu akan mempengaruhi masyarakat (Shahrul Izwan Naser, 2010). Hal ini jelas bertepatan dengan pernyataan Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1981, beliau mengarahkan pemberian tender-tender percetakan kepada pengusaha percetakan Melayu melalui Arahan Perbendaharaan bagi melihat kaum Melayu terus maju dalam bidang ini. Bertitik-tolak daripada pelbagai tawaran percetakan kerajaan dan seluruh agensinya diperoleh daripada JPN yang bertindak sebagai agensi bertanggungjawab dalam pengagihan keseluruhan tender tersebut.

Di Malaysia, industri percetakan merupakan satu bidang yang menghasilkan pelbagai produk bacaan seperti surat khabar, buku, majalah, produk pembungkusan, produk keselamatan seperti cek, setem, kad pengenalan dan pelbagai lagi. Untuk pengoperasian, industri percetakan tidak terlepas daripada kawalan perundangan yang mengawal keseluruhan operasi percetakan terutama percetakan yang melibatkan bahan bacaan dan produk keselamatan lain. Kajian ini lebih menjurus kepada percetakan buku teks sekolah kerana produk ini paling banyak dicetak oleh pengusaha Melayu. Selain itu, isu percetakan buku teks menjadi isu terbesar yang dibincangkan dalam kajian kerana pendapatan terbesar yang dinikmati oleh pengusaha percetakan Melayu ini datangnya daripada perolehan percetakan buku teks. Mus Chairil Samani (2002) menegaskan bahawa penerbitan buku dikawal oleh

pelbagai dasar. Dasar yang dilaksanakan sama ada di peringkat kerajaan atau organisasi bukan sahaja mempengaruhi kandungan sesuatu buku malah sesuatu program penerbitan.

Proses pembentukan dasar di Malaysia adalah sama seperti negara-negara dunia ketiga lain yang secara asasnya berkisar kepada aktiviti yang berobjektif bagi meningkatkan keupayaan dan urus tadbir kerajaan yang lebih berdaya saing (Shahrul Izwan Naser, 2010). Proses ini pula terbuka kepada pandangan awam dan kumpulan berkepentingan yang memberi kesan secara langsung kepada keputusan dasar dan pentadbiran awam. Proses pembentukan dasar awam di peringkat kerajaan akan melalui sistem birokrasi sebelum dasar atau cadangan itu dibawa kepada masyarakat untuk dibahaskan dan dibincangkan (Zainal Aznam Yusof dan B. Deepak, 2008).

Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan bidang percetakan buku teks akan diuruskan sepenuhnya oleh DBP. Setelah memperoleh tanggungjawab tersebut, DBP telah menyerahkan urusan percetakan, pemasaran dan penghantaran buku teks kepada Bahagian Pemasaran dan Percetakan DBP. Melihat kemampuan bahagian ini agak terhad dari segi tenaga kerja dan kelengkapan, maka DBP melalui kerjasama antara Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM) bersetuju untuk menyerahkan perolehan percetakan buku teks tersebut kepada wakil orang Melayu tersebut. Tindakan kerajaan melalui KPM itu tidak lain dan tidak bukan adalah untuk terus menyokong industri percetakan Melayu terus maju dan mampu bersaing dengan pengusaha percetakan kaum Cina.

Shahrul Izwan Naser (2010) berhujah bahawa input dasar awam dengan boleh ubah sosial yang lain seperti kepentingan etnik dan kelas mempunyai hubungan yang rapat dan

saling berkait antara satu sama lain bagi pembangunan dasar awam di Malaysia. Kedua-dua faktor tersebut ditambah pula dengan tekanan agenda politik tidak kira dari dalaman maupun luaran telah menjadi panduan kepada pembentukan dasar awam. Secara keseluruhannya, etnik dan kelas telah menjadikan proses pembentukan dasar awam di Malaysia dilihat seakan-akan terlalu terdesak dan terburu-buru. Ini jelas dapat dilihat ketika penghujung tahun 1980 dan awal tahun 1990, keadaan politik di Malaysia disifatkan lebih bersegmen berbanding tahun-tahun sebelumnya (Mahani Zainal Abidin, 2002). Dalam industri percetakan di Malaysia hanya melibatkan dua kaum utama iaitu Melayu dan Cina. Menurut statistik pendaftaran syarikat dalam kod perniagaan berdasarkan percetakan, bilangan kaum Cina jauh lebih besar bilangannya berbanding kaum Melayu. Bagi memastikan orang Melayu terus dapat bersaing dengan orang Cina dalam perniagaan percetakan maka, kerajaan telah membuat ketetapan (dasar) kaum Melayu perlu diberikan keutamaan dalam perolehan percetakan kerajaan berbanding kaum Cina yang lebih menumpukan kepada urusan percetakan dengan syarikat-syarikat swasta lain.

Terdapat dua jenis kategori dasar awam iaitu Desakan Dasar (policy demands) yang ditakrifkan sebagai segala desakan, tuntutan atau paksaan yang dikenakan ke atas kerajaan oleh orang ramai akibat ketidak berkesanan sesuatu dasar itu. Manakala Keputusan Dasar (policy decision) pula dilihat lebih merujuk sebagai sesuatu keputusan yang dihasilkan oleh pegawai kerajaan yang memberi arahan atau kuasa dan cara tindakan dasar awam itu diambil. Ini termasuk juga tentang segala keputusan bagi mengeluarkan arahan, menggubal undang-undang, pengedaran peraturan, pentadbiran atau tafsiran kepada undang-undang (Case, 2004).

Mahani Zainal Abidin (2002) menjelaskan bahawa ahli politik dan pentadbir kerajaan memainkan peranan yang berbeza dalam peringkat pembentukan sesuatu dasar. Fungsi dan tanggungjawab ahli politik dalam pembentukan dasar awam penting sekali dalam peringkat

pertama, iaitu penentuan objektif dasar. Ahli-ahli politik akan mengambil kira pandangan dan pendapat pentadbir lain tetapi selalunya mereka mempunyai peranan yang dominan dalam penentuan objektif dasar. Industri percetakan Melayu beruntung kerana mendapat pembelaan daripada pihak kerajaan sejak awal tahun 1980 lagi. Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) ketika itu telah menyarankan pembentukan PPPMM untuk membela nasib para pengusaha percetakan Melayu. Prinsip dan matlamat PPPMM semakin bertambah baik dengan pelantikan Tan Sri Sanusi Junid sebagai presiden pertama yang juga merupakan seorang ahli politik dan seorang menteri kabinet Malaysia. Sejak pelantikan beliau, pihak kerajaan mula melihat kaum Melayu memerlukan pembelaan untuk terus maju dalam bidang perniagaan percetakan.

Mahani menambah, pandangan dan maklumat yang diterima daripada pentadbir kerajaan sama ada daripada kementerian-kementerian, kerajaan negeri, badan berkanun dan agensi kerajaan lain akan dijadikan sebagai kaedah bagi penambahbaikan kepada sistem sedia ada untuk dijadikan panduan kepada peringkat kedua pembentukan dasar awam iaitu bagi membentuk dan menilai alternatif-alternatif atau strategi untuk mencapai objektif sesuatu dasar itu. Pada peringkat kedua ini, pentadbir merupakan antara entiti yang penting dalam penentuan pilihan yang terbaik dengan memberi kebaikan dan keburukan terhadap setiap alternatif yang dipilih. Cadangan dan segala kaedah atau alternatif ini pula akan dibawa untuk dibentangkan ke peringkat politik di Parlimen untuk pertimbangan dan tindakan selanjutnya yang akan diambil. Kemasukan Tan Sri Sanusi Junid sebagai Presiden PPPMM telah berjaya meyakinkan Perdana Menteri seterusnya mengusulkan cadangan kepada Parlimen untuk proses kelulusan dan membuat ketetapan yang mana segala tender percetakan dari kerajaan pusat, negeri, badan-badan berkanun, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat milik penuh kerajaan perlu disalurkan kepada syarikat percetakan Melayu di bawah PPPMM.

Jelas Mahani lagi, kebiasaannya ahli politik akan membuat pilihan kaedah atau alternatif berpandukan maklumat, nasihat, konsultasi dan cadangan daripada pihak pentadbir. Setelah itu, baharu pilihan akan dibuat dan seterusnya akan diserahkan kembali kepada pihak pentadbir untuk proses pelaksanaan. Dalam proses penggubalan sesuatu dasar awam itu, terdapat satu bentuk hubungan birokrasi antara pentadbir dan ahli politik. Hubungan birokrasi ini merupakan satu langkah atau kaedah yang akan menjadi tindak balas kepada kecenderungan atau asas dalam penggubalan dasar awam. Apabila hubungan ini wujud, maka kaedah pelaksanaan sesuatu dasar itu akan mencakupi seluruh bahagian yang terlibat dalam pelaksanaan dasar tersebut.

Melalui pembacaan yang dilakukan terhadap proses pembangunan dan pelaksanaan dasar awam di Malaysia, pengkaji merasakan hubung kait antara pembangunan dan kejatuhan perusahaan percetakan Melayu di Malaysia cukup signifikan. Bermula dengan pembangunan dasar awam yang bertujuan untuk meningkatkan sesuatu kaum Melayu dalam sosio ekonomi hingga perubahan yang dilakukan ke atas dasar itu. Perubahan keputusan kerajaan untuk menyemak kembali ketetapan (dasar) yang telah diguna pakai sejak sekian lama itu bagi membolehkan kerajaan menambah baik dasar sedia ada.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) merupakan satu dasar awam yang dibentuk setelah negara melalui krisis perkauman 1969. DEB dilihat boleh menjadi satu dasar awam yang terbaik dan utama dalam penyelesaian masalah ekonomi negara. DEB dibangunkan untuk membasmikan kemiskinan dalam kalangan rakyat serta menyusun semula masyarakat. Menerusi strategi-strategi yang dilaksanakan, DEB menetapkan sasaran bangsa Melayu akan memperoleh 30 peratus ekonomi Malaysia menjelang 1990. DEB merupakan satu transformasi yang penting

berbanding dasar-dasar terdahulu (Barlow, 2001). Kemunculan DEB juga telah menyaksikan beberapa pengusaha percetakan Melayu berjaya meningkatkan taraf dan perniagaan mereka hingga boleh meningkatkan premis kecil-kecilan percetakan sehingga menjadi kilang percetakan (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2008). Kebangkitan mendadak kaum Melayu dalam perniagaan percetakan disebabkan perolehan bantuan dari segi tender, nasihat, kewangan dan pelbagai lagi telah menyaksikan penubuhan dan kemasukan sebagai ahli dalam PPPMM semakin meningkat kepada lebih 50 buah syarikat pada akhir tahun 1980.

Menjelang penghujung 1960, perdebatan tentang dasar pembangunan makin rancak diperkatakan. Dalam perdebatan tersebut, cadangan untuk mewujudkan dasar-dasar proBumiputera telah diutarakan dan hasilnya maka wujudlah Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama dan Kedua yang berlaku pada tahun 1965 dan 1968. Pada ketika itu, aktiviti ekonomi kerajaan lebih tertumpu kepada pembangunan luar bandar dan bergerak ke arah bantuan kepada golongan Bumiputera.

Barlow (2001) juga menegaskan bahawa beberapa agensi Bumiputera telah ditubuhkan antaranya Bank Bumiputera dan PERNAS telah ditubuhkan serta RIDA diberi nafas baru dan dinamakan MARA dengan matlamat utama untuk membantu Bumiputera dalam bidang kewangan dan industri. Tuntutan politik oleh pendukung bangsa Melayu telah membawa perasaan yang tidak selesa dan perlunya untuk membuat pilihan mengenai penyediaan sumber dan keutamaan mereka. Oleh sebab tuntutan tersebut telah membawa ketegangan kepada parti pemerintah ketika itu iaitu Parti Perikatan, maka golongan elit daripada bangsa Melayu telah didesak untuk campur tangan dalam politik pengagihan. Beberapa persoalan timbul, antaranya siapakah yang akan memperoleh manfaat dan sebanyak

mana keuntungan akan diperoleh merupakan permulaan kepada konflik dan ketegangan dalam kerajaan Perikatan. Kajian Barlow ini tidak menerangkan dengan khusus akibat daripada tindakan kerajaan dalam membantu kaum Bumiputera tersebut.

Mahani Zainal Abidin (2002) berhujah bahawa situasi tersebut telah berubah secara dramatik dengan tercetusnya krisis perkauman 1969. Krisis tersebut boleh dikatakan sebagai kemuncak kematangan yang menghasilkan inovasi. Maksud inovasi di sini adalah dengan terhasilnya satu dasar ekonomi yang dapat membantu ekonomi kaum Melayu. Antara punca krisis perkauman tersebut dilihat melalui perspektif kerajaan terhadap sifat ekonomi itu menyebabkan rakyat berbangsa Melayu yang miskin berasakan mereka tidak memperoleh apa-apa faedah daripada program yang dianjurkan kerajaan. Kaum lain pula berasakan mereka perlu bekerjasama dari segi ekonomi dengan bangsa Melayu dan hasilnya ialah terdapat usaha golongan pedagang Cina membantu bangsa Melayu dalam menjalankan usaha perniagaan. Kajian Mahani ini boleh dikatakan pelengkap kepada kenyataan yang dihujahkan oleh Barlow tentang agenda pembangunan Bumiputera yang dibangunkan kerajaan.

Sehubungan dengan itu, Dewan Perdagangan Bersama Cina dan Dewan Perdagangan Bersama Melayu telah mengadakan Lembaga Penasihat Ekonomi Sino Melayu pada September 1969. Usaha ini walaupun amat dialu-alukan oleh Kerajaan Perikatan ketika itu, namun skop dan saiznya masih terhad. Oleh hal demikian, kerajaan melihat telah sampai masanya sebuah dasar ekonomi yang baru dirangka bagi membantu bangsa Melayu. Kemuncak peristiwa di atas, sebuah persatuan, iaitu Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM) ditubuhkan yang berperanan untuk menyatupadukan dan memantau pencetak-pencetak Melayu (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2008). Persatuan

ini didaftarkan pada tahun 1975 dan mendapat sokongan serta nasihat daripada Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia (DPPMM).

Perubahan pentadbiran dan kepimpinan negara pada 1981 apabila Tun Dr Mahathir Mohamad mengambil alih jawatan selaku Perdana Menteri Malaysia yang keempat telah menyaksikan kemajuan dan pembangunan yang pesat dalam kalangan pencetak Melayu. Atas tanggungjawab sebagai selaku pemerintah negara, melalui Arahan Perbendaharaan 20/81 beliau mewajibkan semua kerja percetakan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun diberikan kepada pengusaha percetakan Melayu yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan PPPMM. Melalui sokongan padu daripada pihak kerajaan telah menyaksikan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu telah berkembang pesat sehingga kewujudan keahlian PPPMM semakin meningkat dari angka 50 buah kepada 80 buah syarikat.

Kemajuan yang dicapai oleh pengusaha-pengusaha percetakan Melayu ini amat berkait rapat dengan pembangunan dan perubahan dasar awam negara seperti contoh Arahan Perbendaharaan 20/81. Arahan Perbendaharaan ini diguna pakai sejak sekian lamanya sehingga berlaku perubahan yang menyaksikan kejatuhan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu dalam bidang ini apabila arahan ini dipindah. Kejatuhan ekonomi pengusaha-pengusaha percetakan Melayu ini dipercayai berpunca daripada perubahan Arahan Perbendaharaan sehingga menyekat perolehan percetakan beberapa produk percetakan daripada kerajaan.

Selain perubahan beberapa dasar awam yang mengakibatkan kejatuhan ekonomi pengusaha-pengusaha pencetak Melayu, pada tahun 1993 telah menyaksikan kemelesetan dan kesulitan dalam semua industri termasuklah industri percetakan. Hal ini telah mendorong kerajaan untuk memperkenalkan Dasar Penswastaan bagi mengurangkan kebergantungan

pihak-pihak tertentu dengan kerajaan (Yusof Ismail, 1993). Dasar Penswastaan ini juga telah menyebabkan penguncutan kerja-kerja percetakan yang dulu dikhaskan kepada kaum Melayu telah berkurangan kerana dasar tersebut. Penswastaan kerajaan juga telah menjelaskan pengusaha percetakan Melayu kerana agensi-agensi kerajaan sebelum ini yang menjadi payung kepada syarikat percetakan Melayu kini telah menjadi pesaing (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2008). Usahawan percetakan Melayu kini perlu bersaing dengan syarikat milik kerajaan (GLC) untuk mendapatkan tender-tender kerajaan.

### **3.3 Pengkorporatan dan Penswastaan**

Okposin (2003) menjelaskan bahawa penswastaan membawa maksud pemindahan perkhidmatan pelaburan atau kepentingan kerajaan sama ada yang sedia ada atau yang baharu untuk dikendalikan oleh sektor swasta. Konsep ini amat berlainan dengan konsep pemilikan negaraan (nationalization) yang bertujuan untuk menambahkan hak milik dan penguasaan kerajaan dalam kegiatan ekonomi (Yusof Ismail, 1993). Penswastaan boleh juga dimaksudkan sebagai pemindahan tiga komponen iaitu tugas pengurusan kerajaan, aset (dengan atau tanpa liabiliti) atau menggunakan aset dan kakitangan kepada sektor swasta. Antara kelebihan utama penswastaan adalah memupuk etika kerja yang cekap dan produktif dalam kalangan pekerja memandangkan sektor swasta sememangnya diketahui lebih cekap dan lebih bermotivasi dalam urus tadbir sesebuah organisasi. (Okposin, 2003)

Kaedah penswastaan mula mendapat perhatian apabila Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad melancarkan Dasar Persyarikatan Malaysia pada 1983 menjelaskan tentang peranan pihak swasta dalam pembangunan dan pengurusan negara.

Okposin (2003) menjelaskan bahawa dasar penswastaan diperkenalkan untuk membawa perubahan positif ke dalam organisasi, pengurusan dan meningkatkan prestasi perusahaan awam yang sebelum ini menjadi tanggungjawab kerajaan. Dasar ini jelas menunjukkan satu usaha oleh kerajaan bagi mengurangkan penglibatan langsung dalam kegiatan ekonomi seterusnya mengurangkan tahap dan skop perbelanjaan awam serta membenarkan kuasa pasaran mengawal ekonomi. Selain itu, Dasar Persyarikatan Malaysia diperkenalkan bertujuan bagi menjalinkan hubungan dan memantapkan kerjasama antara sektor awam dan swasta yang diharap dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia ke tahap yang lebih baik dan maju. Kajian perubahan dasar kerajaan dan kesannya terhadap industri percetakan Melayu hanya membincangkan isu-isu umum tentang penswastaan tetapi penekanan tidak dibincangkan dengan teliti tentang akibat selepas penswastaan itu berlaku kepada pihak swasta yang pernah terlibat dengan agensi terbabit. Walau bagaimanapun, kajian Okposin ini boleh dianggap yang terbaik dijadikan panduan tentang isu yang dikaji.

Kajian Fester (1980) tentang penswastaan ini memberi pemahaman yang lebih baik tentang isu yang dikaji. Dasar Penswastaan ini amat berkait rapat dengan perusahaan awam yang diwujudkan oleh kerajaan untuk meningkatkan ekonomi negara dan kemudahan rakyat. Fester menjelaskan bahawa perusahaan awam adalah segala kegiatan seperti perindustrian, pertanian, kewangan dan kegiatan komersil lain yang dimiliki sepenuhnya atau separa darinya oleh kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri atau agensi-agensi di bawah pentadbiran kerajaan. Penjualan berbentuk barang atau penyediaan perkhidmatan merupakan perkara-perkara yang termasuk dalam kegiatan berikut seperti penyediaan elektrik, air, pembersihan dan pembentungan, penerangan awam, kewangan dan pinjaman dan lain-lain.

Berdasarkan Fester (1980), pengkaji telah mengkategorikan dua badan besar yang terlibat sepenuhnya dalam percetakan, iaitu pertamanya ialah Jabatan Percetakan Negara sebuah jabatan yang terlibat sepenuhnya dalam urusan percetakan dan pengedaran keseluruhan bahan bercetak kerajaan. Sebuah lagi jabatan ialah DBP yang bertindak sebagai penyunting, pengedar dan pencetak keseluruhan bahan-bahan bacaan termasuklah buku teks sekolah di Malaysia. Peranan kedua-dua jabatan amat jelas dalam pengawalan dan pengeluaran perolehan percetakan kerajaan. Peranan kedua-dua jabatan tersebut bukan bertindak sebagai penjual seperti yang dimaksudkan Fester tetapi lebih kepada penyedia perkhidmatan (servis) sahaja. Kedua-dua jabatan ini bertindak sebagai pemudah cara antara pihak kerajaan dengan pencetak dalam urusan perolehan percetakan kerajaan.

Kajian Fester bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Ismail Yusof (1993). Menurut Ismail, sektor awam bukan sahaja terlibat dalam penyediaan dasar utama dan penentuan arah serta perkhidmatan malah bergiat aktif dalam bidang ekonomi. Tambah Ismail lagi perbelanjaan sektor awam telah meningkat dengan begitu ketara sekitar 28 peratus pada tahun 1975 hingga jumlah itu meningkat lagi kepada 36 peratus pada tahun 1982. Kajian tersebut menjadi pelengkap kepada kajian yang dihasilkan oleh Okposin dan Fester iaitu maklumat yang terkandung dalam kajian beliau adalah bermula dari cadangan awal dasar tersebut diperkenalkan. Tambah Ismail, beban kewangan dan pentadbiran yang ditanggung kerajaan amat berat jika dasar tersebut tidak dikuat kuasakan. Ismail juga berpendapat beban kemelesetan ekonomi kepada negara juga merupakan pendorong kepada Dasar Penswastaan ini diperkenalkan pada tahun 1983.

Berdasarkan pendapat Okposin (2003), Fester, JW (1980) dan Ismail Yusof (1993) di atas jelas menunjukkan tindakan kerajaan memindahkan tugas Jabatan Percetakan Negara

(JPN) kepada sebuah syarikat swasta (korporat) adalah bertujuan untuk membolehkan kerajaan mengurangkan beban pentadbiran dan kewangannya. Selain itu, tujuan pengkorporatan ini juga akan membolehkan kerajaan menumpukan agenda bumiputera yang lain ke arah pembangunan yang mampan. Ini seiring dengan strategi DEB yang mampu meningkatkan sosioekonomi kaum bumiputera. Pengkorporatan JPN merupakan satu agenda yang baik dihasilkan kerajaan namun tanpa pelaksanaan yang baik dan pengawalan oleh kerajaan akan menyebabkan agenda pembangunan bumiputera khususnya kepada pengusaha percetakan Melayu akan gagal dilaksana.

Penubuhan perusahaan awam di Malaysia bermula dari 1960 hingga penghujung 1970 itu, ketika Malaysia di ambang kemerdekaan dan sedang bergiat aktif untuk menjadikan negara maju dan mampu berdikari. Ismail Yusof (1993) menambah terdapat beberapa faktor penyumbang kepada penubuhan perusahaan awam di negara ini seperti faktor ketidakseimbangan sosioekonomi kaum bumiputera dengan kaum lain, faktor ketidakseimbangan ekonomi mengikut kawasan seperti di negeri utara, pantai timur, pantai barat dan juga Malaysia Timur. Selain itu, faktor pengurusan yang lebih fleksibel terhadap kemudahan asas amat diperlukan oleh rakyat seperti pengangkutan, telekomunikasi, bekalan elektrik, air dan lain-lain lagi. Kemudahan ini tidak begitu sesuai ditanggung oleh pihak swasta bagi menjaga kebaikan dan kebajikan sosial masyarakat dan oleh sebab itulah kerajaan melalui perusahaan awam dan agensi milik kerajaan (GLC) telah dipertanggungjawabkan bagi penyediaan kemudahan-kemudahan ini. Ini merupakan kaedah terbaik bagi mengelakkan prosedur yang agak ketat yang perlu dilalui dan juga membolehkan pengurusan yang lebih fleksibel dapat dibentuk.

Kajian Okposin (2003) menjelaskan bahawa kerajaan mempunyai beberapa agenda dan objektif ketika merangka Dasar Penswastaan. Segala tujuan kerajaan ke arah pembangunan dasar ini perlu difahami dan dipertimbangkan oleh semua pihak terutama agensi-agensi kerajaan. Ini kerana dasar ini mencakupi penswastaan perkhidmatan, pelaburan atau perkhidmatan agensi-agensi kerajaan ini. Jelas Okposin lagi, antara objektif dasar penswastaan ini adalah bagi meringankan bebanan kewangan kerajaan yang begitu tinggi, meningkatkan kecekapan dan produktiviti kerja seterusnya dapat meningkatkan jumlah penglibatan syarikat dalam industri, meningkatkan tahap pertumbuhan ekonomi yang mana syarikat swasta berorientasikan keuntungan akan menggunakan kos pengeluaran yang minimum bagi menghasilkan keluaran pada tahap yang maksimum. Selain itu, matlamat kerajaan dengan mewujudkan dasar ini juga adalah bagi mengurangkan saiz dan penglibatan sektor awam dalam ekonomi dan merangsang Dasar Ekonomi Baru bagi membolehkan kaum bumiputera berpeluang menyertai sektor pembuatan, pemasaran dan menambah jumlah profesional dalam bidang ekonomi yang diceburi.

Faktor penswastaan juga menjadi penyumbang kepada kemelesetan industri percetakan Melayu apabila beberapa agensi kerajaan yang suatu ketika dulu merupakan tempat bagi pengusaha-pengusaha percetakan ini memperolehi projek atau tender daripada kerajaan. Tindakan kerajaan mengkorporatkan JPN di bawah pentadbiran swasta yang baharu iaitu Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) dan penswastaan Bahagian Pemasaran dan Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kepada syarikat konsesi Dawama Sdn Bhd untuk mencetak kesemua bahan-bahan bercetak seperti dokumen-dokumen kerajaan, buku-buku teks dan rujukan telah menyebabkan industri percetakan orang Melayu telah jatuh.

Menurut Okposin (2003), kesan yang akan diterima oleh sesebuah agensi yang telah diswasta atau dikorporatkan akan lebih baik dari segi kewangan, sumber tenaga manusia, pentadbiran dan pengurusannya. Tambah Okposin kesan itu juga akan dinikmati oleh pihak-pihak yang pernah atau mempunyai kaitan dengan agensi kerajaan yang terlibat dengan pengkorporatan dan penswastaan melalui tadbir urus yang baik. Melalui kajian Okposin ini nasib yang ditimpa oleh pengusaha percetakan Melayu adalah sebaliknya. Mereka menerima nasib yang lebih teruk apabila pihak pengurusan baharu mengambil alih pentadbiran dan pengurusan jabatan yang terlibat. Kebenaran dalam kajian Okposin tentang faedah yang boleh dinikmati selepas pengkorporatan dan penswastaan berlaku boleh dinikmati melalui tadbir urus yang baik tetapi jika tidak ditadbir dengan sempurna akan menyebabkan perkara sebaliknya berlaku. Dalam kajian tersebut, beliau tidak memberi contoh syarikat terlibat yang menerima kesan atas tadbir urus yang tidak sempurna. Dengan itu pengkaji boleh mengandaikan kesan yang diterima kini oleh pengusaha percetakan Melayu kini adalah kesan daripada pengurusan agensi (selepas pengkorporatan dan penswastaan) yang tidak baik menurut daripada kajian Okposin tersebut.

Dalam amalan penswastaan yang telah dibincangkan di atas terdapat satu faktor lain yang berkait rapat dengan perniagaan percetakan orang Melayu iaitu perubahan (transformasi) teknologi yang berlaku sama ada dalam dunia komunikasi mahupun percetakan itu sendiri. Faktor ini merupakan antara perkara yang dikaji dalam kajian ini kerana menjadi penyumbang kepada isu yang dialami oleh pengusaha percetakan Melayu.

### **3.4 Transformasi Teknologi Percetakan dan Komunikasi**

Bahagian ini akan membincangkan tentang dua perkara utama yang membawa kepada kajian ke atas industri percetakan Melayu. Walaupun dua perkara ini bukanlah isu pokok yang menjadi punca ekonomi percetakan orang Melayu terjejas tetapi kesan langsung daripada transformasi ini sedikit sebanyak menyumbang kepada kejatuhan ekonomi berikut.

#### **3.4.1 Transformasi Teknologi Percetakan**

Bermula dengan inovasi pertama cetakan yang diperkenalkan oleh Johanns Guternberg di Mainz (Jerman) pada tahun 1440 telah menyaksikan perubahan teknologi berlaku dalam dunia percetakan. Dengan terciptanya percetakan *Lithography* pada tahun 1817 oleh *Alois Senefelder*, dunia telah menyaksikan pelbagai pembaharuan berlaku dalam teknologi percetakan. Struktur ciptaan beliau pada mesin cetak telah diguna pakai hingga ke hari ini. Inovasi cetakan yang berlaku serta penemuan teknik pembuatan kertas di China sekitar kurun ke-6 dan berkembangnya industri percetakan ke Eropah pada abad ke-15 telah menyebabkan satu revolusi telah berlaku dalam dunia percetakan (Shapiro, 1966).

Di Malaysia percetakan merupakan salah satu industri tertua yang bermula sejak tahun 1806 lagi (Malaysia Printing & Supporting Industries Directory, 2008). Industri percetakan tergolong antara lima industri terbesar dalam sektor perkilangan apabila saban tahun lesen dalam industri ini dikeluarkan atau diperbaharui oleh pihak berkuasa. Lantaran industri ini telah wujud sejak sekian lamanya, pelbagai produk percetakan telah berjaya dihasilkan. Secara tidak langsung, wujud persaingan dalam kalangan pengusaha ini dari segi harga, kualiti dan kepentasan masa untuk menyiapkan produk tersebut. Hal ini kerana perbezaan sesuatu

teknologi yang dimiliki oleh setiap pengusaha percetakan itu akan memainkan peranan dari segi penentuan harga, kualiti dan masa yang diperlukan bagi menyiapkan sesuatu tempahan tersebut.

Peralihan dan perubahan ekonomi negara daripada pertanian kepada perindustrian menyebabkan negara terus maju dengan program perindustrian yang berorientasikan eksport (Ismail Yusof, 1993). Banyak aktiviti perniagaan yang dijalankan lebih cenderung kepada industri pembuatan. Industri pembuatan ini melibatkan penghasilan produk melalui proses yang berteknologi tinggi. Industri percetakan juga tergolong dalam industri pembuatan penghasilan produk-produk percetakan melibatkan penggunaan jentera atau mesin percetakan. Industri percetakan dan penerbitan telah disenaraikan dalam profil inovasi di sektor pembuatan 2000-2001 berada di tempat kelima daripada senarai industri pembuatan oleh Pusat Inovasi Sains dan Teknologi Malaysia dengan kadar 52 peratus berinovasi (Malaysia Technology Research Development, Knowledge and Facilities Directory, 2004/2005).

Michael H. Bruno (2000) menjelaskan bagaimana penemuan awal teknologi percetakan pada tahun 1440 oleh Johanns Gutenberg. Teknologi percetakan dunia bermula apabila Gutenberg menemui percetakan blok di Mainz (Jerman) yang telah membawa revolusi dalam bidang percetakan hingga kini.

Untuk menghasilkan mesin cetakan blok ini beliau telah mengambil masa selama empat tahun bermula dari 1436 hingga mesin cetak ini siap sepenuhnya pada tahun 1440. Michael H. Bruno (2000) menerangkan bagaimana Gutenberg terpaksa mempelajari bagaimana hendak memindahkan teks tulisan kitab Injil dengan mencetak sebanyak 1000 helai. Beliau telah berusaha dengan gigih dengan menjalankan penyelidikan di bengkel beliau untuk

menyiapkan mesin cetak ini. Hasil kerja keras beliau telah berjaya menghasilkan mesin blok dan teknologi mencetak menggunakan mesin pemerah anggur. Mesin cetak ini lebih dikenali dengan nama *Gutenberg Press*.

Dengan adanya mesin cetak Gutenberg telah memberi ilham kepada Alois Senefelder untuk menghasilkan percetakan litografi. Percetakan litografi bermaksud percetakan menggunakan batu. Charles Shapiro (1966) menjelaskan teknik mencetak litografi adalah kaedah percetakan yang akan menyambung tradisi percetakan dunia yang dimulakan oleh Gutenberg. Senefelder melihat kaedah percetakan Gutenberg memakan masa yang agak lama dan jauh ketinggalan.

Konsep cetakan batu ini telah menyebabkan percetakan litografi semakin berkembang hingga kini sehingga pelbagai pembaharuan telah dibuat. Kini percetakan ini telah dibuat penambahbaikan hingga dikenali ofset litografi tidak lagi menggunakan batu tetapi kepingan logam sebagai medium utama untuk pemindahan imej ke kertas. Terdapat banyak lagi jenis percetakan utama yang ada di dunia, antaranya ialah percetakan *gravure*, *letterpress*, *flexography* dan *screen*. Kini percetakan ofset telah maju setapak lagi apabila kemunculan percetakan ofset digital yang berupaya menyaingi teknologi ofset tradisional dari segi cetakan dan kualiti (Wilhelm, 2006).

Terdapat terlalu banyak model percetakan digital yang telah dicipta sejak dari tahun 1991 hingga tahun 2006. Model-model percetakan digital ini mempunyai keupayaan tersendiri dari segi kualiti, saiz, keupayaan mencetak dan tempoh hayat hasil cetakan yang dihasilkan (Wilhelm, 2006). Kajian oleh Wilhelm ini merupakan satu kajian yang dijalankan pada setiap model dan jenama mesin percetakan digital yang terdapat di pasaran dunia seperti Hewlett-

Packard, EPSON, Iris Colour, Durst Lambda, Roland dan Canon. Kajian ini telah membuktikan bahawa keupayaan percetakan digital mampu menandingi percetakan ofset konvensional. Henry melalui Wilhelm Imaging Research Inc telah melakukan ujian pada setiap jenis dan model mesin percetakan digital tersebut dengan mencetak imej lukisan seni halus bagi mendapatkan keputusan.

Hasil cetak yang diperolehi juga jelas dan mampu bertahan sehingga lebih 250 tahun lamanya dengan menggunakan kaedah lapisan *ultra violet* (UV). Dengan menggunakan teknologi ini mampu menghasilkan kerja dengan cepat, efisien, murah dan tiada pencemaran. Kajian ini lebih menunjukkan tentang perbandingan mesin-mesin cetak digital yang mencetak imej-imej lukisan seni halus. Imej-imej ini dipilih kerana kebanyakan karya seni halus dihasilkan menggunakan garisan-garisan halus dan kebiasaannya teknologi lama tidak mampu mencetak imej yang terlalu halus garisannya.

Melihat kemampuan yang dimiliki oleh teknologi digital ini, kebanyakan pencetak kaum Cina menguasai perusahaan percetakan mereka menggunakan teknologi ini. Teknologi ini berupaya mencetak dengan pantas dengan kos percetakan yang rendah. Keupayaan lain teknologi digital ini ialah mampu menghasilkan produk percetakan walaupun hanya mencetak sebuah buku. Kemampuan ini tidak dimiliki oleh teknologi konvensional yang banyak dimiliki oleh pengusaha percetakan Melayu. Teknologi konvensional ini hanya sesuai digunakan untuk kerja-kerja percetakan berkuantiti tinggi sahaja (Romano, 2003).

Untuk memiliki teknologi ini memerlukan pelaburan yang agak besar. Dengan masalah yang dihadapi oleh pengusaha percetakan Melayu kini, agak sukar untuk mereka memiliki teknologi ini. Pengguna-pengguna percetakan kini tergolong daripada beberapa peringkat iaitu

golongan seperti eksekutif, pelajar dan pemilik syarikat. Dengan adanya teknologi digital ini telah memberi pilihan kepada golongan terbabit untuk mengguna servis percetakan ini.

Sebuah penulisan yang menyentuh tentang tren industri percetakan ini ditulis oleh Twyla J. Cummings dan Kalpana Chhita (2004) dari Rochester Institute of Technology. Dalam penulisan tersebut Twyla dan Kalpana berhujah, hari ini industri percetakan menuju zaman peralihan. Industri percetakan kini tidak lagi menjalankan kerja-kerja yang berlarutan dan mengambil masa yang agak lama bagi menyiapkan sesuatu tempahan. Kajian ini memberikan gambaran tentang cara untuk memenuhi permintaan pelanggan percetakan untuk produk akhir mereka. Skop memenuhi kehendak pelanggan boleh dikatakan bermula daripada operasi pengambilan dan pembungkusan (*pick-and-pack*) hingga ke penggunaan web secara antara muka (*interface*) bagi proses arahan dan pengurusan inventori (Valentino, 2004).

Menurut Cummings dan Gallagher (2003), memenuhi kehendak pelanggan boleh dikategorikan kepada tiga jenis iaitu yang pertama ialah kehendak pelanggan melalui kesusasteraan (*literature*) seperti infomasi-infomasi melalui penggunaan katalog, brosur dan helaian terbang (*flyers*). Kedua, kehendak pelanggan melalui penghasilan produk bermaksud segala penghantaran produk baik dan berkualiti seperti majalah, cakera padat, pita audio, contoh percuma, cawangan perniagaan, pembelian dan kepenggunaan. Dalam percetakan kehendak pelanggan ini merujuk para pencetak perlu memberi bahan bercetak yang berkualiti seperti poskad, buku kecil dan bahan promosi bercetak lain untuk dihantar kepada pelanggan-pelanggan yang telah dikenal pasti. Ketiga adalah kehendak pelanggan melalui elektronik seperti internet. Ini merangkumi maklumat syarikat melalui penggunaan surat pemberitahuan, brosur dan helaian terbang.

Kajian Cummings dan Gallagher ini dilihat lebih banyak menyentuh tentang keperluan dan kehendak pelanggan dalam memenuhi kehendak penghantaran maklumat dan barang dalam percetakan. Kajian ini keseluruhannya tertumpu pada negara Amerika sahaja dan tidak menyentuh langsung negara lain.

Kajian lain yang menyentuh tren industri percetakan ditulis oleh Frank J. Romano (2004). Romano menyebut antara tren yang berjaya mengubah industri percetakan keseluruhannya ialah apabila maklumat atau fail yang ingin dicetak dapat dihantar melalui perhubungan elektronik. Kemajuan bidang elektronik dan komunikasi berjaya membantu para pencetak dan pihak pengarang bekerjasama bagi penghantaran maklumat atau manuskrip yang ingin dicetak dapat disiapkan dengan pantas. Hal ini kerana sebelum penghantaran maklumat atau fail secara elektronik digunakan, agak sukar untuk pihak pengarang mengutus maklumat kepada pencetak. Terdapat beberapa faktor lain yang melambatkan proses ini seperti faktor jarak atau tempat yang agak jauh di antara pihak pengarang dan pencetak. Setelah memperolehi maklumat yang ingin dicetak, manuskrip tersebut perlu dibaca pruf secara konvensional dan jika ada berlaku apa-apa masalah manuskrip tersebut perlu dikembalikan kepada pengarang untuk dibuat pembetulan. Selepas itu baharu proses selanjutnya iaitu kerja-kerja di unit pracetak dapat dilakukan. Tetapi kini, kerja-kerja di unit pracetak dapat dilakukan dengan cepat apabila teknologi penerbitan atas meja (*desktop publishing* atau *DTP*) diperkenalkan.

Kini, DTP merupakan satu keutamaan di premis-premis percetakan bagi kerja-kerja mereka bentuk dan penyuntingan manuskrip. Kewujudan DTP menjadikan segala kerja lebih mudah kerana dibantu oleh komputer peribadi, perisian-perisian canggih dan kelengkapan imbasan. Bantuan peralatan-peralatan ini menjadikan premis percetakan bukan sekadar menjadi tempat mencetak tetapi menjadi pusat penerbitan dan rekaan atau *in-house production*

*centre*. Kajian Romano ini dilihat lebih cenderung menyentuh kemajuan yang dicapai di bahagian pracetak pengkhususan kepada bahagian rekaan dan kreatif. Kajian ini juga dihasilkan dari penglihatan Romano kepada kemajuan demi kemajuan yang dicapai dalam bidang komunikasi dan teknologi maklumat. Kemajuan ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi industri percetakan. Kajian ini juga tertumpu kepada kemajuan yang dicapai oleh Amerika sahaja.

Kewujudan teknologi percetakan digital merupakan satu jalan penyelesaian bagi pengguna-pengguna yang ingin mencetak pada kadar yang sedikit (Mohd Khairul Azahari, 2008). Sebelum kehadiran teknologi ini, pengguna agak buntu untuk mencari jalan bagaimana untuk mencetak pada kadar yang sedikit. Hal ini adalah kerana percetakan konvensional hanya dapat mencetak pada kadar yang banyak dan melibatkan kos yang amat tinggi. Kos yang tinggi ini datangnya daripada kerja-kerja yang melibatkan kerja pemisahan warna dan pembuatan filem, pembuatan plat cetak dan pembelian kertas telah mengakibatkan kos percetakan menjadi tinggi.

Selain itu, kajian Roslinda Ahmad (1998) pula cuba menghuraikan potensi ofset dari sudut pasaran dan teknologi dalam industri percetakan. Roslinda mengupas secara terperinci tentang potensi cetakan ofset untuk jangka masa lima tahun akan datang bermula dari tahun kajian beliau iaitu 1998 hingga tahun 2002. Beliau hanya memfokuskan kajian ini dalam industri percetakan di Malaysia.

Kajian ini bermula dengan penerangan tentang sejarah litografi yang lama kelamaan teknologinya menjadi begitu canggih. Pengkaji juga cuba menyampaikan motif berkaitan potensi dan masa hadapan proses cetakan ofset sama ada ia berpotensi cerah atau tidak untuk

digunakan dalam industri percetakan di Malaysia dan hasil dari kajian beliau sememangnya ofset berpotensi besar dari segi teknologi dan pasaran sehingga hari ini tidak ada proses cetakan lain yang dapat menandingi serta mengambil alih kelebihan ofset. Kenyataan beliau adalah berpandukan pada kekuuhan kedudukan beberapa syarikat ofset di seluruh Malaysia

Roslinda turut melampirkan beberapa status potensi teknologi digital *Print on Demand* yang sedang menguasai industri percetakan. Beliau menegaskan dan menetapkan bahawa percetakan ofset boleh melakukan kerja dalam masa yang singkat dan dengan kos yang rendah sebagaimana yang mampu dilakukan oleh pencetak digital.

Hakikatnya hasil kajian beliau menampakkan kebenarannya. Hal ini kerana teknologi percetakan ofset sehingga kini masih lagi menguasai dunia percetakan. Kendatipun, kesesuaian ofset bagi mencetak kerja-kerja dalam jumlah yang besar tidak boleh disaingi oleh mana-mana proses. Namun begitu, hakikat sebaliknya berlaku menunjukkan kelemahan yang terdapat pada teknologi ini jugalah membawa kepada penggunaan *Print on Demand*. PoD memungkinkan kita mencetak buku dalam jumlah yang sedikit dalam masa yang singkat. Penggunaan teknik ofset mengharuskan percetakan dalam jumlah yang besar agar kos menjadi murah namun tidak sesuai untuk percetakan dalam jumlah yang kecil. Tidak mungkin penerbit dapat menerbitkan buku hanya untuk memenuhi pesanan pembaca tanpa mengira kos yang bakal ditanggung.

Kajian Aslinda Ibrahim (1998) melihat perkembangan industri percetakan yang berubah-ubah dalam membantu melaksanakan kerja-kerja jangkamasa pendek (short run). Aslinda melihat kehadiran percetakan digital iaitu percetakan atas permintaan dalam usaha menangani masalah percetakan dan keupayaannya sehingga mampu memasuki pasaran untuk mempertingkatkan lagi industri percetakan negara.

Selain melihat kemampuan PoD dalam membantu kerja-kerja *short run*, Aslinda Ibrahim (1998) juga melihat bagaimana percetakan digital ini mampu menyaingi proses percetakan lama. Dalam kajian ini juga beliau menceritakan tentang peluang dan arah aliran PoD yang mempunyai perkembangan masa depan yang baik di samping pengaruh yang sentiasa menyakinkan dan menggalakkan dalam industri ini. Namun kajian ini terlalu praktikal hanyaannya dan perbincangan banyak berkisar tentang proses percetakan digital tersebut.

Aslinda Ibrahim (1998) banyak mengambil maklumat atau data sekunder daripada majalah Fuji Xerox dalam menerangkan pengenalan kepada PoD. Pendek kata kajian ini hanyalah satu latihan ilmiah yang mengkaji dari segi permukaan sahaja. Penghuraian di dalam kajian ini tidak melihat dan memberi gambaran yang menarik tentang cabaran serta kelemahan yang bakal dihadapi dalam penggunaan teknologi ini.

Pelbagai ramalan yang dikatakan bahawa ofset akan berkembang hingga mampu melakukan kerja-kerja percetakan digital adalah mustahil dan sememangnya tidak akan berlaku. Walau bagaimanapun yang pastinya, fungsi ofset akan kekal dalam keperluan melakukan kerja-kerja percetakan dengan jumlah yang besar dan efektif dari segi kos.

Selain pembaharuan dan kemajuan yang dicapai dalam industri percetakan, terdapat aplikasi yang cukup sinonim dengan dunia perniagaan masa kini. Aplikasi ini juga mendorong orang ramai memperoleh barang yang diinginkan melalui tempahan dan pembelian melalui atas talian sahaja tanpa perlu pergi menempah atau membeli barang di tempat barang itu dikeluarkan. Aplikasi ini merupakan pembaharuan yang berlaku dalam dunia komunikasi sekarang (Tang Mui Joo, 2009). Aplikasi itu lebih dikenali sebagai aplikasi E-Dagang.

### **3.4.2 Tranformasi Teknologi Komunikasi**

E-Dagang atau E-Commerce merupakan satu aplikasi yang merujuk kepada kaedah penjualan dan pembelian secara atas talian. E-Dagang boleh juga dikatakan sebagai alat yang membolehkan pertukaran infomasi, produk, dan servis antara syarikat dengan syarikat atau syarikat dengan pelanggan (Microsoft, 1999). Menurut Zwass (1996), e-dagang boleh disimpulkan sebagai pemilikan maklumat perniagaan, pengukuhan hubungan antara perniagaan dan mengekal hubungan perniagaan melalui medium rantaian telekomunikasi. Melalui e-dagang pihak syarikat akan memperoleh beberapa kebaikan daripada hasil penggunaannya antaranya ialah memperolehi pelanggan baru dengan lebih pantas dan berkesan, memberi ruang masa yang secukupnya kepada pengguna, menghasilkan kepelbagaian barang dan servis dengan lebih banyak, mengurus tempahan dengan lebih cepat, memperoleh bayaran melalui kaedah pembayaran dengan lebih pantas, memaklumkan kepada pelanggan dengan cepat tentang tahap inventori, status pesanan dan sebagainya dengan cepat dan memberi maklum balas kepada pelanggan dengan cepat.

E-dagang juga boleh dilihat dari perspektif-perspektif yang berbeza. Kalakota dan Whinston (1997) menterjemahkan e-dagang mengikut perspektif-perspektif berikut:

- i. Perspektif komunikasi. E-dagang boleh kategorikan seperti proses penghantaran maklumat, produk atau servis dan kaedah pembayaran secara atas talian, alat-alat elektronik lain dan telefon
- ii. Perspektif proses perniagaan. E-dagang merupakan satu aplikasi yang dibina bagi proses transaksi dan aliran proses perniagaan

- iii. Perspektif perkhidmatan. E-dagang merupakan satu kaedah atau medium yang digunakan untuk memenuhi hasrat perniagaan, pelanggan atau pengguna dan pengurusan untuk mengurangkan kos perkhidmatan dan meningkatkan kualiti produk serta kepantasan perkhidmatan penghantaran
- iv. Perspektif operasi melalui talian. E-dagang merupakan aplikasi yang menyediakan kaedah pembelian dan penjualan barang atau informasi melalui talian internet dan peralatan lain.

Satu kajian menarik menyentuh tentang penggunaan aplikasi e-dagang dalam industri percetakan komersil telah dihasilkan oleh Twyla J. Cummings dan Bernice A. LeMaire (2006). E-dagang ialah pertukaran servis yang baik di antara empat kumpulan yang besar melalui internet. Sasaran pertukaran itu berlaku di antara perniagaan dan pengguna, perniagaan dan perniagaan, intra-perniagaan dan pengguna dan pengguna (Romano, 2001).

Goldberg dan Romano (2001) menjelaskan e-dagang merupakan satu evolusi baru dalam percetakan yang mana bermula apabila pengguna menghantar tempahan fail atau maklumat secara elektronik untuk dicetak oleh penyedia percetakan. E-dagang merupakan salah satu dari sepuluh tren yang dijangka akan merubah industri percetakan dan akan dianggap sebagai kaedah baru komunikasi (Ten Trends, 2002).

Kajian Ten Trends (2002), dilihat mengutamakan penggunaan e-dagang dalam urusan penempahan percetakan di antara pengguna dan penyedia percetakan. Dalam kesibukan manusia masa kini telah membuatkan industri percetakan berupaya memperoleh pendapatan

dan juga maju ke hadapan. Kajian ini dihasilkan untuk menilai sejauh mana penggunaan e-dagang dalam industri percetakan di Amerika. Hasil kajian yang diperolehi mendapati 71 peratus responden yang terpilih menggunakan aplikasi ini dalam urusan tempahan dan servis percetakan. Manakala 39 peratus responden lagi masih memilih kaedah menempah dengan cara pergi sendiri atau terus ke syarikat percetakan. Cummings dan LeMaire (2006) juga berhujah tentang kelebihan dan kehebatan penggunaan e-dagang dalam urusan percetakan kini. Mereka berpendapat kemajuan dalam percetakan semenjak kemunculan aplikasi e-dagang telah menghasilkan pendapatan yang lumayan kepada syarikat percetakan komersil. Ini kerana melalui e-dagang perbincangan di antara kedua-dua belah pihak antara syarikat dan pengguna boleh berlaku seperti harga, masa, jumlah dan sebagainya dapat diperolehi.

Hubungkait antara aplikasi E-Dagang ini dengan kemunduran ekonomi pencetak Melayu kini setelah kerajaan bersetuju melaksanakan aplikasi ini dengan sistem perolehannya. Kewujudan sistem E-Perolehan ialah untuk mewujudkan pentadbiran secara maya antara kerajaan dengan para kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan bagi mengetahui maklumat tawaran dan pemilikan tawaran tender kerajaan termasuklah bidang percetakan. Sejak kewujudan sistem ini urusan pendaftaran dan pemilikan perolehan kerajaan menjadi lebih mudah untuk disalurkan.

## **BAB 4**

### **METODOLOGI KAJIAN**

Bab ini membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Menurut Kerlinger (1973) penggunaan kaedah perlu bersesuaian dengan objektif, perkara yang dikaji dan jenis-jenis data yang dikehendaki. Menurut Mus Chairil Samani (2002) penggunaan lebih daripada satu kaedah pengumpulan data dalam sesuatu kajian sememangnya menjadi amalan biasa kebanyakan penyelidik. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah survei, analisis kandungan dan temubual. Survei dalam kajian diuruskan melalui pos kepada ahli-ahli Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPM).

Kaedah survei dipilih dalam kajian ini kerana sifat semulajadinya sebagai satu cara untuk mendapatkan gambaran dan ruang lingkup sesuatu isu secara keseluruhan (Creswell, 2007). Analisis kandungan pula digunakan dalam kajian ini kerana kaedah ini merupakan satu cara untuk mengkaji dan merekodkan sesuatu data yang telah diterbitkan dari sumber-sumber yang pasti (Merriam, 1998). Kaedah survei dijalankan terhadap ahli-ahli PPPMM untuk mendapatkan maklumbalas mereka tentang isu kajian yang dikaji. Ahli-ahli PPPMM dipilih sebagai responden kerana mereka merupakan pihak yang menerima tekanan terhadap perubahan dasar kerajaan berkaitan aktiviti percetakan kerajaan. Oleh itu, ahli-ahli PPPMM secara rasmi seramai 64 buah syarikat perlu terlibat dalam proses survei ini.

Analisis kandungan merupakan kaedah yang digunakan untuk merekod dan menganalisis kandungan-kandungan yang terdapat dalam dua buah dokumen yang digunakan oleh PPPMM kepada pemimpin dan pentadbir kerajaan. Kedua-dua dokumen ini merupakan

inisiatif PPPMM untuk menunjukkan kekesalan, keresahan, sokongan dan bantahan terhadap beberapa langkah yang diambil kerajaan untuk pengkorporatan, penswastaan dan langkah kerajaan memperkenalkan sistem e-perolehan yang tidak sehaluan dengan SPP10/93. Langkah-langkah kerajaan ini telah mengundang kepada pemasalahan yang dihadapi oleh ahli-ahli PPPMM semakin sukar untuk penyelesaiannya.

Penggunaan kedua-dua kaedah ini kerana saling berhubung antara satu sama lain kerana berkait rapat dengan PPPMM. Kaedah survei dipilih untuk mendapat maklumbalas daripada ahli-ahli PPPMM tentang masalah yang dihadapi manakala analisis dokumen kedua-dua dokumen iaitu memorandum dan surat-surat PPPMM kepada pemimpin dan pentadbir kerajaan akan menampakkan masalah ini lebih jelas. Secara umumnya penggunaan kedua-dua kaedah ini akan membolehkan pengkaji membuat huraian tentang pemasalahan kajian dan menyokong objektif kajian ini dilaksanakan.

Penyelidikan kualitatif banyak bergantung kepada temu bual terutama temu bual secara terbuka dalam mengumpul maklumat. Marshall & Rossman (1989) mendefinisikan temu bual sebagai ‘perbualan dengan bertujuan’ (*conversation with a purpose*). Tujuan utama temu bual adalah untuk mendapatkan maklumat yang khusus. Menurut Patton (1980), pengkaji hendaklah mengetahui tentang apa yang terkandung dalam minda seseorang.

Othman Lebar (2009) berhujah temu bual perlu apabila kita tidak boleh memerhati perlakuan, perasaan atau bagaimana manusia mentafsir dunia sekeliling mereka, juga apabila kita berminat untuk mengetahui peristiwa lalu yang sukar untuk ditiru semula. Tambah Othman Lebar lagi temu bual boleh digunakan dalam kajian kes yang mengkaji hanya beberapa individu

yang terpilih ataupun boleh digunakan dalam kajian yang memerlukan pengumpulan data daripada sampelan yang besar.

Bagi kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah temu bual sebagai kaedah tambahan untuk pengumpulan data. Keputusan menggunakan kaedah ini berasaskan kepada jenis maklumat yang diperlukan dan juga berasaskan keputusan. Ini kerana temu bual merupakan kaedah terbaik untuk mendapatkan maklumat. Selain itu kaedah ini boleh dijadikan sebagai strategi keseluruhan pengumpulan data kajian atau pun boleh merupakan salah satu daripada teknik yang digunakan dalam kajian.

Pada asasnya kajian ini menggunakan pendekatan temu bual semi berstruktur kerana pendekatan ini membolehkan gabungan ciri-ciri fleksibiliti temu bual terbuka atau tidak berstruktur. Soalan-soalan melalui pendekatan ini akan dibina terlebih dulu tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah terbuka, boleh dikembangkan mengikut budi bicara pengkaji dan partisipan. Schensul et al. (1999), pendekatan temu bual berstruktur adalah yang terbaik untuk meneroka dan menjelaskan faktor-faktor dan subfaktor-subfaktor.

Untuk kajian ini pengkaji telah mengenal pasti beberapa responden yang bakal ditemu bual beserta set soalan-soalan yang telah dibangunkan bagi menjawab pemasalahan kajian. Responden-responden itu terdiri dari presiden dan bekas-bekas presiden Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM), Pengarah Urusan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB), pengurusan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan ahli-ahli PPPMM sendiri. Pemilihan responden-responden ini untuk ditemu bual adalah kerana mereka ini amat berkait rapat dengan pemasalahan kajian tentang perubahan dasar kerajaan yang melibatkan industri percetakan melayu.

Segala maklum balas dan maklumat yang diperolehi dari temu bual tersebut akan dikaji dan seterusnya dipanjangkan ke dalam kajian ini. Maklumat-maklumat ini amat penting kerana iaanya berkisarkan tentang kronologi, kesan dan masa depan industri percetakan dalam kalangan orang Melayu di Malaysia akibat dari perubahan dasar kerajaan yang melibatkan pencetak-pencetak Melayu.

Menurut laporan Malaysia Printing and Supporting Industries Directory (2014) anggaran jumlah pendapatan keseluruhan industri percetakan negara yang tidak terlibat dengan konsesi percetakan kerajaan berjumlah RM271 juta pada tahun 2014. Dari maklumat yang diperolehi, jumlah anggaran percetakan luar konsesi yang banyak dikuasai pencetak kaum Cina dijangka meningkat kepada angka yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM345 juta pada tahun 2016. Kenyataan ini disokong oleh Dato Badruddin Abu Bakar kerana menurut beliau pencetak kaum Cina lebih banyak menguasai industri percetakan luar konsesi yang nilainya jauh lebih besar berbanding nilai percetakan kerajaan. Penguasaan kaum ini dalam industri percetakan luar disumbang melalui percetakan pembungkusan kotak dan plastik, percetakan buku dan akhbar serta majalah yang menjamin pendapatan yang lebih tinggi. Menurut Dato Badruddin, kejayaan kaum ini menguasai percetakan luar konsesi kerana pengimpot bahan-bahan dan peralatan untuk percetakan seperti kertas, plastik dan mesin cetak juga dikuasai oleh kaum Cina. Pencetak-pencetak Melayu juga turut memperolehi bahan-bahan dan peralatan percetakan melalui pembekal yang sama. Perbezaan harga bahan-bahan ini antara pencetak Cina dengan Melayu amat ketara kerana pencetak dan pembekal kaum Cina berada di bawah konsortium yang akan menawarkan harga yang lebih murah kepada kaum mereka.

Oleh itu, pencetak-pencetak Melayu telah meminta intervensi kerajaan dalam urusan percetakan kerajaan untuk diserahkan kepada pencetak Melayu pada awal penglibatan kaum

ini sekitar tahun 1980. Tindakan ini dibuat kerana pencetak-pencetak Melayu melihat kerjasama antara Jabatan Percetakan Negara dan DBP boleh dilaksanakan melalui satu kerjasama yang harmoni. Ketika itu kedua-dua jabatan ini juga tidak mempunyai pencetak rasmi untuk mencetak segala perolehan percetakan kerajaan. Pencetak-pencetak Melayu telah mengambil langkah bijak dengan menubuhkan PPPMM yang bertindak sebagai badan yang mewakili kebajikan keseluruhan pencetak Melayu berdaftar dengan memberi keyakinan kepada kerajaan bahawa kaum Melayu juga boleh berjaya melalui kerjasama ini. Bertitik tolak dari kerjasama inilah pencetak Melayu telah mengharungi pelbagai kejayaan sehingga berlakunya pengkorporatan dan penswastaan ini.

Bagi proses survei ini, satu set borang soal selidik telah dibangunkan. Terdapat tiga bahagian utama dalam borang soal selidik tersebut yang perlu dijawab oleh ahli-ahli PPPMM. Bahagian pertama dan kedua dalam borang soal selidik mengandungi topik-topik perbincangan kajian tentang dasar kerajaan dalam percetakan yang berkait dengan urusan percetakan yang melibatkan pengusaha percetakan Melayu dan amalannya. Bahagian ketiga dalam borang soal selidik ini pengkaji memohon cadangan dan pandangan daripada ahli-ahli PPPMM tentang potensi perniagaan mereka akan datang dan perancangan mereka bagi menamatkan kemelut yang dihadapi sejak sekian lama. Kaedah analisis kandungan pula dilakukan terhadap dokumen memorandum dan surat-surat terbitan PPPMM kepada pemimpin dan pentadbir tertinggi kerajaan tentang isu dan pemasalahan yang dihadapi mereka. Dokumen ini diterbitkan adalah untuk menyuarakan isi hati mereka tentang pelbagai pemasalahan yang dihadapi oleh keseluruhan pengusaha percetakan Melayu yang majoriti mereka merupakan ahli PPPMM.

#### **4.1 Survei**

Reinard (2001) mendefinisikan survei sebagai satu proses memperlihatkan sesuatu isu secara keseluruhannya. Kaedah ini menggunakan satu set soalan ataupun temu tanya untuk menemui satu fenomena yang mampu menggambarkan keadaan atau situasi isu tersebut.

Survei menggunakan set borang soal selidik atau temu tanya merupakan satu kaedah yang kebiasaannya digunakan untuk mendapatkan maklumat dalam kuantiti responden yang besar. Namun begitu, Reinard juga menegaskan kaedah ini juga sesuai digunakan untuk bilangan responden yang kecil bilangannya seperti pekerja sesebuah syarikat. Dalam situasi berikut, maklum balas responden digunakan untuk mengenal pasti sentimen para pekerjanya sahaja. Bukan sekadar itu, kaedah survei ini juga boleh digunakan untuk mengenal pasti hubungan pekerja yang tersirat dalam sesebuah syarikat.

Melalui penjelasan Reinard (2001) seperti di atas, maka untuk mengkaji perubahan dasar kerajaan dan kesan yang tersirat diterima oleh keseluruhan pengusaha percetakan Melayu, sifat semulajadi survei tersebut menyokong aspek ini dalam kajian ini. Selain itu kajian ini terhad kepada pengusaha percetakan Melayu yang juga merupakan ahli-ahli PPPMM. Seperti kajian survei oleh Reinard terhadap sesebuah syarikat pengkaji mengambil pendekatan untuk mengkaji sesebuah persatuan iaitu PPPMM. Dalam erti lain, sampel kajian ini adalah kesemua ahli PPPMM.

Bagi membangunkan satu set borang soal selidik dalam kaedah survei, Reinard (2001) berpendapat beberapa langkah utama perlu diberi perhatian. Langkah pertama ialah penentuan soalan dan pembentukan arahan. Set soalan merupakan borang soal selidik yang dibangunkan

untuk kegunaan seseorang individu atau sampel kajian memberi maklum balas. Antara soalan lazim yang diutarakan adalah tentang kefahaman sesuatu termasuk sifat atau tabiat responden. Dalam kajian ini, format soalan yang digunakan terbahagi kepada tiga jenis. Format pertama ialah jenis soalan secara langsung atau tidak langsung seperti bertanya sama ada pembentukan sesuatu dasar kepada sesebuah organisasi baik atau tidak merupakan jenis soalan langsung manakala responden diminta menggambarkan kesan selepas pembentukan dasar merupakan jenis soalan tidak langsung. Format kedua ialah soalan spesifik dan soalan berbentuk umum. Soalan spesifik bertanya tentang aktiviti syarikat sebelum pengenalan dasar baru dan soalan umum pula bertanya tentang penilaian global (merujuk kepada keseluruhan aktiviti ahli PPPMM sebelum dan selepas dasar baru diperkenalkan). Format ketiga memerlukan kesemua responden menjawab mengikut tahap persetujuan tentang persoalan kajian ini dijalankan.

Bagi set soal selidik bagi kajian ini, pengkaji telah menggabungkan dan menggunakan pakai ketiga-tiga jenis format dalam set soalan yang diedarkan kepada ahli PPPMM. Untuk Bahagian I, soalan secara langsung dikemukakan berkenaan tentang pengalaman responden mendapatkan perolehan percetakan kerajaan dan jenis produk percetakan yang pernah dicetak. Soalan ini diutarakan untuk memastikan bahawa responden terlibat pernah atau tidak menghadapi isu yang dialami oleh rata-rata ahli PPPMM tentang perubahan ketetapan kerajaan dalam aktiviti percetakan. Dalam kalangan responden ini dari sumber maklumat dalaman PPPMM, terdapat segelintir ahli baharu dan mereka tidak menempuh liku-liku perniagaan percetakan seperti yang dialami oleh sekumpulan besar ahli lain.

Langkah kedua dalam proses survei ini ialah pemformatan. Reinard (2001) menjelaskan, kebanyakan jenis survei didahului dengan pendahuluan ringkas. Pendahuluan ini bermaksud tentang maklumat ringkas survei ini dijalankan, menyambut penyertaan, kepastian

kesulitan dan makluman tentang kaedah memulangkan borang soal selidik berikut. Kebiasaannya borang soal selidik yang dikirimkan disertakan bersama dengan sepucuk surat iringan tentang matlamat utama soal selidik ini dijalankan. Kebanyakan perkara utama yang terkandung dalam borang soal selidik merangkumi persoalan ataupun pernyataan untuk maklum balas responden. Kandungan terawal dalam borang soal selidik lazimnya bermula dengan soalan demografi umpamanya usia, gender, jenis pekerjaan dan latar belakang akademik. Pandangan Reinard ini berbeza dengan pendapat Babbie (1999) yang berpandangan soalan-soalan demografi sepatutnya diletakkan pada bahagian akhir di borang soal selidik bagi mengelakkan rasa bosan responden untuk menjawabnya.

Bagi proses survei dalam kajian ini, pengkaji menggunakan format umum dalam borang soal selidik. Oleh itu, format survei yang digunakan pengkaji bermula dengan sedikit pendahuluan ringkas berkaitan survei yang dijalankan, pembabitan dan kepastian kesulitan. Untuk catatan tentang kaedah memulangkan kembali borang soal selidik, pengkaji telah melampirkan sehelai kata-kata akhir bersama borang soal selidik tersebut.

Soalan-soalan seterusnya ditanya bergantung kepada pembahagian topik dengan pengelompokan soalan yang sama dalam borang soal selidik. Kebiasaannya soalan-soalan berkaitan isu yang sama digabungkan bersama. Pemilihan soalan tersebut kadang kala menimbulkan kecenderungan berat sebelah dalam persoalan ataupun pernyataan masalah kajian. Lazimnya kepanjangan borang soal selidik juga berbeza-beza. Menurut Czaja dan Blair (1996) menjelaskan, untuk sesebuah borang soal selidik yang dibangunkan oleh penyelidik, instrumen kajian dihadkan antara enam hingga lapan muka surat; penyediaan prakod untuk setiap kategori yang perlu dijawab dan seterusnya penyediaan ruang antara setiap soalan agar jawapan yang dibulatkan tidak akan bertindih antara satu sama lain.

Langkah ketiga dalam proses penghasilan borang soal selidik ini ialah penentuan sampel subjek. Dalam penghasilan kajian tentang perubahan dasar kerajaan ke atas aktiviti dan perolehan percetakan kerajaan hanya melibatkan satu kaum sahaja iaitu Melayu. Untuk memastikan kaum Melayu yang mengusahakan perniagaan percetakan ini terbela dan kebajikan mereka juga terjaga, satu persatuan telah berjaya dibentuk iaitu Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM). Kerajaan juga telah menetapkan melalui ketetapan (dasar) yang telah termaktub menyebut hanya kaum Melayu dan menjadi ahli PPPMM sahaja yang akan ditawarkan perolehan percetakan dari semua kementerian dan agensi kerajaan.

Di negara kita ini terdapat beberapa persatuan percetakan selain PPPMM seperti Persatuan Pencetak-pencetak Malaysia, Persatuan Percetakan Cina Malaysia dan Persatuan Percetakan Negeri Selangor. Untuk kajian ini dijalankan, hanya PPPMM sahaja yang dipilih kerana ahli-ahlinya merupakan 100% milikan orang Melayu. Selain kepentingan keanggotaan dalam PPPMM disebut dalam SPP10/93, pemilikan 100% ekuiti milik bangsa Melayu merupakan aspek utama bangsa ini dipilih dalam urusan perolehan percetakan kerajaan.

Sehingga tahun 2014, sebanyak 64 buah syarikat percetakan Melayu telah mendaftar keahliannya sebagai ahli PPPMM. Taburan lokasi syarikat yang menganggotai persatuan ini meliputi pelbagai negeri di mana Kuala Lumpur dan Negeri Selangor yang paling ramai mendominasi pendaftaran keahlian. Selain itu terdapat juga syarikat yang beroperasi di negeri-negeri lain selain Lembah Kelang seperti Terengganu, Perak, Pulau Pinang, Melaka dan Kelantan.

Kaum Melayu yang terlibat dalam perniagaan percetakan dan merupakan ahli PPPMM telah terpilih sebagai pembekal induk dan utama segala perolehan kerajaan dan agensi-agensinya. Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia dipilih sebagai sampel kajian ini kerana objektif persatuan tersebut memberi makna yang agak serupa dengan tajuk serta objektif kajian ini. Oleh sebab bilangan keahlian dalam PPPMM tidak begitu tinggi, maka seluruh ahli-ahli PPPMM akan diambil sebagai sampel kajian. Selain itu, maklumat yang diperolehi daripada pihak PPPMM, bilangan keahlian yang masih tinggal itu merupakan bilangan ahli yang masih setia dan meneruskan perniagaan percetakan ini. Sebelum itu, bilangan keahlian dalam PPPMM pernah mencatatkan bilangan keahlian yang begitu tinggi sehingga mencecah 250 buah syarikat. Selain itu, untuk mendaftar keahlian sebagai ahli PPPMM, sesebuah syarikat itu perlu mendaftar perniagaan mereka berdasarkan percetakan dan memiliki segala peralatan percetakan. Persatuan ini tidak menerima sama sekali syarikat yang mendaftar sebagai syarikat percetakan tanpa memiliki keseluruhan peralatan percetakan seperti memiliki beberapa buah mesin cetak dua warna dan ke atas, mesin pemotong kertas, mesin penghasilan filem dan plat cetak dan permis yang sah berdaftar.

Penetapan dan kaedah pendaftaran dalam PPPMM yang begitu ketat menyebabkan sejumlah besar syarikat yang berdaftar sebagai syarikat percetakan tidak berjaya mendaftar sebagai ahli PPPMM. Dengan ketetapan tersebut, syarikat-syarikat percetakan yang bukan merupakan ahli PPPMM walaupun berstatus bumiputera tidak boleh diberikan kontrak atau perolehan percetakan kerajaan. Walaupun menurut rekod keahlian PPPMM terdapat beberapa pendaftaran baru dicatatkan, pengkaji mengambil keputusan untuk melaksanakan proses survei pada keseluruhan ahli sama ada baru atau lama. Oleh itu, proses survei ini hanya dijalankan pada ahli-ahli PPPMM sahaja dan tidak sama sekali pada pemilik syarikat percetakan Melayu yang tidak menjadi ahli PPPMM.

Langkah keempat dalam proses survei ini ialah pengurusan soalan. Pelbagai kaedah boleh digunakan untuk proses survei ini sama ada melalui pos, emel dan faks. Survei juga boleh dilaksanakan di bilik mesyuarat atau bilik kelas. Seseorang pengkaji kebiasaannya menghadapi keadaan berat sebelah apabila sampel kajian tidak memberi maklum balas seperti yang diharapkan. Wimmer dan Dominick (2006) mencadangkan survei yang diuruskan melalui pos memerlukan maklum balas sekitar 40 peratus pulangan semula daripada sampel kajian yang telah ditetapkan.

Untuk proses survei ini, pengkaji telah melaksanakan pengurusan soal selidik terawal melalui pos kepada 64 buah syarikat yang juga merupakan ahli PPPMM. Survei melalui pos dipilih berpandukan kepada kelebihan-kelebihan yang dinyatakan oleh Wimmer dan Dominick (2006). Menurut mereka antara kelebihan kaedah survei melalui pos ini ialah liputan geografi yang besar dengan kos penyelidikan yang amat berpatutan; segmen responden yang spesifik kerana ketepatan sasaran. Selain itu pengurusan melalui pos juga boleh membekalkan dan lebih menjamin kebocoran maklumat sulit. Responden lebih yakin menjawab soalan-soalan yang sensitif dan soalan-soalan boleh dijawab sama ada di rumah ataupun di tempat kerja responden. Antara kelebihan lain survei melalui pos ini menurut Wimmer dan Dominick (2006) adalah dapat mengelakkan kecenderungan berat sebelah kerana responden tidak bersemuka dengan pengkaji ketika menjawab soalan survei.

Langkah kelima dalam proses survei ini ialah analisis dan mentafsir data. Survei merupakan satu proses untuk mendapatkan maklum balas berkaitan perhubungan. Kebiasaannya pengkaji menggunakan aplikasi statistik untuk menganalisis data. Analisis data dibuat untuk menjawab kepada pemasalahan sesuatu kajian. Oleh itu, pengkaji juga akan menggunakan aplikasi statistikal untuk menganalisis kesemua data yang diperolehi daripada

responden melalui proses tinjauan untuk dikemukakan sebagai jawapan kepada objektif dan pemasalahan dalam kajian ini.

Kaedah survei dipilih sebagai metodologi kajian ini berpandukan kepada perwatakan kaedah itu sendiri. Kaedah ini merupakan sejenis kaedah yang berbentuk deskriptif. Sifat kaedah itu sendiri boleh menggambarkan populasi kajian dari aspek peranan sosial serta ekonomi, pengetahuan, pendapat dan tindak balas terhadap keadaan tertentu. Kaedah survei begitu banyak digunakan untuk penyelidikan yang mempunyai seseorang individu sebagai unit untuk dianalisis. Antara unit lain yang boleh juga digunakan ialah kumpulan ataupun interaksi. Oleh itu, kesemua jenis unit tersebut merupakan responden kepada proses survei ini.

Menurut Babbie (2001), proses survei merupakan kaedah atau metod yang paling baik dan sesuai digunakan penyelidik yang berminat untuk mengumpul data tentang gambaran satu populasi yang besar. Sampel tertentu daripada satu populasi yang besar bagaimanapun boleh diambil untuk menggambarkan populasi yang besar tersebut. Babbie juga berpendapat kesemua soalan dalam survei yang disediakan dan dibentuk pula akan membekalkan berkaitan kesemua responden.

Babbie (2001) juga turut mengiktiraf kaedah tinjauan sebagai kaedah terbaik dan paling sesuai untuk mengukur tabiat serta sikap dan orientasi satu populasi yang besar. Selain itu, kaedah ini juga sesuai digunakan untuk pengendalian satu survei pendapat dan pandangan ramai. Menurut Wimmer dan Dominick (2006), survei yang berbentuk analitikal kebiasaannya dapat menggambar dan menerangkan sebab sesuatu keadaan terwujud. Selain itu, proses survei juga memiliki kelebihan lain antaranya kaedah ini boleh digunakan untuk menyiasat realiti permasalahan. Dari segi kewangan penyelidikan, kos untuk kaedah ini begitu berpatutan

berbanding dengan perolehan maklumat yang diperolehi agak tinggi. Kebiasaannya data yang berjaya dikumpul melalui kaedah survei ini dianalisis melalui statistik.

Berdasarkan pendapat di atas, pengkaji cuba mengumpul kesan dan sikap ahli-ahli PPPMM terhadap beberapa ketetapan (dasar) kerajaan yang berubah dalam mengawal aktiviti perolehan percetakan kerajaan kepada pengusaha percetakan Melayu. Justeru, kaedah survei digunakan untuk meninjau pandangan dan pendapat ahli-ahli PPPMM tentang isu dan pemasalahan yang berlaku dalam urusan dan perolehan percetakan kerajaan yang telah berubah dan tidak lagi berpihak kepada mereka. Lantaran kaedah survei ini tidak menghadkan lingkungan geografi dalam kajian, pengkaji melakukan survei terhadap semua ahli PPPMM di seluruh negara.

Proses survei dalam kajian ini berkisar antara persoalan-persoalan yang cuba mencapai objektif kajian. Oleh itu, kandungan yang terdapat dalam soal selidik dihubungkaitkan dengan isu-isu berikut:

- i. Urusan percetakan antara pengusaha percetakan Melayu dengan Jabatan Percetakan Negara (JPN)
- ii. Kaedah pemberian tender percetakan kepada pengusaha Melayu ketika berada di bawah JPN
- iii. Urusan percetakan ketika di bawah pentadbiran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- iv. Menilai keakraban hubungan antara pengusaha percetakan Melayu dengan DBP

- v. Kesan yang dihadapi oleh pengusaha percetakan Melayu setelah pengkorporatan dan penswastaan kedua-dua agensi kerajaan
- vi. Peranan kedua-dua agensi terbabit kepada pengusaha percetakan Melayu setelah pengkorporatan dan penswastaan berlaku
- vii. Penggunaan sistem e-perolehan kerajaan dalam urusan pengagihan perolehan percetakan kerajaan pada orang Melayu
- viii. Impak yang dihadapi oleh orang Melayu setelah kehadiran teknologi baru dalam industri percetakan

Soal selidik ini telah dikendalikan melalui pos mulai 10 Januari 2013 sehingga 15 Mac 2013. Sebulan selepas borang soal selidik untuk kajian ini dikirim, iaitu 10 Januari 2013, pengkaji mengirim surat peringatan kepada ahli-ahli PPPMM yang terdiri daripada 64 buah syarikat (responden) dalam kajian ini. Namun demikian, sambutan daripada 64 responden tersebut sangat tidak memuaskan, iaitu terdapat hanya 14 responden sahaja yang diterima balik. Berdasarkan kepada Wimmer dan Dominick (2006) dalam penyelidikan, kebiasaannya maklum balas yang diterima untuk sesuatu survei melalui pos peratusnya adalah sangat rendah. Secara lazimnya peratusan maklum balas melalui kaedah tersebut adalah dalam lingkungan 5 peratus hingga 40 peratus sahaja.

Lantaran itu, pengkaji terpaksa mengambil pendekatan lain untuk mendorong tindak balas responden tersebut. Bahkan, pengkaji mula membuat panggilan telefon sebagai susulan kedua kepada 64 responden tersebut. Setelah panggilan dibuat, pengkaji mendapati bahawa

sebenarnya ramai ahli PPPMM telah menerima borang soal selidik yang dikirim pada 10 Januari 2013. Mereka ini juga ada menerima surat peringatan daripada pengkaji untuk memberi maklum balas pada borang soal selidik yang telah dikirim pada awalnya. Setelah menghubungi responden-responden tersebut, mereka memberi jaminan untuk bekerjasama memberi maklum balas pada borang soal selidik tersebut secepat mungkin.

Walaupun telah memberi jaminan untuk membalias pada kadar segera borang soal selidik tersebut, pengkaji mendapati sambutan yang diterima juga amat mendukacitakan. Pengkaji hanya berjaya memperoleh sebanyak lima responden sahaja. Oleh itu, pengkaji mula mengatur langkah lain dengan menghadiri Menyuarat Agung Tahunan 2012-2013, Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia yang berlangsung di Auditorium Kompleks Kumpulan Karangkraf sdn Bhd, Lot 2, Jalan Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, Shah Alam, Selangor pada 2 Mac 2013. Hubungan yang rapat dengan Presiden PPPMM iaitu Dato Badrudin bin Bakar dan Ahli Jawatankuasa PPPMM, pengkaji telah diundang menghadiri mesyuarat terbabit.

Dengan undangan tersebut, pengkaji memiliki ruang yang tepat untuk memohon responden-responden memberi maklum balas segera borang soal selidik tersebut. Pengkaji telah diberi ruang oleh Presiden PPPMM untuk berucap dan menyampaikan hasrat tentang borang soal selidik berikut. Selain itu, Presiden PPPMM juga berseru kepada seluruh ahli PPPMM untuk memberi kerjasama kepada pengkaji kerana ini merupakan kali pertama seorang pengkaji yang membuat kajian tentang pencetak Melayu di Malaysia. Pengkaji telah diminta untuk menghantar kembali borang soal selidik tersebut melalui atas talian kepada ahli-ahli PPPMM. Pengkaji telah mengambil masa selama dua hari bagi tujuan penghantaran kembali borang soal selidik kepada seluruh ahli-ahli PPPMM.

Dengan seruan tersebut, pengkaji berjaya mendapatkan kembali sebahagian besar borang kaji selidik yang telah dihantar melalui atas talian iaitu 59 responden. Bukan sekadar mendapatkan kembali borang soal selidik bahkan pengkaji mendapat pelbagai maklumat tambahan dari komunikasi secara emel dan telefon bimbit antara ahli-ahli PPPMM. Memandangkan maklum balas yang diperolehi telah mencecah lingkungan peratusan 92.2% selepas 15 Mac 2013, pengkaji membataskan penerimaan maklum balas selepas tarikh tersebut. Dalam erti lain, sebarang maklum balas selepas 15 Mac 2013 tidak diambil kira dalam kajian ini.

Melalui perolehan semula borang soal selidik berikut, pengkaji meneruskan tugas dengan menganalisis kesemua data yang telah diperolehi. Kesemua data dianalisis dan seterusnya dijelaskan dalam bentuk statistik.

#### **4.1.1 Analisis Soalan Terbuka**

Untuk menganalisis soalan terbuka, pengkaji akan menggunakan kata kunci dalam setiap jawapan responden. Kata kunci tersebut terdiri daripada modal, kejayaan, peluang, masa depan dan kegagalan. Daripada jawapan responden pengkaji dapat mengetahui masa depan dan peluang yang boleh dinikmati oleh pencetak Melayu serta cadangan yang dikemukakan oleh responden.

#### **4.2 Analisis Kandungan**

Kaedah analisis kandungan boleh ditafsirkan dalam beberapa pengertian. Walaupun mempunyai pelbagai definisi, tetapi kefahamannya tidak berbeza terlalu jauh. Menurut Walizer dan Wienir (1978), kaedah analisis kandungan sebagai satu prosedur yang sistematik yang digunakan untuk memeriksa kandungan sesuatu maklumat yang telah direkod. Krippendorf

(1980) menjelaskan kaedah ini sebagai satu teknik penyelidikan untuk membuat rujukan terhadap data yang terhasil daripada sesuatu pendapat atau konteks.

Bagi memahami dengan lebih jelas tentang kaedah analisis kandungan ini, pendapat Kerlinger (2000) boleh dianggap sebagai tambahan kepada definisi-definisi di atas. Menurut Kerlinger kaedah analisis kandungan ialah satu teknik untuk mempelajari dan menganalisis komunikasi secara sistematik, objektif dan kuantitatif bagi tujuan mengukur angkubah-angkubah sesuatu kajian. Keterangan tentang analisis kandungan oleh Kerlinger boleh dirangkumkan kepada tiga konsep utama. Konsep pertama ialah sistematik. Maknanya di sini, setiap kandungan yang dianalisis dipilih dengan jelas, nyata dan konsisten. Segala maklumat dan butiran yang dipilih perlu mempunyai peluang yang sama untuk dianalisa. Konsep kedua adalah objektif. Maksudnya di sini seseorang pengkaji tidak seharusnya mengambil perihal kelakuan diri sendiri dalam dapatan sesuatu kajian. Konsep ketiga pula ialah kuantitatif. Antara tujuan atau matlamat utama analisis kandungan ialah mesej yang tepat serta representatif. Maksud Kerlinger di sini kuantifikasi amat penting untuk mencapai objektif untuk tujuan ketepatan. Pendapat dari Babbie (2001) boleh diketengahkan untuk pemahaman yang lebih tentang analisis kandungan ini. Menurut Babbie analisis kandungan merupakan satu kajian mengenai komunikasi antara sifat-sifat kajian yang sesuai untuk kaedah tersebut umpamanya majalah, buku, laman web, memorandum, surat-surat, akhbar, lagu, lukisan, ucapan, mesej, emel, buletin dalam talian, peraturan, undang-undang dan sebagainya.

Bagi kajian ini, analisis kandungan digunakan untuk menyelidik dokumen pilihan iaitu siri-siri memorandum dan surat terbitan PPPMM kepada pemimpin kerajaan dan pentadbir tertinggi kementerian dan jabatan kerajaan. Elemen analisis telah dibahagikan kepada beberapa bidang yang dianalisis supaya kelihatan lebih jelas, nyata dan konsisten. Setelah itu data

tersebut akan dijadikan sebagai unit analisis kandungan untuk menghasilkan paduan bidang yang tepat tentang pemasalahan yang berlaku pada ahli-ahli PPPMM.

Penentuan sama ada sifat analisis kandungan merupakan prosedur yang tepat dan bersesuaian dengan sesebuah kajian atau sebaliknya, persoalan sesuatu kajian perlu diambil kira untuk dipertimbangkan. Menurut Reinard (2001), kaedah analisis kandungan paling sesuai digunakan dalam sesebuah kajian apabila persoalan kajian meliputi tentang perbandingan corak arahan atau mesej, aliran mesej dan mendominasi asal usul mesej. Selain itu, persoalan kajian penting untuk perbandingan kandungan mesej dengan realiti; imej kumpulan tertentu dalam masyarakat; dan perubahan dalam corak penggunaan mesej oleh individu atau kumpulan yang berbeza.

Dalam kajian ini, analisis kandungan digunakan untuk mengkaji kandungan-kandungan pilihan yang terdapat dalam memorandum-memorandum dan semua surat terbitan PPPMM kepada pemimpin negara dan pentadbir kerajaan dalam menarik perhatian mereka tentang masalah yang dihadapi oleh pengusaha percetakan Melayu. Analisis kandungan untuk kajian ini akan cuba menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i. Tahap keseriusan yang dialami oleh keseluruhan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu akibat perubahan dasar kerajaan tentang pengkorporatan dan penswastaan agensi kerajaan.
- ii. Mengukur usaha PPPMM dalam membantu ahli-ahli mereka yang terkesan dengan perubahan dasar kerajaan

- iii. Perbandingan arah tindakan yang terkandung dalam memorandum dan surat terbitan PPPMM sama ada berarah bantahan, cadangan dan sokongan
- iv. Perbandingan perkara-perkara utama yang dibincangkan dalam siri-siri memorandum dan surat-surat terbitan PPPMM

Kaedah kajian ini pada asasnya tidak akan mengulangi isu-isu dalam kaedah tinjauan.

Walau bagaimanapun, dapatan daripada kaedah ini akan bergabung dengan dapatan tinjauan. Lantaran itu, dapatan daripada kedua-dua kaedah ini akan menjadi pelengkap bagi mencapai objektif-objektif kajian ini.

Pada tahap ini, pengkaji perlu mempertimbangkan rasional menggunakan kaedah analisis kandungan dari sudut kelebihannya. Merujuk pada Babbie (2001), pengkaji perlu mempertimbangkan kelebihan analisis kandungan yang cukup bersesuaian dengan kaedah ini sendiri. Kelebihan pertama kaedah ini ialah dari segi ekonomi dari segi kewangan dan masa. Ini kerana kaedah ini tidak memerlukan ramai pembantu untuk sesuatu penyelidikan. Kelebihan kedua kaedah ini adalah dari segi keselamatan kajian. Kajian ini membolehkan pengulangan kajian sekiranya data-data telah tercemar. Pengulangan kajian melalui kaedah ini tidak mengambil masa dan kewangan yang melebihi dari yang dirancang. Kaedah ini juga membenarkan pengulangan sebahagian kajian iaitu mengekodkan semula sebahagian data yang telah tercemar. Kelebihan ketiga kaedah ini ialah membenarkan kerja-kerja pemprosesan data yang melibatkan jangka masa yang panjang, umpama strategi PPPMM membangunkan siri-siri memorandum dan surat terbitan mereka sejak tahun 1992 lagi tentang pemasalahan yang dihadapi mereka kepada pemimpin dan pentadbir kerajaan. Kelebihan yang terakhir

kaedah ini ialah analisis kandungan tidak membawa kesan negatif terhadap subjek atau perkara yang dikaji. Hal ini disebabkan kandungan yang dikaji telah lama wujud, umpamanya memorandum-memorandum yang telah dibangunkan; ucapan yang telah disampaikan; dan surat yang telah ditulis.

Setelah meninjau kelebihan kaedah ini dan rasional menggunakan kaedah tersebut dalam sesebuah kajian, berikut adalah perbincangan tentang langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengendalikan kajian dengan menggunakan kaedah analisis kandungan.

Melalui kajian ini, pengkaji telah mengambil siri-siri memorandum dan surat terbitan dari Setiausaha Agung PPPMM yang mewakili keseluruhan pencetak-pencetak Melayu kepada pemimpin tertinggi kerajaan dan pentadbir kementerian dan jabatan kerajaan sebagai sampel untuk kajian ini. Keseluruhan memorandum dan surat terbitan ini merupakan dokumen asli yang diperolehi dan dibangunkan oleh PPPMM sejak tahun 1992 hingga pada tahun 2014. Pertimbangan sampel untuk kajian adalah berdasarkan kepada objektif kajian ini. Selain itu kedua-dua dokumen ini juga merupakan satu-satunya langkah dan cadangan PPPMM yang bertulis untuk menuntut kerajaan dan pihak-pihak yang terlibat bagi mengkaji dan menyelesaikan semua pemasalahan yang menimpa nasib pencetak Melayu setelah beberapa ketetapan (dasar) kerajaan diubah.

Wimmer dan Dominick (2006), mencadangkan langkah keempat ialah memilih dan mengenal pasti unit untuk analisis. Unit analisis ialah elemen yang paling kecil dalam kaedah analisis kandungan. Elemen tersebut boleh berbentuk seperti perkataan, tema, simbol artikel ataupun cerita. Penentuan memberi takrifan pada unit analisis perlulah jelas, tepat, lengkap dan sempurna. Langkah kelima dalam kaedah analisis kandungan adalah membangunkan kategori

kandungan atau bidang yang akan dianalisis. Lantaran itu, langkah ini akan membentuk satu sistem kategori untuk pembahagian kandungan media. Syed Arabi Idid (1992) menjelaskan, kategori atau bidang perlulah tepat bagi tujuan pengkajian, berfungsi dan mudah untuk dikendalikan. Selain itu sistem kategori atau bidang yang dibangunkan boleh dipercayai. Wimmer dan Dominick (2006) pula berpendapat, kepelbagaian kategori atau bidang yang kecil dibentuk untuk dianalisis adalah lebih baik. Ini akan membolehkan kategori kecil ini digabungkan menjadi kategori atau bidang yang besar setelah dikodkan.

Langkah keenam pula ialah membina sistem kuantifikasi seperti pengukuran data secara nominal, perantaraan dan nisbah. Bagi tahap nominal, pengkaji akan mengukur tahap kekerapan penglibatan untuk unit tertentu. Bagi tahap perantaraan pula satu sistem skala dibangunkan dan digunakan oleh jurukod dan yang terakhir ialah tahap nisbah di mana ukuran untuk sesuatu kajian media diaplikasikan terhadap ruang dan masa.

Bagi kajian ini, langkah keempat hingga langkah keenam, pengkaji telah membentuk dan mengelompokkan kategori atau bidang analisis kandungan. Kategori-kategori tersebut ialah pengkorporatan Jabatan Percetakan Negara (JPN), Penswastaan Dewan Bahasa dan Pustaka (merujuk kepada penswastaan Bahagian Pemasaran dan Percetakan, DBP kepada pengurusan swasta), Transformasi Teknologi dan Bidang Sampingan (merujuk kepada kategori-kategori kecil yang dibangkitkan dalam kedua medium iaitu memorandum dan surat terbitan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia). Pengkaji turut membangunkan satu sistem kuantifikasi bagi data-data yang dianalisis.

Analisis kandungan untuk kajian ini dibahagi kepada empat kategori atau bidang utama berdasarkan persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan sebelum ini. Persoalan-persoalan tersebut ialah:

- i) Penggunaan memorandum dan surat terbitan PPPMM kepada pemimpin dan pentadbir-pentadbir kerajaan dalam meluahkan pemasalahan yang dihadapi
- ii) Mengukur usaha PPPMM melalui siri-siri memorandum dan surat terbitan mereka untuk menarik perhatian pemimpin dan pentadbir-pentadbir kerajaan
- iii) Perbandingan antara tiga isu utama yang dibincangkan dalam siri-siri memorandum dan surat terbitan PPPMM iaitu pengkorporatan JPN, penswastaan DBP dan transformasi teknologi
- iv) Kecenderungan tiga arah tindakan iaitu bantahan, cadangan dan sokongan yang terkandung dalam siri-siri memorandum dan surat terbitan PPPMM kepada pemimpin dan pentadbir-pentadbir kerajaan

Langkah seterusnya iaitu yang ketujuh adalah melatih jurukod. Menurut Wimmer dan Dominick (2006) seorang pengkaji perlu memiliki kefahaman dengan bidang yang dikaji. Walau bagaimanapun jurukod tidak semestinya memiliki kefahaman dengan bidang yang dikaji. Langkah kelapan pula adalah kerja-kerja mengekodkan kandungan berdasarkan satu helaian borang persamaan (equivalent forms) yang dibangunkan oleh seorang penyelidik. Helaian borang persamaan ini lazimnya memiliki piawaian tersendiri. Langkah seterusnya iaitu yang kesembilan adalah menganalisis data. Penganalisan data dihasilkan bertujuan bagi menggambarkan keadaan yang dikaji. Langkah terakhir iaitu kesepuluh ialah memperolehi kesimpulan dari analisis kandungan yang telah dianalisis untuk sesuatu kajian. Daripada kesimpulan yang terhasil, seorang pengkaji cuba mengemukakan cadangan-cadangan terhadap kajian yang dijalankan.

Bagi memastikan setiap bidang yang dikod mempunyai nilai kebolehpercayaan, satu kaedah kebolehpercayaan antara jurukod dan pengkaji telah diadakan. Kaedah ini merupakan cara untuk memastikan hasil kajian yang diperolehi itu akan dicapai oleh pengkaji lain melalui penggunaan dan bahan yang sama suatu hari nanti. Dalam kajian ini penggunaan kaedah borang persamaan (equivalent forms) telah dilakukan. Pengkaji memohon bantuan dua orang jurukod untuk menganalisis bahan-bahan yang sama. Kedua-dua jurukod ini merupakan penyelidik yang banyak melakukan kajian menggunaan analisis kandungan terhadap dokumen-dokumen rasmi kerajaan dan juga merupakan pensyarah dalam bidang pentadbiran awam, polisi dan sains politik. Hasil penganalisan yang diperolehi dikira secara statistik untuk memperolehi korelasi di antara kedua-dua penganalisis tersebut.

Bagi memastikan tahap kebolehpercayaan analisis kandungan ini, ujian ulangan perlu dikendalikan. Menurut Syed Arabi Idid (1992), ujian ulangan adalah sesuatu ujian yang dilaksanakan pada sesuatu masa dan setelah beberapa ketika ujian yang sama itu diulang sekali lagi ke atas responden. Pengkaji dan kedua-dua jurukod telah melaksanakan ujian ulangan bagi kajian ini dengan melaksanakan pembacaan semula beberapa kali kedua-dua bahan analisis kandungan iaitu memorandum dan surat terbitan PPPMM. Langkah ini disusuli dengan penggunaan borang persamaan oleh pengkaji dan kedua-dua jurukod tentang kategori atau bidang yang dianalisis. Hasil ujian ulangan tersebut akan dicatatkan dalam helaian borang persamaan bagi mencari titik persamaan bidang atau kategori yang dianalisis antara pengkaji dan kedua-dua jurukod.

#### **4.2.1 Tatacara Unit Analisis**

Kaedah analisis kandungan memerlukan sistem pengkodan yang sistematik dan teratur. Bagi memastikan usaha ini berjaya beberapa langkah telah diaturkan:

- i) Mencatatkan keseluruhan bidang yang terkandung dalam kedua-kedua medium yang digunakan PPPMM iaitu memorandum dan surat terbitan dengan memfokuskan kepada bidang-bidang utama (unit kategori) yang telah dikenalpasti iaitu pengkorporatan JPN, penswastaan DBP, transformasi teknologi dan bidang sampingan.
- ii) Mencatatkan jumlah arah tindakan mengikut bidang-bidang utama dalam kedua-dua medium berikut iaitu memorandum dan surat terbitan PPPMM

Terdapat tiga arah tindakan yang dikaji iaitu bantahan, cadangan dan sokongan dalam kajian dengan merujuk kepada fungsi memorandum dan surat terbitan PPPMM ini dikeluarkan. Menurut Fombrum dan Shanley (1990) dalam kajian tentang kesan pendedahan kenyataan pada media menyatakan sesuatu surat terbitan dan memorandum memiliki beberapa arah tindakan yang terkandung di dalamnya. Pengkaji telah menetapkan kecenderungan arah-arah tindakan yang terdapat dalam memorandum dan surat terbitan PPPMM iaitu bantahan, cadangan dan sokongan diwujudkan.

Fombrum dan Shanley (1990) juga berpendapat hasrat yang disampaikan melalui memorandum mempunyai beberapa agenda dan tidak hanya fokus kepada satu bidang sahaja. Melalui penggunaan memorandum dan surat terbitan, PPPMM menyatakan usul pelbagai arah dalam menyatakan hasrat mereka. Mengikut Fombrum dan Shanley (1990) walaupun kebiasaan penggunaan memorandum lebih terarah kepada bantahan, tetapi pada kelaziman juga memorandum digunakan untuk menyatakan hasrat tentang cadangan pelaksanaan sesuatu peraturan dan sokongan kepada cadangan pelaksanaan sesuatu program yang ingin dijalankan. Penggunaan memorandum oleh PPPMM adalah bertepatan dengan saranan Fombrum dan

Shanley dalam kajian yang dihasilkan mereka. Keputusan menganalisis kedua-dua medium ini bagi mendapatkan maklum balas ahli-ahli PPPMM tentang pelaksanaan dan perubahan beberapa ketetapan atau dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Di samping analisis kandungan, pengkaji juga mengendalikan temu bual dengan Presiden dan bekas-bekas pimpinan PPPMM, Ketua Pengarah dan dua orang bekas ketua pengarah, Pengarah Urusan PNMB iaitu, En Izham Yusuf dan beberapa orang bekas pimpinan kanan Jabatan Percetakan Negara (JPN) bagi menerokai aspek-aspek yang berbeza-beza dalam kajian ini. Ketiga-tiga kaedah tersebut merupakan pelengkap antara satu sama lain untuk mendapat maklumat umum hingga maklumat khusus dalam bidang pengkajian ini. Dengan itu, analisis kandungan akan membantu menjawab sejauh mana penglibatan PPPMM dalam membantu ahli-ahlinya yang merupakan pencetak-pencetak Melayu dalam mengutarakan pemasalahan yang dihadapi mereka akibat perubahan beberapa ketetapan atau dasar yang tidak lagi memihak kepada mereka. Selain itu melalui analisis kandungan ini pengkaji akan dapat menganalisis arah tindakan yang terkandung dalam kedua-dua dokumen PPPMM tersebut.

Sehingga tahun 2014, PPPMM telah menghasilkan 14 buah memorandum dan 21 buah surat terbitan atau sisipan yang ditujukan kepada pemimpin dan pentadbir kerajaan. Memorandum-memorandum ini mula dibangunkan sejak isu pengkorporatan Jabatan Percetakan Negara (JPN) mula kedengaran iaitu pada tahun 1992 lagi.

Bermula dari tahun tersebut, memorandum-memorandum ini telah dihasilkan. Pihak PPPMM telah sebulat suara akan terus memperjuangkan nasib pengusaha percetakan Melayu dengan menghasilkan siri-siri memorandum ini. Pengkaji berjaya memperolehi 11 buah memorandum dari jumlah keseluruhan sebanyak 14 buah dari simpanan setiausaha agung

PPPM untuk dianalisis. Ini disebabkan perubahan beberapa kali pentadbiran PPPMM dan pemindahan alamat pejabat telah menyebabkan koleksi memorandum tersebut tidak berjaya diperolehi. Dengan itu, tiga buah memorandum tersebut tidak dianalisis.

Selain menghasilkan memorandum-memorandum berikut, pihak PPPMM juga turut menghasilkan surat terbitan (sisipan) mereka kepada pemimpin dan pentadbir kerajaan sebagai pendokong kepada memorandum yang dihasilkan. Surat-surat terbitan atau sisipan ini telah diterbitkan antara tahun 1996-1998 sebanyak empat buah, tahun 2002-2004 sebanyak enam buah, tahun 2008-2010 sebanyak lima buah dan yang terakhir tahun 2012-2014 sebanyak enam buah. Sehingga kini terdapat 21 buah surat terbitan telah dikeluarkan oleh PPPMM dan pengkaji hanya berjaya memperolehi sejumlah 16 buah sahaja. Perkara ini berlaku disebabkan masalah yang sama dihadapi iaitu perubahan pentadbiran PPPMM dan pemindahan alamat pejabat telah menyebabkan koleksi surat terbitan tersebut tidak berjaya diperolehi. Oleh itu sebanyak lima buah surat terbitan tidak dapat dianalisis.

## **BAB 5**

### **SEJARAH PERCETAKAN DAN PERKEMBANGAN INDUSTRI PERCETAKAN SEMASA DI MALAYSIA**

Bab ini menerangkan sejarah percetakan di Malaysia dan dunia. Bermula dengan percetakan di negeri-negeri jajahan selat hingga kepada perkembangan terkini industri ini. Sejarah kedua-dua agensi kerajaan yang terlibat dengan pencetak Melayu iaitu Jabatan Percetakan Negara dan Bahagian Pemasaran dan Percetakan DBP juga turut dibincangkan. Penubuhan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia sebagai wakil kepada pencetak Melayu juga turut dibincangkan. Di akhir bab ini turut diterangkan tentang kemajuan dan perkembangan ekonomi semasa industri percetakan Malaysia.

#### **5.1 Sejarah Percetakan di Negeri-negeri Jajahan Selat**

Cecil K. Byrd (1991) dalam kajian beliau menjelaskan percetakan di Malaysia bermula di tiga buah negeri jajahan selat iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Percetakan bermula di Pulau Pinang (*Prince of Wales Island*) dalam tahun 1806, di Melaka pada tahun 1815 dan di Singapura pada 1822. Penubuhan dan perkembangan perusahaan percetakan di Pulau Pinang adalah berbentuk perniagaan, manakala di Melaka dan Singapura pula bertujuan untuk mengembangkan kegiatan para mualigh Kristian dengan harapan untuk meluaskan ajaran Kristian yang dijalankan oleh para wakil Persatuan Mualigh London (PML).

Cecil K. Byrd juga menjelaskan percetakan pertama di Pulau Pinang ialah suatu usaha perniagaan untuk memenuhi keperluan perdagangan dan kerajaan yang terhad kepada

percetakan bahan dalam bahasa Inggeris sahaja. Berbeza dengan percetakan yang dijalankan oleh mubaligh Kristian di Melaka, Pulau Pinang dan Singapura banyak mencetak bahan dalam bahasa Cina dan Melayu daripada bahasa Inggeris. Jelas Cecil K. Byrd lagi percetakan kumpulan mubaligh ini memungkinkan penerbitan akhbar pertama di kedua-dua wilayah jajahan tersebut iaitu *Singapore Chronicle* yang dicetak oleh Mission Press selama enam tahun dan *Malacca Observer* yang dicetak oleh Anglo-Chinese Press.

Cecil K. Byrd menambah walaupun beberapa syarikat percetakan mubaligh ini bergiat sebagai penerbit yang mencetak pelbagai barang, namun ia sekadar membawa kesan yang kecil ke atas perkembangan percetakan di jajahan selat. Jelas Cecil K. Byrd lagi, kesemua percetakan ini, kecuali Mission Press di Singapura, berpindah ke Hong Kong dalam 1846 apabila negara China dijadikan tempat yang lebih menarik bagi kegiatan mubaligh berikutnya Perjanjian Nanking pada 1842 yang seterusnya menamatkan Peperangan Inggeris-China.

### **5.1.1 Percetakan di Pulau Pinang**

Perusahaan percetakan pertama di Pulau Pinang dan terawal di Malaysia telah ditubuhkan dalam 1806 oleh A.B. Bone ketika itu beliau memperolehi bantuan kewangan hasil bantuan daripada orang-orang yang tidak diketahui. Bone bersama para pemilik lain telah berjaya menerbitkan akhbar mingguan pertama bertarikh pada 1 Mac 1806 berjudul *The Government Gazette* (Warta Kerajaan). Judul akhbar ini tidak kekal lama dan sering berubah-ubah dan pada 7 Jun 1806 judulnya berubah menjadi *Prince of Wales Island Government Gazette* dan dalam keluaran 17 Oktober 1807, sekali lagi perubahan berlaku ke atas judulnya iaitu perkataan *Government* telah digugurkan dari judul asalnya. Akhirnya ini terus diterbitkan di

bawah pelbagai pemilik sebagai *Prince of Wales Island Gazette* sehingga akhbar ini dihentikan penerbitannya pada bulan Ogos 1827.

Cecil K. Byrd (1991) menjelaskan, Bone menubuhkan syarikatnya dengan seorang pedagang berlesen iaitu T.W. Court. Bone dan Court menubuhkan syarikat mereka dengan menjual barang am dan juga buku, kertas catatan, nota muzik, wain dan juga barang keperluan wanita. Pada Januari 1806, Syarikat India Timur memberikan keizinan kepada Bone untuk menubuhkan perusahaan percetakan dan menerbitkan sebuah akhbar dengan mengikut peraturan-peraturan tertentu yang telah ditetapkan. Perusahaan percetakan yang diusahakan oleh Bone bertahan sehingga Ogos 1827 di bawah pentadbiran dua orang pemilik iaitu B.C Henderson dan William Cox. Sejarah mencatatkan terlalu banyak rintangan yang dihadapi oleh pemilik akhbar untuk menerbitkan akhbar mereka seperti masalah kewangan dan penapisan bahan terbitan yang hendak diterbitkan. Cox juga tidak terlepas daripada rintangan tersebut dan beliau memperolehi bantuan kewangan daripada Gabenor Bermajlis iaitu pihak kerajaan yang berkuasa pada pemerintahan residensi di negeri Pulau Pinang ketika itu. Pihak yang berkuasa untuk menapis segala bahan terbitan dalam akhbar ketika itu dikawal oleh Syarikat India Timur dan penerbitan yang pernah dihalang penerbitannya ialah Penang *Register and Miscellany* dan *Malacca Observer*.

Menurut Md. Sidin Ahmad Ishak (1998) perniagaan yang diusahakan oleh Bone juga menawarkan perkhidmatan percetakan dan penjilidan kepada pihak luar yang berminat. Daripada iklan di dalam akhbaranya, jelaslah bahawa beliau menyediakan perkhidmatan percetakan bagi bahan seperti borang dan dokumen kerajaan, dan beliau juga bertindak sebagai ejen penerbitan bagi syarikat di India. Jelas Md. Sidin lagi, Bone juga melibatkan diri dengan perniagaan runcit bagi buku yang diterbitkan oleh syarikatnya sendiri ataupun bahan penerbitan

import. Perusahaan perniagaan percetakan yang diusahakan oleh Bone dan penggantinya tidak membawa kesan yang besar kepada penduduk tempatan. Menurut Md. Sidin, perusahaan Bone tidak mendapat tempat di hati penduduk tempatan kerana perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bone dan penggantinya lebih banyak melibatkan keperluan pentadbir dan kerajaan kolonial serta masyarakat perdagangan. Selain itu hampir keseluruhan bahan terbitannya dalam bahasa Inggeris dan hanya boleh ditatapi oleh orang Inggeris sahaja.

### **5.1.2 Percetakan Mubaligh di Pulau Pinang**

Percetakan mubaligh (*Mission Press*) di negeri ini telah dibawa oleh wakil London Missionary Society (Persatuan Mubaligh London) yang telah bermula di negeri Melaka pada 1815. Kemudian persatuan ini telah membawa kelengkapan mencetak seperti mesin cetak ke Pulau Pinang untuk mengembangkan ajaran Kristian dan menubuhkan Mission Press Pulau Pinang pada 1819. Menurut Md. Sidin Ahmad Ishak (1998), golongan pengembang agama inilah yang memulakan kegiatan penerbitan dan percetakan dalam bahasa Melayu.

Dua wakil awal persatuan ini iaitu Thomas Beighton dan John Ince telah dihantar ke Pulau Pinang pada awal bulan April 1819 untuk memulakan pengembangan ajaran Kristian di negeri ini. Menurut Cecil K. Byrd (1991) Beighton telah ditugaskan untuk berdakwah bagi orang Melayu manakala Ince ditugaskan untuk berdakwah bagi orang Cina. Menurut Byrd, mereka ini juga telah mendapat bantuan dari seorang lagi wakil persatuan mubaligh iaitu Walter Henry Medhurst. Mereka membawa bersama alat mesin cetak dan memperoleh sebidang tanah dari pihak kerajaan untuk menubuhkan sebuah syarikat percetakan walaupun ketika itu di negeri Pulau Pinang telah wujud syarikat percetakan dan pihak kerajaan telah melanggani dengan syarikat percetakan tersebut.

Jelas Cecil K. Byrd, mesin cetak dan peralatan yang dibawa oleh Medhurst ke Pulau Pinang itu adalah merupakan milik peribadinya. Pada permulaannya Ince dan Beighton berasa sangat gembira di mana dengan adanya peralatan mencetak Medhurst itu, beliau dapat mencetak pelbagai bahan ajaran Kristian seperti buku dalam bahasa Melayu dan Cina. Setelah beberapa tahun kemudian sebuah mesin cetak dan taip Melayu Jawi telah diperoleh. Kesemua risalah dalam bahasa Melayu untuk disebarluaskan di Pulau Pinang diperolehi daripada Mission Press yang berpengkalan di Singapura pada tahun 1834 manakala segala risalah dalam bahasa Cina diperolehi dari Melaka. Bermula pada tahun 1834, Beighton dan Dyer mula menghasilkan bahan dalam bahasa Melayu dan Cina untuk kegunaan di pejabat mubaligh Pulau Pinang sepenuhnya.

### **5.1.3 Percetakan Di Melaka**

Percetakan di negeri Melaka bermula pada 1815 oleh Persatuan Mubaligh London yang menubuhkan Mission Press. Menurut Cecil K. Byrd (1991) pejabat Persatuan Mubaligh London di Melaka pada peringkat awalnya dirancang oleh pengembang agama Kristian Protestan di China iaitu Robert Morrison namun orang yang sebenarnya bertanggungjawab tentang penubuhan pejabat persatuan itu ialah William Milne. Di China, Morrison berusaha untuk mencari tapak kegiatannya yang mengalami kegagalan dan masalah kerana Syarikat India Timur tidak memberi kebenaran untuk bergerak dalam lingkungan kuasa mereka oleh kerana beberapa sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa.

Mission Press di Melaka sebenarnya mengutamakan kerja pengembangan agama dalam kalangan masyarakat Cina. Menurut Md. Sidin Ahmad Ishak (1998) sejumlah besar bahan

penerbitan dalam bahasa Cina telah dihasilkan oleh Mission Press melalui proses percetakan *xylography* tetapi kemudian taip logam digunakan apabila Morrison dari Macao mula mengirimkan bahan itu ke Melaka. Tambah Md. Sidin, pada tahun 1818, Mission Press telah mempunyai 14 orang kakitangan percetakan, iaitu 12 orang untuk percetakan Cina dan dua orang untuk percetakan Melayu. Percetakan di Melaka berkembang bukan sekadar untuk pengembangan agama sahaja bahkan ketika itu sudah ada juga kerja yang bersifat komersial, iaitu daripada syarikat perdagangan selain kerja untuk pihak kerajaan di Singapura dan Batavia.

Hasil kemajuan percetakan di Melaka terdapat satu rancangan bagi penubuhan sebuah kolej pendidikan oleh gerakan persatuan tersebut dan rancangan itu menjadi kenyataan pada tahun 1819 apabila Anglo-Chinese College berjaya ditubuhkan. Menurut Md. Sidin, penubuhan itu ialah hasil sumbangan pelbagai pihak terutama Persatuan Mualigh London sendiri, Syarikat India Timur, Kerajaan Pulau Pinang dan juga individu termasuk Morrison sendiri telah memberi sumbangan wang tunai dan buku untuk keperluan perpustakaan. Kolej ini mendapat sokongan daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan Siam yang merupakan kakitangan yang bertugas sebagai pengajar. Jelas Md. Sidin lagi dengan terbinanya kolej ini, nama badan percetakan itu berubah daripada Mission Press kepada Anglo Chinese Press. Namun begitu nama tersebut tidaklah digunakan begitu kerap kerana bahan percetakan yang dikeluarkan masih menggunakan nama lain iaitu Mission Press, The Anglo-Chinese Mission Press dan kadang kalanya menggunakan The Anglo-Chinese College Press.

Bermula pada tahun 1830-an, permintaan bahan percetakan terbitan dalam bahasa Melayu dan bahasa lain semakin berkurang. Hal ini menyebabkan Mission Press di Melaka mengalami kerugian dan pada 1843 pejabat gerakan ini bersama dengan percetakannya telah ditutup berikutan Perjanjian Nanking pada 1842. Tahun itu menyaksikan penyerahan Hong

Kong dan pembukaan pelabuhan-pelabuhan China kepada rakyat luar. Menurut Cecil K. Byrd (1991) segala alat percetakan di Melaka telah dipindahkan ke Singapura dan harta lain yang dimilikinya diuruskan penjualannya oleh James Legge yang pada ketika itu bertugas sebagai ketua. Menurut Md. Sidin operasi selama 19 tahun memperlihatkan betapa pentingnya pejabat Gerakan Kristian di Melaka itu dalam bidang percetakan dan penerbitan dan ia berjalan dengan lancar seperti mana yang dirancang. Segala perancangan bersifat komersial telah dilakukan oleh badan percetakan khususnya untuk mendapatkan sumber kewangan dan gerakan boleh diperhatikan dalam bahan percetakan seperti The Malacca Observer dan juga dalam percetakan The Malacca Weekly Register (Byrd, 1991).

#### **5.1.4 Percetakan di Singapura**

Pembukaan Singapura oleh Raffles pada tahun 1819, memberi lembaran baharu bagi persatuan mubaligh untuk mengembangkan ajaran Kristian. Ketua gerakan mubaligh di negeri Melaka telah diberi sebidang tanah bagi menjalankan misi ajaran Kristian bagi orang Melayu dan orang Cina. Claudius Henry Thomsen yang mengetuai misi ajaran bagi orang Melayu di Melaka ditukarkan ke Singapura pada tahun 1822. Sebelum penghijrahan Thomsen di Singapura, Samuel Milton terlebih dahulu datang ke Singapura yang dipertanggungjawabkan untuk misi mengkristiankan orang Cina. Mereka berdua memohon kebenaran untuk menubuhkan unit percetakan dan permohonan mereka mendapat kelulusan oleh kerajaan pada bulan Januari 1823.

Kedatangan Thomsen di Singapura pada permulaannya telah membawa bersama-sama sebuah alat cetak dan beberapa kakitangan cetak seperti pengatur huruf, jurucetak, pemotong taip dan penjilid buku. Byrd (1991) berpendapat kegiatan percetakan yang dijalankan Thomsen telah berjalan terlebih dulu sebelum kebenaran rasmi diberikan oleh kerajaan kepada beliau.

Menurut Byrd lagi, Samuel Milton dalam masa yang sama pergi ke Calcutta atas jaminan yang telah diberikan oleh Raffles untuk membeli peralatan cetak bagi pihak kerajaan. Melalui kajian Byrd, beliau menjelaskan sekembalinya Samuel Milton ke Singapura telah membawa bersama-sama tiga alat percetakan, tiga fon bagi tulisan rumi, jawi dan Siam, kertas cetak dan dakwat dari negara Britain dan pelbagai peralatan lain yang dapat membentuk sebuah agensi percetakan yang cukup lengkap dengan kemudahan untuk menghasilkan bahan terbitan dalam lima bahasa iaitu Inggeris, Siam, Melayu, Arab dan Cina. Md. Sidin Ahmad Ishak (1998) berhujah, pembelian segala peralatan itu tidak mendapat pengesahan daripada London Missionary Society dan malangnya persatuan terbabit tidak akan membayar bil yang dihantar oleh Milton kepada persatuan. Dengan bantuan dan campur tangan Robert Morrison, perkara ini dapat diselesaikan dengan penggunaan wang dari langganan awam bagi Singapore Institution.

Menurut Md. Sidin percetakan yang dibina dan beroperasi di Singapore Institution, sebuah sekolah yang dibina oleh Raffles pada 1823 telah diberikan nama Institution Press atau Mission Press. Operasi percetakan Institution Press berhenti buat sementara waktu apabila Thomsen telah berpindah dari Singapura pada 1834 dan beliau menjual alatan percetakan dan bangunan operasi percetakan kepada American Board of Commissioners for Foreign Missions pada tahun yang sama di Singapura. Walau bagaimanapun badan ini hanya mampu bertahan selama sembilan tahun dan terpaksa ditutup pada tahun 1843 dan kesemua peralatan percetakan telah dikembalikan ke persatuan. Menurut Byrd, American Board telah menjadi organisasi percetakan yang besar dalam rantau ini dalam masa pengoperasian mereka selama sembilan tahun itu di Singapura.

Kemajuan percetakan di Singapura diteruskan oleh Benjamin Peach Keasberry seorang yang boleh dikatakan amat berpengalaman dalam percetakan. Sejarah pengetahuan Keasberry dalam percetakan tidak dapat dinafikan kerana beliau pernah memperolehi latihan kemahiran percetakan, penjilidan dan cetak batu dari seseorang yang bernama Medhurst iaitu wakil persatuan mubaligh di Batavia. Menurut Md. Sidin, selain aktif menjalankan kegiatan mencetak bahan-bahan berbahasa Melayu, Keasberry juga turut memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan pendidikan orang Melayu ketika itu pada 1840 beliau membuka sebuah sekolah di Kampung Gelam tetapi usaha beliau menemui kegagalan. Beliau tidak berputus asa malah terus berusaha untuk membina sebuah sekolah berasrama bagi anak-anak golongan Melayu di Rochore. Beliau mewujudkan kursus percetakan dengan menggunakan cetak batu, penjilidan dan cetakan ceparas di sekolah itu. Sekolah itu menempa kejayaan sehinggalah pada 1851 beliau memulakan pengambilan pelajar perempuan pula.

Menurut Md. Sidin seluruh kegiatan London Missionary Society tamat di Negeri-negeri Selat pada 1846. Perkara ini disebabkan Peperangan Candu yang bermula pada 1838 dan tamat pada 1842. Akibat peperangan itu, beberapa pelabuhan di negara China telah dibuka kepada orang luar dan pengambilan Hong Kong oleh Britain. Boleh dikatakan keseluruhan operasi pentadbiran dalam Ultra Ganges Mission dalam Negeri-negeri Selat tidak terkecuali Anglo-Chinese College di Melaka serta operasi percetakan di Singapura telah dipindahkan ke Hong Kong. Namun ini semua adalah rentetan sejarah bagaimana percetakan bermula dan berkembang hingga ke hari ini di negara Malaysia. Industri percetakan yang bermula untuk pengembangan misi ajaran agama Kristian di perkenalkan oleh mubaligh-mubaligh Kristian dan industri ini pernah popular sekitar 1970 hingga 1990.

Kemasukan dan peningkatan teknologi dalam percetakan telah berjaya merealisasikan hasrat kerajaan untuk menuju dan memiliki sendiri satu badan yang bertanggungjawab dalam urusan percetakan kerajaan. Jabatan Percetakan Negara (JPN) berjaya ditubuhkan untuk membolehkan segala dokumen kerajaan dicetak di dalam negara sendiri tanpa perlu mencetaknya di negara luar yang memakan kos yang tinggi. Selain itu dengan terbinanya JPN telah berjaya mengubah lanskap industri percetakan negara dengan mencatatkan jumlah pendaftaran syarikat yang mengusahakan industri ini semakin meningkat terutama penglibatan bangsa Melayu dalam bidang ini.

## **5.2 Sejarah Jabatan Percetakan Negara**

Jabatan Percetakan Negara ialah sebuah organisasi jabatan Kerajaan Pusat yang beribu pejabat di Kuala Lumpur dan mempunyai pejabat-pejabat cawangan di Kuching dan Miri, Sarawak, Johor Bahru, Ipoh, Alor Setar dan Kuala Terengganu. Di negeri Sabah pula Jabatan Cetak Kerajaan di Kota Kinabalu adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah (Buku Kenang-kenangan 100 Tahun: 1888-1988 Jabatan Percetakan Negara, 1988).

Sebelum negara mencapai kemerdekaan iaitu selepas diadakan Pilihanraya Umum Pertama dalam tahun 1955, jabatan ini diletakkan di bawah bidang kuasa Pejabat Chief Secretary to the Government. Dalam tahun 1959, apabila Pilihanraya Umum Kedua diadakan selepas negara mencapai kemerdekaan, kerajaan telah merombak kabinet dengan mewujudkan beberapa kementerian lagi bagi mentadbirkan negara. Pada kali ini, jabatan tersebut kekal dengan Ministry of Interior apabila kerajaan mewujudkan Ministry of Justice sebagai kementerian berasingan.

Dalam tahun 1964 Pilihanraya Umum diadakan sekali lagi, dan pada kali ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pula mengambil alih jabatan ini hingga tahun 1969 iaitu apabila negara mengadakan Pilihanraya Umum Keempat. Berikutan dengan rombakan kabinet, jabatan ini diletakkan pula di bawah jagaan Kementerian Keadilan. Manakala pada tahun 1971, jabatan ini diserahkan semula kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Setahun kemudian jabatan ini diserahkan kepada Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan. Pada tahun 1974, Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan telah dipecahkan menjadi dua kementerian berasingan dan jabatan ini diletakkan di bawah jagaan salah satu daripadanya iaitu Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

Di antara tahun 1974 hingga tahun 1979, tanggungjawab kementerian yang sama telah bertukar ganti dan begitulah juga dengan Jabatan Percetakan Negara. Jabatan ini berada selama sembilan tahun di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan ini adalah satu jangka masa yang lama jabatan ini terletak di bawah sebuah kementerian. Pertukaran yang akhir ialah selepas sahaja pilihanraya yang ke enam, apabila jabatan ini diletakkan semula di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (kemudian dipanggil Kementerian Dalam Negeri) pada bulan Mei 1982. Menteri yang bertanggungjawab penuh ke atas kementerian dan jabatan ini ialah Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir bin Mohamad yang juga selaku Menteri Dalam Negeri.

Dalam satu jangka masa yang begitu lama dan sebagai sebuah agensi kerajaan yang memberi perkhidmatan guna sama pertukaran dari satu kementerian ke satu kementerian yang lain tidaklah sangat menghairankan; namun pertukaran nama jabatan disertai pula dengan panggilan nama secara tidak rasmi adalah luar dari dugaan (Buku Kenang-kenangan 100 Tahun: 1888-1988 Jabatan Percetakan Negara, 1988). Bemula dengan nama asal jabatan ini

iaitu The Perak Government Printing Office disusuli pula dengan nama Selangor Government Printing office dan kemudiannya The F.M.S. Government Printing office. Dalam masa yang sama juga jabatan ini dipanggil F.M.S. Government Press. Pada masa pentadbiran British Military Administration, pejabat ini dinamakan The Department of Publicity and Printing of the B.M.A. dan tidak kemudiannya Malayan Union Government Press diikuti dengan The Federation of Malaya Government Printing Office. Selepas negara mencapai kemerdekaan, ia dinamakan Government Printing Department, yang dalam bahasa Melayu dipanggil Jabatan Cetak Kerajaan. Dalam masa yang sama jabatan ini juga dengan secara tidak rasmi terutama oleh pemberita-pemberita suratkhabar dipanggil The Government Printer dan bagi kakitangan kerajaan di negeri-negeri, jabatan ini dikenali sebagai Opis Chap Kerajaan. Hanya dalam tahun 1979 jabatan ini dikenali dengan nama Jabatan Percetakan Negara Malaysia.

Selain peranannya sebagai pencetak kerajaan, jabatan ini juga bertanggungjawab bagi memajukan perusahaan percetakan Bumiputera dalam sektor swasta dengan memberi sejumlah besar kerja percetakan kerajaan kepada mereka melalui proses tender atau sebutharga. Hal ini adalah selaras dengan objektif Dasar Ekonomi Baru Kerajaan bagi mengimbangi taraf ekonomi semua kaum di negara ini.

### **5.2.1 Pejabat Percetakan Pertama**

Perkhidmatan percetakan kerajaan di negara ini bermula apabila wujudnya pejabat Perak Government Printing Office di Taiping pada bulan Ogos tahun 1888. Walaupun tidak ada catatan rasmi yang direkodkan berkenaan tarikh penubuhan pejabat tersebut, tarikh yang dicatatkan ini berdasarkan maklumat daripada tiga sumber yang diterbitkan dalam Perak

Government Gazette tahun 1888 (Buku Kenang-kenangan 100 Tahun: 1888-1988 Jabatan Percetakan Negara, 1988) seperti berikut:

- i. Pemberitahu No. 44 bertarikh 13hb Julai 1888 oleh British Resident berkenaan dengan Requisitions for the Annual Supply of Printed Forms
- ii. Pemberitahu Scale of Charges for Advertising in the Perak Government Gazette, Warta Kerajaan bertarikh 31 Ogos 1888
- iii. Pemberitahu No. 81 – Instructions for the Printing Department yang ditandatangani oleh Secretary to Government yang dikeluarkan oleh Government Secretary's Office, Taiping, 11 September 1888, diterbitkan dalam Perak government Gazette bertarikh 14 september 1888

Sebelum itu semua keperluan percetakan untuk Kerajaan Negeri Perak dicetak di Government Printing Office, Singapore. Walau bagaimanapun The Perak Government Printing Office ini hanya wujud selama 15 tahun. Pejabat ini ditutup pada tahun 1904. Selepas itu semua keperluan percetakan kerajaan Negeri Perak dicetak di Kuala Lumpur sehinggalah tahun 1964 apabila cawangan keempat jabatan ini siap dibina di kawasan perindustrian Tasek, Ipoh. Bangunan ini telah dirasmikan oleh Allahyarham Tun Dr. Ismail bin Hj. Abdul Rahman yang ketika itu merupakan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia pada 12 Februari 1966. Cawangan ini bukan sahaja mengendalikan kerja-kerja untuk kerajaan Negeri Perak sahaja tetapi memberi perkhidmatan percetakan kepada kerajaan Negeri Pulau Pinang selain daripada mencetak kerja-kerja yang dihantar dari ibu pejabat di Kuala Lumpur.



Rajah 5.1: Bekas Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Percetakan Negara (kini PNMB)

(Sumber: Buku Kenang-kenangan 100 Tahun: 1888-1988 Jabatan Percetakan Negara, 1988)

### 5.2.2 Pejabat Percetakan Negeri Selangor

Pada 1890 kerajaan Negeri Selangor pula menubuhkan pejabat percetakannya sendiri iaitu Selangor Government Printing Office di sebuah bangunan yang kemudiannya menjadi Pejabat Pos Besar yang lama di Jalan Raja, Kuala Lumpur. Dalam tahun 1898, Selangor Government Printing Office mendapat sebuah bangunan baru berdekatan dengan padang Kelab Diraja Selangor yang dibina dengan mempunyai Dutch-style corner towers framing an open structure. Penubuhan dan perjalanan pejabat tersebut ada dilaporkan di dalam Administration Report of the State of Selangor for the year 1891, by the British Resident di dalam keluaran The Selangor Government Gazette Extraordinary bertarikh 30hb Ogos 1892 (Buku Kenang-kenangan 100 Tahun: 1888-1988, Jabatan Percetakan Negara, 1988).

### **5.2.3 FMS Government Printing Office**

Sebelas tahun kemudian, iaitu pada tahun 1901 The Selangor Government Printing Office ini diambil alih oleh pentadbiran Federated Malay State (FMS) iaitu merupakan satu gabungan yang diwujudkan pada tahun 1886 dianggotai oleh negeri Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Pahang dan pejabat ini dinamakan FMS Government Printing Office. Pada tahun 1912 pejabat di Jalan Raja berpindah ke Jalan Brickfields, Kuala Lumpur. Apabila Government Printing Office berpindah bangunan itu digunakan oleh Pejabat Pos dan Telegram dan kemudiannya sebagai Pejabat Telekom. Ketika pemerintahan kerajaan tentera Jepun (1942-1945) bangunan di Jalan Chan Sow Lin juga digunakan sebagai jabatan percetakan bagi pemerintahan Kerajaan Jepun di mana wang kertas banana yang digunakan pada masa itu dicetak. Selepas perang dunia kedua, kerajaan mewujudkan semula perkhidmatan percetakannya di bangunan ini di Jalan Chan Sow Lin, Sungai Besi ini dan dinamakan Department of Publicity and Printing of the BMA. Pejabat dan organisasi inilah yang dipanggil Jabatan Percetakan Negara, Malaysia. Pada ketika itu jabatan ini hanya mempunyai sebuah bangunan yang digunakan sebagai bengkel percetakan. Bangunan ini telah dirasmikan oleh Gabenor Pentadbiran Malayan Union pada masa itu iaitu mendiang Sir Edward Gent.

Sebelum wujudnya pejabat-pejabat Government Printing Office di Perak dan Selangor, semua keperluan percetakan negeri-negeri ini dicetak di Singapura. Apabila tertubuhnya pejabat Selangor Government Printing Office, dua buah kerajaan negeri yang lain, iaitu Negeri Sembilan dan Pahang memperolehi perkhidmatan percetakannya dari pejabat ini. Kerajaan Negeri Sembilan mencetak Government Gazette yang pertama dalam bulan Januari 1896 sementara negeri Pahang pula mengeluarkan Gazette sulungnya pada bulan Oktober 1897.

Selangor Government Printing Office ini kemudiannya menjadi FMS Government Printing Office.

Perak juga memperoleh kemudahan percetakan daripada FMS Government Printing Office setelah pejabatnya di Taiping ditutup. Dengan ini keempat-empat negeri; Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang dalam gabungan Federated Malay States berkongsi sama bagi mendapatkan keperluan percetakannya daripada FMS Government Printing Office di Kuala Lumpur. Bagi keperluan percetakan kerajaan Negeri Sembilan, satu perjanjian telah dibuat seperti yang direkodkan di dalam Annual Report by the Acting British Resident Negeri Sembilan for the year 1896 (Buku Kenang-kenangan 100 Tahun: 1888-1988, Jabatan Percetakan Negara, 1988).

#### **5.2.4 Jabatan Percetakan Negara Malaysia**

Jabatan Percetakan Negara adalah sebuah Jabatan Persekutuan yang pada awal penubuhannya diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang dipantau sendiri oleh Perdana Menteri Malaysia. Sebelum itu jabatan ini telah berpindah dari satu kementerian kepada kementerian yang lain sebanyak 12 kali. Jabatan ini beribu pejabat di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur dan pejabat-pejabat cawangan di Johor Bahru, Ipoh, Alor Setar, Kuala Terengganu, Sabah, Sarawak dan boleh dikatakan diseluruh pelusuk negara.

Antara peranan utama dan penting jabatan ini adalah untuk menerbitkan warta-warta kerajaan; mencetak segala dokumen perundangan, dokumen untuk Parlimen dan Dewan-Dewan Negeri, keperluan percetakan untuk Istana Negara, Jemaah Menteri, Kementerian Kewangan dan Jabatan Peguam Negara. Sebelum tertubuhnya Percetakan Keselamatan

Nasional semua percetakan keselamatan untuk agensi-agensi kerajaan termasuk juga kertas-kertas peperiksaan sekolah untuk Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Majlis Peperiksaan Malaysia (Buku Kenang-kenangan 100 Tahun: 1888-1988 Jabatan Percetakan Negara, 1988). Pada setiap kali pilihanraya umum dan kecil diadakan, jabatan ini akan diberikan tanggungjawab untuk mencetak kertas-kertas undinya. Selain itu jabatan ini juga diberi tugas tambahan untuk melupuskan semua dokumen percetakan kementerian dan jabatan kerajaan. Selain tugas-tugas ini, jabatan ini juga di beri tanggungjawab oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk menguatkuaskan kontrak pusat bagi kerja-kerja pengagihan percetakan yang dicetak di luar untuk agensi-agensi kerajaan.

Dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Kebangsaan adalah menjadi tanggungjawab jabatan ini bagi menentukan pengagihan kerja-kerja percetakan yang dicetak di luar jabatan diberi dengan meluas kepada pencetak-pencetak Bumiputera. Ini menjadi pendorong kepada pencetak-pencetak yang baru muncul dan kecil, yang memerlukan bantuan dan galakan untuk bersaing dengan pencetak-pencetak kaum lain yang telah maju (Buku Kenang-kenangan 100 Tahun: 1888-1988, Jabatan Percetakan Negara, 1988). Walaupun tugas ini baru sahaja diambilalih oleh jabatan ini daripada Bahagian Pengurusan Kontrak dan Bekalan, Kementerian Kewangan dalam tahun 1987, Jabatan Percetakan Negara berjaya mengagih-agihkan kerja kepada sebilangan besar pencetak-pencetak Bumiputera yang berdaftar. Jelas menunjukkan kaum Bumiputera telah meningkat maju dan semakin kukuh dalam industri percetakan dalam era tahun 1980 apabila Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan oleh kerajaan (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2004).

Ekoran terdapat pelbagai bantuan daripada pihak kerajaan ini, pencetak-pencetak Bumiputera dapat menawarkan harga-harga yang bersaing (competitive prices) dan mutu

keluaran yang setanding dengan pencetak-pencetak yang berpengalaman dan maju. Boleh dikatakan pada tahun 1980an telah terdapat pengusaha-pengusaha percetakan Melayu yang bergelar jutawan hasil daripada bantuan kerajaan melalui jabatan ini. Selain itu peningkatan yang amat ketara keahlian dalam Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia telah menunjukkan kaum Melayu makin berdaya saing dan maju dalam perniagaan percetakan di negara ini. Selain itu, jabatan ini juga menyediakan kemudahan latihan kepada pekerja-pekerja Bumiputera yang memerlukan latihan tentang asas dan pengeluaran dalam perniagaan percetakan.

Berikut ialah penyata mengenai bilangan sebut harga Lembaga Sebutharga dan Lembaga Tender yang ditawarkan dan diuruskan oleh jabatan ini kepada pengusaha-pengusaha percetakan Bumiputera ini bagi tahun 1988.

		<b>Bilangan S.H/</b>	<b>Amaun</b>
		<b>L.S.H/L.T</b>	
	<b>RM</b>		<b>RM</b>
7	-	1,000	462
1,001	-	2,000	328
2,001	-	3,000	176
3,001	-	4,000	140
4,001	-	5,000	118
5,001	-	6,000	73
6,001	-	7,000	52
7,001	-	8,000	63
8,001	-	9,000	32
9,001	-	10,000	45
Di atas RM10,001		225	5,123,817
Di atas RM50,001		3	779,614
<b>JUMLAH</b>		<b>1,717</b>	<b>9,901,191</b>

Jadual 5.1: Penyata Sebutharga Lembaga Sebutharga dan Lembaga Tender pada pencetak bumiputera tahun 1988

Sumber: (Buku Kenang-kenangan 100 Tahun: 1888-1988 Jabatan Percetakan Negara)

Pada tahun 1983, kerajaan telah menggubal Dasar Penswastaan yang merupakan satu pendekatan baru dalam usaha mempercepatkan pembangunan ekonomi negara. Antara beberapa tujuan utama dasar ini ialah; pertama untuk mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran kerajaan; kedua, penswastaan dijangka dapat menggalakkan pertandingan, memperbaiki kecekapan dan seterusnya meningkatkan daya pengeluaran; ketiga, penswastaan dijangka akan memberi sumbangan ke arah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Jabatan Percetakan Negara juga merupakan antara jabatan kerajaan yang akan diswastakan tanpa merubah tanggungjawab dan peranan penubuhan asal jabatan. Khidmat dan bantuan dari segi pengagihan tender percetakan kepada pengusaha-pengusaha percetakan Bumiputera perlu dikenalkan bagi meningkatkan ekonomi kaum Bumiputera dalam bidang ini terus terbelak (Surat Pekeling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993). Sehingga pertengahan 1987, di antara dua puluh projek yang telah diswastakan dan yang diluluskan untuk penswastaan oleh kerajaan termasuklah projek perkhidmatan percetakan keselamatan di Jabatan Percetakan Negara.

Pada bulan September 1986, kerajaan telah bersetuju supaya Syarikat Fima Metal Box Berhad membuat kajian dan seterusnya mengemukakan cadangan mereka kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk menswastakan Cawangan Percetakan Keselamatan, Jabatan Percetakan Negara. Hal ini kerana syarikat tersebut merupakan syarikat yang mula-mula mengemukakan hasrat mereka untuk menswastakan perkhidmatan percetakan keselamatan, Jabatan Percetakan Negara iaitu dalam tahun 1984 lagi (Buku Kenang-kenangan 100 Tahun: 1888-1988 Jabatan Percetakan Negara, 1988).

Sementara itu, pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri mengeluarkan arahan untuk Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM) menjalankan kajian terperinci tentang cadangan penswastaan keseluruhan Jabatan Percetakan Negara ini. Hasil


kajian tersebut telah disiapkan dalam tahun 1990 oleh perunding pengurusan HRM Sdn Bhd yang dilantik oleh PPPMM untuk dibentangkan dalam perbincangan dengan YB Timbalan Menteri Kewangan, Ketua Pengarah Jabatan Percetakan Negara, Pengarah Penswastaan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dan seluruh pegawai tinggi Jabatan Percetakan Negara. Hasil perbincangan tersebut dibentangkan kepada Ketua Setiausaha Negara ketika itu Tan Sri Ahmad Sarji Bin Abdul Hamid yang baru mengambil alih jawatan tersebut dari Tan Sri Sallehuddin bin Mohamed.

Kesimpulan yang diberikan oleh Ketua Setiausaha Negara kepada PPPMM yang mewakili keseluruhan pengusaha percetakan Melayu di Malaysia, penswastaan JPN ini tidak akan menggugat sama sekali pengusaha-pengusaha percetakan orang Melayu. Hal ini kerana PPPMM menyuarakan kebimbangan apabila pengorporatan ini berlaku ia akan menjas atau menggugat pencetak-pencetak Melayu yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Akhirnya Jabatan Percetakan Negara dikorporatkan menjadi Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) pada tahun 1993.

### **5.3 Sejarah Dewan Bahasa dan Pustaka**

Tarikh 22 Jun 1956 ialah hari yang sangat besar erti dalam sejarah perkembangan bahasa Melayu di negara ini. Pada tarikh keramat ini tertubuhnya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Bermula dengan sebuah jabatan kecil di bawah Kementerian Pelajaran dengan namanya Balai Pustaka dan beroperasi di Bangunan Pejabat Kerajaan, Bukit Timbalan, Johor Bahru. Setelah itu nama ini telah ditukarkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka hasil daripada keputusan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga yang diadakan di Johor Bahru pada 16 September 1956 hingga 21 September 1956.

Bermula dari tarikh ini juga DBP telah diberikan tanggungjawab yang amat penting dan bermakna dalam konteks pembinaan negara, iaitu mengembangkan bahasa kebangsaan dalam negara yang ketika itu sedang bersiap siaga dengan semangat yang membara untuk menjadi sebuah negara yang merdeka. Menurut Rusmadi Baharudin (2002) penubuhan DBP ini dilihat amat penting kerana sebagai sebuah negara yang bakal mencapai kemerdekaan pada ketika itu, negara ini memerlukan perancangan yang rapi dan bersepadu sifatnya untuk muncul sebagai sebuah negara yang berdaulat, berjati diri dan bercitra sendiri. Oleh itu, bahasa sebagai cerminan minda dan jiwa bangsa merupakan salah satu unsur teras yang dapat memenuhi keperluan terhadap jati diri dan citra sendiri.



Rajah 5.2: Ibu Pejabat Pertama Dewan Bahasa dan Pustaka di Bukit Timbalan, Johor Bahru  
(Sumber: Citra Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000)



Rajah 5.3: Ibu Pejabat Kedua Dewan Bahasa dan Pustaka di Jalan Young  
(Sumber: Citra Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000)

Apabila negara mencapai kemerdekaan pada 1957, DBP telah berpindah ke Kuala Lumpur dan ditempatkan di sebuah bangunan bekas wad di Jalan Young. Jelas Rusmadi Baharudin (2002), perpindahan ini adalah untuk memudahkan segala pelaksanaan tugasnya yang selaras dengan pengisytiharan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan. Di samping itu, pada tahun 1959, DBP yang dapat dianggap penubuhannya sebagai penyediaan prasarana untuk memajukan dan mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu ini, sekali lagi telah melakarkan sejarah kewujudannya, iaitu organisasi ini telah dinaikkan tarafnya menjadi sebuah badan berkanun melalui Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959. Dengan taraf yang baharu ini, DBP diberi kuasa autonomi, iaitu (i) menggubal dasarnya yang khusus; (ii) menyusun program pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera; dan (iii) menjalankan kegiatan penerbitan dan perniagaan buku secara kompetitif menurut prinsip dan amalan perusahaan dan profesion penerbitan.



Rajah 5.4: Ibu Pejabat Ketiga Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur  
(Sumber: Citra Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000)

Pada tanggal 31 Januari 1952, DBP mendapat sebuah bangunan sendiri yang terletak di Jalan Lapangan Terbang Lama (sekarang Jalan Dewan Bahasa). Dengan perpindahan ini, maka bermulalah usaha dan program yang lebih teratur dan terancang untuk meningkatkan harkat dan martabat bahasa dan persuratan kebangsaan kita. Setelah setengah abad penubuhannya, pelbagai usaha peningkatan dan pembangunan fizikal dilakukan dan kini DBP mempunyai satu bangunan ibu pejabat yang baharu.



Rajah 5.5: Bangunan Baharu Ibu Pejabat Dewan  
Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur  
(Sumber: Citra Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000)

Dalam memastikan matlamat penubuhannya tercapai, DBP telah merangka satu pasukan pengurusan yang mantap untuk melaksanakan dasar dan amanah yang telah diberikan. Ini kerana kejayaan sesebuah organisasi bergantung pada sumber manusia. Oleh itu, pengurusan DBP telah membentuk kumpulan-kumpulan perkhidmatan dalam organisasi seperti Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional, dan Staf Sokongan. Selain itu terdapat juga jabatan dan bahagian yang bertanggungjawab melaksanakan urusan dan tugas pentadbiran serta khidmat sokongan iaitu Jabatan Pentadbiran, Personel dan Kewangan; Jabatan Khidmat Sokongan Teknikal; Bahagian Dasar dan Pembangunan Korporat; Bahagian

Sistem Maklumat; dan Pusat Dokumentasi Melayu, Unit Undang-Undang dan Bahagian Audit Dalam.

Di setiap jabatan ini pula terdapat bahagian-bahagian dan unit bagi memastikan jentera pentadbiran dan pengurusan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Jabatan Pentadbiran, Personel dan Kewangan disokong oleh Bahagian Pengurusan Personel, Bahagian Kewangan dan Bekalan, Bahagian Pentadbiran Am dan Unit Keselamatan. Sementara di bawah Jabatan Khidmat Sokongan Teknikal terdapat Bahagian Penyelaras Penerbitan, Bahagian Pracetak dan Percetakan, Bahagian Reka Bentuk, Bahagian Stor dan Pengedaran, dan Bahagian Perniagaan. Manakala Unit Perhubungan Awam pula berada di bawah Bahagian Dasar dan Pembangunan Korporat.

### **5.3.1 Jabatan Khidmat Sokongan Teknikal**

Jabatan Khidmat Sokongan Teknikal ditubuhkan bagi menangani pengeluaran dan pemasaran bahan penerbitan DBP termasuklah menangani penerbitan brosur, poster, buku cenderamata, kalender dan sebagainya untuk kegunaan korporat. Jabatan ini menyelaras semua fungsi yang dilaksanakan oleh Bahagian Pracetak dan Percetakan, Bahagian Reka Bentuk, Bahagian Perniagaan, Bahagian Stor dan Pengedaran serta Bahagian Penyelaras Penerbitan.

Jabatan Khidmat Sokongan Teknikal ditubuhkan pada 1995, selepas penyusunan semula DBP, khusus bagi menyelaras kerja selepas peringkat editorial. Pada waktu itu, semua bahagian yang menjalankan fungsi editorial di DBP diletakkan di bawah jabatan ini disebabkan fungsi bahagian berkenaan yang berkait rapat dengan tugas Jabatan Khidmat Sokongan Teknikal dalam menyokong pengeluaran buku. Pada tahun 1999, bahagian yang mempunyai

fungsi editorial sekali lagi disusun semula dan diletakkan di bawah Jabatan Penerbitan, sementara Jabatan Khidmat Sokongan Teknikal meneruskan fungsinya bagi menyokong kerja-kerja penerbitan dari peringkat atur huruf hingga ke peringkat percetakan dan pemasaran.



Rajah 5.6: Kakitangan di Jabatan Khidmat Sokongan Teknikal  
(Sumber: Citra Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000)

Dalam Jabatan Khidmat Sokongan Teknikal ini terdapat satu bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk penyelarasan urusan penerbitan. Bahagian ini lebih dikenali sebagai Bahagian Penyelarasan Penerbitan. Fungsi Bahagian Penyelarasan Penerbitan ialah untuk mengawal perjalanan kerja pengeluaran buku, membekal kod jalur dan juga menetapkan harga buku. Selain itu bahagian ini juga bertanggungjawab untuk penawaran kerja kepada syarikat luar seperti kerja atur huruf, kerja-kerja pemisahan warna dan juga urusan percetakan. Di samping itu, bahagian ini juga menguruskan kerja-kerja pembelian kertas dan membekalkan kertas tersebut bagi kerja-kerja mencetak. Bahagian ini juga turut berfungsi untuk menyelaras

dan mengemas kini pangkalan data penerbitan pada setiap masa supaya maklumat buku yang terbit dan yang dalam proses penerbitan dapat diketahui dengan cepat dan tepat.

Selain berfungsi sebagai penyelaras, bahagian ini juga memainkan peranan penting di mana perlu mengawasi dan memastikan perjalanan kerja mencetak oleh pencetak dan pembekal dalam keadaan terjamin mutunya. Perhatian khusus diberikan kepada kerja-kerja mencetak dan mengeluarkan buku teks sekolah rendah dan menengah Kementerian Pelajaran Malaysia serta bahan ilmiah lain dari institusi pengajian tinggi awam. Bahagian ini juga berfungsi untuk mengawal dan memantau kerja-kerja pengeluaran dan percetakan yang ditawarkan kepada syarikat-syarikat percetakan luar. Syarikat-syarikat percetakan ini terdiri dari syarikat milikan Bumiputera sepenuhnya yang berdaftar dengan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPM). Selain kerja-kerja pengeluaran dan percetakan buku-buku teks sekolah, DBP juga ada menerbitkan beberapa majalah seperti Dewan Masyarakat (1963), Dewan Pelajar (1967), Rintisains (1969), Dewan Sastera (1971) dan Dewan Perintis (1977). Majalah-majalah ini juga diberikan tender percetakannya kepada syarikat percetakan Bumiputera yang berdaftar dengan PPPMM. Bahagian Penyelaras Penerbitan ini juga bertindak untuk menyelia dari segi prestasi dan kontrak syarikat pencetak yang menjalankan kerja-kerja mencetak majalah yang telah difrancais selain tugasnya sebagai urus setia pelbagai jawatankuasa teknikal bagi pembekalan kertas, pemilihan pencetak, penerbitan bersama dan lain-lain lagi.

Bahagian lain yang terdapat di Jabatan Khidmat Sokongan Teknikal ialah Bahagian Pracetak dan Percetakan. Bahagian ini merupakan bahagian yang terpenting dalam penghasilan dan penerbitan buku-buku dan majalah terbitan DBP. Pada bahagian ini segala kerja-kerja dijalankan dengan menggunakan pelbagai peralatan elektronik canggih dan mesin cetak yang

moden pada era tersebut. Bahagian Pracetak berfungsi untuk memberikan perkhidmatan mengatur huruf hingga ke peringkat naskhah sedia kamera. Proses kerja dilaksanakan sepenuhnya menggunakan komputer dan pelbagai perisian untuk atur huruf dan penghasilan grafik.

Bahagian Percetakan merupakan bahagian terakhir untuk kerja-kerja mencetak dan penjilidan buku dan majalah berlaku. Bermula dari kerja kamera seperti pemisahan warna dan penghasilan filem manuskrip yang telah siap diaturkan oleh Bahagian Pracetak, bahagian ini bertindak untuk memindahkan imej-imej ke filem dan seterusnya ke plat cetak. Bahagian Percetakan ini seterusnya akan mencetak, menjilid dan membungkus bahan-bahan terbitan untuk dihantar ke stor. Segala kerja-kerja yang dilaksanakan mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Bahagian Percetakan ini bukan sahaja bertanggungjawab untuk mencetak bahan-bahan bacaan terbitan DBP bahkan bahagian ini juga diberi kepercayaan untuk mengawasi dan menilai mutu produk yang dibuat oleh syarikat luar seperti membuat kulit keras, teraan emas, kalendering dan berbagai-bagi lagi turut dilakukan oleh bahagian ini. Hal ini kerana kerja-kerja ini hanya dilakukan oleh syarikat luar lantaran pihak DBP tidak mempunyai peralatan-peralatan untuk menghasilkan kerja-kerja tersebut. Walaupun begitu, kerja-kerja ini juga perlu diserahkan kepada syarikat milikan Bumiputera yang berdaftar dengan PPPMM sahaja.

Bahagian Reka Bentuk merupakan satu bahagian yang amat berkait dengan Bahagian Pracetak dan Bahagian Percetakan. Ini kerana bahagian ini adalah bahagian pertama yang perlu dilalui sebelum imej manuskrip dipindahkan ke filem dan plat cetak. Bahagian Reka Bentuk berperanan untuk menghasilkan ilustrasi, penghasilan gambar foto, penentuan reka letak dan reka bentuk buku serta pelbagai produk lain keluaran DBP. Bahagian ini juga yang akan menetapkan *dummy* setiap bahan bacaan terbitan DBP. Kerja-kerja mereka bentuk ini

dihadarkan oleh pereka grafik yang mahir dan cekap. Setiap reka bentuk dibuat menggunakan komputer sementara ilustrasi pula dihasilkan melalui proses secara manual oleh pelukis-pelukis yang kreatif, terlatih dan berpengalaman.

Setiap bahan terbitan DBP seperti buku dan majalah dipasarkan oleh Bahagian Perniagaan dan Pemasaran. Bahagian Perniagaan dan Pemasaran ini menjalankan kerja-kerja seranta, promosi, pengedaran dan jualan. Penjualan bahan-bahan terbitan DBP dilaksanakan oleh pengedar dan kedai buku berdaftar yang dilantik di seluruh negara. Pengedar dan kedai buku berdaftar ini akan diselia, diberi khidmat nasihat dan taklimat tentang tugas mereka. Kini, kerja-kerja dari bahagian-bahagian ini telah diserahkan sepenuhnya untuk diuruskan oleh sebuah syarikat swasta iaitu Dawama Sdn Bhd. Penyerahan ini dibuat selaras dengan program kerajaan dalam Dasar Penswastaan yang diperkenalkan. Sesungguhnya penyerahan ini yang melibatkan bahagian-bahagian penting dalam Dewan Bahasa dan Pustaka ini juga merupakan punca utama selain pengkorporatan Jabatan Percetakan Negara yang menyebabkan kemerosotan perniagaan percetakan yang dimiliki oleh orang Melayu. Pelbagai kaedah yang dilakukan oleh PPPMM untuk terus memperjuangkan nasib pengusaha-pengusaha Melayu ini untuk memperolehi tender-tender percetakan dari DBP ini. Sesungguhnya tender-tender percetakan seperti mencetak buku teks dari DBP yang sebelum ini diserahkan kepada pengusaha percetakan Melayu bakal lenyap suatu masa nanti.

#### **5.4 Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia**

Penubuhan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia atau PPPMM telah didaftarkan pada 22 Jun 1975. Peringkat awal penubuhannya dilakukan tanpa perancangan yang rapi disebabkan Setiausaha Kerja Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia

(DPPMM) ketika itu Encik Abdul Rashid bin Abdullah telah berbincang dengan Encik Ahmad Nordin bin Haji Ahmad Amin daripada syarikat percetakan Dany Press yang merupakan seorang pengusaha yang begitu aktif menjalankan perniagaan percetakan ketika itu dan juga merupakan orang yang menyokong kuat penubuhan sebuah persatuan untuk membela nasib pengusaha-pengusaha percetakan Melayu. Beliau diberikan satu tanggungjawab untuk mewujudkan satu pasukan penaja dalam kalangan perngusaha percetakan Melayu untuk menubuhkan satu persatuan percetakan. Keputusan untuk menggesa pengusaha-pengusaha percetakan Melayu untuk mewujudkan satu persatuan merupakan keputusan dan kehendak Yang DiPertua Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia ketika itu iaitu YM Tengku Razaleigh Hamzah.

Disebabkan masa yang diberikan terlalu singkat untuk menubuhkan satu persatuan, waktu perasmian Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia ditetapkan pada 3 September 1975 maka Encik Ahmad Nordin berjaya mengumpul sejumlah pengusaha percetakan Melayu bagi mencapai kata sepakat untuk penubuhan persatuan ini. Menerusi persetujuan ini juga, satu Jawatankuasa Penaja juga telah berjaya ditubuhkan. Jawatankuasa ini akan bertindak selaku jawatankuasa yang memikul tanggungjawab dan tugas dalam kerja-kerja awal sekiranya persatuan ini berjaya ditubuhkan. Antara pengusaha percetakan Melayu yang telah dipilih untuk menganggotai Jawatankuasa Penaja ini terdiri daripada:

- i. Ahmad Nordin bin Haji Ahmad Amin (Dany Press Sdn. Bhd)
- ii. Radin Amir bin Radin Sohadi (Utusan Melayu Bhd)
- iii. Zulfadzli bin Mohd Yusof (Percetakan Trading)
- iv. Ibrahim bin Medan (Bahagia Trading)
- v. Hamid bin Bendahara (Percetakan Bendahara)

vi. Tuan Syed Mansor bin Syed Mahmud (Percetakan Adabi)

(Sumber: Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2004)

Bagi memastikan penubuhan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM) tercapai, Jawatankuasa Penaja telah mengambil Perlembagaan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia (DPPMM) untuk dijadikan sebagai panduan penubuhan perlembagaan PPPMM. Jawatankuasa Penaja PPPMM telah menyunting, mengubah suai dan membuat penambahbaikan Perlembagaan DPPMM sedia ada dan perlembagaan tersebut telah diguna pakai buat beberapa waktu oleh PPPMM. Perlembagaan tersebut masih terdapat kelemahan dan kekurangan maka seiring dengan peredaran dan perkembangan semasa maka perlembagaan tersebut sekali lagi diubah dan dikemaskini sehingga digunakan hingga kini.

Dalam proses penubuhan PPPMM, Jawatankuasa Penaja telah beberapa kali mengadakan mesyuarat penting bagi memastikan persatuan berjalan lancar dan sempurna serta dapat ditubuhkan sebelum tarikh perasmian rasminya. Antara agenda yang diperbincangkan ialah siapa yang akan menerajui PPPMM selepas perasmian secara rasminya. PPPMM ketika itu masih terlalu baru dan belum menampakkan kredibiliti calon-calon untuk dilantik bagi menerajui kepimpinan PPPMM, maka Zulfadzli Mohd Yusof dari Syarikat Percetakan Harian telah mencadangkan Sanusi bin Junid (kini Tan Sri) sebagai calon yang paling sesuai dilantik sebagai Yang DiPertua. Ketika itu Sanusi Junid bertugas di sebuah bank antarabangsa di Kuala Lumpur iaitu Chartered Bank (kini Standard Chartered Bank) dan juga memiliki perniagaan-perniagaan lain termasuklah bidang percetakan. Beliau memiliki 100 peratus pegangan saham dalam Percetakan Sarina Sdn. Bhd yang boleh dikatakan sebuah syarikat yang berdaya maju pada ketika itu. Kredibiliti yang dimiliki oleh Sanusi Junid amat terserlah dan kepimpinan beliau amat membanggakan majikan beliau. Pandangan Zulfadzli telah dipersetujui sebulat

suara dan PPPMM telah menghantar tiga orang wakilnya iaitu Zulfadzli, Ahmad Nordin dan Tuan Syed Mansor untuk bertemu dan menyuarakan pandangan persatuan untuk melantik beliau sebagai Yang DiPertua.

Walaupun mendapat sokongan yang padu daripada Jawatankuasa Penaja PPPMM, seperti yang telah diduga dari awal lagi Sanusi Junid akan menolak sama sekali pencalonan bagi merebut jawatan Yang DiPertua dan juga lain-lain jawatan. Beliau berpandangan jawatan Yang DiPertua dan jawatan-jawatan lain perlu diserahkan kepada orang-orang yang lebih lama berkecimpung dalam arena perniagaan percetakan. Hal ini kerana, beliau berasakan beliau masih terlalu baharu dalam dunia perniagaan percetakan. Beliau juga percaya masih ramai lagi calon-calon lain dalam persatuan yang berkemampuan untuk menerajui PPPMM.

Walaupun beliau sebulat suara menolak kesemua pencalonan tetapi beliau telah berjanji akan tetap bersama dan memberi sokongan padu kepada PPPMM. Beliau juga berjanji akan memberi bantuan sama ada dari segi moral mahu pun material. Beliau juga berpendapat siapa yang akan menerajui PPPMM tidaklah begitu penting, yang lebih penting bagi beliau PPPMM mesti diwujudkan dan digerakkan secepat mungkin untuk membantu golongan pengusaha percetakan Melayu yang dilihat tidak mempunyai hala tuju yang jelas berbanding pengusaha-pengusaha percetakan kaum Cina. Beliau menerima desakan dan sokongan yang begitu padu dari pewakilan PPPMM, maka beliau telah bersetuju dan menyahut seruan tersebut untuk bertanding dalam perebutan jawatan tertinggi dalam PPPMM. Untuk pemilihan kali pertama dalam jawatankuasa itu, tiga orang wakil dari persatuan telah mencabar Sanusi Junid untuk bertanding.

Sebagaimana yang ditetapkan pada 3 September 1975, Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia telah ditubuhkan dan dirasmikan oleh YM Tengku Razaleigh Hamzah di Bangunan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Majlis perasmian tersebut dijayakan dengan bantuan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia dan majlis juga berjalan lancar mengikut perancangan. Dalam majlis perasmian tersebut juga diumumkan Sanusi Junid sebagai pemenang dalam perebutan kerusi jawatan tertinggi dalam PPPMM. Kemenangan tersebut merupakan keputusan sebulat suara wakil-wakil dalam PPPMM untuk pemilihan jawatan Yang DiPertua Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia. Dalam ucapan awal sejurus keputusan kemenangan, beliau menyentuh beberapa perkara penting tentang pembangunan dan taraf ekonomi percetakan orang Melayu. Ucapan beliau mendapat sokongan yang begitu padu dan semua ahli berpendapat mereka memilih seorang Yang DiPertua yang tepat untuk membimbing dan mengemudi PPPMM seterusnya meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu dalam dunia perniagaan percetakan.

Pada peringkat awal selepas ditubuhkan secara rasminya, Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia bergerak tanpa mempunyai pejabat rasminya sendiri. Menyedari hakikat tersebut maka Sanusi Junid telah menggunakan pejabat beliau sendiri di Chartered Bank sebagai pejabat rasmi pertama PPPMM. Bukan sekadar itu, bahkan setiausaha beliau di Chartered Bank secara rasminya menjadi setiausaha pertama PPPMM. Hal ini kerana Sanusi Junid menyedari yang semua ahli PPPMM ketika itu belum begitu mantap dalam perniagaan percetakan.

Semasa kepimpinan Sanusi Junid, beliau telah banyak berkorban dalam pelbagai aspek bagi menjayakan matlamat penubuhan PPPMM dan meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu dalam industri percetakan. Antara kejayaan yang dianggap begitu berjaya dalam

meningkatkan pertumbuhan ekonomi orang Melayu dalam bidang percetakan ketika era kepimpinan Sanusi Junid ialah beliau berjaya memecahkan satu benteng di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di mana sebelum ini semua buku terbitan DBP dicetak oleh percetakan bukan Melayu. Beliau berpendapat DBP adalah sumber rezeki bagi orang-orang Melayu dan orang Melayu jugalah yang sepatutnya memperoleh keuntungan dari hasil keluaran DBP. Memandangkan rancangan ini dapat menjayakan agenda ekonomi orang Melayu kedua-dua belah pihak antara DBP dan PPPMM, maka satu majlis dialog diadakan dengan begitu berkesan sekali. Sebahagian ahli awal PPPMM yang mendapat faedah mencetak buku-buku terbitan DBP pada hari ini adalah hasil pergerakan permulaan dari beliau.

Melihat kepada kejayaan sebahagian besar ahli-ahli awal PPPMM dalam urusan percetakan buku-buku terbitan DBP, maka lebih ramai orang Melayu membuka syarikat dan menceburi bidang percetakan seterusnya berdaftar secara rasmi sebagai ahli PPPMM. Kejayaan memperolehi tender-tender percetakan buku terbitan DBP telah menyaksikan orang-orang Melayu yang bergiat aktif dalam dunia perniagaan percetakan dan menjadi ahli PPPMM telah menyaksikan orang Melayu menjadi kaya dan amat maju seiring dengan pengusaha percetakan bukan Melayu. Bukan sekadar itu sahaja, bahkan ada pengusaha percetakan Melayu telah membuat pelaburan besar mencecah jutaan ringgit dan memindahkan perniagaan percetakan mereka secara rumah kedai menjadi kilang percetakan.

Begitu hebat ekonomi orang Melayu ketika itu dalam dunia perniagaan percetakan dengan kejayaan mencetak buku-buku terbitan DBP. Hal demikian kerana DBP merupakan satu-satunya agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk mengendali, mencetak dan mengedar keseluruhan buku-buku teks sekolah melalui Kementerian Pelajaran dan bahan-bahan ilmiah lain. Perolehan percetakan kerajaan melalui DBP ini melibatkan kos jutaan ringgit

setahun dan selepas penyertaan PPPMM dalam kendalian urusan percetakan DBP maka pendapatan kerajaan melalui DBP semakin meningkat.

Sudah menjadi resam dalam kehidupan tiap-tiap yang bermula pasti akan berakhir. Begitu juga kepimpinan Sanusi Junid dalam Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia telah sampai ke penghujungnya. Kerana perwatakan dan minat untuk menceburi bidang politik yang memerlukan beliau memberikan sepenuh masa kepada kerjaya barunya, beliau telah melepaskan jawatan Yang DiPertua PPPMM pada 1977 setelah dua tahun menerajui persatuan tersebut. Sebelum pengunduran tersebut, beliau menanamkan semangat dan sikap sayangkan bangsa, berjuang dengan penuh semangat yang kuat dan penuh keazaman.

Selain itu, beliau juga berpesan supaya orang Melayu sentiasa mencari peluang-peluang baru dan mematahkan hasrat musuh-musuh dalam perniagaan yang cuba menyekat pembangunan ekonomi orang Melayu. Jelas beliau ini penting bagi merentas jalan ke arah pembangunan ekonomi orang Melayu dan memberi laluan yang agak mudah bagi generasi akan datang menceburi bidang perniagaan percetakan. Sejurus pengunduran Sanusi Junid, perjuangan beliau telah disambung oleh Radin Amir bin Radin Sohadi. Semangat dan rasa cinta yang ditinggalkan oleh Yang DiPertua dahulu bagi Radin Amir adalah satu amanah yang tidak boleh dipandang ringan dan diabaikan begitu sahaja.

Kepimpinan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia di bawah Radin Amir diteruskan dengan satu lagi pencapaian yang amat berharga. Beliau dengan dibantu oleh beberapa ahli jawatankuasa bergerak dengan begitu berkesan sekali menuntut hak dalam bidang percetakan untuk kepentingan keseluruhan ahli. Ketika di bawah kepimpinan beliau kerajaan telah mewartakan Surat Pekeliling Perbendaharaan 20/81 (SPP 20/81) yang

membolehkan keseluruhan jabatan dan agensi kerajaan persekutuan dan negeri mencetak keseluruhan keperluan mereka dengan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu yang berdaftar dengan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia.

Selepas kerajaan mewartakan SPP 20/81 telah menyaksikan sesetengah golongan terutama dari pengusaha percetakan bukan Melayu melihat perkembangan ini seperti membawa bencana dalam perniagaan mereka. Hal ini kerana sebelum kerajaan mewartakan SPP 20/81 tersebut, keseluruhan agensi dan jabatan kerajaan boleh mencetak dengan pengusaha-pengusaha percetakan dari kaum bukan Melayu. Dengan termeterai SPP 20/81 ini pihak pengusaha pengusaha percetakan Melayu boleh menarik nafas lega kerana keseluruhan jabatan dan agensi kerajaan perlu mencetak segala keperluan percetakan mereka hanya dengan orang Melayu sahaja.

Bantuan kedua kerajaan ini selepas tender percetakan buku terbitan DBP telah menyaksikan kejayaan orang Melayu dalam industri percetakan dan peningkatan keahlian dalam PPPMM. Orang Melayu ketika itu melihat bidang perniagaan percetakan merupakan satu industri yang amat menguntungkan. Dengan pelbagai bantuan disediakan seperti modal dan pinjaman oleh kerajaan, maka perniagaan percetakan orang Melayu semakin berkembang dan berdaya maju dengan kemunculan teknologi-teknologi terkini dalam badang percetakan seperti komputer, mesin cetak, pengimbas, fotografi dan lain-lain. Pengusaha-pengusaha percetakan Melayu mula berlumba-lumba untuk memperolehi teknologi-teknologi tersebut untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran percetakan dan mempercepatkan proses percetakan itu sendiri. Hasilnya perniagaan percetakan orang Melayu dilihat setaraf dan setanding dengan pengusaha percetakan kaum lain yang maju lebih awal. Antara syarikat percetakan Melayu yang begitu maju hingga kini ialah seperti syarikat percetakan Karangkraf yang memiliki

kilang percetakannya sendiri iaitu Ultimate Prints Sdn. Bhd dan syarikat percetakan Utusan Melayu Bhd.

### **5.5 Percetakan Nasional Malaysia Berhad**

Percetakan Nasional Malaysia Berhad atau lebih dikenali PNMB merupakan satu syarikat yang diwujudkan oleh Kerajaan Malaysia untuk mengambil alih kerja-kerja percetakan kerajaan yang sebelum ini diuruskan oleh Jabatan Percetakan Negara. Langkah kerajaan untuk mengkorporatkan JPN ini adalah rentetan proses kerajaan untuk memperbadankan jabatan-jabatan kerajaan lain seperti Lembaga Letrik Negara (LLN) kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Talikom kepada Telekom Malaysia Berhad (TM), Jabatan Perkhidmatan Pos kepada Pos Malaysia dan lain-lain lagi.

Langkah pengkorporatan JPN kepada PNMB ini sejajar dengan pengwartaan Surat Perkeliling Perbendaharaan (SPP) Bilangan 10 Tahun 1993 oleh kerajaan. Surat Perkeliling Perbendaharaan ini bertujuan untuk memberi panduan tentang tatacara pengurusan percetakan kerajaan antara PNMB dengan pengusaha-pengusaha percetakan orang Melayu yang sebelum ini dilaksanakan oleh JPN. Arahan-arahan dan tatacara yang termaktub dalam SPP tersebut perlu dipatuhi oleh kedua-dua pihak iaitu PNMB dan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu. Sebarang pelanggaran antara kedua-dua belah pihak dianggap melanggar arahan kerajaan dan boleh diambil tindakan seperti tiada pembayaran yang akan dilakukan oleh pihak Kementerian Kewangan kepada pihak yang melanggarnya.

Setelah pengkorporatan ini berlaku, PNMB menjadi sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan. Oleh itu PNMB telah diminta untuk

mewujudkan Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengurusan bagi menjadikan perjalanan perniagaannya lebih sistematik dan efisien. Langkah pengkorpotan PNMB ini diiringi dengan satu perjanjian konsesi antara pihak kerajaan dan pihak pengurusan PNMB. Dalam perjanjian konsesi itu PNMB diamanahkan oleh pihak kerajaan untuk mencetak hanya kerja daripada Jabatan dan Kementerian tertentu sahaja iaitu:

- i. Parlimen Malaysia
- ii. Kementerian Dalam Negeri
- iii. Kementerian Kewangan
- iv. Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia
- v. Jabatan Perdana Menteri

(Sumber: Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993)

Dalam perjanjian konsesi tersebut, PNMB dilarang sama sekali untuk mencetak dari jabatan atau kementerian yang selain dari yang disebut dalam perjanjian tersebut. Hal ini kerana kerajaan telah berjanji untuk memberikan tawaran kerja kepada PNMB berjumlah sekitar RM80 juta setahun selama tempoh konsesi ini berjalan iaitu 12 tahun. Kadar ini dikatakan sudah memadai untuk dikumpul oleh PNMB sebagai modal perniagaan apabila tamat tempoh konsesi tersebut. Pengusaha-pengusaha percetakan orang Melayu pula akan ditawarkan kerja-kerja percetakan dari jabatan dan kementerian-kementerian lain yang selain daripada dalam perjanjian konsesi PNMB tersebut (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2004).

Melalui SPP10/93 menyebut perolehan percetakan kerajaan yang bernilai tidak melebihi RM50,000 setahun, kaedah pembahagian perolehan tersebut akan dibuat melalui

sebut harga manakala perolehan yang bernilai lebih RM50,000 setahun hendaklah dibuat secara tender. Kaedah sebutharga dan tender hendaklah dipelawa daripada syarikat percetakan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berdaftar seratus peratus Bumiputera. Jabatan atau kementerian yang hendak menawarkan perolehan percetakan hendaklah mempamerkan iklan sebut harga di papan kenyataan di jabatan masing-masing dan satu salinan iklan hendaklah dihantar kepada Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia untuk dimaklumkan kepada ahli-ahli mereka. Amat jelas terma-terma yang terkandung dalam SPP tersebut bagi terus membela nasib pengusaha-pengusaha percetakan Melayu ini untuk terus maju dalam bidang ini walaupun pengkorporatan ini berlaku.

Walaupun dengan jelas disebut dalam SPP tersebut tentang peranan kedua-dua pihak iaitu PNMB dan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu dalam mendapatkan perolehan percetakan kerajaan, tetapi pelaksanaan dasar kerajaan tersebut sama sekali tidak dipatuhi oleh PNMB. Setelah pengkorporatan, PNMB dianggap berupaya untuk membangun sendiri maka pendapatan dari segi keuntungan dan kerugian syarikat akan ditentukan dari prestasi pengurusan syarikat dan ahli lembaga pengaruhnya. Bagi menjadikan PNMB terus memperoleh keuntungan dalam bidang percetakan ini, pihak pengurusan PNMB telah mengarahkan kakitangan pemasarannya untuk mendapatkan perolehan percetakan daripada jabatan dan kementerian selain daripada perjanjian konsesi yang telah termaktub.

Menurut Memorandum Bantahan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tentang pencerobohan Percetakan Nasional Malaysia Berhad terhadap Pencetak-pencetak Melayu bertarikh 7 Mei 1994 kepada Menteri Kewangan Malaysia menyebut, bekas Pengerusi Eksekutif PNMB memaklumkan pada jabatan kerajaan bahawa PNMB telah diiktiraf sebagai pencetak untuk pihak kerajaan keseluruhannya. Dengan makluman yang telah dibuat oleh

PNMB tersebut maka telah menyebabkan ekonomi pengusaha-pengusaha percetakan orang Melayu semakin parah. Jika dilihat PNMB telah melanggar perjanjian yang telah termaktub, tetapi hingga kini tiada sebarang tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan ke atas PNMB seperti mengkaji kembali perjanjian pengkorporatan yang telah dipersetujui.

Melihat kepada kerakusan PNMB membolot perolehan percetakan kerajaan memaksa PPPMM untuk menghantar beberapa memorandum bantahan kepada pihak kerajaan tetapi tiada sebarang tindakan yang diambil hingga kini (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2004). Ini menunjukkan kerajaan seolah-olah merestui tindakan PNMB yang dilihat mahu memusnahkan industri percetakan orang Melayu. Untuk merancakkan lagi perniagaan mereka, PNMB mengambil keputusan untuk menambah baik kelengkapan pengeluaran percetakan mereka seperti pembelian mesin-mesin cetak berteknologi tinggi. Pembelian peralatan ini dilihat untuk memaksimumkan kapasiti pengeluaran syarikat. Melalui pembelian peralatan ini juga dilihat mampu untuk menghasilkan pengeluaran percetakan dengan pantas tanpa mengharapkan bantuan dari orang luar seperti pengusaha percetakan orang Melayu. Dalam SPP10/93 ada menyebut bahawa jika PNMB tidak berupaya untuk menyiapkan tempahan cetakannya, maka PNMB perlu melantik pengusaha percetakan Melayu yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk mencetak kerja-kerja tersebut. Melalui pembelian peralatan baru itu maka PNMB berupaya untuk menyiapkan segala tempahan cetakan kerajaan.

Pelanggaran perjanjian perolehan percetakan kerajaan oleh PNMB ke atas pengusaha-pengusaha percetakan Melayu ini telah menyaksikan perusahaan mereka semakin terbeban dan mengakibatkan orang Melayu kehilangan punca pencarian (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2004). Akibatnya beberapa pengusaha Melayu menutup dan ada

juga yang terpaksa mengambil keputusan untuk mengecilkan operasi perniagaan mereka. Pelaburan yang dibuat oleh orang Melayu dalam bidang percetakan ini amat besar jumlahnya iaitu sekitar RM250 juta (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2004). Memetik kata-kata Presiden Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia Dato' Hj. Badruddin Bakar, beliau berkata:

“Bilangan usahawan Melayu yang mencebur入 bidang ini sangat berkurangan dan tidak mustahil, industri terus mengalami penguncupan dalam masa jangka panjang atau mungkin dalam jangka masa terdekat. Selain itu, pelaburan untuk membuka perniagaan ini bukannya sedikit dan sekiranya benar-benar mahu bersaing dalam perniagaan ini, pelaburan awal dianggarkan sekitar RM250,000 hingga RM300,000. Bagaimanapun, tanpa kontrak percetakan, pelaburan itu akan menjadi sia-sia saja dan menyebabkan ada antara ahli kami yang terpaksa menjual aset sedia ada untuk meneruskan operasi kilang percetakan masing-masing. Jika kilang ditutup, ia akan menyebabkan ramai pekerja kehilangan pendapatan terutama mereka yang bergantung penuh dengan bidang itu”.

(Sumber : Harian Metro 12/04/2005)

Situasi sebegini amat membimbangkan kerana pengusaha percetakan Melayu ini kerana masih mengharapkan bantuan daripada pihak kerajaan berupa tender percetakan. Jika keadaan sebegini masih berlarutan tidak mustahil satu masa nanti industri percetakan orang Melayu akan terkubur. Kemunculan orang Melayu dalam bidang ini bukanlah setahun jagung bahkan telah lama meniti masa dalam industri. Dalam industri ini telah muncul usahawan Melayu yang berjaya seperti Dato Husamuddin Yaakob iaitu, pengasas dan pemilik syarikat

penerbitan Karangkraf yang berjaya membina empayar penerbitan dan percetakan terbesar di Malaysia.

### **5.5.1 Ancaman Percetakan Nasional Malaysia Berhad Terhadap Pencetak-pencetak Melayu**

Percetakan Nasional Malaysia Berhad merupakan sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah program penswastaan kerajaan bagi mengambil alih kerja-kerja percetakan yang sebelumnya dijalankan oleh Jabatan Percetakan Negara (JPN). Sebelum pengkorporatan JPN ini berlaku, pihak Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM) yang mewakili keseluruhan pengusaha percetakan Melayu yang berdaftar dengannya telah beberapa kali mengadakan perjumpaan dan dialog berkaitan pengkorporatan ini dengan Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri dan Unit Perancang Ekonomi (EPU). Hasrat PPPMM bukanlah untuk menentang malah menyokong program pengkorporatan JPN keseluruhannya. Apa yang diinginkan oleh PPPMM, pengkorporatan ini tidak sekali-kali menjas atau menggugat aktiviti dan perjalanan perusahaan percetakan Melayu. Penegasan yang dibuat oleh PPPMM ialah pengkorporatan ini hendaklah membantu usahawan bumiputera dan bukan membunuh atau menghapuskan mereka dengan memberi saingan yang cukup kuat kepada mereka. Hasrat ini amat jelas apabila wakil PPPMM di Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga yang dianjurkan oleh pihak kerajaan telah menyentuh isu pengkorporatan ini dalam membantu usahawan bumiputera. Impian kerajaan dalam penganjuran kongres ini adalah untuk merealisasikan dan mewujudkan *bumiputera community in commerce and industry* (BCCI) pada tahun 2020 (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2004).

Dalam isu pengkorporatan ini, PPPMM diberi jaminan dalam beberapa perbincangan pengkorporatan ini dari YB Timbalan Menteri Kewangan, Ketua Pengarah JPN, Pengarah Pengswastaan EPU dan juga pegawai-pegawai tinggi jabatan berkenaan bahawa pengkorporatan JPN tidak akan menggugat dan menjelaskan pencetak-pencetak Melayu yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Selain itu, Ketua Setiausaha Negara pada ketika itu juga memberi jaminan aktiviti percetakan kaum Melayu tidak akan sesekali terancam oleh PNMB malah mereka akan dibantu oleh PNMB. Perbincangan dan jaminan yang diberikan dilihat hanya sekadar janji sahaja kerana selepas pengkorporatan JPN berlaku, PNMB telah melanggar perjanjian tersebut. Dalam perjanjian pengkorporatan itu, PNMB diberikan satu perjanjian konsesi percetakan yang mana mereka hanya boleh menerima dan mengambil tempahan percetakan pada kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan tertentu sahaja dan selebihnya akan dimiliki oleh usahawan Melayu melalui tender dan sebut harga antara mereka. Dalam perjanjian konsesi tersebut juga menyebut bahawa harga yang ditawarkan adalah jauh lebih tinggi dari kadar cetakan yang dijalankan oleh ahli PPPMM sebelum pengkorporatan JPN ini berlaku.

Kerajaan telah menetapkan kadar cetakan yang akan diperoleh oleh PNMB berjumlah RM80 juta setahun sehingga perjanjian konsesi ini tamat selama 12 tahun akan datang. Ini bermakna PNMB bakal menikmati pendapatan hampir RM1 billion sepanjang konsesi ini berjalan. Walaupun begitu, konsesi ini dilihat oleh PNMB seolah-olah terlalu kecil dan mereka melanggar perjanjian tersebut. Ini jelas apabila PNMB mencerobohi pasaran di luar konsesi dan mengaut keuntungan berlipat kali ganda hasil pencerobohan tersebut. Percetakan Nasional Malaysia Berhad mengarahkan kakitangannya untuk menjalankan pemasaran di kementerian dan jabatan jabatan kerajaan lain yang langsung tiada kena mengena dalam perjanjian konsesi (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2004).

Pihak PNMB menyatakan pada kakitangan kementerian dan jabatan-jabatan itu bahawa pihaknya adalah anak syarikat kerajaan dan keseluruhan kerja-kerja percetakan perlu disalurkan kepada mereka. Penguasaan PNMB dalam perniagaan percetakan dilihat semakin besar pasarnya apabila Pengurus Eksekutifnya sendiri mengumumkan mereka merupakan pencetak keselamatan yang diiktiraf oleh kerajaan sedangkan ketika itu hanya terdapat satu sahaja pencetak keselamatan iaitu Percetakan Keselamatan Nasional Sdn Bhd. Ini merupakan satu dorongan untuk PNMB meluaskan bidang perniagaan percetakan mereka ke tahap yang lebih luas.

Hasil pengumuman Pengurus Eksekutifnya itu menyaksikan banyak jabatan kerajaan menyalurkan percetakan keselamatan mereka kepada PNMB. Perkara sebegini amat jelas melanggar perjanjian konsesi dan arahan Surat Pekeliling Perbendaharaan Kerajaan (SPP) yang diwartakan bagi proses pengkorporatan ini. Setelah memperoleh tender percetakan yang luar kemampuan untuk dihasilkan, PNMB telah mengagihkan kerja tersebut kepada pencetak luar (bukan usahawan Melayu) untuk disiapkan kerana mereka tiada peralatan dan kapasiti untuk mencetak bahan atau dokumen yang dipesan oleh jabatan dan kementerian terbabit. Ini menunjukkan PNMB memperoleh keuntungan yang amat mudah hasil pemasaran di luar perjanjian. Perkara sebegini amat jelas telah melanggar perjanjian mereka dengan pihak kerajaan sebelum ini.

Tindakan PNMB ini dilihat mahu menghancurkan perniagaan percetakan Melayu. Selain itu hubungan baik sebelum ini antara PPPMM dan JPN seakan-akan menemui keretakan dan noktah kerana tindakan PNMB telah menutup pintu rezeki usahawan-usahawan percetakan Melayu dari tindakan ini. Tidak cukup dengan itu, PNMB juga dalam tempoh konsesi ini telah

berdaftar dengan pihak Dawama Sdn Bhd iaitu syarikat percetakan yang diwujudkan oleh DBP untuk mengambil alih kerja-kerja percetakan dan pengedaran buku-buku terbitan DBP sebagai pencetak (Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tahun 2012/2014). Apabila ini berlaku PNMB dilihat ingin menyaingi usahawan-usahawan Melayu lain dalam pembolotan tender-tender percetakan kerajaan. Pencerobohan ini amat jelas mengakibatkan kesengsaraan kepada usahawan Melayu yang begitu mengharapkan bantuan kerajaan melalui Dasar Ekonomi Baru untuk membantu kaum bumiputera lebih maju dalam perniagaan selain merealisasikan BCCI pada tahun 2020 kelak.

Melihat kepada pelanggaran syarat oleh PNMB dalam perolehan percetakan kerajaan, PPPMM yang mewakili sejumlah besar bilangan usahawan Melayu yang bergiat dalam perniagaan percetakan telah mengambil tindakan dengan mengemukakan beberapa memorandum bantahan tentang pencerobohan ini kepada Perdana Menteri ketika itu iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad, Menteri Kewangan Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Ketua Setiausaha Negara. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk diambil perhatian antaranya ialah:

- i. Mencadangkan pihak kerajaan memberikan kerja-kerja cetak dari jabatan dan kementerian di bawah perjanjian konsesi yang diberikan kepada PNMB sahaja
- ii. Menghentikan kaedah kerja pemasaran yang dilakukan PNMB supaya kakitangan kerajaan lain tidak terkeliru. Surat Pekeliling Perbendaharaan sebaik-baiknya dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan dan atau bagi pihak Menteri Kewangan sendiri supaya penguatkuasaan lebih bermakna.

iii. Mencadangkan kepada kerajaan supaya Badan Kawalan Kerajaan (Regulatory Body) yang mengawasi kegiatan PNMB harus berfungsi dengan sebaik-baiknya. Badan ini perlu mengawasi kegiatan PNMB, kadar harga yang ditawarkan kepada kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan tidak melampaui batas dan seterusnya mereka tidak mencerobohi bidang kerja cetak usahawan-usahawan Melayu.

iv. Persatuan Pengusaha Pencetak Melayu Malaysia sedia menerima hakikat persaingan terbuka dengan PNMB sekiranya boleh meringankan pentadbiran kerajaan dengan syarat tidak ada lagi konsesi untuk PNMB.

(Sumber: Memorandum PPPMM, 1998)

Walaupun telah beberapa kali menyatakan bantahan melalui memorandum dan surat terbitan kepada pemimpin tertinggi dan pentadbir kerajaan, pencetak Melayu terus menemui jalan buntu untuk membendung masalah yang dihadapi terus berleluasa. Beberapa siri dialog turut juga diadakan bagi membolehkan pandangan PPPMM yang mewakili keseluruhan pengusaha percetakan Melayu turut menemui kegagalan. Perkara ini boleh dibendung jika pihak kerajaan memandang serius dengan tindakan yang dilakukan oleh PNMB terhadap pengusaha percetakan Melayu.

## **5.6 Penswastaan Bahagian Pemasaran dan Percetakan DBP dan Dawama Sdn Bhd**

Proses penswastaan bahagian-bahagian percetakan, pracetak, reka bentuk, pemasaran dan pengedaran buku Dewan Bahasa dan Pustaka ini berlaku dalam keadaan kerajaan pada 1997 mengalami kegawatan ekonomi. Jika dilihat secara rasionalnya penswastaan ini tidak sepatutnya berlaku dalam tempoh tersebut memandangkan terma-terma yang terkandung

dalam perjanjian penyerahan bahagian-bahagian tersebut kepada pihak swasta sepenuhnya tidak banyak memihak kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Memetik kata-kata bekas Ketua Pengarah DBP ketika penswastaan ini berlaku iaitu Dato' A. Aziz Deraman, beliau berkata:

“Penswastaan beberapa fungsi utama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan diteruskan walaupun tergendala berikutan kegawatan ekonomi sekarang. Fungsi utama yang terbabit dalam penswastaan ialah bahagian percetakan, pemasaran, reka letak dan reka bentuk penerbitan buku dan majalah DBP. Keputusan untuk meneruskan cadangan penswastaan itu terletak pada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dan pihaknya tidak pasti tarikh sebenar rancangan berkenaan akan dilaksanakan. Pada masa sekarang DBP dan EPU sudah menyelesaikan masalah

teknikal tetapi tidak dapat membuat keputusan untuk meneruskan rancangan itu kerana kegawatan ekonomi.

(Sumber: Utusan Melayu, 3 Februari 1998)

Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPM) melihat penswastaan ini akan lebih menguntungkan pihak swasta yang akan mengambil alih keseluruhan tugas-tugas bahagian yang terlibat dengan penswastaan ini. Sebelum penswastaan ini berlaku, segala percetakan buku, majalah dan pelbagai lagi penerbitan DBP dicetak oleh pengusaha-pengusaha percetakan Melayu ini. Hubungan perniagaan antara DBP dan pengusaha-pengusaha Melayu ini telah berjalan hampir 23 tahun itu dan sepanjang tempoh itu boleh dikatakan tiada sebarang masalah besar yang timbul antara kedua-dua belah pihak (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2004). Amat memerlukan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia dan ahli-ahlinya apabila pihak pengurusan DBP mengambil keputusan untuk

menswastakan bahagian-bahagian tersebut tanpa membawa isu terbabit ke meja rundingan untuk berbincang.

Dewan Bahasa dan Pustaka sebelum membuat keputusan untuk penswastaan ini mengamalkan konsep memayungi pengusaha-pengusaha percetakan Melayu ini. Sejak dari mula lagi kepercayaan yang diberikan oleh kerajaan melalui Kementerian Pelajaran untuk mencetak dan menerbitkan buku-buku teks sekolah rendah dan menengah seluruh negara kepada DBP, sejak itulah konsep payung tersebut diperkenalkan (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2004). Boleh dikatakan konsep payung yang diperkenalkan pihak DBP ini telah menarik minat lebih ramai penyertaan orang Melayu dalam bidang percetakan ini.

Selain itu, syarat yang diperkenalkan DBP kepada pengusaha-pengusaha percetakan Melayu ini bagi mendapatkan tender-tender percetakan DBP perlu menjadi ahli PPPMM, maka pendaftaran dalam persatuan juga semakin bertambah bilangannya. Pengenalan konsep payung oleh DBP telah menyaksikan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu ini menikmati kesenangan dan pulangan yang besar. Selain itu, perniagaan mereka juga semakin bertambah besar. Pelaburan demi pelaburan telah dilakukan oleh pengusaha-pengusaha Melayu bagi menambah baik kelengkapan industri seperti mesin cetak dan penjilidan. Ini bagi memastikan proses percetakan buku-buku dan majalah terbitan DBP dapat disiapkan pada waktu yang ditetapkan.

Proses penswastaan ini menyaksikan sembilan buah syarikat swasta dan individu yang menyatakan minat untuk mendapatkan hak pemilikan bahagian-bahagian tersebut. Antara syarikat yang berminat ialah Utusan Melayu, Percetakan Yayasan Islam Terengganu,

Percetakan dan Penerbitan Pasarin, Mahir Holdings, Af Dilia Holding, DTP Enterprise, Konsortium Dewan Edar dan Dato' Azhar Hashim (Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tahun 2012/2014). Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai hak dan kuasa untuk memberi cadangan kepada pihak kerajaan dalam pemilihan syarikat yang bakal diberikan tanggungjawab untuk mengambil alih selepas penswastaan ini berlaku. Hal ini kerana DBP lebih memahami dan mengetahui keupayaan syarikat yang bakal mengurus bahagian-bahagian yang akan diswastakan kelak dari segi kelengkapan, kemampuan dan segala aspek lain.

Beberapa pertemuan dan perbincangan diaturkan oleh DBP dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi memilih syarikat swasta yang akan memiliki bahagian-bahagian yang akan diswastakan. Encik Lokman Harun iaitu pemilik DTP Enterprises telah dipilih untuk mendapatkan hak bahagian-bahagian yang diswastakan. Namun begitu, syarikat tersebut bukan berlatar belakangkan bidang percetakan. Justeru, tidak banyak maklumat berkaitan syarikat tersebut.

Pemilihan syarikat DTP Enterprises ini juga telah menyebabkan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia dan ahli-ahlinya tersentak dengan pengumuman pemilik baharu kepada bahagian percetakan, reka bentuk dan pemasaran DBP ini. Hal demikian kerana mereka menjangkakan syarikat Utusan Melayu dan Percetakan Yayasan Terengganu yang akan memenangi perebutan penswastaan ini (Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tahun 2012/2014). Jika dibanding dari segi modal atau pengalaman dalam bidang percetakan ini, kedua-dua syarikat ini berpengalaman luas dan mereka juga merupakan ahli PPPMM.

Penswastaan ini juga melibatkan perjanjian konsesi di antara DTP Enterprises dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Tempoh perjanjian konsesi ini memakan masa yang agak panjang iaitu selama 12 tahun bermula dari 1 September 2002 hingga 2014. Kejayaan memiliki hak penswastaan ini menyaksikan pertukaran pemilik Dawama Sdn Bhd yang sebelum ini telah didaftarkan oleh DBP pada 14 Oktober 1999. Sebelum penswastaan ini berlaku, kerja-kerja percetakan dan pemasaran buku dilakukan oleh Dawama. Dawama merupakan sebuah anak syarikat DBP yang ditubuhkan untuk memasarkan buku-buku dan majalah-majalah terbitan DBP.

Sudah menjadi tanggungjawab DBP untuk mencetak dan menerbitkan buku-buku teks sekolah Kementerian Pelajaran tetapi peranan Dawama ialah untuk memasarkan buku-buku umum seperti cerpen, novel, buku ilmiah, rujukan dan majalah-majalah DBP. Selain dari menerbitkan buku teks sekolah, DBP juga menghasilkan dan menerbitkan buku umum. Selain itu DBP merupakan pilihan utama penulis-penulis untuk menerbitkan hasil nukilan mereka. Oleh kerana itulah DBP menubuhkan Dawama untuk mengambil alih kerja-kerja penerbitan buku-buku umum dan majalah-majalah keluarannya.

Kini, Dawama Sdn Bhd di bawah pengurusan baharunya selepas proses penswastaan berlaku akan berperanan untuk mengambil alih aktiviti-aktiviti DBP iaitu pracetak, reka bentuk, percetakan, pemasaran dan pengedaran penerbitan. Bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih baik dan cemerlang, Dawama meningkatkan prasarana kilang cetaknya dengan pembelian peralatan percetakan yang baru dan sofistikated untuk lebih berdaya saing dalam industri percetakan buku tanah air (Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tahun 2012/2014). Dawama juga bertanggungjawab untuk mengedarkan buku teks skim pinjaman Kementerian Pelajaran Malaysia ke sekolah-sekolah

dan menyebarluaskan buku-buku judul am, umum dan majalah terbitan DBP ke seluruh negara. Untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini, Dawama melantik pengedar-pengedar untuk mengedar dan memasarkan buku-buku teks dan buku-buku judul am dan umum terbitan DBP ke seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Sudah menjadi lumrah apabila penswastaan ini berlaku bermakna akan terdapat syarikat atau individu yang memiliki saham dalam Dawama Sdn Bhd. Pemilikan saham utama Dawama Sdn Bhd kini dimiliki oleh DTP Enterprises, Konsortium Dewan Edar (KDE) dan Dato' Azhar Hashim, seorang tokoh korporat yang dikenali di Malaysia.

#### **5.6.1 Pelanggaran Perjanjian oleh Dawama Sdn Bhd kepada Pengusaha Percetakan Melayu**

Proses penswastaan Dawama Sdn Bhd oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ini telah tamat. Tempoh perjanjian ini berlangsung selama 12 tahun bermula dari 1 September 2002 dan tamat pada tahun 2014. Perjanjian konsesi ini dipersetujui oleh kedua-dua pihak antara DBP dan DTP Enterprises bagi mendapatkan hak pemilikan Dawama Sdn Bhd melalui proses penswastaan beberapa bahagian dalam DBP. Menurut perundangan perjanjian konsesi ini tidak boleh didedahkan kepada umum kerana ia masih berkuatkuasa dan hanya pihak atasan DBP dan DTP Enterprises sahaja yang berhak dan berkuasa sepenuhnya ke atas perjanjian tersebut. Melalui temubual yang diadakan dengan bekas-bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, sedikit sebanyak maklumat yang terkandung dalam perjanjian konsesi terbabit dapat dicungkil. Maklumat-maklumat yang diperolehi juga terbatas kepada pembahagian keuntungan, penyaluran kerja-kerja cetak, kaedah-kaedah penawaran tender percetakan dan

jenis-jenis tender percetakan yang perlu dilakukan oleh syarikat Dawama Sdn Bhd. Perjanjian ini amat penting kerana ia melibatkan peranan baru Dawama yang sebelum ini hanya berfungsi sebagai pengedar bahan-bahan terbitan DBP, pemindahan kakitangan DBP kepada Dawama dan penglibatan pengusaha percetakan Melayu dalam kerja-kerja percetakan DBP.

Walaupun perjanjian konsesi ini ditanda tangani dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak antara DBP dan DTP Enterprises tetapi perjanjian pembahagian keuntungan jelas lebih memihak kepada Dawama dan pemilik-pemilik sahamnya. Perjanjian berat sebelah ini memperlihatkan kerugian yang amat besar akan ditanggung oleh DBP sepanjang perjanjian konsesi ini berjalan jika perjanjian tersebut tidak dikaji dan tiada campur tangan lain daripada pihak kerajaan. Jumlah kerugian itu melibatkan ratusan juta ringgit kerana nisbah pembahagian keuntungan dalam perjanjian konsesi tersebut lebih tinggi diperolehi oleh Dawama. Menurut perjanjian tersebut nisbah agihan keuntungan perniagaan ialah sebanyak 20:80 untuk kerja-kerja percetakan buku teks sekolah manakala untuk percetakan lain selain buku teks pula ialah 30:70.

Bagi kerja-kerja mencetak buku teks pihak DBP akan memperoleh keuntungan hanya 20 peratus sahaja manakala pihak Dawama akan menikmati keuntungan yang tinggi iaitu 80 peratus. Ini jelas menunjukkan DBP begitu tertekan dengan perjanjian berat sebelah ini. Pihak DBP perlu berbelanja lebih untuk membayar royalti kepada penulis-penulis manuskrip yang terlibat dalam penerbitan buku teks tersebut. Selain itu juga, DBP perlu berbelanja untuk menampung kos-kos lain untuk kerja-kerja cetakan tersebut. Secara kasarnya keuntungan yang diperolehi oleh DBP amat kurang jumlahnya berbanding dengan Dawama yang memperolehi jumlah keuntungan yang tinggi. Bagi nisbah 30:70 pula ialah agihan keuntungan yang bakal diperolehi oleh DBP untuk kerja-kerja mencetak buku-buku selain buku-buku teks sekolah.

Jumlah agihan ini juga merupakan jumlah yang agak tinggi yang diterima oleh Dawama. Jelas menunjukkan DBP akan mengalami kerugian yang besar selepas penswastaan ini berlaku.

Dari segi penyaluran kerja-kerja percetakan juga ada disebut dalam perjanjian konsesi tersebut. Pihak Dawama diarahkan untuk menyalurkan kerja-kerja percetakan dari DBP ini kepada syarikat-syarikat percetakan Melayu yang dipayungi DBP sebelum ini. Pihak Dawama perlu memastikan hubungan erat sebelum ini antara DBP dan pengusaha percetakan Melayu ini terus akrab dalam memperolehi tender-tender percetakan DBP. Selepas penswastaan ini berlaku, pihak Dawama dilihat mengabaikan arahan yang termaktub dalam perjanjian konsesi terbabit untuk menyalurkan tender-tender percetakan DBP ini kepada pengusaha percetakan Melayu. Ini jelas telah melanggar perjanjian yang telah dipersetujui antara Dawama dan DBP.

Nilai kerja mencetak buku teks dan bukan buku teks masa kini oleh DBP adalah berjumlah RM30 juta setahun (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2004). Di bawah konsep payung yang diamalkan, pengagihan kerja mencetak ini DBP memberi peluang kepada pencetak Melayu untuk mencetak buku teks sebanyak RM15 juta iaitu 50 peratus daripada kerja-kerja DBP. Sebahagian lagi kerja-kerja mencetak buku teks ini akan dijalankan sendiri oleh pihak DBP. Konsep payung yang diamalkan DBP banyak meningkatkan kemajuan kepada pencetak Melayu untuk terus maju dalam bidang percetakan ini. Selepas penswastaan berlaku pihak Dawama telah melanggar perjanjian untuk menyalurkan kerja-kerja mencetak ini kepada pencetak Melayu. Pihak Dawama juga telah merampas hak pencetak Melayu berjumlah 50 peratus dari nilai kerja-kerja mencetak buku teks keseluruhannya. Dawama telah membuat ketetapan mereka sendiri yang mana pihaknya akan menjalankan kerja-kerja mencetak buku teks pada kadar baru iaitu 70 peratus dari nilai keseluruhannya. Baki 30 peratus lagi itu pula barulah akan diserahkan kepada pencetak

Melayu. Pihak Dawama merasakan mereka mempunyai kuasa autonomi untuk membuat pengagihan-pengagihan tersebut. Selain itu juga pihak Dawama akan menetapkan kadar yang akan dibayar kepada pencetak Melayu dan pencetak Melayu tidak boleh meletakkan harga mengikut kadar mereka.

Bagi memastikan kerja-kerja mencetak buku teks ini tidak melebihi jumlahnya yang akan diberikan kepada pencetak Melayu maka pihak Dawama telah menambah jumlah pencetak dalam senarai mereka. Untuk mengaburi mata pencetak-pencetak Melayu ini, pihak Dawama telah menambah senarai pencetak yang mana di antara syarikat-syarikat baru yang didaftarkan itu dimiliki oleh orang-orang yang mempunyai kepentingan dalam Dawama. Tindakan ini bertujuan untuk lebih menguntungkan Dawama di mana pemilihan syarikat yang akan disalurkan kerja-kerja mencetak buku teks ini diuruskan sepenuhnya oleh Dawama maka sebaiknya mereka memberikan kerja-kerja mencetak itu kepada kroni-kroninya sahaja. Tindakan ini juga bertujuan untuk memusnahkan industri percetakan milik orang Melayu yang telah lama bekerjasama dengan pihak DBP.

Perkara sebegini juga telah mengundang kemarahan pencetak Melayu yang terang-terangan bertentangan dengan Dasar Ekonomi Baru yang diwujudkan untuk menjaga kepentingan Bumiputera dalam perniagaan selain dapat mengembangkan lagi perniagaan mereka. Beberapa bantahan telah dibuat oleh Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia bagi mendapatkan kembali hak orang Melayu yang telah dirampas sepenuhnya oleh Dawama Sdn Bhd. Dalam sesi-sesi bantahan tersebut mereka juga telah menghantar memorandum kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka serta Unit Perancang Ekonomi untuk campur tangan dan menyelesaikan kemelut masalah yang dihadapi oleh pencetak-pencetak Melayu ini hasil penswastaan ini.

Sebelum penswastaan ini berlaku terdapat seramai 40 pencetak yang berdaftar dengan DBP tetapi selepas penswastaan ini berlaku jumlahnya meningkat sebanyak 100 peratus menjadi 87 buah syarikat (Lampiran C). Di antara syarikat-syarikat yang tersenarai dipercayai milik kaum keluarga pihak pengurusan Dawama. Dawama Sdn Bhd diterajui oleh empat orang pemegang saham terbesar mereka iaitu Muhammad Lokman Che Harun, Kamaruzzaman Muda, Datuk Ghani Ngah dan Datuk Azhar Hashim. Menurut sumber daripada DBP, pemegang-pemegang saham ini telah membentuk dan mendaftar syarikat percetakan yang baru dalam senarai pencetak-pencetak Dawama.

Tujuan mereka bagi memperolehi tender percetakan buku teks yang dicetak oleh DBP seterusnya keuntungan yang diperoleh akan terus masuk dalam akaun syarikat tanpa terlepas pada pencetak-pencetak lain. Jumlah keuntungan yang diperolehi Dawama agak tinggi di mana kebanyakan tender-tender percetakan yang bernilai tinggi akan disalurkan kepada pencetak-pencetak mereka sahaja. Sejak penswastaan ini berlaku boleh dikatakan pencetak-pencetak Melayu hanya diberikan sejumlah kecil tender percetakan iaitu sekitar RM6 juta sahaja setahun.

Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia dan ahli-ahlinya berpendapat penswastaan ini sewajarnya tidak patut berlaku kerana setakat ini semua kerja cetak yang diagihkan oleh DBP kepada pencetak Melayu dapat dilaksanakan dan tidak mendatangkan sebarang masalah. Kekurangan tender percetakan dari DBP kerana ketidakadilan Dawama dalam pengagihan tender percetakan menyebabkan pelaburan yang dilakukan oleh pencetak-pencetak Melayu berjumlah RM250 juta dan jumlah guna tenaga seramai 3500 orang mengalami kerugian besar (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2004).

Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia juga berpendapat, penswastaan ini akan menguntungkan beberapa pencetak (yang mempunyai hubungan dengan pengurusan Dawama dan pemegang sahamnya) dan akan membunuh pencetak-pencetak Melayu lain yang berdaftar dengan DBP dan PPPMM. Mereka juga berharap jika penswastaan ini hendak diteruskan, biarlah keseluruhan pencetak-pencetak Melayu memperoleh manfaat dan bukan hanya satu atau dua syarikat yang mempunyai kepentingan sahaja bakal menikmatinya.

Selain itu penswastaan ini bukan sahaja merampas hak dan peluang orang Melayu bahkan akan menyebabkan peruntukan kerja-kerja mencetak melebihi 50 peratus buku teks juga akan terlepas. Keadaan ini berlaku kerana Dawama memberikan kontrak mengikut pengiraan sendiri dan tempoh pembekalan yang diberikan amat singkat. Setelah kerja-kerja cetak yang telah siap dilaksanakan oleh pencetak-pencetak Melayu, kaedah pembayaran yang dibuat adalah berperingkat dan melebihi tempoh masa kredit yang telah ditetapkan. Keadaan sebegini akan menyulitkan aliran tunai dalam perniagaan orang Melayu. Untuk mencetak kerja-kerja percetakan ini, pihak Dawama akan membekalkan bahan mentah seperti kertas untuk dicetak. Kebiasaannya pihak Dawama akan membekalkan kertas mengikut kiraan mereka sendiri yang sering tidak mencukupi. Keadaan ini mengakibatkan pencetak-pencetak Melayu terpaksa membeli kertas tambahan untuk menyiapkan kerja. Kos tambahan kertas ini tidak akan ditanggung oleh Dawama dan sekiranya kos itu dituntut pihak Dawama tidak membayar kembali kos yang telah dikeluarkan itu.

Kos tersebut juga menyebabkan peningkatan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh pencetak-pencetak Melayu. Ketika DBP mengambil alih kerja-kerja mencetak ini, kaedah pembekalan kertas ini tidak dipraktikkan maka pencetak-pencetak Melayu bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyiapkan kerja-kerja tersebut. Secara tidak langsung pencetak-pencetak

Melayu tidak akan terbeban sekiranya bahan kertas dan bahan lain tidak mencukupi kerana DBP akan membuat bayaran keseluruhannya termasuk kos-kos sampingan lain setelah kerja-kerja disiapkan. Lain pula keadaan yang dialami oleh pencetak-pencetak Melayu setelah Dawama diambil alih di mana pembayaran akan dilakukan tanpa mengambil kira kos-kos pembelian bahan-bahan yang tidak mencukupi yang telah dibeli oleh pencetak Melayu.

Dalam proses penawaran tender-tender percetakan pula, pihak Dawama membuat keputusan untuk memberikan tender percetakan secara pengagihan terus kepada pencetak-pencetak Melayu. Sebelum penswastaan ini berlaku dan ketika kerja-kerja percetakan dikendalikan sepenuhnya oleh pihak DBP, penawaran kerja-kerja mencetak ini diiklankan untuk ditender oleh pencetak-pencetak Melayu. Para pencetak Melayu akan bersaing antara mereka untuk mendapatkan tender percetakan yang diiklankan. Kaedah penawaran sebegini merupakan kaedah terbaik yang dapat melahirkan pencetak yang lebih cekap dan berdaya saing. Penawaran tender percetakan secara terus ini akan diberikan kepada pencetak-pencetak Melayu ini jika sekiranya margin tender tersebut adalah kecil jumlahnya. Kerja-kerja percetakan yang margin keuntungannya besar hanya akan ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang berkaitan sahaja. Pihak PPPMM menganggap perkara sebegini akan membunuh masa depan mereka jika tindakan Dawama ini tidak dibendung dan berterusan. Pelbagai langkah diambil termasuk membuat perjumpaan bersama Ketua Pengarah DBP bagi membincang tindak tanduk Dawama ini tetapi tiada keputusan yang diperoleh.

Selepas penswastaan, Dawama membuat keputusan untuk mencetak produk yang bernilai tinggi seperti percetakan buku teks sekolah. Umum mengetahui DBP bukan sahaja menerbitkan buku-buku teks tetapi menerbitkan juga buku-buku umum dan bacaan lain seperti novel, novel, majalah, buku rujukan dan teknikal sekolah rendah, menengah dan institusi

pengajian tinggi serta lain-lain lagi. Dari segi pulangan keuntungan, urusan mencetak buku teks lebih menjamin pulangan yang tinggi berbanding kerja-kerja percetakan penerbitan lain.

Memetik dari sumber akhbar aliran perdana menjelaskan:

“Jualan buku teks terbitan DBP mencatat keuntungan sehingga RM600,000 setahun dan sepatutnya digunakan DBP bagi menampung kos penerbitan buku ilmiah dan buku yang susah untuk dijual, tetapi apa yang dirancang mengikut konsep penswastaan Unit Perancang Ekonomi ini nampaknya tidak berjalan seperti dirancang. Penswastaan Bahagian Pemasaran dan Percetakan DBP juga berkesudahan dengan ratusan syarikat percetakan milik Bumiputera yang diwujudkan di bawah konsep payung bagi membantu usahawan Bumiputera gulung tikar kerana tidak diberi peluang mencetak buku terbitan DBP. Penswastaan Bahagian Percetakan dan Pemasaran DBP sebenarnya bagus mengikut perancangan, tetapi kegagalan memantau tugas yang sepatutnya dilaksanakan Dawama menyebabkan imej DBP sebagai penerbit buku bahasa Melayu terbesar di Malaysia tercemar sehingga kehadirannya tidak lagi dilihat relevan”.

(Sumber: New Strait Times, 12 Mei 2010)

Sudah menjadi tanggungjawab asal DBP sebagai gedung ilmu dan penerbit terbesar bahan bacaan milik kerajaan yang berfungsi untuk memasarkan bahan bacaan kepada rakyat umum. Setelah penswastaan Dawama ini berlaku, DBP seolah-olah ketandusan bahan bacaan umum yang boleh dikeluarkan. Hal ini kerana kerja-kerja mencetak bahan umum tidak banyak memberikan keuntungan kepada Dawama dan mereka seolah-olah tidak berminat untuk mencetaknya. Walaupun ini jelas melanggar perjanjian konsesi antara Dawama dan DBP yakni apabila penswastaan ini berlaku pihak Dawama perlu mencetak dan memasarkan bahan bacaan tidak tertakluk kepada beberapa bahan bacaan sahaja bahkan kesemua bentuk penerbitan bahan

bacaan perlulah dicetak dan dipasarkan. Pernah berlaku suatu ketika dahulu dan kini, penerbitan majalah-majalah keluaran DBP seolah-olah sudah dihentikan di pasaran.

Pelbagai soalan diajukan oleh para pembaca kepada DBP tentang status majalah-majalah mereka seperti Dewan Pelajar dan Dewan Siswa yang seolah-olah telah dihentikan penerbitannya. Ketiadaan majalah-majalah yang pernah menjulang nama DBP sebagai penerbit majalah yang penuh informasi dan padat dengan ilmu itu adalah disebabkan pihak Dawama tidak mahu mencetak dan mengagihkan kerja-kerja mencetak majalah tersebut kepada pencetak-pencetak Melayu. Pihak Dawama yang telah diberikan hak untuk mencetak, mempromosi dan menjual buku terbitan DBP tidak menjalankan tugas yang diamanahkan seperti yang diharapkan telah mengakibatkan buku mahupun majalah terbitan DBP sukar diperoleh di kedai buku utama kecuali Kedai Pengedar Dawama sahaja. Meminjam satu sumber dari akhbar aliran perdana menjelaskan:

“Kebergantungan kepada Kedai Pengedar Dawama telah menyebabkan jualan merudum. Dewan Pelajar dan Dewan Siswa yang mencatatkan jualan melebihi 100,000 naskhah sebulan sebelum penswastaan, kini tinggal 20,000 hingga 30,000 naskhah, mengakibatkan keupayaan DBP sebagai penerbit majalah dan buku terbaik di pasaran terjejas”.

(Sumber: New Strait Times, 12 Mei 2010)

Dawama kini dihimpit dengan masalah tanggungan hutang yang tinggi dengan panel-panel bank yang selama ini menyediakan saluran kewangan kepada mereka yang menuntut hak mereka. Kemelut masalah Dawama ini semakin memuncak apabila Kesatuan Pekerja-pekerja Dawama Sdn Bhd telah mengadakan mogok dan membantah tindakan pihak syarikat yang

tidak membayar gaji mereka sejak sekian lama. Tidak banyak yang mengetahui bagaimana Dawama Sdn Bhd ini mengalami kerugian kerana melalui perjanjian konsesi yang dimeterai dengan jelas menunjukkan Dawama memperoleh keuntungan yang tinggi daripada hasil kerja mencetak bahan terbitan DBP ini. Sesungguhnya jumlah setahun kerja-kerja mencetak ini tidak kurang dari RM100 juta dan jika diperhatikan Dawama memperolehi lebih separuh dari jumlah tersebut.

Para penganalisis pasaran perniagaan berasaskan perkara ini berlaku kerana salah laku dan kepincangan pengurusan kewangan syarikat yang cukup serius. Perkara sebegini tidak mungkin berlaku sekiranya seseorang itu mahir dalam bidang yang diceburi dan pandai mengawal keluar masuk wang syarikat. Kesatuan Pekerja-pekerja Dawama Sdn Bhd menuntut campur tangan Timbalan Perdana Menteri yang juga memegang portfolio sebagai Menteri Pelajaran, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk mengkaji semula perjanjian dan tempoh pemberian konsesi yang masih berbaki empat tahun itu. Hal ini kerana sejak DBP diangkat martabatnya menjadi badan berkanun, portfolio DBP diletakkan di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran dan Menteri tersebut bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang keputusan yang dibuat oleh DBP. Kesatuan Pekerja-pekerja yang dianggotai kebanyakannya oleh bekas pekerja DBP yang diberi opsyen untuk berkhidmat dengan Dawama Sdn Bhd selepas penswastaan ini berlaku. Para pekerja ini dijanjikan dengan kadar gaji dan imbuhan tahunan yang tinggi apabila berkhidmat dengan Dawama. Memetik satu perenggan dalam memorandum bantahan Kesatuan Pekerja-pekerja DBP kepada YAB Timbalan Perdana Menteri menjelaskan:

“Pihak syarikat Dawama telah memungkiri janji dan merugikan pihak pekerja dengan cara memanipulasikan terma dan syarat perkhidmatan yang hanya memihak kepada pihak Lembaga Pengarah syarikat. Perjanjian Kolektif yang baharu, sengaja dilambat-

lambatkan. Ini diburukkan lagi apabila tiada usaha pihak syarikat untuk menaikkan gaji tahunan sesuai dengan terma dan syarat perkhidmatan untuk membuat semakan gaji serta elaun setelah lebih lapan (8) tahun beroperasi. Wakil pekerja telah beberapa kali membentangkan perkara ini di dalam mesyuarat bersama majikan. Setiap tahun Kesatuan Pekerja Dawama Sdn. Bhd. telah bertungkus-lumus memperjuangkan kenaikan gaji tahunan pekerja yang hanya diperaku dibawah paras minima (5 peratus). Pembayaran gaji bulanan juga sengaja dilambatkan-lambatkan tidak sepetimana puluhan tahun yang pernah kami kecapi sebelumnya iaitu sewaktu bersama Dewan Bahasa dan Pustaka”.

(Sumber: Memorandum Bantahan Kesatuan Pekerja-pekerja Dawama Sdn Bhd kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin Tahun 2010)

### **5.7 Surat Pekeliling Perbendaharaan**

Surat Pekeliling Pebendaharaan (SPP) merupakan satu dasar atau polisi yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Perbendaharaan Malaysia di bawah Kementerian Kewangan. Fungsi utama Surat Pekeliling Perbendaharaan ialah sebagai garis pandu untuk mengawal selia dan mentadbir segala urusan perolehan kerajaan yang melibatkan arahan pembayaran, penawaran kontrak atau tender kerajaan, penyenaraian dan penetapan syarikat-syarikat pembekal dan penetapan nilai perolehan kerajaan mengikut bidang-bidang kontrak yang ditawarkan. Setiap penawaran kontrak atau tender-tender kerajaan diuruskan oleh sebuah bahagian dalam Kementerian Kewangan iaitu Bahagian Pengurusan Kontrak dan Bekalan.

Bahagian inilah yang akan mengurus, menawar dan meluluskan tender-tender kepada kontraktor atau pembekal yang berjaya dalam persaingan dalam perebutan tender. Bagaimana pun penawaran dan kelulusan kontrak kepada pembekal masih tertakluk dan dirujuk kepada Surat Pekeliling Pernbendaharaan mengikut bidang-bidang penawaran kontrak. Ini kerana jika penawaran kontrak dan kelulusannya tidak mengikut tatacara dan spesifikasi kontrak, maka kontrak tersebut boleh dianggap gagal dan tidak mematuhi arahan Kementerian Kewangan. Jika berlaku ketirisan kontrak tanpa merujuk semula kepada SPP, maka urusan pembayaran tender kepada pembekal atau kontraktor tidak akan dilakukan.

Surat Pekeliling Perbendaharaan meliputi keseluruhan aktiviti-aktiviti perusahaan yang melibatkan dua pihak iaitu kerajaan dan orang awam. Aktiviti-aktiviti perusahaan ini mencakupi keseluruhannya sama ada dalam industri pembinaan, automotif, elektrik dan elektronik, tenaga, pembekalan barang, pemasangan, pengujian, teknologi maklumat dan lain-lain lagi. Industri percetakan juga merupakan salah satu perusahaan yang termasuk dalam aktiviti-aktiviti perolehan kerajaan yang dikawal oleh Surat Pekeliling Perbendaharaan ini. Bagi industri percetakan di negara ini hanya tertakluk kepada satu sahaja SPP yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan yang dikhususkan kepada pengusaha percetakan Bumiputera dan kaum Melayu.

Surat Pekeliling Perbendaharaan untuk industri percetakan ini dibangunkan hanya untuk kaum Bumiputera adalah sejajar dengan keputusan pihak Kerajaan dalam Dasar Ekonomi Baru yang menyebut Kerajaan akan terus membantu kaum ini untuk terus maju dalam pelbagai bidang perniagaan. Oleh sebab itulah urusan perolehan percetakan kerajaan perlu ditawarkan kepada pembekal dan pencetak kaum Bumiputera dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan sahaja dan jika kontrak percetakan kerajaan ini ditawarkan kepada

kaum lain maka tindakan undang-undang boleh dikenakan dan segala urusan pembayaran tidak akan dilakukan. Bagi urusan kewangan dan pembayaran kontrak atau tender bidang percetakan dan juga bidang-bidang lain dibuat oleh pihak Perbendaharaan Malaysia melalui ketetapan yang termaktub dalam setiap SPP yang dikeluarkan.

Surat Pekeliling Perbendaharaan berkaitan urusan perolehan percetakan kerajaan telah bermula sejak tahun 1968 lagi di mana ketika itu aktiviti-aktiviti percetakan hanya dijalankan oleh Jabatan Percetakan Negara (JPN) dan syarikat-syarikat swasta yang berdaftar dengan JPN. Oleh sebab ada penglibatan pihak swasta dalam urusan percetakan kerajaan, maka Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 29 Tahun 1968 telah diperkenalkan pertama kali oleh pihak kerajaan. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 29 Tahun 1968 ini hanya bertahan selama 3 tahun dan digantikan dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1971. Konsep peralihan SPP lama kepada yang baru biasanya berlaku jika terdapat perubahan dan penambahbaikan kepada SPP yang lama. Dengan adanya perubahan pada SPP tersebut maka SPP yang baru akan mengambil alih peranan SPP sebelumnya dan SPP tersebut dikira terbatal secara rasminya. Dalam bidang percetakan telah berlaku pembatalan sebanyak tujuh kali SPP dan juga pindaan. Antara SPP yang terlibat ialah:

- i. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 29 Tahun 1968
- ii. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1971
- iii. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1978
- iv. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1978

- v. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 20 Tahun 1981
- vi. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 24 Tahun 1986 dan Pindaan Pertama
- vii. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 merupakan SPP yang terakhir dan sehingga kini masih diguna pakai oleh Bahagian Pengurusan Kontrak dan Bekalan, Kementerian Kewangan. Urusan pembahagian perolehan percetakan kerajaan yang melibatkan pencetak-pencetak Bumiputera telah disebut buat pertama kalinya melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1978 dan senarai pencetak-pencetak Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan telah disebut melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 20 Tahun 1981.

Melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 24 Tahun 1986 (SPP 24/86) dan Pindaan Pertama, pihak kerajaan telah mengiktiraf keanggotaan pencetak-pencetak Melayu dalam Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM) dalam pemberian kontrak dan tender percetakan kerajaan hanya diberikan kepada pencetak-pencetak Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan juga berdaftar dengan PPPMM. Pada ketika itu bilangan pencetak-pencetak Melayu yang berdaftar dengan PPPMM sebanyak sebanyak 46 buah syarikat sahaja. Melihat kepada bentuk tender dan kontrak yang begitu baik yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada ahli-ahli PPPMM, maka penyertaan keahlian dalam PPPMM semakin bertambah tahun demi tahun sehingga mencecah jumlah keahlian melebihi seratus buah syarikat percetakan. Pihak kerajaan ketika itu telah menyerahkan kepercayaan

kepada Jabatan Percetakan Negara (JPN) untuk pengagihan tender dan kontrak percetakan kepada pencetak kaum Melayu. Pihak JPN juga melalui SPP 24/86 telah diarahkan untuk tidak membesar operasi jabatan dan unit percetakan mereka bagi memberi laluan untuk kaum Melayu lebih maju dalam bidang ini. Berikut adalah senarai pencetak-pencetak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan ahli Persatuan Percetak-pencetak Melayu Malaysia (PPPMM) pada 1986:

1. Penerbitan Adabi Sdn Bhd
2. Harian (Zulfadzli) Sdn Bhd
3. Dany Press Sdn. Bhd
4. Utusan Printcorp Sdn. Bhd
5. Malindo Printers Sdn. Bhd
6. Maziza Sdn. Bhd
7. Mas'adah (M) Sdn. Bhd
8. Hartacantik Sdn. Bhd
9. Percetakan Naz Sdn. Bhd
10. Percetakan Printsystem Sdn. Bhd
11. Tulis Sdn. Bhd
12. Percetakan Hassan & Sons Sdn. Bhd
13. Syarikat Terusan Selatan Sdn. Bhd
14. Percetakan Watan Sdn. Bhd
15. Abushah Enterprise (M) Sdn. Bhd
16. Percetakan Rina Sdn. Bhd
17. Dunia Press Sdn. Bhd
18. Ampang Press Sdn. Bhd
19. Percetakan Safeguard Sdn. Bhd

20. Percetakan Tonora Sdn. Bhd
21. Syarikat Percetakan Nadzam
22. Sinaran Bros. Sdn. Bhd
23. Percetakan Jasmin Sdn. Bhd
24. Percetakan Negeri Sdn. Bhd
25. Percetakan Pustaka Muda & Pustaka Muda
26. Percetakan Siaran Sdn. Bhd
27. Percetakan Inderapura Sdn. Bhd
28. Percetakan Kuantan Timur Sdn. Bhd
29. Al-Ahmadiyah Press
30. Dian Darulnaim Sdn. Bhd
31. Percetakan Mohadiah Sdn. Bhd
32. Percetakan Aztrinah Sdn. Bhd
33. Percetakan Datuk Keramat Sdn. Bhd
34. Percetakan Perwira Sdn. Bhd
35. Syarikat Deras
36. Inventra Print Sdn. Bhd
37. MHA Printers Sdn. Bhd
38. Institut Trengkas Kebangsaan
39. Percetakan Zainon Kassim Sdn. Bhd
40. Percetakan Ustara
41. Percetakan Rodi Sdn. Bhd
42. SNS Printers Stationers Sdn. Bhd
43. Percetakan Annies
44. Syarikat Percetakan Ihsan

45. Al Ahliyah Sdn. Bhd

46. Kompleks Percetakan & Penerbitan Yayasan Islam Terengganu

(Sumber: Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 24 Tahun 1986)

Setelah sekian lama Jabatan Percetakan Negara berada di bawah naungan kerajaan, maka satu ketetapan telah dirancang oleh pihak kerajaan untuk mengkorporatkan JPN kepada sebuah syarikat konsesi yang diperbadankan. Walaupun JPN dikorporatkan menjadi syarikat konsesi yang diperbadankan tetapi masih berada di bawah naungan kerajaan. Pengkorporatan JPN ini hanya berlaku selama 10 tahun dan tempoh tersebut dianggap amat wajar untuk JPN bertapak sebelum diswastakan sepenuhnya. Dengan berlakunya pengkorporatan ini, maka JPN telah secara rasminya dikenali Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) pada 1hb Januari 1993. Bagi memastikan pengkorporatan ini tidak akan menjelaskan ekonomi dan peluang syarikat-syarikat Bumiputera yang sebelum ini bernaung di bawah JPN untuk memperoleh tender-tender percetakan kerajaan maka satu garis pandu baru diperkenalkan oleh pihak kerajaan pada tahun 1993. Garis pandu tersebut ialah Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 yang berfungsi sebagai panduan kepada PNMB dan ahli-ahli PPPMM untuk kerja-kerja mencetak tender-tender percetakan kerajaan.

#### **5.7.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 (SPP 10/93)**

Surat pekeliling ini dikeluarkan kerajaan adalah bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai tatacara atau garis pandu percetakan dan peraturan-peraturan dalam melaksanakannya oleh agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun setelah Jabatan Percetakan Negara diperbadankan mulai 1 Januari 1993. Penggunaan SPP 10/93 oleh kerajaan adalah berkuatkuasa serta merta pada tarikh pengkorporatan JPN dan

dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ini maka Surat Pekeliling Perbendaharaan berikut adalah dibatalkan sepenuhnya.

Melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini, pihak kerajaan telah mentakrifkan percetakan sebagai kerja-kerja atur huruf, membuat filem termasuk kerja-kerja pemisahan warna, membuat plat percetakan, kerja-kerja mencetak di atas kertas dan juga bukan kertas dan kerja-kerja penjilidan. Selain itu, melalui SPP ini juga kerajaan telah mengklasifikasikan kerja-kerja percetakan terbahagi kepada dua iaitu:

- i) Percetakan Am. Percetakan ini ditakrifkan sebagai kerja-kerja atur huruf, membuat filem termasuk kerja-kerja pemisahan warna, membuat plat cetak, kerja-kerja mencetak di atas kertas atau bukan kertas dan kerja-kerja penjilidan dokumen seperti lembaran cerai, buku, majalah, borang, kepala surat, fail, borang komputer dan dokumen-dokumen lain yang tidak dikelaskan sebagai dokumen keselamatan.
- ii) Percetakan Keselamatan. Percetakan ini ditakrifkan sebagai kerja-kerja atur huruf, membuat filem termasuk kerja-kerja pemisahan warna, membuat plat cetak, kerja-kerja mencetak di atas kertas dan bukan kertas dan kerja-kerja penjilidan dokumen seperti paspot, kertas soalan, tiket, cukai jalan, sijil, kad kuasa, lesen, kertas undi, surat terperingkat dan dokumen-dokumen lain yang mempunyai nilai wang sertaciri-ciri keselamatan terperingkat dan terkawal.

Dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan ini juga menjelaskan dengan terperinci tentang peraturan-peraturan perolehan percetakan sama ada melalui percetakan am atau pun percetakan keselamatan. Dalam soal hubung kait peraturan percetakan ini dengan syarikat-syarikat percetakan Bumiputra dan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) adalah kepada

peraturan percetakan am sahaja dan tidak berkait dengan peraturan percetakan keselamatan. Peraturan percetakan am yang termaktub dalam SPP ini amat jelas memihak kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk bekerjasama dengan PNMB dalam melaksanakan tugas-tugas mencetak tender-tender percetakan kerajaan.

Melalui SPP ini juga menjelaskan tentang larangan untuk syarikat-syarikat percetakan Bumiputera mencetak kerja-kerja yang telah dikhkususkan kepada PNMB untuk mencetaknya. Walau bagaimana pun, PNMB masih perlu mematuhi peraturan-peraturan yang telah dipersetujui oleh kerajaan dengan PNMB. Syarikat-syarikat percetakan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan masih lagi boleh menjalankan kerja-kerja percetakan lain selain daripada kerja-kerja mencetak yang dikhkususkan kepada PNMB. Melalui SPP ini juga telah tersenarai dua pembahagian kerja-kerja percetakan yang dikhkususkan kepada PNMB untuk dicetak iaitu Bahagian Satu dan Bahagian Dua. Antara kerja-kerja yang dikhkususkan untuk dicetak oleh PNMB ialah:

- i. Bahagian Satu SPP 10/93 menyatakan:
  1. Borang-borang Umum (borang-borang tidak berindeks) termasuk kepala surat
  2. Borang-borang Kewangan
  3. Borang-borang Indeks
  4. Bil, Akta, Enakmen, Ordinan, kertas-kertas perundangan dan seluruh kertas perundangan subsidiari yang termaktub di bawahnya
  5. Kertas klasifikasi, hasil dan item terkawal
  6. Gazet Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
- ii. Bahagian Dua SPP 10/93 menyatakan:

Keseluruhan dokumen yang diperlukan oleh Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan seperti:

1. Parlimen
2. Kementerian Dalam Negeri
3. Kementerian Kewangan
4. Kementerian Undang-undang
5. Suruhanjaya Pilihan Raya
6. Jabatan Perdana Menteri

Kedua-dua bahagian ini dilihat begitu signifikan untuk PNMB menjalankan kerja-kerja percetakan di mana PNMB merupakan agensi yang berkaitan dengan kerajaan. Jadi amat wajar PNMB diberi kepercayaan untuk menghasilkannya.

Penyenaraian keenam-enam agensi kerajaan tersebut dalam SPP ini menunjukkan dengan jelas bahawa PNMB hanya diberikan konsesi untuk mencetak kerja-kerja percetakan di agensi-agensi ini sahaja dalam tempoh pengkorporatannya dan tidak dibenarkan memperolehi dan mencetak dari agensi-agensi dan kementerian-kementerian lain. Walaupun PNMB memperoleh keistimewaan untuk menjalankan kerja-kerja percetakan ini tetapi masih tertakluk kepada penentuan harga yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Kerajaan juga telah menyenaraikan kaedah pengiraan dalam Lampiran B yang perlu dipatuhi oleh PNMB untuk menjalankan kerja-kerja percetakan dalam SPP ini.

Kerajaan melalui SPP ini telah menetapkan jumlah perolehan percetakan yang bernilai tidak lebih dari RM50,000 untuk tempoh setahun perlu dibuat melalui sebut harga manakala jumlah yang melebihi RM50,000 untuk tempoh setahun pula perlu dibuat secara tender.

Kaedah untuk menjalankan kerja-kerja percetakan melalui sebutharga dan tender ini perlu dibuat dalam kalangan syarikat-syarikat percetakan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sahaja. Selain itu, jika agensi-agensi kerajaan yang ingin menawarkan kerja-kerja percetakan, maka ketetapan yang telah dibuat melalui SPP ini ialah agensi-agensi kerajaan ini perlu mempamerkan iklan dan sebutharga pada papan kenyataan masing-masing. Selain itu, agensi-agensi ini perlu menyerahkan satu salinan iklan tersebut kepada Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPMM) untuk persatuan memaklumkan pada ahli-ahli yang berdaftar dengan PPMM.

Semua syarikat-syarikat Bumiputera yang ingin memperolehi tender-tender percetakan ini pula perlu mematuhi beberapa prosedur yang telah ditetapkan melalui SPP ini. Syarikat-syarikat ini perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan sebelum mereka membeli borang tender, mereka perlu menunjukkan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor asal dalam bidang percetakan yang berkaitan dan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera. Hanya syarikat yang tempoh pendaftarannya masih sah sahaja yang dibenarkan untuk turut serta dalam perolehan percetakan kerajaan ini. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini juga menetapkan semasa memanggil sebut harga atau tender, agensi dikehendaki meminta syarikat percetakan yang menyertai perolehan itu menyebut harga atau menawarkan harga mengikut pecahan-pecahan seperti berikut:

- i. Atur huruf
- ii. Pemisahan warna
- iii. Percetakan
- iv. Penjilidan

Pecahan-pecahan ini perlu diikuti oleh sebab tidak semua syarikat-syarikat percetakan Bumiputera mempunyai kemampuan-kemampuan ini. Kebiasaannya syarikat-syarikat percetakan Bumiputera ini hanya memiliki bahagian kreatif untuk kerja-kerja atur huruf, bahagian pra cetak untuk kerja-kerja pemisahan warna dan bahagian pengeluaran untuk kerja-kerja percetakan. Jika sekiranya syarikat percetakan Bumiputera yang berjaya dalam sesuatu tender, tetapi tidak dapat membuat sepenuhnya seperti kerja-kerja penjilidan, maka syarikat tersebut hendaklah mengagihkan kerja tersebut dalam kalangan pencetak Bumiputera sahaja. Syarat ini perlu dinyatakan oleh agensi kerajaan dalam setiap iklan tender tawaran mereka.

Keistimewaan PNMB pula melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan ini jika perolehan percetakan yang dibuat oleh agensi dengan PNMB adalah sekiranya perolehan itu tempohnya kurang dari lima belas (15) hari, tambahan caj kenaikan harga akan dikenakan oleh PNMB kepada agensi kerajaan terbabit ialah sebanyak sepuluh peratus (10%) dan tambahan caj sebanyak lima puluh peratus (50%) akan dikenakan bagi perolehan percetakan yang diperolehi kurang dari dua hari. Walaupun begitu, sekiranya PNMB tidak berkeupayaan untuk melaksanakan kerja-kerja terbabit, PNMB perlu memaklumkan dengan memberi jawapan kepada agensi kerajaan terbabit dalam tempoh tujuh hari dari tarikh surat diterima. Sekiranya berlaku, agensi kerajaan tersebut boleh memanggil tender atau sebut harga dalam kalangan syarikat-syarikat percetakan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan PPPMM. Ini merupakan peraturan-peraturan percetakan am yang telah termaktub dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan ini.

Kerajaan membangun dan mewartakan Surat Pekeliling Perbendaharaan ini adalah untuk mengawal keseluruhan aktiviti-aktiviti percetakan sama ada dalam pentadbiran Kerajaan Pusat atau pun Kerajaan Negeri. Walaupun dalam pentadbiran kerajaan terdapat pelbagai

kementerian, namun keseluruhan kerja-kerja percetakan mestilah disalurkan kepada PNMB dan syarikat-syarikat percetakan Bumiputera sahaja. Keseluruhan agensi dan jabatan kerajaan tidak dibenarkan sama sekali menujuhkan unit percetakan sendiri. Sekiranya agensi-agensi kerajaan yang telah mempunyai unit percetakan sendiri, maka mereka tidak dibenarkan untuk membesar atau mengembangkan unit percetakan mereka. Percetakan Nasional Malaysia Berhad juga tidak terlepas dari mematuhi larangan tersebut kerana PNMB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan. Selain itu sebelum pengkorporatan Jabatan Percetakan Negara kepada PNMB, kelengkapan yang dimiliki mereka sudah memadai untuk melaksanakan konsesi kerja-kerja percetakan yang mereka perolehi. Pelanggaran segala peraturan dan larangan yang termaktub di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan ini merupakan satu kesilapan dan dianggap ingkar kepada arahan kerajaan. Sesungguhnya Surat Pekeliling Perbendaharaan ini merupakan garis pandu yang cukup sistematik dan membela nasib pengusaha percetakan Bumiputera khususnya orang Melayu untuk terus menguasai ekonomi percetakan di negara ini seiring dengan kaum lain.

### **5.8 Perkembangan Ekonomi Percetakan Di Malaysia Masa Kini**

Setelah sekian lama industri percetakan bertapak dan membangun di Malaysia, kini industri ini dilihat menyumbang kepada nilai Kadar Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Malaysia Printing & Supporting Industries Directory (2008) menunjukkan industri percetakan merupakan industri yang ketiga terbesar dalam menyumbang pendapatan ekonomi negara. Ini menunjukkan industri percetakan boleh mendominasi dalam senarai industri-industri lain di Malaysia. Menurut Laporan Tahunan 2004, Jabatan Statistik Malaysia, industri percetakan merupakan salah satu industri pembuatan dan perkhidmatan yang ke-5 terbesar di negara ini.

Pada tahun 2004 sahaja sebanyak RM12 bilion perniagaan yang berbentuk percetakan telah disalurkan kepada kerajaan dalam meraih pendapatan ekonomi negara.

Industri percetakan di negara ini didaftar di bawah bidang Kod 49 untuk dagangan eksport Malaysia ke negara luar. Pelbagai produk yang berunsurkan percetakan telah didaftarkan di bawah kod ini dan antaranya ialah buku-buku, suratkhabar, gambar (poster), manuskrip, taipskrip dan pelan-pelan. Menurut Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia atau MATRADE, nilai dagangan eksport barang percetakan ke negara luar amat tinggi jumlahnya. Peningkatan dagangan luar boleh dilihat bermula tahun 2013 hingga tahun 2015, telah mencatat pertumbuhan sebanyak USD 896.7 juta yang disumbangkan oleh industri percetakan negara. MATRADE yang ditubuhkan untuk membantu syarikat Malaysia untuk menapak di pasaran luar negara dan memperkembangkan profil di pasaran luar negara melalui pelbagai aktiviti promosi, termasuk misi perdagangan, misi pemasaran khusus dan pameran perdagangan antarabangsa telah berjaya menaikkan nama negara dalam industri percetakan di negara-negara luar. Nilai dagangan luar ini disumbang oleh pelbagai syarikat percetakan yang meliputi pelbagai kaum di Malaysia. Terdapat hanya dua kaum terbesar di Malaysia yang terlibat secara aktif dalam industri percetakan iaitu kaum Melayu dan Cina. Walaupun teknologi percetakan di negara luar jauh lebih moden berbanding yang dimiliki oleh syarikat-syarikat percetakan di Malaysia tetapi persaingan harga bahan mentah seperti kertas yang lebih murah di rantau Asia Tenggara mampu melonjakkan negara kita dalam permintaan bahan percetakan oleh negara besar dunia seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Belanda, Jepun dan sebagainya.

### **5.8.1 Jumlah Nilai Dagangan Eksport Malaysia dalam Industri Percetakan**

Berikut merupakan nilai dagangan produk-produk percetakan yang dieksport ke negara luar. Bagi pasaran luar produk-produk percetakan didaftarkan di bawah Kod 49 meliputi buku-buku bercetak, suratkhabar, gambar dan lain-lain produk industri percetakan; manuskrip, taipskrip dan pelan serta pelbagai lagi

<b>Negara</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>
Amerika Syarikat	24,358,763	29,156,458	21,666,679
United Kingdom	15,355,765	11,836,365	16,841,836
Afrika Selatan	13,761,861	14,179,229	12,088,777
Belanda	3,671,641	3,706,069	5,877,384
Jepun	3,705,500	4,347,446	4,769,854
Belgium	3,375,131	4,018,961	2,274,245
China	2,021,823	3,829,860	3,038,295
Jerman	2,237,792	3,389,371	1,890,333
Sepanyol	1,954,731	1,765,698	1,572,680
Mexico	2,284,611	1,503,517	972,692
Lain-lain	8,416,450	9,395,574	6,999,282
<b>Jumlah</b>	<b>81,144,069</b>	<b>87,128,547</b>	<b>77,992,056</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>81,144,069</b>	<b>87,128,547</b>	<b>77,992,</b>

Jadual 5.2: Jumlah Dagangan Antarabangsa Industri Percetakan Malaysia

(Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, MATRADE)

Jadual 5.2 menunjukkan penurunan jumlah permintaan produk percetakan dari Malaysia pada 2011. Daripada jadual tersebut, Amerika Syarikat dan United Kingdom kekal berada pada tangga pertama dan kedua tertinggi mengimpor produk percetakan dari Malaysia.

Rajah 5.3 menerangkan tentang kategori-kategori produk percetakan dari Malaysia yang mendapat permintaan dari negara-negara luar. Eksport produk-produk percetakan dari Malaysia dikategorikan di bawah kod pendaftaran bermula dengan Kod 49. Sehingga kini kod-kod produk percetakan yang telah didaftarkan bermula dengan kod 4901 hingga 4911.

				% Saham		% Pertukaran
HS	Keterangan	2010	2011	2010	2011	11/10
	<b>DUNIA</b>	<b>180,444.06</b>	<b>207,964.62</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>15.25</b>
4901	Buku, Brosur, <i>Leaflets</i> dan bahan bercetak lain	149.0	151.38	0.08	0.07	1.60
4902	Akhbar, Jurnal dan Percetakan Berkala	2.01	2.02			0.46
4903	Poster Kanak-kanak, Lukisan atau Buku Mewarna	0.97	1.79			85.46
4904	Muzik, Bahan bercetak rakaman atau dalam Manuscrip	0.27	0.32	-	-	17.85
4905	Peta, Hidrografi atau dalam kumpulannya	0.30	0.28	-	-	-
4906	Pelan dan Lukisan Arkitek, Kejuruteraan	0.85	0.06			(92.70)
4907	Kiriman, Hasil atau Setem	34.47	24.81	0.02	0.01	(28.04)
4908	Transfer ( <i>Decalcomanias</i> , Kecuali Permainan)	0.02	0.08	-	-	381.69
4909	Poskad Illustrasi dan Kad Ucapan	1.50	1.45	-	-	(3.79)
4910	Percetakan Kalendar	3.42	3.50	-	-	2.33
4911	Percetakan lain dan Percetakan Gambar	2071	32.92	0.01	0.02	58.93

Jadual 5.3: Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia Untuk Produk Percetakan  
(Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, MATRADE)

Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia (Dalam Juta Dolar) Januari-November						
				% Saham		% Pertukaran
HS	Keterangan	2010	2011	2010	2011	11/10
	<b>DUNIA</b>	<b>180,444.06</b>	<b>207,964.62</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>15.25</b>

	4901 Buku, Brosur, <i>Leaflets</i> dan bahan bercetak lain	149.00	151.38	0.08	0.07	1.60
490110	Satu Helaian	26.06	23.25	17.49	15.36	(10.79)
490191	Kamus & Ensiklopedia	0.18	0.15	0.12	0.10	(14.71)
490199	Pelbagai produk kod 4901	122.76	127.98	82.39	84.54	4.25

Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia 490110 Satu Helaian (Dalam Juta Dolar) Januari-November						
				% Saham		% Pertukaran
Kedudukan	Negara	2010	2011	2010	2011	11/10
	<b>DUNIA</b>	<b>26.06</b>	<b>3.25</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>(10.79)</b>
1	Nigeria	3.31	4.28	12.68	18.40	29.43
2	Singapura	4.38	3.75	16.81	16.11	(14.50)
3	Amerika Syarikat	4.33	2.70	16.62	11.60	(37.74)
4	Australia	1.50	1.98	5.76	8.54	32.16
5	Belgium	1.35	1.84	5.19	7.91	35.89
6	United Kingdom	1.33	1.49	5.12	6.43	12.01
7	Papua New Guinea	0.02	1.10	0.07	4.75	6,109.92
8	Kanada	1.63	1.04	6.24	4.49	(35.89)
9	Jepun	2.56	0.90	9.84	3.85	(65.07)
10	Uganda	0.12	0.69	0.45	2.98	487.73

Jadual 5.4: Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia Untuk Produk Buku, Brosur,  
*Leaflets* dan bahan bercetak lain

(Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, MATRADE)

Jadual 5.4 menunjukkan nilai eksport antarabangsa Malaysia untuk kod 4901 iaitu, produk buku, brosur, *leaflets* dan bahan bercetak lain. Bagi 2010 dan 2011, Nigeria merupakan negara pengimport yang paling banyak menempah barang bagi kod 4901 ini diikuti oleh Singapura pada tangga kedua dan Amerika Syarikat pada tangga ketiga.

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia (Dalam Juta Dolar) Januari-November</b>						
<b>HS</b>	<b>Keterangan</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>% Saham</b>	<b>2011</b>	<b>% Pertukaran</b>
		<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>11/10</b>	<b>100.00</b>	<b>15.25</b>
	<b>DUNIA</b>	<b>180,444.06</b>	<b>207,964.62</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>15.25</b>
	4902 Akhbar, Jurnal dan Percetakan Berkala	2.01	2.02	-	-	0.46
490210	Empat Kali Keluaran Seminggu	0.93	0.58	46.21	28.67	(37.66)
490290	< Empat Kali Keluaran Seminggu	1.08	1.44	53.80	71.33	33.21

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia 4902 Akhbar, Jurnal dan Percetakan Berkala (Dalam Juta Dolar) Januari-November</b>						
<b>Kedudukan</b>	<b>Negara</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>% Saham</b>	<b>2011</b>	<b>% Pertukaran</b>
		<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>11/10</b>	<b>100.00</b>	<b>0.46</b>
1	Singapura	1.98	1.92	98.27	94.95	(2.94)
2	China	0.02	0.05	0.75	2.70	263.52
3	Jepun	-	0.02	-	1.15	-

4	Amerika Syarikat	-	0.02	-	0.75	-
5	Hong Kong	0.00	0.00	0.08	0.19	152.95
6	Brunai	0.00	0.00	0.21	0.18	(11.84)
7	Taiwan	-	0.00	-	0.08	-
8	India	-	-	-	-	-
9	Thailand	-	-	-	-	-
10	Emiriah Arab Bersatu	0.00	-	0.08	-	(100.00)

Jadual 5.5: Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia Untuk Produk Akhbar, Jurnal dan Percetakan Berkala

(Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, MATRADE)

Jadual 5.5 menunjukkan nilai eksport antarabangsa Malaysia untuk produk akhbar, jurnal dan percetakan berkala lain yang didaftarkan di bawah kod 4902. Bagi produk ini, Singapura ialah pengimport terbesar untuk produk ini bagi dua tahun berturut dan diikuti oleh China di tangga kedua dan Jepun di tangga ketiga.

Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia (Dalam Juta Dolar) Januari-November						
HS	Keterangan	2010	2011	% Saham	2011	% Pertukaran
	DUNIA	180,444.06	207,964.62	100.00	100.00	15.25
	4903 Poster Kanak-kanak, Lukisan atau Buku Mewarna	0.97	1.79	-	-	85.46
490300	Buku Kanak-kanak	0.97	1.79	100.00	100.00	85.46

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia</b> <b>490300 Buku Kanak-kanak</b> (Dalam Juta Dolar) Januari-November						
				% Saham		% Pertukaran
<b>Kedudukan</b>	<b>Negara</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>11/10</b>
	<b>DUNIA</b>	<b>0.97</b>	<b>1.79</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>85.46</b>
1	Amerika Syarikat	0.02	0.86	1.84	47.98	4,748.56
2	Belanda	0.41	0.26	42.44	14.46	(36.83)
3	Australia	0.12	0.22	12.06	12.01	84.64
4	Singapura	0.13	0.12	13.66	6.86	(6.83)
5	New Zealand	0.04	0.05	3.69	2.88	44.98
6	Perancis	0.01	0.05	0.86	2.67	476.54
7	Belgium	0.03	0.04	2.66	2.07	44.14
8	United Kingdom	0.01	0.03	1.13	1.56	156.10
9	Filipina	0.05	0.03	5.56	1.52	(49.41)
10	Kanada	-	0.02	-	1.35	-

Jadual 5.6: Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia Untuk Produk Buku Kanak-kanak

(Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, MATRADE)

Jadual 5.6 pula menunjukkan jumlah eksport antarabangsa Malaysia untuk produk buku kanak-kanak yang berdaftar di bawah kod 4903. Bagi produk ini Amerika Syarikat kekal negara terbesar mengimport produk ini untuk dua tahun berturut-turut diikuti oleh Belanda di tangga kedua dan Australia di tangga ketiga. Daripada jadual di atas menunjukkan produk ini antara penyumbang terbesar eksport Malaysia bagi industri percetakan.

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia</b> (Dalam Juta Dolar) Januari-November						
				% Saham		% Pertukaran
HS	Keterangan	2010	2011	2010	2011	11/10
	<b>DUNIA</b>	<b>180,444.06</b>	<b>207,964.62</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>15.25</b>
	4904 Muzik, Bahan bercetak rakaman atau dalam Manuskrip	0.27	0.32	-	-	17.85
490400	Muzik	0.27	0.32	100.00	100.00	17.85

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia</b> <b>490400 Muzik</b> (Dalam Juta Dolar) Januari-November						
				% Saham		% Pertukaran
Kedudukan	Negara	2010	2011	2010	2011	11/10
	<b>DUNIA</b>	<b>0.27</b>	<b>0.32</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>17.85</b>
1	United Kingdom	0.08	0.10	29.43	32.62	30.61
2	Hong Kong	0.08	0.08	29.42	25.00	0.15
3	Filipina	-	0.07	-	20.54	-
4	Thailand	0.01	0.02	4.40	5.62	50.50
5	Singapura	0.02	0.02	6.61	5.53	(1-39)
6	Australia	0.01	0.01	4.03	4.30	25.68
7	Indonesia	-	0.01	-	2.35	-
8	China	0.07	0.01	26.10	1.90	(91.44)
9	Jerman	-	0.00	-	1.18	-
10	Brunai	-	0.00	-	0.95	-

Jadual 5.7: Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia Untuk Produk Muzik, Bahan bercetak rakaman atau dalam Manuskrip

(Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, MATRADE)

Jadual 5.7 menunjukkan nilai dagangan antarabangsa Malaysia untuk produk muzik, bahan bercetak rakaman atau dalam manuskrip yang berdaftar di bawah kod 4904. Untuk produk ini, United Kingdom merupakan pengimport tertinggi selama dua tahun berturut diikuti oleh Hong Kong di tempat kedua dan Filipina di tempat ketiga.

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia (Dalam Juta Dolar) Januari-November</b>						
				% Saham		% Pertukaran
HS	Keterangan	2010	2011	2010	2011	11/10
	<b>DUNIA</b>	<b>180,444.06</b>	<b>207,964.62</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>15.25</b>
	4905 Peta, Hidrografi atau dalam kumpulannya	0.30	0.28	-	-	(4.36)
490510	Atlas	0.00	0.18	0.79	62.58	7,462.57
490591	Bentuk buku dan lain-lain	0.01	0.01	2.63	3.54	28.38
490599	Lain-lain dalam kod 4905	0.29	0.10	96.58	33.89	(66.44)

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia 490510 Atlas (Dalam Juta Dolar) Januari-November</b>						
				% Saham		% Pertukaran
Kedudukan	Negara	2010	2011	2010	2011	11/10
	<b>DUNIA</b>	<b>0.00</b>	<b>0.18</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>7,462.57</b>

1	Singapura	0.00	0.14	100.00	80.37	5,977.64
2	Amerika Syarikat	-	0.03	-	19.64	-

Jadual 5.8: Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia Untuk Produk Peta, Hidrografi atau dalam kumpulannya

(Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, MATRADE)

Jadual 5.8 pula menunjukkan nilai eksport Malaysia untuk produk peta, hidrografi atau dalam kumpulannya yang didaftarkan di bawah kod 4905. Bagi produk ini antara 2010 dan 2011 hanya dua buah negara sahaja yang menjadi pengimport produk ini dari Malaysia iaitu Singapura di tangga pertama diikuti Amerika Syarikat di tangga kedua.

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia (Dalam Juta Dolar) Januari-November</b>						
				% Saham		% Pertukaran
HS	Keterangan	2010	2011	2010	2011	11/10
	<b>DUNIA</b>	<b>180,444.06</b>	<b>207,964.62</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>15.25</b>
	4906 Pelan dan Lukisan untuk Arkitek	0.85	0.06	-	-	(92.70)
490600	Pelan Pembinaan	0.85	0.06	100.00	100.00	(92.70)

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia 490600 Pelan Pembinaan (Dalam Juta Dolar) Januari-November</b>						
				% Saham		% Pertukaran
Kedudukan	Negara	2010	2011	2010	2011	11/10
	<b>DUNIA</b>	<b>0.85</b>	<b>0.06</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>(92.70)</b>

1	Singapura	0.11	0.05	12.46	72.40	(57.55)
2	Yaman	-	0.01	-	12.01	-
3	Bahrain	-	0.01	-	8.27	-
4	Qatar	0.03	0.00	3.43	7.32	(84.42)

Jadual 5.9: Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia Untuk Produk Pelan dan Lukisan untuk Arkitek

(Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, MATRADE)

Jadual 5.9 menunjukkan jumlah eksport antarabangsa Malaysia untuk produk pelan dan lukisan arkitek yang didaftar di bawah kod 4906. Terdapat empat buah negara yang berdagang dengan Malaysia untuk produk ini pada 2010 dan 2011. Singapura merupakan pengimpor terbesar diikuti Yaman, Bahrain dan Qatar.

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia (Dalam Juta Dolar) Januari-November</b>						
				% Saham		% Pertukaran
HS	Keterangan	2010	2011	2010	2011	11/10
	<b>DUNIA</b>	<b>180,444.06</b>	<b>207,964.62</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>15.25</b>
	4907 Kiriman, Hasil atau Setem	34.47	24.81	0.02	0.01	(28.04)
490700	Kiriman	34.47	24.81	100.00	100.00	(28.04)

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia 490700 Kiriman (Dalam Juta Dolar) Januari-November</b>						
				% Saham		% Pertukaran
Kedudukan	Negara	2010	2011	2010	2011	11/10
	<b>DUNIA</b>	<b>34.27</b>	<b>24.81</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>(28.04)</b>

1	United Kingdom	0.01	6.98	0.02	28.12	96,278.00
2	Amerika Syarikat	8.08	3.57	23.45	14.38	(55.88)
3	China	3.10	2.77	8.99	11.18	(10.46)
4	Hong Kong	1.92	2.53	5.57	10.19	31.64
5	Belanda	2.29	2.16	6.65	8.69	(5.92)
6	Jepun	1.07	1.87	3.10	7.56	75.20
7	Taiwan	1.42	1.48	4.13	5.96	3.69
8	Jerman	3.84	0.97	11.14	3.91	(74.72)
9	Korea Selatan	1.21	0.71	3.52	2.88	(41.02)
10	India	0.97	0.51	2.80	2.06	(47.02)

Jadual 5.10: Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia Untuk Produk Kiriman, Hasil atau Setem

(Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, MATRADE)

Jadual 5.10 menunjukkan jumlah dagangan Malaysia untuk produk kiriman, hasil atau setem yang didaftarkan di bawah kod 4907. Bagi 2010 dan 2011 terdapat sepuluh buah negara yang mengimport produk ini dari Malaysia. United Kingdom merupakan negara terbesar mengimport produk ini diikuti oleh Amerika Syarikat dan China

Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia (Dalam Juta Dolar) Januari-November						
				% Saham		% Pertukaran
HS	Keterangan	2010	2011	2010	2011	11/10
	<b>DUNIA</b>	<b>180,444.06</b>	<b>207,964.62</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>15.25</b>
	4908 Transfer (Decalcomanias)	0.02	0.08	-	-	381.69
490810	Vitrifiable	0.01	0.07	54.86	89.89	689.30
490890	Pelbagai produk dalam kod 4908	0.01	0.01	45.14	10.11	7.84

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia</b> (Dalam Juta Dolar) Januari-November						
				% Saham		% Pertukaran
<b>Kedudukan</b>	<b>Negara</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>11/10</b>
	<b>DUNIA</b>	<b>0.01</b>	<b>0.07</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>689.30</b>
1	India	-	0.02	-	31.24	-
2	Singapura	-	0.02	-	28.84	-
3	Thailand	-	0.02	-	28.68	-
4	Jepun	-	0.01	-	11.25	-
5	Indonesia	-	-	-	-	-
6	Korea Selatan	-	-	-	-	-
7	Taiwan	0.01	-	58.09	-	(100.00)
8	Vietnam	0.00	-	41.91	-	(100.00)
9	Australia	-	-	-	-	-
10	Kanada	-	-	-	-	-

Jadual 5.11: Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia Untuk Produk *Transfer*  
(Decalcomanias)

(Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, MATRADE)

Decalcomanias merupakan produk percetakan yang menggunakan teknik goresan cat yang masih basah dan kemudian ditekan di antara permukaan kanvas atau kertas. Produk ini telah didaftarkan di bawah kod 4908. Merujuk jadual 5.11, India menjadi pengimpor terbesar bagi produk ini selama dua tahun berturut-turut diikuti Singapura dan Thailand.

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia</b> (Dalam Juta Dolar) Januari-November						
				% Saham		% Pertukaran
<b>HS</b>	<b>Keterangan</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>11/10</b>
	<b>DUNIA</b>	<b>180,444.06</b>	<b>207,964.62</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>15.25</b>
	4909 Poskad Illustrasi dan Kad Ucapan	1.50	1.45	-	-	(3.79)
490900	Kad Cetak	1.50	1.45	100.00	100.00	(3.79)

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia</b> <b>4909 Poskad Illustrasi dan Kad Ucapan</b> (Dalam Juta Dolar) Januari-November						
				% Saham		% Pertukaran
<b>Kedudukan</b>	<b>Negara</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>11/10</b>
	<b>DUNIA</b>	<b>1.50</b>	<b>1.45</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>(3.79)</b>
1	Singapura	0.99	1.01	66.10	69.79	1.59
2	Papua New Guinea	0.11	0.10	7.21	6.97	(6.95)
3	Amerika Syarikat	0.09	0.07	6.11	4.84	(23.84)
4	Nigeria	-	0.06	-	4.47	-
5	Thailand	0.01	0.04	0.67	2.60	275.66
6	Emiriah Arab Bersatu	0.10	0.03	6.68	2.35	(66.12)
7	Hong Kong	0.03	0.03	1.82	2.01	6.64
8	United Kingdom	0.03	0.03	1.99	1.74	(15.87)

9	Sepanyol	-	0.02	-	1.44	-
10	Jerman	0.01	0.02	0.73	1.08	41.67

Jadual 5.12: Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia Untuk Produk Poskad Illustrasi dan Kad Ucapan

(Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, MATRADE)

Jadual 5.12 menunjukkan nilai eksport antarabangsa Malaysia untuk produk poskad illustrasi dan kad ucapan yang didaftarkan di bawah kod 4909. Singapura menjadi pengimpor terbesar pada 2010 dan 2011 diikuti Papua New Guinea di tangga kedua dan Amerika Syarikat menduduki tangga ketiga.

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia (Dalam Juta Dolar) Januari-November</b>						
				% Saham		% Pertukaran
<b>HS</b>	<b>Keterangan</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>11/10</b>
	<b>DUNIA</b>	<b>180,444.06</b>	<b>207,964.62</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>15.25</b>
	4910 Percetakan Kalendar	3.42	3.50	-	-	2.33
491000	Kalendar	3.42	3.50	100.00	100.00	2.33

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia</b> <b>4909 Poskad Illustrasi dan Kad Ucapan</b> (Dalam Juta Dolar) Januari-November						
				% Saham		% Pertukaran
<b>Kedudukan</b>	<b>Negara</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>11/10</b>
	<b>DUNIA</b>	<b>3.42</b>	<b>3.50</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>2.33</b>
1	Singapura	1.59	1.65	46.53	47.15	3.69
2	Amerika Syarikat	0.50	0.46	14.73	13.10	(8.97)
3	United Kingdom	0.18	0.27	5.32	7.72	48.62
4	Jerman	0.03	0.24	0.85	6.78	717.10
5	Turki	-	0.20	-	5.70	-
6	Hong Kong	0.49	0.15	14.17	4.16	(69.98)
7	China	-	0.09	-	2.58	-
8	Thailand	0.02	0.07	0.63	2.07	239.53
9	New Zealand	0.05	0.06	1.45	1.75	23.66
10	Mozambique	-	0.06	-	1.62	-

Jadual 5.13: Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia Untuk Produk Percetakan Kalendar

(Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, MATRADE)

Jadual 5.13 menunjukkan nilai eksport antarabangsa Malaysia untuk produk percetakan kalendar. Produk ini didaftarkan di bawah kod 4910. Pada 2010 dan 2011, Singapura menjadi pengimpor terbesar untuk produk ini diikuti dengan Amerika Syarikat di tangga kedua dan United Kingdom di tempat ketiga.

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia</b> (Dalam Juta Dolar) Januari-November						
				% Saham		% Pertukaran
HS	Keterangan	2010	2011	2010	2011	11/10
	<b>DUNIA</b>	<b>180,444.06</b>	<b>207,964.62</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>15.25</b>
	4911 Percetakan Lain dan Pelbagai	20.71	32.92	0.01	0.02	58.93
491110	Iklan Perdagangan	4.87	6.40	23.51	19.43	31.37
491191	Gambar, Rekaan dll	0.90	1.02	4.37	3.09	12.45
491199	Pelbagai produk 4911	14.94	25.51	72.12	77.48	70.72

<b>Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia</b> <b>491110 Pengiklanan Dagangan</b> (Dalam Juta Dolar) Januari-November						
				% Saham		% Pertukaran
Kedudukan	Negara	2010	2011	2010	2011	11/10
	<b>DUNIA</b>	<b>4.87</b>	<b>6.40</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>31.37</b>
1	Singapura	2.16	2.37	44.30	36.98	9.65
2	Vietnam	0.31	0.83	6.36	13.05	169.49
3	Australia	0.36	0.55	7.35	8.67	54.99
4	Jerman	0.03	0.43	0.70	6.74	1,160.53
5	Amerika Syarikat	0.22	0.29	4.53	4.58	32.76
6	Indonesia	0.06	0.28	1.30	4.42	345.96
7	Emiriah Arab Bersatu	0.04	0.23	0.92	3.65	420.93
8	Pakistan	0.15	0.15	3.17	2.36	(2.39)

9	Thailand	0.15	0.14	3.12	2.14	(10.02)
10	Jepun	0.01	0.12	0.28	1.94	816.94

Jadual 5.14: Nilai Eksport Antarabangsa Malaysia Untuk Produk Percetakan Lain dan Pelbagai

(Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, MATRADE)

Jadual 5.14 pula menunjukkan nilai eksport antarabangsa Malaysia untuk produk pengiklanan, gambar dan rekaan serta pelbagai percetakan lain. Kategori ini telah didaftarkan di bawah kod 4911. Singapura menjadi pengimport terbesar untuk dua tahun berturut-turut iaitu pada 2010 dan 2011 diikuti Vietnam di tangga kedua dan Australia di tangga ketiga.

Merujuk maklumat dalam jadual menunjukkan jumlah dagangan antarabangsa Malaysia untuk keseluruhan produk percetakan mendapat permintaan yang cukup besar dari negara-negara luar. Jumlah eksport yang tinggi menunjukkan industri percetakan di Malaysia berkembang dan maju setanding dengan negara-negara lain. Industri percetakan Melayu juga merupakan antara penyumbang kepada peningkatan permintaan produk percetakan. Penglibatan kaum Melayu dalam industri percetakan terus menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara dan jumlah dagangan antarabangsa Malaysia. Bagi tahun-tahun mendatang, pertumbuhan industri percetakan negara diramal akan terus meningkat berbanding dengan negara-negara luar yang lain. Jangkaan ini dilihat secara positif memandangkan permintaan yang tinggi bagi produk-produk percetakan oleh negara-negara antarabangsa.


### **5.8.2 Ramalan Pertumbuhan Industri Percetakan**

Industri percetakan di Malaysia merupakan antara penyumbang kepada nilai Kadar Dalam Negara Kasar Negara (KDNK). Menurut Malaysia Printing & Supporting Industries Directory (2008) menunjukkan industri percetakan merupakan industri yang ketiga terbesar dalam menyumbang pendapatan ekonomi negara. Merujuk kepada Laporan Tahunan 2004, Jabatan Statistik Malaysia, industri percetakan diiktiraf sebagai salah satu industri dalam bidang pembuatan dan perkhidmatan yang ke-5 terbesar di negara ini. Pada tahun 2004 sahaja, industri percetakan telah menyumbang sebanyak RM12 bilion kepada peningkatan ekonomi negara.

Kajian oleh Oxford Economics Forecast of Print Media menjangkakan dagangan sektor percetakan dalam memacu peningkatan ekonomi negara akan berada sekitar 7.7%. Menurut MATRADE ramalan oleh Oxford Economics Forecast of Print Media ini agak berasas kerana permintaan produk percetakan dari Malaysia terus menunjukkan minat negara luar memperolehnya dari Malaysia walaupun terdapat sedikit penurunan untuk tahun 2014 iaitu sekitar 7.7% menyusut sebanyak 1.4%. Penyusutan ini berlaku akibat kejatuhan ekonomi global yang melibatkan negara-negara pengimpor barang percetakan dari Malaysia. Walaupun begitu, pihak MATRADE menjangkakan penyusutan ini tidak begitu lama dialami oleh industri percetakan di negara ini. Penyusutan ini juga dijangka tidak akan melemahkan industri ini untuk terus meningkat pada tahun-tahun yang mendatang.

Bagi menjamin peningkatan ekonomi percetakan terus memacu pertumbuhan, MATRADE akan sentiasa terus mempromosi dan memperkenalkan barang berdasarkan percetakan kepada negara-negara luar lain. Pertumbuhan yang mampan akan menjamin pengusaha-pengusaha percetakan di Malaysia terus maju dan meningkatkan ekonomi industri percetakan ke tahap yang tertinggi. Rajah 5.15 menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang

berlaku pada industri percetakan di Malaysia berbanding dengan negara-negara pengekspot lain di seluruh dunia. Kajian Oxford Economics Forecast of Print Media ini bermula pada tahun 2008 hingga ke tahun 2014. Berdasarkan rajah di bawah menunjukkan tahun 2010 menunjukkan ekonomi percetakan di Malaysia begitu meningkat sekitar 12.6 peratus berbanding pada tahun 2011 yang menunjukkan penurunan yang begitu ketara iaitu 4.4 peratus menyusut sebanyak 8.2 peratus. Kejatuhan ini disebabkan oleh ketidakstabilan ekonomi dan pasaran percetakan antarabangsa yang turut mempengaruhi ekonomi percetakan negara. Setelah tahun 2011, tahun-tahun berikutnya terus meningkatkan kadar pertumbuhan yang baik hingga pada tahun 2014.



Sumber: Oxford Economics FORECAST OF PRINT MEDIA

### **5.9 Kesimpulan**

Secara umumnya maklumat-maklumat berkaitan sejarah, peranan jabatan kerajaan sebelum pengkorporatan dan penswastaan amat berguna untuk matlamat kajian. Kronologi peristiwa sebelum perubahan dasar kerajaan dalam aktiviti percetakan yang melibatkan pencetak-pencetak Melayu secara umumnya dapat dijadikan sebagai landasan untuk pengkaji menyelidik isu-isu berbangkit.

## **BAB 6**

### **DAPATAN KAJIAN: SOAL SELIDIK & ANALISIS KANDUNGAN**

#### **6.1 Dapatan Kajian I: Survei**

Survei digunakan sebagai kaedah kajian ini disebabkan sifat kaedah itu sendiri yang cenderung ke arah deskriptif. Kaedah ini dapat memberi gambaran dari aspek peranan sosial serta ekonomi, pendapat, pengetahuan dan tabiat serta tindak balas terhadap sesuatu isu. Soal selidik digunakan terhadap ahli-ahli Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPMM) untuk meneroka isu semasa yang dihadapi oleh seluruh pencetak Melayu. Isu yang dimaksudkan ialah tentang perubahan beberapa ketetapan (dasar) yang dibuat kerajaan dalam industri ini melibatkan tender percetakan kerajaan.

Kajian ini terhad kepada ahli-ahli PPPMM sahaja. Hal ini kerana ahli-ahli PPPMM sahaja yang diberikan keistimewaan oleh kerajaan untuk mendapatkan tender-tender percetakan kerajaan. Berdasarkan isu semasa yang dirujuk di atas, persoalan yang dibangkitkan dalam soal selidik ini meliputi beberapa isu lain. Antaranya:

- I. Bagaimanakah pandangan terhadap dasar terdahulu kerajaan bagi membantu orang Melayu untuk maju dalam industri percetakan?
  
- II. Apakah aplikasi dan kemudahan yang diberikan oleh kerajaan untuk membantu orang Melayu dalam industri percetakan?

- III. Apakah perbezaan amalan yang telah digunakan oleh kerajaan sebelum ini dan sekarang dalam pengagihan tender percetakan kerajaan?
- IV. Apakah implikasi yang diterima oleh orang Melayu setelah beberapa perubahan ketetapan (dasar) dibuat oleh kerajaan?
- V. Bagaimanakah cara yang diambil oleh orang Melayu ketika berdepan dengan pelbagai situasi setelah perubahan ketetapan dilakukan?
- VI. Apakah respon pencetak-pencetak Melayu ketika berdepan dengan perubahan teknologi percetakan yang lebih moden?
- VII. Adakah penggunaan sistem e-perolehan membelaangi arahan pekelilingan kerajaan?

Terdapat dua bahagian dalam borang soal selidik tentang isu perubahan dasar kerajaan dalam kajian ini. Bahagian I merangkumi maklumat demografi berkaitan jantina, umur, nama syarikat, jawatan, kelayakan akademik, pengalaman dalam bidang percetakan, pertanyaan tentang pengalaman menerima kontrak percetakan kerajaan, jenis tender percetakan yang pernah diperolehi dan kaedah percetakan yang diguna kini. Bahagian II pula merangkumi persoalan utama kajian tentang dasar kerajaan berkaitan dengan aktiviti percetakan. Persoalan utama ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu amalan ketika kerajaan menggunakan pakai Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1981 (SPP10/81), amalan setelah kerajaan menggunakan pakai Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993, amalan dan kesan

yang diterima oleh pencetak Melayu setelah pengkorporatan Jabatan Percetakan Negara (JPN) dan terakhir amalan dan kesan yang diterima oleh pencetak Melayu setelah penswastaan Bahagian Pemasaran dan Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka. Menerusi bahagian III dalam borang soal selidik ini, pengkaji memohon untuk ahli-ahli PPPMM memberi pandangan tentang masa depan pencetak-pencetak Melayu untuk terus bersaing dengan pencetak bangsa lain di Malaysia.

Selain itu, pengkaji juga memohon cadangan ahli-ahli PPPMM untuk menjadikan pencetak-pencetak Melayu untuk terus bertahan dan bersaing antara mereka seterusnya dapat menaikkan semula kegemilangan perniagaan percetakan orang Melayu yang pernah mengecapi kegemilangannya suatu ketika dahulu. Maklum balas yang diterima ini dapat membantu pengkaji untuk menjawab persoalan kajian dan menjadi pelengkap kepada maklumat-maklumat yang diperolehi daripada dapatan kajian hasil temubual dengan responden-responden yang dipilih.

## **6.2 Susun Atur Kajian dan Analisis Data**

Soal selidik ini telah dikendalikan melalui pos mulai 10 Januari 2013 sehingga 15 Mac 2013. Sebulan selepas borang soal selidik untuk kajian ini dikirim, iaitu 10 Januari 2013, pengkaji mengirim surat peringatan kepada ahli-ahli PPPMM yang terdiri daripada 64 buah syarikat (responden) dalam kajian ini. Namun demikian, sambutan daripada 64 responden tersebut sangat tidak memuaskan, iaitu terdapat hanya 14 responden sahaja yang diterima semula. Berdasarkan Wimmer dan Dominick (2006) dalam penyelidikan, kebiasaannya maklum balas yang diterima untuk sesuatu tinjauan melalui pos peratusannya adalah sangat

rendah. Secara lazimnya peratusan maklum balas melalui kaedah tersebut adalah dalam lingkungan 5 peratus hingga 40 peratus sahaja.

Oleh itu, pengkaji terpaksa mengambil pendekatan lain untuk mendorong tindak balas responden tersebut. Pengkaji membuat panggilan telefon sebagai susulan kedua kepada 64 responden tersebut. Setelah panggilan dibuat, pengkaji mendapati bahawa sebenarnya ramai ahli PPPMM telah menerima borang soal selidik yang dikirim pada 10 Januari 2013. Mereka ini juga ada menerima surat peringatan daripada pengkaji untuk memberi maklum balas pada borang soal selidik yang telah dikirim pada awalnya. Setelah menghubungi responden-responden tersebut, mereka memberi jaminan untuk bekerjasama memberi maklum balas pada borang soal selidik tersebut secepat mungkin.

Walaupun telah memberi jaminan untuk membalas pada kadar segera borang soal selidik tersebut, pengkaji mendapati sambutan yang diterima amat mengecewakan. Pengkaji hanya berjaya memperolehi sebanyak lima responden sahaja. Oleh sebab itu, pengkaji mula mengatur langkah lain dengan menghadiri Menyuarat Agung Tahunan 2012-2013, Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia yang berlangsung di Auditorium Kompleks Kumpulan Karangkraf sdn Bhd, Lot 2, Jalan Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, Shah Alam, Selangor pada 2 Mac 2013. Oleh kerana mempunyai hubungan yang rapat dengan Presiden PPPMM iaitu Dato Badrudin bin Bakar dan Ahli Jawatankuasa PPPMM, pengkaji telah diundang menghadiri mesyuarat terbabit.

Dalam perjumpaan yang dihadiri, pengkaji memiliki ruang yang tepat untuk memohon responden-responden memberi maklum balas segera borang soal selidik yang diedarkan. Pengkaji telah diberi ruang oleh Presiden PPPMM untuk berucap dan menyampaikan hasrat

tentang borang soal selidik berikut. Selain itu, Presiden PPPMM juga menyeru agar seluruh ahli PPPMM untuk memberi kerjasama kepada pengkaji kerana ini merupakan kali pertama seorang pengkaji yang membuat kajian tentang pencetak-pencetak Melayu di Malaysia. Pengkaji diminta untuk menghantar kembali borang soal selidik tersebut melalui atas talian kepada ahli-ahli PPPMM. Pengkaji mengambil masa selama dua hari bagi tujuan penghantaran kembali borang soal selidik kepada ahli-ahli PPPMM.

Melalui seruan tersebut, pengkaji berjaya mendapatkan kembali sebahagian besar borang kaji selidik yang telah dihantar melalui atas talian iaitu 59 responden. Bukan sekadar mendapatkan kembali borang soal selidik bahkan pengkaji mendapat pelbagai maklumat tambahan daripada komunikasi secara emel dan telefon bimbit antara ahli-ahli PPPMM. Memandangkan maklum balas yang diperoleh telah mencecah lingkungan peratusan 92.2 peratus selepas 15 Mac 2013, pengkaji membataskan penerimaan maklum balas selepas tarikh tersebut. Dalam erti lain, sebarang maklum balas selepas 15 Mac 2013 tidak diambil kira dalam kajian ini.

Kesemua maklum balas yang diterima telah dianalisis dengan menggunakan aplikasi *Statistical Package for Social Science* (SPSS) edisi 15. Pada peringkat awal, pengkaji melaksanakan kajian awalan (pilot study) bagi menguji kualiti soalan yang dikemukakan kepada responden di samping melihat kejituhan jawapan yang diperoleh daripada responden terlibat. Untuk kajian awalan ini, bilangan responden bakal dipilih dengan kadar 1:4. Nisbah ini bermaksud, setiap responden daripada syarikat yang berbeza akan mewakili 4 orang daripada keseluruhan syarikat percetakan Melayu. Selain itu, responden yang akan terlibat adalah dalam kalangan ahli lembaga pengarah atau pengurusan tertinggi syarikat sahaja. Formula yang digunakan bagi membuat ujian boleh diringkaskan seperti berikut:

25% responden X 64 syarikat = 16 responden/syarikat

Berdasarkan rajah 6.1, nilai *Cronbach's Alpha* (0.897) yang diperoleh menunjukkan peratus kejituhan yang diperoleh melalui kajian awalan ini ialah 89.7 peratus. Oleh yang demikian, kejituhan dan ketepatan soalan yang telah dijawab oleh responden berada di skala amat baik. Peratus yang tinggi melalui kajian awalan ini juga menunjukkan kualiti keseluruhan bagi 42 soalan yang dikemukakan kepada responden adalah bersesuaian, tepat dan konsisten dengan jawapan yang diterima daripada responden. Justeru, kajian ini dapat diteruskan menggunakan soalan yang sama dengan mensasarkan semua syarikat percetakan Melayu yang berdaftar di Malaysia.

Jadual 6.1: Statistik Keandalan Soalan Soal Selidik

Cronbach's Alpha	Nombor soalan berskala
.897	42

#### 6.2.1 Demografi

Jadual 6.2 menunjukkan bilangan responden lelaki dan perempuan yang telah menjawab soal selidik yang diedarkan kepada mereka. Mengikut demografi 59 responden ahli-ahli PPPMM, setiap seorang daripada mereka mewakili sebuah syarikat percetakan Melayu.

Jadual 6.2: Demografi Jantina Yang Mewakili Syarikat Percetakan Melayu

		Frequency	Percent	Valid Percent
Valid	LELAKI	48	81.4	81.4
	PEREMPUAN	11	18.6	18.6
	Total	59	100.0	100.0

Daripada jadual 6.2, seramai 48 responden terdiri daripada lelaki dan selebihnya adalah 11 responden perempuan telah terlibat dalam kajian ini menunjukkan setiap seorang responden mewakili sebuah syarikat percetakan orang Melayu yang terlibat. Peratusan yang tinggi bagi lelaki didorong oleh kerana bidang perniagaan ini merupakan bidang pengeluaran produk yang mencabar dan menggunakan peralatan dan jentera yang berat.

Merujuk faktor usia responden yang terlibat dalam tinjauan ini menunjukkan kesemua responden berusia melebihi 30 tahun ke atas. Ini menunjukkan usia kematangan responden untuk menjawab setiap soalan soal selidik yang diajukan. Wimmer dan Dominick (2006) menjelaskan kematangan usia seseorang untuk menjawab setiap soalan soal selidik juga bergantung kepada faktor usianya. Lazimnya tahap kematangan seseorang untuk memberi maklum balas yang jitu yakni bagi usia melebihi 25 tahun dan ke atas. Jadual 6.3 di bawah menunjukkan lingkungan umur responden yang telibat. Majoriti responden berusia dalam lingkungan 41 tahun ke 50 tahun iaitu sebanyak 35 orang manakala responden yang berada pada lingkungan usia 60 tahun ke atas pula mencatatkan bilangan paling rendah iaitu seorang sahaja.

Jadual 6.3: Demografi Faktor Usia Responden

		Frequency	Percent	Valid Percent
Valid	30-40 tahun	5	8.5	8.5
	41-50 tahun	33	55.9	55.9
	51-60 tahun	20	33.9	33.9
	> 60 tahun	1	1.7	1.7
	Total	59	100.0	100.0

Peratusan yang tinggi responden yang berusia 41-50 tahun menunjukkan responden telah mengambil alih secara tradisi syarikat percetakan Melayu terbabit. Berdasarkan profil PPPMM pada tahun 2012 menunjukkan sebahagian besar syarikat percetakan Melayu yang terlibat telah diambil alih oleh kaum keluarga terdekat untuk diuruskan. Faktor usia yang semakin meningkat tidak memungkinkan seseorang itu untuk terus mengemudi sesebuah syarikat percetakan.

Mengikut demografi, seramai 32 orang responden iaitu mewakili 54.2 peratus merupakan pengarah urusan syarikat percetakan telah menjawab soalan soal selidik ini. Manakala 27 responden iaitu 45.8% yang menjawab soalan soal selidik ini pula adalah dari peringkat pengurusan atasan yang terdiri dari pengurus.

Jadual 6.4: Demografi dari segi jawatan responden dalam syarikat

		Frequency	Percent	Valid Percent
Valid	Pengarah Urusan	32	54.2	54.2
	Pengurus	27	45.8	45.8
	Total	59	100.0	100.0

Pada kebiasaannya jawatan dalam sesebuah syarikat selepas pengarah urusan ialah golongan pengurus. Antara pengkhususan para responden pengurus yang kebiasaannya ada dalam sesebuah syarikat percetakan ialah pengurus pengeluaran, pengurus pemasaran, pengurus kanan, pengurus operasi dan pengurus pengedaran.

Bagi mendapatkan kesahan kriteria dalam kajian ini, jawatan yang disandang oleh responden amat penting. Menurut Syed Arabi Idid (1992:156), “tujuan kesahan kriteria ialah untuk diuji sebagai pentaksir terhadap satu tingkah laku atau sikap”. Oleh itu jawatan tinggi seseorang dalam syarikat menunjukkan kuasa dan kebolehan individu dalam syarikat atau industri percetakan. Dengan itu jawapan dan maklum balas mereka meningkatkan kebolehpercayaan soal selidik ini. Dari sudut lain, kuasa dan tanggungjawab serta kebolehan seseorang individu terbabit boleh dikaitkan dengan pengalaman kerja seseorang dalam bidang yang diceburi.

Berdasarkan 59 responden, hanya 5.1 peratus sahaja responden yang mempunyai pengalaman kurang daripada 11 tahun. Peratusan ini menunjukkan hanya tiga responden sahaja yang mempunyai pengalaman selama 5 hingga 10 tahun dalam industri percetakan. Pengalaman yang lazim diperolehi adalah 16 hingga 20 tahun ke atas. Jadual 6.5 menunjukkan pengalaman 59 responden PPPMM dalam bidang percetakan.

Jadual 6.5: Demografi dari segi pengalaman dalam industri percetakan

		Frequency	Percent	Valid Percent
Valid	5-10 tahun	3	5.1	5.1
	11-15 tahun	18	30.5	30.5
	16-20 tahun	22	37.3	37.3
	>20 tahun	16	27.1	27.1
	Total	59	100.0	100.0

Berdasarkan demografi responden dari segi pengalaman dalam bidang percetakan, pengalaman responden yang melebihi 10 tahun dan ke atas ialah sebanyak 94.9 peratus. Memandangkan pengalaman mereka dalam industri percetakan, pandangan dan maklum balas mereka terhadap kajian ini cukup bermakna. Maklum balas daripada mereka membuktikan kebolehpercayaan dan keandalan maklumat yang dikumpul untuk kajian ini. Usaha pengkaji untuk mendapatkan maklum balas yang begitu tinggi tahap kebolehpercayaan terhadap kajian ini berhasil setelah berjaya memperolehnya daripada individu-individu yang boleh dianggap berpengaruh dan berpengalaman luas dalam bidang percetakan ini. Responden yang cukup berpengalaman dan berpengaruh ini begitu penting untuk kajian ini.

Maklum balas yang diterima daripada soal selidik ini juga menunjukkan individu-individu ini mempunyai tahap pendidikan yang tidak kurang hebatnya. Boleh dikatakan keseluruhan individu adalah lepasan dari institusi-institusi pengajian tinggi. Jadual seterusnya, Jadual 6.6 menunjukkan tahap terendah akademik responden yang juga ahli-ahli PPPMM ialah memiliki diploma. Peratus responden yang memiliki diploma ini adalah sebanyak 20.3 peratus iaitu seramai 12 orang. Angkubah tertinggi

yang dicatatkan dalam jadual berikut menunjukkan pemegang sarjana muda menunjukkan jumlah sebanyak 78 peratus iaitu seramai 46 orang.

Jadual 6.6: Demografi dari segi kelayakan akademik responden

		Frequency	Percent	Valid Percent
Valid	Diploma	12	20.3	20.3
	Sarjana Muda	46	78.0	78.0
	Sarjana	1	1.7	1.7
	Total	59	100.0	100.0

Jadual 6.6 menunjukkan tahap akademik tertinggi yang dimiliki oleh ahli-ahli PPPMM ialah ijazah sarjana. Jumlah yang disumbangkan oleh pemegang sarjana ini ialah sebanyak 1.7 peratus iaitu hanya seorang responden sahaja yang memiliki. Melihat kepada kelayakan akademik yang dimiliki cukup meyakinkan pengkaji tentang maklum balas yang diterima kembali ini. Tahap pemilikan kelayakan akademik yang tinggi akan meningkatkan kebolehpercayaan maklum balas yang diterima kembali. Hal ini bersesuaian dengan tahap pemikiran setanding dengan tahap akademik yang dimiliki. Selain itu, dengan pemilikan tahap akademik dan pengalaman kerja yang begitu luas tidak mustahil jawatan yang dipegang dalam syarikat masing-masing dapat memenuhi syarat yang sepatutnya.

Memandangkan tahap akademik dan kesesuaian jawatan yang dipegang, jelas menunjukkan responden berkebolehan untuk mengurus sebuah syarikat percetakan. Umum sudah mengetahui ahli-ahli PPPMM yang juga responden dalam kajian ini diberikan keistimewaan oleh kerajaan untuk memiliki tawaran tender percetakan kerajaan. Dalam jadual berikutnya, jadual 6.7 menunjukkan sejumlah 100 peratus

responden iaitu 59 buah syarikat yang memberi maklum balas soal selidik ini menunjukkan mereka pernah menerima tawaran tender percetakan kerajaan.

Jadual 6.7: Demografi dari segi pengalaman menerima tender percetakan kerajaan

	Frequency	Percent	Valid Percent
Valid Ya	59	100.0	100.0

Persoalan ini ditimbulkan kerana, dalam senarai keahlian PPPMM sehingga penghujung tahun 2012 terdapat beberapa buah syarikat yang baru menyertai PPPMM. Daripada sejumlah 64 set borang soal selidik yang dikirimkan kepada responden yang juga merupakan ahli PPPMM, hanya sejumlah 59 set soalan sahaja yang mewakili setiap syarikat diterima kembali. Berkaitan dengan kajian ini yang menyentuh tentang perubahan dasar kerajaan dalam industri percetakan dan kesannya pada industri percetakan Melayu menunjukkan 5 set borang soal selidik yang tidak dikembalikan ialah pada responden yang masih baru dan tidak pernah terbabit dalam isu yang dikaji.

Demografi selanjutnya yang dibincangkan adalah tentang jenis tender percetakan kerajaan yang pernah diperolehi oleh responden. Berdasarkan jadual 6.8 menunjukkan dua kategori tender percetakan telah dicatatkan. Pengkaji merekodkan hanya dua kategori produk percetakan sahaja kerana beranggapan produk percetakan mempunyai senarai yang begitu banyak. Kebiasaannya, dua kategori tersebut merupakan produk yang begitu lazim dilaksanakan oleh pencetak-pencetak Melayu melalui tender percetakan kerajaan. Jumlah maklum balas yang diterima daripada responden menunjukkan jumlah yang tertinggi mewakili tender percetakan buku teks

dan bahan bacaan daripada DBP iaitu 74.6 peratus manakala tender dokumen bercetak hanya mencatatkan 25.4 peratus.

Jadual 6.8: Demografi dari segi pengalaman menerima percetakan kerajaan

		Frequency	Percent	Valid Percent
Valid	<b>Dokumen Bercetak</b> (Kepala surat, kad nama, memo, resit-resit, laporan tahunan, pamphlet, brosur dan lain-lain)	15	25.4	25.4
	Buku teks dan bahan bacaan lain (DBP)	44	74.6	74.6
	Total	59	100.0	100.0

Demografi ini perlu bagi mengetahui jumlah sebenar ahli-ahli PPPMM yang pernah berurusan dengan kerajaan. Jumlah maklum balas yang diterima menunjukkan sejumlah besar pencetak Melayu yang berdaftar dengan PPPMM mempunyai pengalaman berurusan berkaitan percetakan kerajaan.

#### **6.2.2 Amalan ketika Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1981**

**(SPP10/81)**

Urusan perolehan percetakan kerajaan dengan pencetak-pencetak Melayu dikawal sepenuhnya di bawah satu ketetapan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Kontrak, Perbendaharaan Malaysia. Setiap tawaran tender atau kontrak yang diperuntukkan kerajaan mestilah berpandukan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP). Surat Pekeliling Perbendaharaan ini bertindak sebagai garis pandu untuk segala urusan perolehan percetakan kerajaan dengan penceta-pencetak

Melayu. Sejak penglibatan pencetak-pencetak Melayu yang berdaftar di bawah naungan PPPMM dengan urusan percetakan kerajaan, sejak itu SPP ini telah digunakan. Bermula dengan pengenalan SPP10/81 oleh Perbendaharaan Malaysia yang bertujuan untuk mengarahkan Jabatan Percetakan Negara (JPN) menyalurkan sepenuhnya urusan percetakan kerajaan kepada seluruh pencetak-pencetak Melayu berdaftar dengan PPPMM. Garis pandu ini akan digunakan pakai selagi tiada SPP baru yang diperkenalkan kerajaan untuk menggantikan SPP yang sedia ada.

Berdasarkan maklum balas daripada 59 responden menyatakan urusan

No	Perkara	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
<b>A. Amalan sebelum dasar diperkenalkan</b>						
1	Sebelum kerajaan memperkenalkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 10 Tahun 1993 (SPP10/93), pencetak-pencetak Melayu amat mudah memperolehi tender percetakan dari Jabatan Percetakan Negara (JPN)	0	0	1 (1.7%)	1(1.7%)	57(96.6%)
2	Ketika di bawah kelolaan JPN urusan perolehan percetakan lebih mudah diserahkan kepada pencetak Melayu	0	0	1 (1.7%)	1(1.7%)	57(96.6%)
3	Pengagihan tender melalui JPN lebih telus dan adil	0	0	1 (1.7%)	1(1.7%)	57(96.6%)
4	Hubungan pencetak Melayu ketika di bawah JPN amat baik sekali	0	0	1 (1.7%)	1(1.7%)	57(96.6%)
5	Keakraban hubungan antara JPN dan pencetak Melayu telah menyaksikan lebih ramai penyertaan dalam Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia	0	0	1 (1.7%)	1(1.7%)	57(96.6%)
6	Pelbagai pelaburan dari segi peralatan percetakan telah dibuat oleh pencetak Melayu untuk memperolehi tender percetakan dari JPN	0	0	0	2 (3.4%)	57(96.6%)

Jadual 6.9: Amalan ketika Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1981 (SPP10/81)

percetakan kerajaan ketika SPP ini digunakan pakai amat mudah diperolehi oleh mereka. Sejumlah 96.6% responden memilih skor sangat setuju bahawa kaedah pengagihan tender percetakan antara JPN dan pencetak-pencetak Melayu dapat dilaksanakan dengan mudah dan adil manakala sejumlah 1.7 peratus pula memilih setuju. Walaupun begitu terdapat 1.7 peratus responden memberi maklum balas tidak pasti dengan bentuk

pengagihan JPN tersebut. Nilai yang tinggi didorong oleh kerana kepimpinan kerajaan ketika itu begitu serius meningkatkan ekonomi kaum bumiputra.

Kecekapan kerja-kerja penawaran dan pengagihan tender percetakan yang dilaksanakan oleh JPN mencapai tahap yang begitu cemerlang. Walaupun ketika itu bilangan pencetak Melayu dalam senarai JPN semakin bertambah, tetapi JPN tetap mengagihkan tender-tender tersebut secara adil dan telus. Mengikut maklum balas daripada responden, sejumlah 96.6 peratus bersamaan dengan 57 responden telah memilih skor sangat setuju kaedah pengagihan tender percetakan kerajaan dilaksanakan dengan adil manakala 1.7 peratus lagi memilih skor setuju. Hanya seorang responden sahaja yang memilih skor tidak pasti dalam persoalan ini.

Tindakan JPN yang mengamalkan konsep pengagihan yang begitu berkesan antara pencetak-pencetak Melayu ini telah mewujudkan hubungan yang akrab dan harmoni antara mereka. Boleh dikatakan tidak ada berlaku sebarang masalah yang boleh menjelaskan hubungan ini. Hubungan yang baik ini telah mendorong kerajaan membuat ketetapan keseluruhan agensi-agensi di bawahnya menyerahkan urusan percetakan sepenuhnya pada pencetak-pencetak Melayu melalui JPN. Melihat kepada kesungguhan kerajaan membantu meningkatkan taraf hidup orang Melayu ketika itu telah menyaksikan pelbagai bentuk pelaburan telah dibuat bagi mendapat dan menggantikan peralatan percetakan yang lebih baru dan moden.

Daripada maklum balas yang diterima dari 59 responden, sejumlah 57 responden bersamaan dengan 96.6 peratus memilih skor sangat setuju. Manakala maklum balas daripada dua responden lagi memilih skor setuju dengan pandangan yang

diajukan bersamaan dengan nilai 3.4 peratus. Jika dihitung dengan nilai wang jumlah pelaburan yang telah dibuat adalah hampir RM50 juta untuk keseluruhan pelaburan yang dibuat oleh pencetak-pencetak Melayu ini. Pelaburan ini dilakukan untuk memenuhi keseluruhan tawaran tender percetakan kerajaan melalui JPN yang semakin meningkat. Pelbagai peluang telah diwujudkan untuk pencetak-pencetak Melayu ini oleh kerajaan dengan mempelbagaikan bentuk-bentuk produk percetakan untuk ditawarkan. Hubungan baik antara pencetak-pencetak Melayu dengan JPN berterusan sehingga kerajaan mengambil keputusan untuk akur kepada Dasar Pensyarikatan yang diperkenalkan menyebabkan pengkorporatan JPN. Langkah pengkorporatan ini akan menjadikan JPN sebagai sebuah syarikat milik penuh kerajaan dan akan beroperasi tanpa sebarang bantuan daripada kerajaan

#### **6.2.3 Amalan setelah pembatalan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10**

##### **Tahun 1981 (SPP10/81) dan pengkorporatan Jabatan Percetakan Negara**

Pembatalan SPP10/81 sebagai garis pandu urusan perolehan percetakan kerajaan dengan para pengusaha percetakan Melayu disebabkan pengenalan SPP baru yang menggantikan SPP yang sebelumnya. Pengenalan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 (SPP10/93) adalah untuk menggantikan SPP10/81. Pengenalan SPP10/93 ini mengambil sempena keputusan kerajaan untuk mengkorporatkan JPN menjadi sebuah syarikat swasta sepenuhnya melalui satu perjanjian konsesi. Menurut maklum balas daripada 59 responden sejumlah 98.3 peratus memilih skor sangat setuju dengan pendapat pengkaji tentang pengenalan SPP

ini disebabkan pengkorporatan JPN menjadi Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) manakala 1.7 peratus pula memilih skor setuju.

B. Amalan setelah dasar diperkenalkan						
7	Kerajaan memberi jaminan SPP 10/93 tidak akan menjejaskan keistimewaan pencetak Melayu setelah diperkenalkan	0	0	0	1(1.7%)	58(98.3%)
8	Surat Pekeliling Perbendaharaan 10/93 diperkenalkan setelah kerajaan bersetuju mengkorporatkan JPN	0	0	0	1(1.7%)	58(98.3%)
9	Pencetak-pencetak Melayu mula merasai kesusahan memperolehi tender percetakan kerajaan setelah langkah pengkorporatan ini berlaku walaupun SPP 10/93 diperkenalkan	0	0	0	1(1.7%)	58(98.3%)
10	Sejak SPP 10/93 diguna pakai sebagai garis pandu, pelbagai pelanggaran syarat telah berlaku	0	0	0	1(1.7%)	58(98.3%)
11	Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi membendung pelanggaran syarat ini daripada terus berleluasa	58(98.3%)	1(1.7%)	0	0	0
12	Pencetak-pencetak Melayu telah mendapat manfaat sepenuhnya hasil dari kerajaan mewrtakan SPP tersebut	58(98.3%)	1(1.7%)	0	0	0
13	Sejak kerajaan memperkenalkan SPP tersebut, pembiagaan percetakan orang Melayu semakin berkembang pesat	58(98.3%)	1(1.7%)	0	0	0
14	Sejak SPP tersebut diperkenalkan, kerajaan masih membantu pengusaha percetakan Melayu untuk terus memperolehi tender-tender percetakan kerajaan	58(98.3%)	1(1.7%)	0	0	0
15	Rata-rata pencetak Melayu bersetuju dengan ketetapan yang telah dibuat kerajaan melalui SPP tersebut.	0	0	0	1(1.7%)	58(98.3%)

Jadual 6.10: Amalan setelah Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 (SPP10/93) diperkenalkan

Walaupun matlamat pengenalan SPP yang baharu adalah untuk menggantikan SPP yang lama, kerajaan tetap mengambil berat dengan masa depan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu setelah pengkorporatan JPN ini. Hasrat kerajaan untuk terus membela nasib pencetak-pencetak Melayu ini telah menyebabkan keistimewaan sedia ada yang dinikmati oleh mereka tetap dikekalkan dalam SPP10/93. Melalui SPP10/93 jaminan yang diberikan kerajaan pada pencetak-pencetak Melayu tentang hak dan keistimewaan orang Melayu untuk memperoleh tender percetakan kerajaan tidak akan tergugat melalui SPP10/93.

Daripada maklum balas 59 responden, sejumlah 58 responden bersamaan 98.3% responden memilih skor sangat setuju dengan pendapat tentang hak dan keistimewaan pencetak Melayu terus kekal dalam SPP10/93 ini manakala 1.7 peratus pula memilih skor setuju. Peratusan yang tinggi ini didorong dengan kenyataan yang amat jelas tercatat dalam SPP ini tentang jaminan keistimewaan yang diberikan kerajaan.

C. Pengkorporatan dan penswastaan agensi kerajaan					
C(A). Pengkorporatan JPN					
16	Pengkorporatan JPN kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) telah memberi kesan yang baik dalam industri percetakan negara	0	0	0	5 54
17	Kesan pengkorporatan ini juga telah memberi impak yang baik dalam pembiagaan percetakan orang Melayu	58(98.3%)	1(1.7%)	0	0
18	Sejak PNMB mengambil alih peranan JPN, kebanyakannya tender-tender percetakan kerajaan tidak begitu banyak disalurkan kepada orang Melayu	0	0	0	5(8.5%) 54(91.5%)
19	Jumlah keseluruhan tender-tender percetakan kerajaan yang diaghikhan kepada pencetak Melayu kurang dari 40% dari jumlah keseluruhan	0	0	0	4(6.8%) 55(93.2%)
20	Kewujudan PNMB menurut SPP 10/93 adalah untuk mengambil alih peranan JPN yang selama ini menjadi tulang belakang kepada pencetak Melayu tetapi perjanjian tersebut telah dikhianati	0	0	0	3(5.1%) 56(94.9%)
21	Boleh dikatakan keseluruhan tender percetakan dari pelbagai kementerian dan agensi kerajaan telah dirampas dari pencetak Melayu di mana di sebut dalam SPP tersebut PNMB hanya boleh mencetak tender percetakan dari beberapa buah agensi dan kementerian sahaja	0	0	0	4(6.8%) 55(93.2%)
22	Walaupun secara dasarnya PNMB melanggar syarat perjanjian yang telah dipersetujui, tiada sebarang tindakan yang dikenakan ke atas mereka oleh pihak kerajaan	0	0	0	5(8.5%) 54(91.5%)
23	Tiada sebarang tindakan yang diambil oleh pencetak Melayu dalam usaha menangani permasalahan ketidadaan tender percetakan kerajaan	55(93.2%)	4(6.8%)	0	0
24	Usaha demi usaha yang dibuat telah menemui jalan buntu untuk mengekang perkara ini sehingga kini	0	0	0	27(45.9%) 32(54.1%)
25	Salah satu sebab pembiagaan percetakan orang Melayu menerima kegagalan adalah disebabkan oleh pengkorporatan JPN kepada PNMB	0	0	0	7(11.9%) 52(88.4%)

Jadual 6.11: Amalan setelah pengkorporatan Jabatan Percetakan Negara

Walaupun kerajaan berjanji untuk terus membela nasib pencetak-pencetak Melayu setelah pengkorporatan JPN berlaku dan mewartakan SPP yang baru, nasib orang Melayu semakin terumbang-ambing. Melalui pembacaan pengkaji terhadap SPP10/93, kerajaan berjanji akan menyerahkan urusan perolehan percetakan kerajaan pada PNMB meliputi Parlimen Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kewangan, Kementerian Perundangan, Suruhanjaya Pilihanraya dan Jabatan Perdana Menteri. Pencetak-pencetak Melayu pula akan memperoleh perolehan percetakan kerajaan dari lain-lain jabatan, kementerian, agensi dan badan-badan berkanun selain dari yang telah diperuntukkan pada PNMB. Walau bagaimanapun hasrat kerajaan ini telah disalah erti oleh PNMB di mana mereka telah melanggar ketetapan yang termaktub dalam SPP10/92. Pihak PNMB telah menlanggar perjanjian konsesi yang telah ditangani dengan mengaut kesemua urusan perolehan percetakan kerajaan dari agensi, jabatan, kementerian dan badan-badan berkanun yang telah diperuntukkan untuk orang Melayu.

Melalui maklum balas yang diterima, 58 responden bersamaan 98.3 peratus memilih skor sangat setuju. Hal demikian menunjukkan mereka sukar memperolehi tender percetakan kerajaan setelah pengkorporatan ini manakala selebihnya iaitu 1.7 peratus memilih setuju. Peratusan yang tinggi ini disumbang oleh kerana ekonomi pencetak-pencetak Melayu semakin terjejas dengan pengkorporatan ini. Walaupun pengkorporatan ini melibatkan perjanjian konsesi antara PNMB dengan kerajaan serta pengenalan SPP10/93 sebagai garis pandu, pelbagai pelanggaran syarat telah dilakukan oleh PNMB. Jumlah maklum balas yang tinggi daripada responden iaitu 98.3 peratus memilih skor sangat setuju pada pandangan pengkaji tentang kerakusan PNMB

merampas hak pencetak-pencetak Melayu membuktikan PNMB jelas telah melanggar perjanjian konsesi terbabit dan SPP yang telah diwartakan.

Melihat keadaan yang semakin menghimpit pencetak-pencetak Melayu, tanggapan awal oleh pengkaji bahawa kerajaan telah mengambil tindakan dengan mengkaji kembali terma dan syarat dalam perjanjian terbabit. Namun begitu, hasil maklum balas yang diterima kepada pendapat berikut adalah sebaliknya. Seramai 58 responden bersamaan 98.3 peratus menyatakan sangat tidak setuju terhadap pendapat pengkaji yang mengatakan kerajaan telah mengambil pelbagai tindakan antaranya mengkaji kembali terma dan syarat perjanjian manakala 1.7 peratus mewakili responden memilih skor tidak setuju. Peratusan yang tinggi menunjukkan kerajaan tidak melaksanakan penguat kuasaan atas tindakan PNMB merampas hak pencetak-pencetak Melayu. Bukan sekadar itu, pencetak-pencetak Melayu juga menyuarakan kebimbangan mereka bagaimana pihak Perbendaharaan Malaysia meluluskan pembayaran pada PNMB untuk kerja-kerja percetakan kerajaan yang bertentangan dengan arahan SPP.

Berkenaan SPP10/93 yang menggantikan SPP10/81 suatu ketika dahulu memberi manfaat kepada keseluruhan ahli PPPMM untuk memperolehi tender percetakan kerajaan, responden menyatakan SPP10/93 tidak memihak kepada mereka lagi. Pendapat pengkaji tentang kebaikan SPP10/93 yang begitu jelas menyatakan pencetak-pencetak Melayu bakal menikmati perolehan percetakan kerajaan seperti sebelum pengkorporatan JPN, seramai 58 responden bersamaan 98.3 peratus menyatakan pendirian mereka sangat tidak setuju pendapat pengkaji itu. Keputusan ini dengan jelas menunjukkan ahli-ahli PPPMM tidak memperoleh manfaat sepenuhnya

dengan pengenalan SPP terbabit. Manakala hanya seorang sahaja responden bersamaan 1.7 peratus memilih skor setuju untuk pendapat pengkaji ini. Kesimpulan yang boleh dinyatakan ialah jaminan kerajaan untuk ahli-ahli PPPMM menikmati keistimewaan ketika pengawasan JPN dahulu amat mendukacitakan kini di bawah PNMB.

Semenjak PNMB diberi tugas untuk menyalurkan perolehan percetakan kerajaan, tidak begitu banyak tender-tender ini diserahkan kepada pencetak-pencetak Melayu. Tender-tender yang dianggarkan bernilai jutaan ringgit itu kebanyakannya telah diserap terus ke dalam operasi pengeluaran PNMB. Melalui soal selidik ini pengkaji meletakkan pelbagai pilihan jawapan untuk dipilih responden tentang peratusan tender yang diperolehi sejak PNMB mengambil alih peranan JPN. Daripada maklum balas yang diterima sejumlah 93.2 peratus bersamaan 55 orang responden memilih jawapan kurang dari 40 peratus sahaja tender percetakan kerajaan yang diperolehi manakala empat orang responden bersamaan 6.8 peratus memilih skor jawapan lebih dari 40 peratus. Melihat peratusan maklum balas yang diterima jelas menunjukkan pencetak-pencetak Melayu ini semakin terhimpit dengan masalah.

Melihat kesengsaraan yang dihadapi oleh ahli-ahlinya, PPPMM telah mengambil pelbagai langkah untuk mengekang masalah ini daripada terus berlarutan. Daripada 59 responden seramai 55 orang bersamaan 93.2 peratus menyatakan sangat setuju dengan pelbagai langkah yang diambil oleh PPPMM untuk mengekang masalah ini manakala hanya empat orang bersamaan 6.8 peratus responden yang memilih tidak pasti tentang langkah yang diambil oleh PPPMM. Jawapan tidak pasti oleh 6.8 peratus responden ini, pengkaji beranggapan responden tersebut tidak begitu pasti dengan kejayaan strategi-strategi yang dilakukan oleh PPPMM.

Walaupun pelbagai langkah telah diambil oleh PPPMM untuk memastikan nasib ahli-ahlinya terbelia, namun usaha-usaha ini menemui jalan buntu. Maklum balas daripada 59 responden mendapat 32 responden bersamaan 54.2 peratus memilih sangat setuju usaha-usaha yang diambil oleh PPPMM menemui kegagalan manakala 27 responden lagi bersamaan 45.8 peratus memilih skor setuju tentang kegagalan usaha-usaha ini. Pelbagai usaha telah dipergiatkan oleh PPPMM untuk mengekang masalah ini terus berlarutan seperti mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan wakil Perdana Menteri dan Timbalannya, wakil-wakil kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) serta memohon campur tangan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) berhubung kemelut yang dihadapi. Selain itu, PPPMM juga menyuarakan kesusahan mereka ini dengan menghantar beberapa siri memorandum bantahan kepada perdana menteri. Kesemua usaha berikut sehingga kini menemui jalan buntu kerana pihak berwajib hanya menyatakan kekesalan mereka terhadap masalah yang dihadapi oleh pencetakan Melayu tanpa sebarang tindakan serius yang diambil.

#### **6.2.4 Amalan sebelum dan selepas penswastaan Bahagian Pemasaran dan Percetakan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kepada Dawama**

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) merupakan satu agensi kerajaan yang dipertanggungjawab untuk menerbit, mencetak dan memasarkan bahan-bahan bacaan sama ada berbentuk ilmiah atau bukan kepada masyarakat umum. Menurut Puan Noraini bt Jirim, Editor Kanan Pengeluaran DBP, tugas DBP semakin meluas dan besar apabila kerajaan melalui Kemeterian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memberi tanggungjawab untuk menerbit, mencetak dan memasarkan buku-buku teks sekolah di

bawah KPM. Setelah tanggungjawab ini diperolehi pada awal tahun 80-an maka sejak itu DBP berusaha memastikan peranan dan tugasnya sebagai pembekal dan pencetak buku teks akan sampai kepada KPM tepat pada masa yang diperuntukkan.

Sejajar dengan saranan kerajaan pada awal tahun 80-an untuk membantu pengusaha-pengusaha percetakan Melayu yang juga merupakan anggota PPPMM, maka DBP juga menuruti saranan tersebut. Pihak DBP telah mewujudkan satu langkah untuk menyerahkan urusan percetakan buku-buku keluaran DBP dan buku-buku teks sekolah kepada pencetak-pencetak Melayu ini. Usaha DBP dalam memastikan pencetak-pencetak Melayu terus maju dalam perniagaan percetakan diteruskan dengan mengenalkan satu konsep ‘memayungi’ pencetak-pencetak ini. Setelah konsep ini diperkenalkan, DBP telah bersetuju hanya pencetak-pencetak Melayu sahaja yang akan dianugerahkan tender-tender percetakan. Menurut Puan Noraini tender-tender tersebut meliputi keseluruhan kerja mencetak bahan-bahan terbitan DBP dan juga buku teks. Dato Badrudin menambah pengenalan konsep tersebut oleh DBP adalah hasil perbincangan PPPMM yang dipimpin oleh Allahyarham Radin Amir bin Radin Suhadi sebagai Presiden ketika itu. Usaha murni beliau dan DBP telah menampakkan kejayaan yang membanggakan pencetak-pencetak Melayu ini apabila keseluruhan besar ahli PPPMM menikmati kejayaan tersebut.

Keputusan DBP untuk melantik ahli-ahli PPPMM sebagai pencetak rasmi bahan terbitan DBP dan buku-buku teks sekolah di bawah KPM ini berlaku dalam lingkungan masa yang agak lama bermula awal tahun 80-an hingga bulan September 2002. Menurut Puan Noraini hasil kerjasama erat antara kedua-dua pihak telah menyaksikan fungsi DBP ketika itu sebagai penerbit dan pengeluar bahan-bahan

bacaan cukup berjaya. Beliau menambah kebanyakan penjual-penjual buku rasmi DBP amat berpuas hati dengan prestasi DBP ketika itu dari segi ketepatan masa, pengurusan, pemasaran, pengedaran dan kualiti terhadap bahan cetakan. Hasil kerjasama erat dengan DBP telah menaikkan pendapatan ekonomi pencetak-pencetak Melayu sehingga dapat melahirkan jutawan industri percetakan.

Sebelum penswastaan ini berlaku, Bahagian Pemasaran dan Percetakan DBP ini merupakan bahagian yang paling banyak menyumbang keuntungan kepada DBP. Hal ini kerana bahagian tersebut berfungsi sebagai pencetak dan memasarkan bahan-bahan terbitan DBP kepada masyarakat umum. Hubungan pencetak-pencetak Melayu dengan DBP telah lama terjalin kerana mereka ini telah dilantik sebagai pencetak rasmi penerbitan DBP. Hubungan akrab ini telah membentuk satu keluarga yang harmoni sehingga DBP mengamalkan konsep ‘memayungi’ pencetak-pencetak Melayu ini di bawah bahagian ini. Melalui maklum balas yang diperoleh seramai 57 responden bersamaan 96.6% memilih skor sangat setuju bahawa kerja-kerja percetakan DBP harus dijalankan sepenuhnya oleh pencetak Melayu manakala hanya dua responden iaitu 3.4% memilih skor setuju.

Setelah sekian lama hubungan murni antara DBP dan pencetak-pencetak Melayu ini terjalin, maka pada 14 Oktober 1999 pihak Lembaga Pengarah DBP telah membuat keputusan untuk menswastakan Bahagian Percetakan dan Pemasaran (BPP) DBP. Setelah keputusan itu dicapai maka segala aktiviti yang selama ini di bawah kendalian BPP iaitu pra-cetak, rekabentuk, percetakan, pengedaran dan pemasaran penerbitan DBP akan dikendalikan sepenuhnya oleh anak syarikat DBP iaitu Dawama Sdn Bhd. Walaupun DBP mewujudkan Dawama Sdn Bhd untuk mengambil alih kerja-

kerja yang selama ini dilaksanakan oleh BPP, kepentingan pencetak-pencetak Melayu masih lagi terbela. Penubuhan Dawama dilihat lebih menguntungkan kerana mampu mendatangkan hasil yang tinggi kepada DBP.

Melihat kepada kejayaan Dawama memberi pulangan yang tinggi kepada DBP dan pencetak-pencetak Melayu, maka terdapat perbincangan di peringkat pengurusan atasan DBP untuk menyerahkan Dawama Sdn Bhd kepada syarikat swasta untuk diambil alih. Langkah ini telah dapat dihidu oleh PPPMM dan tindakan membantah telah dilakukan. Menurut Puan Noraini bt Jirim keputusan untuk penyerahan Dawama Sdn Bhd kepada syarikat swasta dibuat ketika DBP berada di bawah pentadbiran Dato A. Aziz bin Deraman. Menurutnya lagi Dawama merupakan anak syarikat yang berfungsi untuk meningkatkan kewangan DBP kerana segala kerja-kerja penting untuk urusan percetakan dan penerbitan berlaku di sini. Perolehan keuntungan dan penyaluran dana yang besar setiap tahun dikatakan punca kepada keputusan penswastaan ini dibuat. Menurut Dato Badrudin tugas Dawama sebagai pihak yang menguruskan segala urusan pemberian tender percetakan DBP kepada pencetak-pencetak Melayu ingin dirampas oleh pihak yang tidak bertanggungjawab kerana iri hati dengan kejayaan mereka.

Walaupun beberapa bantahan dibuat oleh PPPMM untuk menghalang keputusan ini tetapi segala tindakan tersebut tidak berhasil. Pada 1 September 2002 Dawama Sdn Bhd telah diserahkan kepada syarikat swasta yang terdiri dari DTP Enterprises yang merupakan pemegang saham terbesar, Konsortium Dewan Edar (KDE) dan Dato' Azhar Hashim. Menurut Dato Badrudin, pihak PPPMM pernah mencadangkan kepada pihak Kerajaan dan Lembaga Pengarah DBP bagi urusan penyerahan Dawama Sdn Bhd ini diserahkan kepada Percetakan Yayasan Islam

Terengganu untuk dikendalikan tetapi permohonan mereka ditolak. Cadangan PPPMM itu mempunyai alasan yang kukuh kerana Percetakan Yayasan Islam Terengganu merupakan sebuah syarikat percetakan yang berdaya maju, berpengalaman luas, mempunyai kewangan berkapita yang tinggi dan dimiliki oleh agensi kerajaan negeri Terengganu. Selain itu Percetakan Yayasan Islam Terengganu juga merupakan ahli PPPMM.

C(B). Penswastaan Bahagian Pemasaran dan Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)					
26	Keja-keja percetakan DBP sebelum penswastaan ini dicetak sepenuhnya oleh pencetak Melayu	0	0	0	2 (3.4%) 57(96.6%)
27	Syarat dan terma dalam perjanjian konsesi penswastaan ini lebih berpihak dan memberi keuntungan yang tinggi kepada Dawama	0	0	0	2 (3.4%) 57(96.6%)
28	Selepas penswastaan ini berlaku, pencetak Melayu masih memperolehi tender percetakan dari Dawama	0	0	0	53(89.8) 6(10.2%)
29	Pengagihan tender percetakan kepada pencetak Melayu dijalankan secara adil dan saksama	58(98.3%)	1(1.7%)	0	0
30	Perniagaan percetakan orang Melayu semakin merudum selepas penswastaan ini berlaku	0	0	0	39(66.3%) 20 (33.7%)
31	Penerbitan buku-buku dan majalah terbitan DBP semakin meningkat selepas penswastaan ini	2 (3.4%)	57(96.6%)	0	0
32	Dawama hanya akan mencetak buku-buku yang bermilai tinggi sahaja	0	0	0	3(5.1%) 56(94.9%)
33	Persetujuan untuk menswastakan bahagian pemasaran dan percetakan ini adalah disebabkan campur tangan politik	0	0	0	53(89.8) 6(10.2%)
34	Pihak kerajaan sehingga kini tidak mengambil sebarang tindakan untuk mengkaji dan menyemak kembali perjanjian yang jelas terdapat pelanggarannya	0	0	0	38(64.6%) 21(35.4%)

Jadual 6.12: Amalan sebelum dan selepas penswastaan Bahagian Pemasaran dan Percetakan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kepada Dawama

Selepas penswastaan ini berlaku bahagian ini telah diserahkan kepada sebuah syarikat swasta untuk diuruskan dan selepas itu dikenali dengan Dawama Sdn Bhd. Mengikut perjanjian tersebut penswastaan ini berlaku selama tempoh 12 tahun bermula dari tahun 2002 sehingga 2014. Walaupun perjanjian ini ditandatangani tanpa melibatkan pencetak-pencetak Melayu, namun wakil PPPMM telah diberikan taklimat dan jaminan yang juga diberikan oleh kerajaan iaitu pencetak-pencetak Melayu yang

bernaung di bawah DBP sebelum ini tidak akan terjejas dengan penswastaan ini. Melalui taklimat tersebut pencetak-pencetak Melayu telah diberi penerangan terperinci tentang bentuk perjanjian konsesi berikut. Jelas menunjukkan perjanjian konsesi terbabit lebih menguntungkan pemegang konsesi berbanding DBP. Maklum balas yang diterima, seramai 57 responden bersamaan 96.6 peratus memilih sangat setuju dengan pembahagian keuntungan lebih berpihak kepada pemegang konsesi manakala dua responden bersamaan 3.4 peratus memilih setuju. Akibat daripada perjanjian berikut, pendapatan DBP menunjukkan angka penurunan kerana terpaksa menanggung pelbagai kos-kos untuk setiap kali bahan terbitan hendak diterbitkan seperti bayaran royalti.

Melalui temubual bersama Dato Badrudin, pemilihan DTP Enterprises sebagai pemegang saham tertinggi dalam Dawama dibuat secara tidak telus. Ini kerana DTP Enterprises bukan sebuah syarikat percetakan bahkan langsung tidak mempunyai pengalaman dalam bidang tersebut. Bermula dari itu maka segala tanggungjawab yang dipikul oleh pihak Dawama dan DBP sebelum ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh pihak baru melalui perjanjian konsesi yang ditangani antara pemegang-pemegang saham Dawama dan DBP yang mewakili pihak kerajaan. Walaupun dalam perjanjian konsesi terbabit ada menyebut nasib pencetak-pencetak Melayu tetap akan terpelihara dan terbela tetapi perkara yang diharapkan tidak berlaku.

Hasil temubual dengan Dato Haji Aziz Deraman, beliau menjelaskan keputusan yang diambil DBP ketika beliau mentadbir dibuat untuk menjadikan Dawama lebih berdaya saing dan maju. Jelas beliau lagi keputusan penyerahan Dawama ini kepada pihak swasta kerana pemegang-pemegang saham ini mampu menyediakan sumber kewangan yang tinggi kepada Dawama dan mampu meringankan beban kepada DBP

untuk terus beroperasi. Ditanya tentang kaedah pemilihan pemegang-pemegang saham Dawama ini beliau menegaskan keputusan yang dibuat oleh beliau dan Lembaga Pengarah DBP telah dipersetujui oleh semua pihak. Beliau juga menjelaskan peranan pencetak-pencetak Melayu setelah Dawama diambil alih oleh pihak swasta masih diperlukan tetapi ianya bergantung kepada pucuk pimpinan baru Dawama. Berbicara tentang nasib yang ditanggung oleh pencetak-pencetak Melayu berbeza ketika Dawama masih di bawah DBP, beliau menjelaskan pencetak-pencetak Melayu sepatutnya perlu lebih positif tentang langkah yang diambil oleh DBP untuk penswastaan ini dan perlu lebih proaktif serta tidak bergantung terus pada DBP.

Setelah sekian lama penswastaan Dawama Sdn Bhd ini berlangsung, berlaku beberapa kepincangan dan pelanggaran syarat dalam perjanjian konsesi. Pelbagai perlanggaran syarat yang berlaku seperti kelewatan pembayaran, pembekalan bahan mentah seperti kertas yang tidak mencukupi dan pengagihan tender percetakan yang tidak telus dan terbuka. Pemasalahan-pemasalahan ini sepatutnya tidak berlaku jika Dawama menuruti perjanjian konsesi yang telah dipersetujui. Selain itu, perjanjian konsesi yang telah ditangani juga difahamkan tidak mendatangkan keuntungan yang besar kepada DBP. Menurut Dato' Haji Termuzi Haji Aziz, bekas Ketua Pengarah DBP, beliau menjelaskan perjanjian konsesi tersebut memberi pulangan yang lebih tinggi kepada pemegang saham Dawama berbanding DBP sendiri. Oleh kerana perjanjian konsesi tersebut merupakan dokumen rahsia rasmi kerajaan maka segala isi kandungan perjanjian tersebut tidak dapat didedahkan kepada umum kecuali individu-individu tertentu sahaja. Untuk itu pengkaji cuba mengorek rahsia terbabit melalui temubual yang dijalankan bersama bekas Ketua Pengarah DBP terbabit. Dato' Termuzi menjelaskan keuntungan yang dipersetujui dalam perjanjian terbabit menggunakan pakai

formula nisbah 70:30 untuk kerja-kerja mencetak buku teks sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Nisbah ini bermaksud keuntungan yang diperolehi Dawama Sdn Bhd adalah 70 peratus dan DBP hanya menerima 30% sahaja. Bagi kerja-kerja mencetak buku-buku umum dan penerbitan-penerbitan lain keluaran DBP sendiri nisbah yang digunakan pula ialah 60:40. Nisbah ini menunjukkan angka 60 peratus keuntungan akan diperolehi Dawama manakala selebihnya dimiliki DBP.

Kedua-dua formula tersebut jelas berat sebelah kerana keuntungan yang diperolehi Dawama adalah nilai yang cukup tinggi. Menurut Dato' Termuzi pihak DBP perlu mengeluar perbelanjaan mereka untuk membayar segala kos-kos sampingan seperti bayaran royalti, editor, pereka dan lain-lain perlu dijelaskan. Perbelanjaan-perbelanjaan ini akan menyebabkan pendapatan yang diperolehi DBP semakin mengecil. Semasa Dawama masih di bawah DBP, segala kos-kos yang perlu ditanggung akan dijelaskan kesemuanya oleh Dawama.

Selain mempunyai bahan-bahan terbitan sendiri, DBP juga telah diberikan tanggungjawab oleh kerajaan untuk mencetak dan menerbitkan buku-buku teks sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia sebelum penswastaan ini berlaku lagi. Tugas-tugas mencetak buku-buku teks dan bahan-bahan terbitan lain DBP telah dijalankan sepenuhnya oleh pencetak Melayu. Nilai wang yang diperuntukkan kerajaan untuk kerja mencetak buku-buku teks kepada DBP ini bernilai puluhan juta ringgit setahun (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2008). Sekian lama hubungan baik antara DBP dengan pencetak-pencetak Melayu terjalin dan menyaksikan kejayaan industri percetakan Melayu, hubungan tersebut seolah-olah telah rosak selepas penswastaan berlaku. Pencetak-pencetak Melayu yang juga ahli

PPMM masih boleh mendapatkan tender percetakan DBP daripada Dawama. Berdasarkan maklum balas yang diterima, seramai 53 responden iaitu 89.8 peratus menyatakan setuju bagi menunjukkan tender-tender percetakan DBP masih diperolehi manakala selebihnya 6 orang bersamaan 10.2 peratus memilih sangat setuju tentang perolehan tersebut.

Walaupun begitu terdapat masalah yang berlaku dalam kaedah pembahagian tender. Dalam pembahagian tender-tender percetakan DBP seperti buku teks, pihak Dawama akan menyalurkan tender-tender percetakan yang bernilai kecil sahaja kepada pencetak-pencetak Melayu. Tender-tender percetakan yang bernilai tinggi akan dicetak sendiri oleh Dawama. Maklum balas yang diperoleh berkaitan perkara ini menunjukkan 58 responden iaitu 98.3 peratus memilih skor sangat setuju dan seorang responden iaitu 1.7 peratus memilih setuju dengan perkara tersebut. Selain ketidakadilan dalam pembahagian tender percetakan, Dawama juga bertindak dengan menyalurkan bahan asas yang tidak mencukupi seperti kertas kepada pencetak-pencetak Melayu. Ini menyebabkan kos semakin tinggi perlu ditanggung oleh pencetak Melayu dan berlaku masalah kelewatan bayaran oleh Dawama kepada mereka.

Walaupun tindakan-tindakan Dawama ini jelas melanggar perjanjian konsesi yang telah ditangani dengan DBP untuk terus menyalurkan urusan percetakan DBP kepada pencetak-pencetak Melayu, tiada sebarang tindakan diambil kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Maklum balas yang diterima menunjukkan 38 responden iaitu 64.4 peratus memilih setuju tiada sebarang tindakan diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah ini berlarutan dan 21 responden iaitu 35.6 peratus memilih sangat setuju dengan pandangan tersebut. Sejak sekian lama Dawama mengambil alih tugas-

tugas percetakan dan pemasaran penerbitan DBP, pelbagai masalah berlaku dan diketahui umum. Antara kejadian yang berlaku seperti pelancaran mogok oleh pekerja-pekerja Dawama pada tahun 2012 kerana tidak dibayar gaji dan tanggungan hutang yang tinggi Dawama dengan pembekal-pembekal. Perkara sebegini telah menyebabkan kredibiliti DBP sebagai nama besar dalam bidang penerbitan di negara ini tercalar oleh tindakan Dawama.

Pembentukan hubungan erat antara DBP dan pencetak-pencetak Melayu ini telah menyaksikan sejumlah hampir RM600 juta kontrak percetakan telah diagihkan. Jumlah ini merangkumi kerja-kerja percetakan bahan-bahan bacaan terbitan DBP dan juga urusan percetakan buku-buku teks sekolah di bawah KPM. Hasil kerjasama dan hubungan murni antara kesemua ahli PPPMM, segala urusan percetakan ini diagihkan secara sama rata antara mereka. Menurut Haji Nordin urusan pengagihan tender percetakan ini dibuat secara tender terbuka dan hanya ahli-ahli PPPMM sahaja yang akan terlibat. Jumlah tender yang diberikan adalah tertakluk kepada keupayaan sesebuah syarikat percetakan itu sendiri. Besar atau kecil saiz tender tersebut akan dinilai pada kapasiti peralatan mencetak dan penjilidan. Ahli-ahli PPPMM menurut Haji Nordin lagi dilarang sama sekali menyerahkan urusan percetakan DBP yang diperolehi kepada pencetak kaum lain untuk dicetak. Bagi memastikan urusan percetakan DBP berjalan lancar, pencetak-pencetak Melayu ini telah membuat pelbagai pelaburan seperti menaiktaraf kapasiti peralatan percetakan dan penjilidan. Menurut Haji Nordin sejumlah RM50 juta telah dibelanjakan oleh pencetak-pencetak Melayu ini bagi memastikan segala urusan percetakan DBP dapat disiapkan. Jumlah pelaburan yang dibelanjakan ini boleh dikatakan nilai yang cukup besar telah dilaburkan.

### **6.2.5 Kesan kedatangan teknologi maklumat dan perubahan teknologi percetakan**

Kedatangan teknologi maklumat dan perubahan teknologi percetakan merupakan faktor terakhir yang menyebabkan kejatuhan ekonomi perusahaan percetakan Melayu. Faktor ini dianggap sebagai penyumbang yang tidak kurang hebatnya kepada kejatuhan ini. Sejak kedatangan internet ke negara ini, rata-rata rakyat di Malaysia lebih terarah menggunakan teknologi ini untuk memperoleh maklumat semasa. Penggunaan internet membolehkan segala informasi boleh diperoleh dengan lebih mudah.

<b>D. Perubahan Teknologi Maklumat dan Percetakan Dunia</b>					
35	Sejak kedatangan internet permintaan ke atas bahan bercetak amat terjejas	0	0	0	22(37.4%) 37(62.6%)
36	Kemunculan syarikat-syarikat atas talian yang mengambil dan menerima tempahan percetakan mendorong kepada kemerosotan industri percetakan orang Melayu	0	0	0	22(37.4%) 37(62.6%)
37	Kebanyakan syarikat-syarikat yang beroperasi atas talian ini bukanlah syarikat percetakan yang mempunyai peralatan percetakan	0	0	22(37.4%)	0 37(62.6%)
38	Sistem perolehan kerajaan iaitu e-perolehan merupakan satu sistem yang terlalu longgar syarat yang dikenakan ke atas syarikat yang ingin mendaftar sebagai pembekal dalam bidang percetakan	0	0	0	22(37.4%) 37(62.6%)
39	Kelemahan e-perolehan ini telah mengakibatkan pembiagaan percetakan Melayu semakin merudum	0	0	22(37.4%)	0 37(62.6%)
40	Sistem e-perolehan ini juga jelas melanggar SPP 10/93 di mana dalam SPP tersebut jelas menyebut hanya syarikat-syarikat percetakan Melayu yang bernaung di bawah Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu sahaja akan diberikan tender percetakan kerajaan	0	0	0	22(37.4%) 37(62.6%)
41	Kemunculan teknologi percetakan digital telah menyebabkan pengguna beralih arah kepada teknologi tersebut daripada sistem konvensional	0	0	0	57(96.6%) 2(3.4%)
42	Pencetak Melayu tidak mampu untuk mendapatkan teknologi digital akibat kemerosotan pembiagaan percetakan mereka di mana kos untuk mendapatkan teknologi tersebut memerlukan perbelanjaan yang tinggi	0	0	0	22(37.4%) 37(62.6%)

Jadual 6.13: Kesan kedatangan teknologi maklumat dan perubahan teknologi percetakan

Kehebatan teknologi internet ini antaranya ialah seseorang itu boleh membina sesebuah perniagaan secara atas talian sahaja. Kini terdapat beribu buah syarikat atas talian yang beroperasi secara aktif termasuklah bidang perniagaan percetakan. Syarikat-syarikat percetakan ini menjalankan perniagaan dengan menawarkan pelbagai produk percetakan dengan harga yang lebih murah. Istimewanya syarikat atas talian ini adalah segala urus niaga seperti harga dan penghantaran barang dilakukan dengan mudah tanpa perlu bersusah payah untuk ke kedai percetakan. Dengan kemunculan syarikat-syarikat ‘segera’ atas talian ini semakin membebankan pencetak-pencetak Melayu ini. Melalui maklum balas yang diterima seramai 38 responden bersamaan 64.4 peratus memilih setuju kehadiran syarikat-syarikat ini sedikit sebanyak menjadi penyumbang kepada kejatuhan pendapatan mereka manakala 21 responden bersamaan 35.6 peratus memilih sangat setuju untuk pemasalahan ini.

Jika diselidik syarikat-syarikat percetakan atas talian ini bukanlah sebuah syarikat yang beroperasi dengan memiliki pelbagai peralatan percetakan. Oleh sebab itulah tawaran harga yang diberikan kepada pelanggan begitu murah berbanding dengan syarikat percetakan sebenar. Kebanyakan syarikat percetakan atas talian ini beroperasi tanpa premis dan hanya menggunakan kediaman mereka sebagai pejabat pengoperasian. Oleh sebab tidak memiliki peralatan percetakan, premis perniagaan dan pekerja yang membolehkan tawaran harga yang murah boleh diberikan kepada pelanggan. Berlainan pula dengan syarikat percetakan sebenar yang perlu mengambil kira segala kos tersebut dalam penetapan harga sesuatu tempahan percetakan. Menurut maklum balas yang diterima seramai 37 responden bersamaan 62.7 peratus memilih sangat setuju syarikat-syarikat percetakan atas talian ini beroperasi tanpa sebarang peralatan percetakan, premis perniagaan dan pekerja. Manakala 22 responden iaitu 37.3

peratus memilih tidak pasti dengan pendapat di atas. Peratusan yang tinggi menyokong pendapat pengkaji ini disebabkan PPPMM sendiri telah menyiasat kebenaran syarikat-syarikat ini tanpa melibatkan perkara-perkara berikut.

Kerajaan melalui Perbendaharaan Malaysia bersetuju untuk manfaatkan sepenuhnya teknologi internet dalam sistem perolehan kerajaan. Perbendaharaan Malaysia telah membangunkan satu sistem baru yang dikenali e-perolehan untuk menggantikan kaedah konvensional yang digunakan sebelum ini dalam urusan perolehan kerajaan. Sistem e-perolehan ini beroperasi dengan para pembekal mendaftarkan segala pendaftaran bidang perolehan kerajaan untuk memiliki sebarang kontrak atau tender kerajaan.

Pembekal-pembekal yang berdaftar dengan sistem ini akan mengetahui segala tawaran kontrak dan tender kerajaan melalui atas talian sahaja. Dalam urusan perolehan percetakan kerajaan melalui sistem e-perolehan ini terdapat kelemahan yang cukup ketara sehingga pencetak-pencetak Melayu mengalami kejatuhan. Umum mengetahui tawaran dan tender percetakan kerajaan hanya boleh ditawarkan kepada ahli-ahli PPPMM sahaja seperti yang termaktub dalam SPP10/93. Dalam SPP terabit dengan jelas menyatakan sebarang bentuk tawaran tender atau kontrak yang berdaftar di bawah bidang percetakan perlu ditawar secara tender terbuka atau terus kepada ahli-ahli PPPMM sahaja. Dalam SPP ini juga dengan jelas menyatakan hanya syarikat-syarikat yang memiliki peralatan percetakan berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan sahaja yang akan ditawarkan kontrak percetakan kerajaan. Melalui penggunaan sistem e-perolehan ini, sesiapa sahaja boleh mendaftar syarikat mereka dengan kerajaan untuk memperoleh tender percetakan. Ini

kerana kelemahan sistem ini tidak mampu membuat pemantauan pada setiap kali pendaftaran bidang dilakukan. Ini bermakna kesemua pembekal-pembekal yang berdaftar di bawah bidang percetakan secara automatik menjadi sebuah syarikat percetakan walaupun tidak mempunyai sebarang peralatan percetakan dan premis perniagaan.

Faktor ini merupakan satu masalah yang boleh dianggap kepada punca kejatuhan industri percetakan orang Melayu dalam memperolehi tender percetakan kerajaan. Melalui temu bual dengan Hj Roslan Sabdin dari syarikat Percetakan Surya Sdn Bhd, beliau menjelaskan sistem yang dilaksana dan diguna pakai oleh kerajaan kini ialah sistem e-perolehan. Sistem ini merupakan satu sistem yang berbentuk terbuka kepada sesiapa sahaja yang ingin memohon tender-tender kerajaan secara atas talian. Untuk mengakses sistem ini seseorang itu perlu memiliki lesen perniagaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

Menurut Hj Sulaiman Ali dari syarikat Attin Press Sdn Bhd, beliau menjelaskan sistem ini membenarkan sesiapa sahaja mendaftar untuk memperolehi tender kerajaan dengan syarat pendaftaran kod bidang yang dipohon adalah sama dengan tender yang dipohon. Ini termasuklah tender percetakan kerajaan yang ditawarkan. Melalui sistem ini kerajaan akan mengiklankan senarai tender-tender secara atas talian sahaja berbanding dahulu mengiklankannya dalam akhbar-akhbar tempatan dan papan-papan kenyataan jabatan kerajaan berkaitan. Dengan kaedah ini orang ramai dapat mengetahui dengan mudah senarai tender-tender percetakan yang ditawarkan termasuklah percetakan.

Masalah yang dihadapi oleh pencetak-pencetak Melayu dengan sistem ini ialah sistem ini tidak mematuhi SPP10/93 yang diwartakan kerajaan untuk menyerahkan segala kerja-kerja percetakan kerajaan perlu diserahkan kepada ahli-ahli PPPMM sahaja. Apabila perkara ini berlaku sesiapa sahaja yang berdaftar kod bidang percetakan boleh dianugerahkan tender percetakan kerajaan dengan melusuri sistem e-perolehan ini. Penguatkuasaan SPP10/93 menetapkan hanya pemilik syarikat yang mempunyai peralatan cetak dan berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri sahaja yang akan diberikan tender percetakan kerajaan. Menurut Dato Badrudin Abu Bakar, Presiden PPPMM melalui tinjauan yang dilakukan beliau dan PPPMM mendapati semenjak sistem e-perolehan ini dilaksanakan, terdapat banyak syarikat baru yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pendaftaran Syarikat tidak memiliki sebarang peralatan percetakan. Beliau menjelaskan syarikat beliau sendiri pernah mendapat tawaran dan menjalankan kerja-kerja percetakan kerajaan dari individu-individu (pencetak luar) yang memperolehi tender tersebut melalui sistem ini. Pemilik-pemilik syarikat yang menubuuhkan syarikat percetakan ini sebenarnya merupakan syarikat yang langsung tidak mempunyai peralatan percetakan. Mereka yang meperolehi tender percetakan melalui sistem ini akan mendapat sumber luar atau *out-source* untuk mencetaknya.

Menurut Dato Badrudin kelemahan sistem ini juga jelas apabila tidak mengawal selia tender-tender percetakan yang diberikan. Maksud di sini pemilik-pemilik syarikat (bukan anggota PPPMM) yang ditawarkan tender percetakan kerajaan melalui sistem ini boleh mencetak tender tersebut pada pencetak-pencetak kaum Cina yang jelas melanggar arahan dalam SPP10/93. Sejak sistem ini diguna pakai masalah yang dihadapi oleh pencetak-pencetak Melayu semakin meruncing dan menyebabkan sebilangan anggota-anggota PPPMM gulung tikar. Jika dibuat perbandingan tentang persaingan harga antara

ahli-ahli PPPMM dengan pencetak luar tersebut, jelas harga yang ditawarkan oleh pencetak luar jauh lebih murah. Ini kerana mereka tidak perlu mengambil kira kos-kos seperti pembayaran gaji pekerja, sewaan premis, dan lain-lain.

Kelemahan lain sistem e-perolehan dalam aspek pendaftaran bidang percetakan ialah tidak dapat memastikan pembekal yang berdaftar tersebut dimiliki oleh kaum lain selain orang Melayu. Seperti yang termaktub dalam SPP10/93 menyebut hanya pencetak Melayu dan Bumiputera sahaja yang akan ditawarkan sebarang tender dan kontrak percetakan kerajaan. Daripada maklum balas yang diterima seramai 37 responden iaitu 62.7 peratus memilih skor sangat setuju sistem e-perolehan ini tidak dapat menyekat penglibatan kaum lain selain Melayu dalam mendapat kontrak dan tender percetakan kerajaan manakala 22 responden bersamaan dengan 37.3 peratus yang lainnya memilih setuju dengan pendapat berikut. Keputusan ini jelas menunjukkan kewujudan dan penggunaan sistem ini untuk bidang percetakan dalam urusan perolehan kerajaan telah mengakibatkan pendapatan pencetak-pencetak semakin terjejas. Kesan pendaftaran yang mudah untuk bidang percetakan dalam sistem ini telah mengakibatkan kaum lain seperti Cina memperoleh tender kerajaan. Kelemahan ini jelas telah melanggar prinsip dan arahan yang termaktub dalam SPP10/93 yang bertindak sebagai garis pandu dan kaedah pembayaran dalam sistem perolehan percetakan kerajaan.

Selain itu, terdapat juga faktor sampingan yang mengakibatkan pendapatan mereka semakin terjejas. Perubahan teknologi percetakan pada masa kini yang lebih cenderung kepada penggunaan teknologi percetakan digital juga menjadi punca kemerosotan. Teknologi digital mempunyai kelebihan yang tersendiri berbanding

dengan teknologi konvensional. Kehebatan teknologi ini membolehkan pengguna mencetak dengan kuantiti yang cukup minimum dengan harga yang murah. Berbanding dengan teknologi konvensional yang tidak mampu memberikan pengguna memperoleh tempahan cetakan pada kadar yang sedikit dengan harga yang berpatutan. Teknologi konvensional juga akan melibatkan pembaziran yang banyak dalam proses percetakannya kerana sifat teknologi itu sendiri.

Kehebatan teknologi digital ini telah mengakibatkan pengguna beralih arah kepada teknologi ini. Pencetak-pencetak Melayu keseluruhannya hanya memiliki dan menggunakan teknologi konvensional. Kecenderungan minat pengguna-pengguna kepada teknologi digital sedikit sebanyak meninggalkan kesan kepada perniagaan mereka. Hasil maklum balas yang diterima seramai 57 responden bersamaan 96.6 peratus memilih setuju kecenderungan pengguna yang kini meminati teknologi digital berbanding sebelum ini menggunakan kaedah konvensional manakala dua responden bersamaan 3.4 peratus memilih sangat setuju dengan pendapat berikut. Kehebatan teknologi digital itu sendiri menyebabkan pengguna mendapatkan dek kelebihannya yang mampu mencetak walaupun hanya sebuah buku.

Melihat kelebihan yang dimiliki teknologi digital membuatkan banyak syarikat percetakan mula beralih kepada penggunaannya. Jika pencetak-pencetak Melayu ingin terus bersaing dalam industri percetakan, mereka perlu memiliki teknologi digital untuk mensasarkan kepada pengguna yang memerlukan hasil cetakan yang sedikit. Untuk memiliki teknologi memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Dalam keadaan ekonomi syarikat percetakan Melayu yang semakin malap kini agak sukar untuk milikinya. Hasil maklum balas yang diterima 37 responden iaitu 62.7 peratus sangat setuju dalam

keadaan ekonomi yang semakin malap ini agak sukar untuk mereka memiliki teknologi digital manakala 22 responden iaitu 37.3 peratus lagi memilih setuju. Maklum balas ini juga menunjukkan faktor kewangan adalah kekangan bagi pencetak-pencetak Melayu memiliki dan menggunakan teknologi digital.

### **6.3 Kesimpulan Dapatan Kajian**

Hasil dapatan kajian menunjukkan pencetak-pencetak Melayu menerima tekanan sejak beberapa ketetapan kerajaan tentang pengkorporatan dan penswastaan ini dilaksanakan. Hubungan baik yang terjalin antara Jabatan Percetakan Negara dan Bahagian Pemasaran dan Percetakan DBP dengan pencetak-pencetak Melayu mulai renggang setelah berlakunya pengkorporatan dan penswastaan ini.

Melalui dapatan kajian juga, pengkaji dapat menilai kelemahan yang berlaku dalam pentadbiran sistem e-perolehan yang digunakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dalam urusan perolehan kerajaan termasuklah percetakan. Dapatan kajian melalui survei akan menjadi pelengkap dapatan kajian kedua iaitu analisis kandungan.

#### **6.4 Dapatan Kajian II: Analisis Kandungan**

Analisis kandungan merupakan kaedah kajian yang kedua digunakan oleh pengkaji untuk menyelidik memorandum dan surat-surat terbitan daripada Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPM) kepada perdana menteri, timbalan perdana menteri, menteri dan pentadbir kerajaan. Analisis kandungan dipilih kerana mempunyai sifat yang sistematik, objektif dan kuantitatif bagi tujuan mengukur dan menilai angkubah sesebuah kajian. Menurut Babbie (2001), analisis kandungan ialah kaedah penyelidikan tentang komunikasi antara manusia yang telah tercatat. Kaedah ini sesuai bagi sesuatu kajian yang mengkaji buku, majalah, laman web, surat khabar, puisi, lagu, lukisan, ucapan, surat, mesej, memo, emel, buletin bercetak atau atas talian, peraturan dan sebagainya.

Untuk kajian ini, analisis kandungan digunakan untuk mengkaji kandungan pilihan yang terdapat dalam memorandum dan semua surat terbitan PPPMM kepada pemimpin negara dan pentadbir kerajaan dalam menarik perhatian mereka tentang masalah yang dihadapi oleh pengusaha percetakan Melayu. Analisis kandungan untuk kajian ini menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i. Bagaimakah tahap keseriusan yang dialami oleh keseluruhan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu akibat daripada perubahan dasar kerajaan tentang pengkorporatan dan penswastaan agensi kerajaan?
- ii. Apakah usaha PPPMM dalam membantu ahli-ahli mereka yang terkesan dengan perubahan dasar kerajaan?

- iii. Apakah perbandingan arah tindakan yang terkandung dalam memorandum dan surat terbitan PPPMM sama ada berarah bantahan, cadangan dan sokongan?
- iv. Apakah perbezaan perkara-perkara utama yang dibincangkan dalam siri-siri memorandum dan surat-surat terbitan PPPMM?

Pengusaha-pengusaha percetakan Melayu melalui PPPMM menggunakan beberapa pendekatan bagi menangani masalah-masalah yang dihadapi mereka antaranya membangunkan memorandum dan surat-surat terbitan. Selain itu PPPMM juga mengadakan beberapa perbincangan dengan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) dan pentadbir-pentadbir kementerian dalam mencari jalan penyelesaian kemelut yang dihadapi.

Analisis kandungan ini tidak akan mengulangi isu dan persoalan dalam kaedah tinjauan. Dapatan kajian ini merupakan pelengkap untuk tinjauan yang telah dikendalikan bagi mencapai objektif kajian ini.

## **6.5 Susun Atur Kajian dan Analisis Data**

Sehingga tahun 2014, PPPMM telah membangunkan kira-kira 14 buah memorandum dan 21 buah surat terbitan atau sisipan yang ditujukan kepada pemimpin dan pentadbir kerajaan. Memorandum-memorandum ini mula dibangunkan sejak isu pengkorporatan Jabatan Percetakan Negara (JPN) mula kedegaran iaitu pada tahun 1992 lagi.

Bermula dari tahun tersebut, memorandum-memorandum ini telah dibangunkan. Pihak PPPMM telah sebulat suara akan terus memperjuangkan nasib pengusaha percetakan Melayu

dengan menghasilkan siri-siri memorandum ini. Pengkaji berjaya memperoleh 11 buah memorandum dari jumlah keseluruhan sebanyak 14 buah dari simpanan setiausaha agung PPPMM untuk dianalisis. Ini disebabkan perubahan pentadbiran PPPMM beberapa kali dan pemindahan alamat pejabat telah menyebabkan koleksi memorandum tersebut tidak dapat diperolehi. Dengan itu, tiga buah memorandum tersebut tidak dikaji.

Selain membangunkan memorandum berikut, pihak PPPMM juga turut menghasilkan surat terbitan (sisipan) mereka kepada pemimpin dan pentadbir kerajaan sebagai pendukung kepada memorandum yang dihasilkan. Surat-surat terbitan atau sisipan ini telah diterbitkan antara tahun 1996-1998 empat buah, tahun 2002-2004 enam buah, tahun 2008-2010 lima buah dan yang terakhir tahun 2012-2014 enam buah. Sehingga kini terdapat 21 buah surat terbitan telah dikeluarkan oleh PPPMM dan pengkaji hanya berjaya memperolehi sejumlah 16 buah sahaja. Perkara ini berlaku disebabkan masalah yang sama dihadapi iaitu perubahan pentadbiran PPPMM dan pemindahan alamat pejabat telah menyebabkan koleksi surat terbitan tersebut tidak berjaya diperolehi. Oleh itu lima pucuk surat terbitan tidak dapat dikaji.

Hasil penelitian yang dibuat antara kandungan yang terkandung dalam memorandum dan surat terbitan PPPMM, pengkaji mengkategorikan tiga perkara utama yang dibincangkan iaitu pengkorporatan JPN, penswastaan DBP dan transformasi teknologi. Selain itu terdapat satu lagi bidang yang dilabelkan oleh pengkaji sebagai bidang sampingan (merujuk pemasalahan terpencil yang dihadapi oleh PPPMM) juga turut dikategorikan sebagai isu yang diberikan penekanan dalam kajian ini. Terdapat tiga arah tindakan yang terkandung dalam kedua-dua sumber tersebut iaitu bantahan, cadangan dan sokongan PPPMM ke atas beberapa tindakan kerajaan. Tiga arah ini boleh diterjemahkan sebagai bentuk tindakan oleh PPPMM kepada beberapa keputusan yang dibuat kerajaan. Walaupun fungsi PPPMM untuk

memperjuangkan nasib pengusaha percetakan Melayu dalam mendapatkan hak mereka kembali melalui memorandum dan surat terbitan, terdapat juga beberapa bentuk sokongan dan cadangan yang diusulkan mereka kepada kerajaan untuk penyelesaian masalah ini. Kesemua tindakan ini diterjemahkan melalui memorandum dan surat terbitan yang dikeluarkan oleh PPPMM.

Dari segi statistik, analisis kandungan untuk 11 daripada 14 buah memorandum PPPMM kepada pemimpin negara dan pentadbir kerajaan sejak dari tahun 1992 hingga 2014 telah mencapai 78.6 peratus untuk kajian ini. Dengan peratusan yang tinggi, ia amat wajar digunakan sebagai sampel kajian ini. Menurut Nunnally (1978), beliau berpendapat tahap piawaian minimum kebolehpercayaan adalah sebanyak 70 peratus bagi penyelidikan bersifat tijauan. Oleh itu, peratusan tinggi yang diperoleh menghasilkan kebolehpercayaan yang baik. Manakala analisis kandungan pada surat terbitan PPPMM sejumlah 16 daripada 21 buah mewakili 76.2 peratus untuk kajian ini. Peratusan untuk analisis kandungan pada bahan ini juga menunjukkan peratusan yang juga tinggi. Analisis kandungan pada kedua-dua bahan berikut mencatatkan peratusan yang tinggi, kebolehpercayaan analisis tersebut pada kajian ini begitu baik untuk diterima.

Analisis kandungan untuk kajian ini dibahagi kepada empat kategori utama berdasarkan persoalan-persoalan yang telah dikemukakan sebelum ini. Persoalan-persoalan tersebut ialah:

- i. Penggunaan memorandum dan surat terbitan PPPMM kepada pemimpin dan pentadbir-pentadbir kerajaan dalam meluahkan pemasalahan yang dihadapi

- ii. Mengukur usaha PPPMM melalui siri-siri memorandum dan surat terbitan mereka untuk menarik perhatian pemimpin dan pentadbir-pentadbir kerajaan
- iii. Perbandingan antara tiga isu utama yang dibincangkan dalam siri-siri memorandum dan surat terbitan PPPMM iaitu pengkorporatan JPN, penswastaan DBP dan transformasi teknologi
- iv. Kecenderungan tiga arah tindakan iaitu bantahan, cadangan dan sokongan yang terkandung dalam siri-siri memorandum dan surat terbitan PPPMM kepada pemimpin dan pentadbir-pentadbir kerajaan

Tiga arah tindakan yang dikaji iaitu bantahan, cadangan dan sokongan dalam kajian ini merujuk kepada fungsi memorandum dan surat terbitan PPPMM ini dikeluarkan. Menurut Fombrum dan Shanley (1990) dalam kajian tentang kesan pendedahan kenyataan pada media menyatakan sesuatu surat terbitan dan memorandum memiliki beberapa arah tindakan yang terkandung di dalamnya. Pengkaji telah menetapkan kecenderungan arah-arah tindakan yang wujud dalam memorandum dan surat terbitan PPPMM iaitu bantahan, cadangan dan sokongan.

Kaedah analisis kandungan memerlukan sistem pengkodan yang sistematik dan teratur. Bagi memastikan usaha ini berjaya beberapa langkah telah diaturkan:

- i. Mencatatkan keseluruhan bidang yang terkandung dalam kedua-kedua medium yang digunakan PPPMM iaitu memorandum dan surat terbitan dengan memfokuskan kepada

bidang-bidang utama yang telah dikenal pasti iaitu pengkorporatan JPN, penswastaan DBP, transformasi teknologi dan bidang sampingan.

- ii. Mencatatkan jumlah arah tindakan mengikut bidang-bidang utama dalam kedua-dua medium berikut iaitu memorandum dan surat terbitan PPPMM

Bagi memastikan setiap bidang yang dikod mempunyai nilai kebolehpercayaan, satu kaedah kebolehpercayaan antara jurukod telah diadakan. Kaedah ini merupakan satu cara untuk memastikan hasil kajian yang diperoleh itu akan dicapai oleh pengkaji lain melalui penggunaan dan bahan yang sama suatu hari nanti. Dalam kajian ini penggunaan kaedah borang persamaan (equivalent forms) telah dilakukan. Pengkaji memohon bantuan dua orang penganalisis untuk menganalisis bahan-bahan yang sama. Hasil penganalisan yang diperoleh dikira secara statistik untuk memperoleh korelasi di antara kedua-dua penganalisis tersebut.

Melalui penganalisan yang telah dibuat pada memorandum dan surat terbitan PPPMM, pengkaji telah mengambil 73 item berkcederungan arah tindakan bantahan, 80 item berkecenderungan arah tindakan cadangan dan 66 item berkecenderungan arah tindakan sokongan. Uma Sekaran (1992) berpendapat bahawa jumlah sampel yang diambil ini berdasarkan jadual penentuan saiz sampel. Melalui jumlah yang diperoleh daripada ujian persamaan, sebanyak 58 item berkcederungan arah tindakan bantahan telah dicatatkan. Manakala sebanyak 66 item berkecenderungan arah tindakan cadangan dan 50 item berkecenderungan arah tindakan sokongan telah dikod ke dalam kategori-kategori yang mempunyai persamaan antara pengkaji dengan penganalisis. Melalui keputusan tersebut menunjukkan nilai persetujuan adalah 79 peratus mewakili arah tindakan bantahan, arah tindakan cadangan pula mencatatkan 82 peratus dan arah tindakan sokongan pula mencatatkan

sejumlah 75 peratus. Keputusan kebolehpercayaan untuk ketiga-tiga arah tindakan menunjukkan peratusan yang tinggi. Nunnally (1978) mencadangkan kadar piawaian paling minimum untuk diterima kebolehpercayaan adalah pada kadar 70 peratus untuk sesebuah penyelidikan berkonsep tinjauan. Oleh itu, hasil keputusan kebolehpercayaan untuk analisis kajian ini berada dalam kedudukan yang baik.

## **6.6 Hasil Kajian dan Perbincangan**

Jadual 6.14 menunjukkan taburan maklumat dalam memorandum dan surat terbitan berdasarkan kategori bidang yang telah ditetapkan. Berdasarkan jumlah maklumat yang terkumpul mengikut bidang yang ditetapkan, PPPMM melalui memorandum menyatakan sebanyak 145 siri berkaitan bidang utama yang dibincangkan berbanding surat terbitan PPPMM hanya menyebut 125 siri sahaja. Dapatan menunjukkan, melalui memorandum menyiarkan 53.70 peratus (145 siri) manakala surat terbitan menyiarkan 46.30 peratus (125 siri) maklumat tentang bidang yang ditetapkan. Daripada jumlah itu, memorandum paling banyak menyiarkan bidang pengkorporatan Jabatan Percetakan Negara (JPN) iaitu 16.67 peratus (45 siri), diikuti dengan bidang penswastaan DBP 14.44 peratus (39 siri), bidang transformasi teknologi 10 peratus (27 siri) dan bidang yang terakhir ialah bidang sampingan 5.19 peratus (14 buah).

Surat terbitan PPPMM pula menyiarkan keputusan yang agak sama dengan medium memorandum. Bidang pengkorporatan JPN menjadi matlamat utama surat terbitan PPPMM dikeluarkan dengan 17.41 peratus (47 siri), kemudian diikuti dengan bidang penswastaan DBP

15.55 peratus (42 siri), bidang transformasi teknologi mengambil tempat ketiga dengan 12.96 peratus (35 siri) dan akhir sekali bidang sampingan 7.80 peratus (21 siri)

Jadual 6.14: Taburan Bidang Utama Dalam

Memorandum dan Surat Terbitan PPPMM

<b>Dokumen</b>	<b>Memorandum</b>		<b>Surat Terbitan</b>		<b>Jumlah</b>	
	<b>Bidang</b>	<b>f</b>	<b>%</b>	<b>f</b>	<b>%</b>	<b>f</b>
Pengkorporatan JPN	45	16.67	47	17.41	92	34.10
Penswastaan DBP	39	14.44	42	15.56	81	30.00
Transformasi Teknologi	27	10.00	35	12.96	62	22.96
Bidang Sampingan	14	5.19	21	7.78	35	12.97
<b>Jumlah</b>	<b>125</b>	<b>46.30</b>	<b>145</b>	<b>53.70</b>	<b>270</b>	<b>100.00</b>

Penggunaan kedua-dua medium ini menunjukkan PPPMM yang mewakili keseluruhan pengusaha percetakan Melayu di Malaysia sedaya upaya mencuba dengan menghantar kedua-dua dokumen ini untuk meraih simpati pemimpin dan pentadbir kerajaan. Tidak begitu banyak perbezaan yang wujud antara kedua-dua dokumen ini memandangkan hanya empat bidang utama itu sahaja yang banyak dibincangkan dalam kedua-dua dokumen tersebut.

**Commented [MKAAR1]:**

**Commented [MKAAR2]:**

Walaupun kedua-dua dokumen ini digunakan untuk meraih simpati dan mendapat pembelaan daripada pemimpin dan pentadbir kerajaan, wujud beberapa kecenderungan arah tindakan yang dimuatkan dalam dokumen-dokumen berikut. Pada peringkat awal pembacaan pengkaji dan penganalisis terhadap dokumen-dokumen yang diperoleh menjangkakan hanya arah tindakan bantahan sahaja yang terkandung tetapi jangkaan awal itu meleset. Terdapat tiga

jenis arah tindakan atau pendekatan yang digunakan PPPMM melalui kedua-dua dokumen berikut iaitu bantahan, cadangan dan sokongan.

Jadual 6.15: Taburan Arah Tindakan Dalam

Memorandum

Arah Tindakan	Bantahan		Cadangan		Sokongan		N	
	Bidang	f	%	f	%	f	%	f
Pengkorporatan JPN	26	20.80	14	11.20	5	4.00	45	36.00
Penswastaan DBP	26	20.80	9	7.20	4	3.20	39	31.20
Transformasi Teknologi	11	8.80	11	8.80	5	4.00	27	21.60
Bidang Sampingan	4	3.20	5	4.00	5	4.00	14	11.20
<b>Jumlah</b>	<b>67</b>	<b>53.60</b>	<b>39</b>	<b>31.20</b>	<b>19</b>	<b>15.20</b>	<b>125</b>	<b>100.00</b>

Jadual 6.16: Taburan Arah Tindakan Dalam

Surat Terbitan

Arah Tindakan	Bantahan		Cadangan		Sokongan		N	
	Bidang	f	%	f	%	f	%	f
Pengkorporatan JPN	19	13.10	12	8.28	16	11.03	47	32.41
Penswastaan DBP	24	16.55	8	5.52	10	6.90	42	28.97
Transformasi Teknologi	9	6.21	10	6.90	16	11.03	35	24.14
Bidang Sampingan	8	5.52	4	2.76	9	6.21	21	14.48
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>41.38</b>	<b>34</b>	<b>23.45</b>	<b>51</b>	<b>35.17</b>	<b>145</b>	<b>100.00</b>

Berdasarkan jadual 6.15 dan 6.16, jumlah arah tindakan yang dianalisis, dokumen memorandum lebih rendah daripada surat terbitan dalam menyiarkan maklumat berarah sokongan. Daripada 15.20 peratus (19 siri) tindakan berarah sokongan, 4.00 peratus (5 siri) adalah maklumat bidang pengkorporatan JPN, bidang penswastaan DBP 3.20 peratus (4 siri), bidang transformasi teknologi 4.00 peratus (5 siri) dan akhir sekali bidang sampingan juga 4.00 peratus (5 siri). Sementara itu surat terbitan mencatatkan peratusan yang tinggi iaitu 35.17 peratus (51 siri). Menerusi jumlah itu, bidang pengkorporatan JPN mencatatkan 11.03 peratus (16 siri), bidang penswastaan DBP 6.90 peratus (10 buah). Manakala bidang transformasi teknologi juga mencatatkan 11.03 peratus (16 siri) dan yang terakhir bidang sampingan mencatatkan peratusan yang terendah iaitu 6.21 (9 siri). Hasil keseluruhan menunjukkan surat terbitan mencatat peratusan yang tinggi arah tindakan sokongan dalam setiap bidang.

Pemaparan arah tindakan sokongan dalam kedua-dua dokumen ini menunjukkan ada beberapa langkah atau tindakan yang diambil kerajaan untuk mengekalkan fungsi pengusaha percetakan Melayu. Tindakan kerajaan ini mendapat sokongan yang padu daripada PPPMM bagi menjamin hak dan keistimewaan yang dinikmati oleh orang Melayu sebelum ini kekal milik mereka. Walaupun tindakan pengkorporatan JPN, penswastaan DBP, pelaksanaan penggunaan teknologi maklumat dalam segala urusan kerajaan dan beberapa bidang sampingan lain dikuatkuasakan, terdapat beberapa keistimewaan orang Melayu masih dikekalkan. Jumlah peratusan yang tinggi arah tindakan sokongan dalam surat terbitan PPPMM menunjukkan terdapat maklum balas positif daripada pihak pemimpin dan pentadbir kerajaan tentang beberapa cadangan yang diusulkan PPPMM pada ketika dokumen surat terbitan itu dikeluarkan.

Arah tindakan bantahan pula menunjukkan perbezaan yang tidak begitu ketara antara kedua-dua dokumen berikut. Dokumen memorandum memiliki sejumlah 53.60 peratus (67 siri), manakala dokumen surat terbitan pula memiliki 41.38 peratus (60 siri). Melalui jumlah ini, dokumen memorandum menyatakan 20.80 peratus (26 siri) bagi bidang pengkorporatan JPN dan penswastaan DBP juga turut mencatatkan peratusan yang sama dengan bidang pengkorporatan JPN iaitu 20.80 peratus (26 siri). Bagi bidang transformasi teknologi ia hanya mencatatkan 8.80 peratus (11 siri) dan bidang sampingan pula mencatatkan peratusan yang terendah iaitu 3.20 peratus (4 siri).

Berbeza pula dengan jumlah peratusan arah tindakan bantahan dalam surat terbitan yang mencatatkan 41.38 peratus bersamaan dengan 60 siri. Menerusi jumlah itu, arah tindakan bantahan untuk bidang pengkorporatan JPN mencatatkan 13.10 (19 siri) iaitu jumlah peratusan yang kedua tinggi. Jumlah peratusan yang tinggi arah tindakan bantahan telah dicatatkan untuk bidang penswastaan DBP iaitu berjumlah 16.55 peratus (24 siri). Bidang transformasi teknologi dan bidang sampingan masing-masing mencatatkan 6.21 peratus (9 siri) dan 5.52 peratus (8 siri).

Arah tindakan cadangan juga menunjukkan keputusan yang tidak begitu ketara perbezaannya antara kedua-dua dokumen berikut. Dokumen memorandum kekal mendahului peratusan yang tinggi iaitu 31.20 peratus (39 siri) berbanding surat terbitan yang hanya mencatatkan 23.45 peratus (34 siri). Melalui jumlah ini, dokumen memorandum menyatakan sejumlah 11.20 peratus (14 siri) bagi bidang pengkorporatan JPN manakala bidang penswastaan DBP pula mencatatkan hanya 7.20 peratus (9 siri) sahaja. Bidang transformasi teknologi pula mencatatkan 8.80 peratus (11 siri) dan yang terakhir bidang sampingan mencatatkan 4.00 peratus (5 siri).

Jumlah peratusan yang dicatatkan untuk arah tindakan cadangan dalam surat terbitan pula mencatatkan sejumlah 23.45 peratus (34 siri). Daripada jumlah itu bidang pengkorporatan JPN mencatatkan 8.28 peratus bersamaan 12 siri manakala bidang penswastaan DBP pula mencatatkan 5.52 peratus iaitu 8 siri. Peratusan yang mewakili bidang transformasi teknologi pula mencatatkan 6.90 peratus iaitu bersamaan 10 siri. Jumlah terendah yang dicatatkan ialah 2.76 peratus bersamaan 4 siri mewakili bidang sampingan dalam surat terbitan PPPMM.

Hasil keseluruhannya mencatatkan dokumen memorandum tetap mendahului surat terbitan dari segi arah tindakan bantahan dan cadangan bagi tiap-tiap bidang. Penumpuan kepada arah tindakan bantahan dan cadangan ini jelas menunjukkan PPPMM yang mewakili keseluruhan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu menginginkan masalah yang dihadapi mendapat pembelaan yang sewajarnya. Walaupun jika dilihat dari sudut yang lain, fungsi dokeman memorandum ini lebih mirip kepada untuk membantah segala tindakan dan keputusan kerajaan untuk mengkorporat JPN, menswastakan DBP dan beberapa bidang lain tetapi PPPMM tetap mengusulkan beberapa cadangan yang difikirkan wajar untuk kerajaan melaksanakannya. Cadangan yang diusul membolehkan kelangsungan orang Melayu untuk terus berjaya dalam industri percetakan.

Usul-usul bantahan yang terkandung dalam kedua-dua dokumen tersebut menunjukkan peranan PPPMM terbukti sebagai badan yang memperjuangkan nasib ahli-ahlinya terus terbelakar dan mendapat perhatian daripada pemimpin dan pentadbir kerajaan. Dokumen memorandum ditujukan kepada Perdana Menteri Malaysia dan juga Timbalan Perdana Menteri, serta menteri-menteri yang bertanggungjawab dengan urusan percetakan seperti kewangan dan keselamatan dalam negeri. Walaupun sebegini banyak usul seperti bantahan, cadangan dan sokongan yang terkandung dalam memorandum berikut, tetapi tindakan-tindakan berikut tidak

banyak memdapat keputusan yang memihak kepada PPPMM. Oleh itu, surat terbitan PPPMM kepada pentadbir-pentadbir kerajaan pula dikeluarkan untuk membolehkan pihak-pihak berwajib menasihati Perdana Menteri, timbalannya dan juga menteri-menteri yang berkaitan.

Secara perbandingan didapati dokumen memorandum berada pada kedudukan peratusan yang tinggi dalam pemaparan arah tindakan bantahan dan cadangan iaitu 24.81 peratus dan 14.44 peratus. Berbanding dengan pemaparan arah tindakan sokongan yang begitu tinggi dicatatkan dalam surat terbitan PPPMM iaitu 18.89 peratus dan 7.04 peratus sahaja melalui memorandum. Arah tindakan sokongan yang tinggi dalam surat terbitan berbanding dengan memorandum didorong oleh beberapa penambahbaikan telah dipersetujui oleh pihak kerajaan seperti penguatkuasaan, semakan semula perjanjian konsesi dan pemberian semula kuasa kepada DBP dalam isu pembahagian kontrak percetakan buku teks dengan pengusaha percetakan Melayu.

Jadual 6.17: Perbandingan Taburan Arah Tindakan Antara

Dokumen Memorandum Dan Surat Terbitan

Arah Tindakan	Bantahan	Cadangan	Sokongan	N				
Dokumen	f	%	f	%	f	%	f	%
Memorandum	67	24.81	39	14.44	19	7.04	125	46.29
Surat Terbitan	60	22.22	34	12.60	51	18.89	145	53.71
<b>Jumlah</b>	<b>127</b>	<b>47.03</b>	<b>73</b>	<b>27.04</b>	<b>70</b>	<b>25.93</b>	<b>270</b>	<b>100.00</b>

Melalui usaha menerbitkan dokumen memorandum dan surat terbitan ini dari awal, pemasalahan yang dihadapi oleh pengusaha percetakan Melayu sedikit sebanyak mendapat pembelaan daripada pihak kerajaan. Menerusi hasil analisis yang ditunjukkan pada keempat-empat jadual di atas menunjukkan begitu serius masalah yang dihadapi oleh ahli-ahli PPPMM. Kajian Mohd Khairul Azahari Abdul Rani (2014) melalui temuramah dengan Presiden PPPMM mendapati penggunaan kedua-dua dokumen ini berada pada tahap tidak membawa apa-apa kesan pada pemasalahan yang berlaku. Tanpa mengenal erti kalah PPPMM akan terus memperjuangkan nasib ahli-ahlinya sehingga mendapat pembelaan dari pihak kerajaan. Wartick (1992) mendapati terdapat hubungan antara tumpuan pendedahan media (dokumen) dan perubahan dalam reputasi sesebuah syarikat. Pendedahan media (dokumen) terhadap aktiviti dan perjalanan organisasi secara spesifik adalah salah satu faktor pada perubahan reputasi syarikat. Ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan pelbagai media (merujuk kepada memorandum dan surat terbitan) mempunyai kesan yang kuat untuk mempengaruhi golongan sasaran.

## **6.5 Kesimpulan**

Kajian ini mendapati kesan yang diterima oleh pengusaha percetakan Melayu begitu besar akibat daripada perubahan ketetapan dan keputusan kerajaan dalam urusan percetakan. Bermula sejak tahun 1992 yang mana langkah pengkorporatan JPN kepada sebuah syarikat korporat yang dikenali Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) telah menyebabkan perniagaan percetakan orang Melayu mulai bermasalah. Sesungguhnya pada peringkat awal pengkorporatan ini berlaku telah membawa keimbangan pada pengusaha percetakan Melayu atas langkah yang diambil oleh kerajaan itu. Walaupun keputusan kerajaan tetap dilaksanakan

dengan jaminan pengusaha percetakan Melayu tidak akan menerima kesan daripada tindakan itu, pengusaha percetakan Melayu melalui PPPMM telah mula mencongak masa depan mereka.

Dengan temeterai perjanjian konsesi pengkorporatan yang langsung tidak melibatkan wakil PPPMM yang mewakili keseluruhan pengusaha percetakan Melayu, sejak dari itulah dokumen memorandum yang pada peringkat awal hanya berarah tindakan membantah dan cadangan telah dibangunkan. Beberapa cadangan telah diusulkan di dalam dokumen memorandum bertarikh pada 1992 antaranya memohon kerajaan menyemak kembali perjanjian konsesi berikut, melantik beberapa orang wakil PPPMM dalam pengurusan korporat PNMB bagi membolehkan pengusaha percetakan Melayu tidak terpinggir dan dinafikan hak mereka setelah pengkorporatan itu berlaku.

Hasil kajian ini menunjukkan masalah yang dihadapi oleh pengusaha percetakan Melayu semakin parah setelah langkah penswastaan Bahagian Pemasaran dan Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka dilaksanakan. Bahagian ini merupakan tempat utama bagi pengusaha percetakan Melayu bernaung di bawah DBP kerana melaluinya segala tender percetakan buku teks dan buku umum terbitan DBP diperoleh. Hubungan pengusaha percetakan Melayu dengan DBP telah lama terjalin dan hasil hubungan yang baik itu telah mewujudkan satu konsep memayungi pengusaha-pengusaha ini di bawah DBP. Akibat dari keputusan kerajaan dengan lembaga pengarah DBP telah mengambil keputusan luar jangka untuk menswastakan keseluruhan urusan pemasaran dan percetakan DBP kepada sebuah syarikat swasta. Bermula dari tahun 2002 penggunaan kedua-dua dokumen iaitu memorandum dan surat terbitan PPPMM telah dibangunkan. Sejak penswastaan ini berlaku, PPPMM begitu aktif menyalurkan surat terbitan mereka kepada pentadbir-pentadbir kerajaan memohon agar pemasalahan yang dihadapi oleh pengusaha percetakan Melayu mendapat pembelaan.

Selain itu, penggunaan surat terbitan juga digunakan oleh PPPMM untuk menyatakan bantahan dan cadangan kepada Kementerian Kewangan agar penggunaan sistem e-perolehan dalam segala urusan pendaftaran dan pemberian tender percetakan kerajaan hanya disalurkan kepada pengusaha percetakan Melayu yang juga merupakan ahli PPPMM. Hal ini selaras dengan arahan yang termaktub dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1992 (SPP10/92) yang jelas menyebut hanya pengusaha Melayu dan merupakan ahli PPPMM sahaja yang akan diberikan tender percetakan kerajaan termasuklah kerja-kerja percetakan DBP. Menerusi penggunaan sistem e-perolehan itu telah menyebabkan begitu ramai pemilik syarikat yang tidak berteraskan percetakan boleh mendaftar di bawah bidang percetakan.

Dalam surat terbitan PPPMM juga turut mencadangkan supaya sistem itu mampu menapis segala permohonan di bawah bidang percetakan. Dengan respon yang baik diterima oleh PPPMM atas beberapa penambahbaikan bakal diambil, beberapa siri memorandum dan surat terbitan telah menyatakan sokongan PPPMM terhadap tindakan tersebut.

Melalui dapatan survei dan analisis kandungan ke atas kedua-dua dokumen penting ini berupaya memenuhi objektif-objektif kajian dan menjawab persoalan kajian. Dapatan survei menunjukkan perbezaan pengurusan, pelaksanaan, keadaan dan amalan yang digunakan sebelum dan selepas penguatkuasaan pengkorporatan dan pengswastaan agensi kerajaan kepada sektor swasta. Dari dapatan ini juga menunjukkan amalan penggunaan sistem perolehan oleh kerajaan dalam pendaftaran syarikat dalam bidang percetakan dan pengagihan tender tidak mengikut syarat yang dan tidak selari dengan garis pandu yang telah ditetapkan iaitu SPP10/93. Keadaan seperti menambah kerohanian pencetak-pencetak Melayu hingga PPPMM yang mewakili sebilangan besar ahlinya membangunkan memorandum dan pelbagai surat yang

dimajukan kepada pemimpin dan pentadbir kerajaan untuk mendengar penderitaan yang mereka alami. Dapatan kajian melalui analisis kandungan terhadap kedua-dua dokumen PPPMM ini berupaya menunjukkan keseriusan masalah yang dihadapi oleh sebilangan besar pencetak Melayu berdepan dengan masalah ini. Kedua-dua dapatan melalui kaedah survei dan analisis kandungan dapat menjawab pemasalahan kajian ini. Menerusi keputusan analisis kandungan ini juga akan melengkapkan keputusan analisis survei yang telah dilaksanakan ke atas keseluruhan ahli-ahli PPPMM.

## **BAB 7**

### **KESIMPULAN**

Kajian ini menyelidik perubahan dasar kerajaan dan kesannya terhadap industri percetakan Melayu. Kajian ini dijalankan khusus terhadap pengusaha-pengusaha percetakan Melayu yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan menjadi ahli kepada Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM). Bangsa Melayu dipilih kerana kaum ini mendapat layanan yang cukup istimewa pada suatu ketika dahulu daripada pentadbiran kerajaan untuk memperoleh pelbagai tender-tender percetakan kerajaan melalui dua agensi besar kerajaan yang dipertanggungjawabkan dalam urusan perolehan percetakan kerajaan. Selain itu pihak kerajaan juga telah mengambil pendekatan untuk meminda beberapa dasar bagi terus menyokong bangsa ini terus maju dalam bidang percetakan.

Kajian ini mencapai objektif-objektifnya melalui tinjauan persuratan, tinjauan semasa serta suasana industri percetakan negara yang melibatkan kaum Melayu melalui kaedah penyelidikan yang dikendalikan. Objektif-objektif yang dicapai ialah:

1. Menilai kesan yang diterima pencetak-pencetak Melayu akibat perubahan ketetapan atau dasar kerajaan berkaitan dengan pengkorporatan Jabatan Percetakan Negara kepada PNMB dan penswastaan Bahagian Pemasaran dan Percetakan DBP kepada Dawama menggunakan kaedah survei.
2. Menganalisis kandungan memorandum dan surat terbitan (surat iringan tentang perbahasan sesuatu isu baru) Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia

(PPPM) yang dituju khusus kepada pemimpin tertinggi dan pentadbir kerajaan. Memorandum dan surat terbitan PPPMM ini amat berkaitan dengan isu yang dihadapi oleh pengusaha percetakan Melayu.

3. Menganalisis beberapa dokumen penting kerajaan yang berkaitan dengan industri percetakan Melayu seperti Surat Perkeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 (SPP10/93), Arahan Perbendaharaan Bilangan 20 Tahun 1981 dan Peraturan Perolehan Percetakan AM
4. Menilai kesan yang diterima oleh pengusaha-pengusaha percetakan Melayu ekoran pembangunan beberapa sistem dan aplikasi oleh kerajaan sebagai pemudah cara dalam segala urusan perolehan kerajaan. Sistem ini dibangunkan seiring dengan kemajuan teknologi maklumat yang semakin maju kini. Selain itu juga kajian ini akan menganalisis kesan yang diterima oleh pencetak Melayu akibat dari kemajuan teknologi yang berlaku dalam industri percetakan.

Pengkaji memilih industri percetakan yang melibatkan kaum ini untuk dikaji kerana sehingga kini belum ada sebarang kajian khusus yang dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Kajian ini penting kerana ia membawa hasrat dan suara pengusaha-pengusaha percetakan Melayu untuk terus hidup dan maju dalam arena industri ini. Selain itu pengkaji juga berhasrat untuk mencadangkan kepada pihak-pihak berwajib supaya satu mekanisme perlu dibentuk bagi membantu kaum ini agar terus berpeluang bermula dalam perusahaan ini. Lantaran itu Dasar Ekonomi Baru yang sekian lama dibentuk bagi mengimbangi taraf sosioekonomi semua kaum di Malaysia ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Bagi mengimbangi taraf sosio ekonomi semua kaum di Malaysia, pihak kerajaan perlu melihat kembali beberapa kesan yang diterima oleh pengusaha percetakan Melayu kini yang sedang berhadapan dengan masalah ekonomi yang cukup perit. Melalui sedikit perhatian dan pertimbangan pihak kerajaan, industri percetakan dalam kalangan orang Melayu akan lebih produktif dan berdaya saing. Pengusaha percetakan Melayu akan lebih berusaha dan melipat gandakan peranan mereka dalam menghadapi zaman ekonomi yang kian mencabar kini.

Kajian ini juga diharap dapat menjadi rujukan kepada pentadbir-pentadbir kerajaan untuk terus memahami situasi sebenar yang dihadapi oleh orang Melayu dalam bidang ini. Selain itu kajian ini juga diharap dapat memberi ilham kepada pelajar-pelajar dan penyelidik-penyeleidik yang berminat untuk menjalankan kajian tentang penglibatan kaum Melayu dalam sektor perkilangan, pembuatan dan perkhidmatan. Kajian ini juga mudah-mudahan dapat membantu kaum Melayu untuk terus maju dan setanding kemampuannya dengan bangsa lain seperti kaum Cina dalam industri percetakan ini. Pengkaji berasaskan kewajaran kajian ini dijalankan kerana dalam pembangunan arus pemodenan negara dan dunia tanpa sempadan yang mana segala maklumat boleh diperoleh hanya di hujung jari, teknologi ini akan menjadi pilihan utama pengguna yang sebelum ini memperolehinya melalui industri percetakan. Dalam erti kata yang lain kajian ini diharap dapat membuka mata pihak-pihak berwajib untuk menjadikan harapan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu maju menjadi kenyataan.

Dapatan kajian melalui survei yang dijalankan mendapati keseluruhan ahli PPPMM terkesan dengan tindakan kerajaan melaksanakan pengkorporatan dan penswastaan kedua-dua agensi yang terbabit. Kesan yang dialami mereka terlalu besar hingga menyebabkan sebahagian besar ahli PPPMM gulung tikar akibat kerakusan pengurusan baru kedua-dua agensi terbabit mengaut segala tender atau perolehan percetakan kerajaan.

Hasil survei mendapati amalan kerajaan sebelum penswastaan dan pengkorporatan mewujudkan hubungan yang begitu baik antara pencetak Melayu dengan kedua-dua agensi. Amalan yang dilaksanakan kerajaan menjadikan persaingan yang sihat antara ahli-ahli PPPMM dalam memperoleh tender percetakan kerajaan. Lantaran itu, amalan tersebut dianggap sebagai langkah yang terbaik dilaksanakan oleh kerajaan dalam memacu pertumbuhan ekonomi pencetak-pencetak Melayu.

Tindakan pengkorporatan JPN oleh kerajaan telah merencatkan ekonomi pencetak-pencetak Melayu. Tindakan pengurusan PNMB mengawal dan mengaut perolehan percetakan kerajaan dari jabatan dan kementerian selain dari yang termaktub dalam SPP10/93 telah meresahkan ahli-ahli PPPMM. Selain itu penawaran tender yang berat sebelah antara PNMB dan pencetak Melayu terus menjatuhkan ekonomi mereka. Selain tindakan-tindakan yang tidak wajar dilaksanakan oleh PNMB ke atas pencetak Melayu, pihak pengurusan PNMB secara terang-terangan telah menambah keupayaan peralatan dan teknologi percetakan mereka. Perkara sedemikian jelas melanggar perjanjian konsesi antara PNMB dan kerajaan yang melarang sama sekali PNMB untuk menambah keupayaan teknologi percetakan sedia ada mereka kecuali dalam hal-hal tertentu yang diizinkan.

Selain permasalahan dengan pengurusan PNMB, pencetak Melayu juga berdepan dengan cabaran baru dan lebih hebat iaitu melibatkan penswastaan Dawama Sdn Bhd kepada DTP Enterprise. Hasil dapatan kajian melalui survei mendapati kesan penswastaan ini bakal melumpuhkan perusahaan percetakan Melayu jika tiada pengawalan dan penguatkuasaan oleh pihak kerajaan. Hal ini kerana dapatan kajian ini menyatakan keseluruhan ahli PPPMM berpendapat pengurusan baru Dawama terlalu rakus dalam mengejar dan mengaut percetakan

buku teks sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia tanpa menghiraukan pencetak Melayu yang dipayungi oleh DBP. Tindakan ini menyalahi dan melanggar perjanjian konsesi yang dimeterai antara pengurusan baru Dawama, DTP Enterprise dengan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Melalui survei ini mendapati pencetak-pencetak Melayu juga turut terkesan dengan penggunaan sistem e-perolehan yang diguna pakai oleh kerajaan dalam urusan perolehan kerajaan. Dapatan kajian juga mendapati, untuk urusan perolehan percetakan kerajaan sistem ini berfungsi tidak selari dengan SPP10/93 yang membenarkan hanya pencetak Melayu dan berdaftar dengan PPPMM sahaja yang akan diberikan tawaran percetakan. Keadaan ini juga turut memberi kesan kepada industri percetakan Melayu.

Bagi memenuhi objektif kedua kajian iaitu menganalisis kandungan dokumen memorandum dan surat terbitan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM) yang dituju khusus kepada beberapa orang Perdana Menteri Malaysia, pemimpin negara dan pentadbir kerajaan. Hasil analisis terhadap dokumen-dokumen berikut menunjukkan ahli-ahli PPPMM membantah dengan pelaksanaan dasar atau ketetapan kerajaan yang tidak dilaksanakan mengikut perancangan yang telah dirancang. Tanpa pengawalan dan pemantauan dari pihak berwajib telah mengakibatkan industri percetakan Melayu terus tenggelam oleh kerana pelanggaran syarat dalam perjanjian yang telah dimuktamadkan.

Ahli-ahli PPPMM tidak sekadar membantah dalam kedua-dua dokumen tersebut bahkan juga menyalurkan cadangan dan sokongan mereka kepada kerajaan tentang pelaksanaan beberapa langkah yang dijanjikan kerajaan untuk menjamin industri percetakan agar Melayu terus berjaya. Selain itu analisis juga dibuat terhadap beberapa dokumen penting

kerajaan yang berkaitan dengan industri percetakan Melayu seperti Surat Perkeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 (SPP10/93), Arahan Perbendaharaan Bilangan 20 Tahun 1981 dan Peraturan Perolehan Percetakan AM turut juga dikaji dan mendapati terdapat klausula-klausula serta syarat pelaksanaan tentang pengkorporatan dan penswastaan yang memihak kepada ahli-ahli PPPMM. Melalui analisis tersebut juga menyebut hubungan pencetak Melayu dengan pemilik-pemilik baru setelah pengkorporatan dan penswastaan ini iaitu PNMB dan Dawama Sdn Bhd perlu diteruskan bagi memastikan ekonomi pencetak Melayu terus terjamin.

Orang Melayu pada penglibatan awal mereka dalam perniagaan percetakan tidak menampakkan sebarang masa depan yang terjamin. Konsep perniagaan percetakan mereka pada peringkat awal lebih tertumpu kepada percetakan iklan-iklan barang dan dokument-dokumen kerajaan sahaja. Ketika itu, perusahaan percetakan hanya diceburi sebilangan kecil orang Melayu yang masih samar-samar tentang masa depan industri ini. Setelah kerajaan menstrukturkan kembali Jabatan Percetakan Negara dan memberi peranan dan tanggungjawab percetakan kerajaan untuk dikendalikan oleh mereka, maka penambahan bilangan orang Melayu menceburi bidang ini kian bertambah (Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2008).

Dengan tertubuhnya Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM) melalui inisiatif Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), maka pihak kerajaan telah bersetuju untuk menyerahkan sebilangan besar tender dan kontrak percetakan kerajaan kepada kaum Melayu melalui Jabatan Percetakan Negara. Bermula dari sinilah pihak kerajaan menetapkan pemberian kontrak akan diserahkan hanya kepada pengusaha yang menjadi ahli kepada PPPMM dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan sahaja. Sejak itu, penambahan

bilangan ahli dalam PPPMM terus meningkat. Setelah kepimpinan negara berubah kepada Ybhg. Tun Dr Mahathir Mohamad mengambil alih tumpuk kepimpinan negara, pembentukan beberapa dasar telah dibuat. Dasar Pensyarikatan dan Dasar Penswastaan telah diperkenalkan bagi membolehkan kerajaan mengurangkan bebanan kewangan yang ditanggung dalam beberapa perkhidmatan seperti elektrik, pos dan pelbagai lagi. Industri percetakan juga tidak terlepas daripada ketetapan kerajaan yang menyebabkan pengkorporatan JPN terpaksa dilaksanakan. Pengkorporatan ini seiring dengan pembentukan dasar baru kerajaan yang akan memandu aktiviti percetakan orang Melayu apabila pengkorporatan JPN kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) kelak. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 10 Tahun 1993 (SPP10/93) dibentuk bagi memberi panduan dan jaminan kepada pengusaha percetakan Melayu pengkorporatan ini tidak akan menjasksan ekonomi perniagaan mereka.

Kajian ini mengkaji tentang pelaksanaan dasar berpadukan SPP10/93, Arahan Perbendaharaan dan Peraturan Perolehan Percetakan AM yang perlu dilaksanakan oleh PNMB. Dapatan yang diperolehi mendapati PNMB telah melanggar perjanjian konsesi yang telah termaktub. Menurut dasar terabit PNMB hanya dibenarkan menjalankan perniagaan percetakan mereka untuk enam buah kementerian dan jabatan kerajaan sahaja. Pihak PNMB telah melanggar perjanjian kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan lain. Hal ini jelas telah melanggar ketetapan yang telah ditetapkan. Kesannya perusahaan percetakan orang Melayu menyebabkan kejatuhan dan kesan ini makin terasa setelah PNMB telah memaklumkan kepada keseluruhan kementerian dan jabatan kerajaan bahawa mereka telah dilantik kerajaan untuk mencetak segala urusan perolehan percetakan kerajaan. Pada dasarnya pengkorporatan ini tidak akan memudaratkan ekonomi perusahaan percetakan Melayu kerana PNMB akan menyambung tradisi yang telah dilaksanakan oleh JPN sejak sekian lama.

Pelanggaran syarat oleh PNMB langsung tidak membawa kepada sebarang bentuk penyiasatan dan pemantauan oleh pihak-pihak bertanggungjawab dalam pentadbiran kerajaan. Perkara yang berlaku ini sudah sekian lama hingga kini malahan beberapa surat terbitan dan memorandum yang dibangunkan oleh PPPMM kepada pihak kerajaan langsung tidak menampakkan keprihatinan kepada nasib mereka. Syarat yang terkandung dalam perjanjian pengkorporatan jelas menyatakan PNMB tidak boleh menjadi pesaing dengan pencetak Melayu. Kini wujud persaingan yang cukup kuat antara mereka. Selain itu larangan pembesaran operasi percetakan yang termaktub dalam SPP10/93 juga tidak diendahkan malahan PNMB begitu rancak memodenkan kemudahan dan peralatan percetakan mereka sehingga menyebabkan kesemua perolehan percetakan kerajaan jatuh ke tangan mereka.

Kajian ini penting kerana turut mengkaji kesan penswastaan dan pengkorporatan agensi kerajaan. Isu pengkorporatan ini merujuk pengkorporatan JPN kepada PNMB dan topik penswastaan pula merujuk kepada penswastaan Bahagian Pemasaran dan Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kepada Dawama. Pengkaji mendapati pencetak-pencetak Melayu yang pernah memperolehi tender percetakan JPN, juga turut memperolehi tender percetakan DBP. Kontrak dan tender percetakan yang dimaksudkan ialah mencetak dan membekalkan buku-buku teks sekolah rendah dan menengah Kementerian Pelajaran Malaysia selain penerbitan DBP yang lain. Sebelum ini kerja-kerja percetakan dan pembekalan buku-buku teks sekolah ini dikendalikan oleh Bahagian Buku Teks Kementerian Pelajaran Malaysia. Apabila kerajaan menambah peranan DBP sebagai penerbit buku teks untuk kementerian, maka peranan Bahagian Buku Teks tersebut diberikan kepada DBP. Penubuhan PPPMM kerajaan melalui DBP telah bersetuju untuk memberikan sepenuhnya urusan percetakan buku-buku teks ini kepada pencetak Melayu yang berdaftar dengan PPPMM dan Kementerian Kewangan. Sebelum ini urusan percetakan buku-buku teks ini diserahkan kepada pencetak-pencetak Cina

sehingga salah satu ketetapan dibuat untuk menyerahkan kontrak percetakan buku teks ini kepada bangsa Melayu. Hubungan baik antara pengusaha percetakan Melayu dengan DBP sudah terjalin agak lama sehingga DBP memperkenalkan konsep “memayungi” pengusaha-pengusaha ini. Konsep memayungi ini bermakna masa depan pencetak-pencetak Melayu akan terbela dan terus diberikan tender percetakan DBP tanpa penglbatan bangsa lain.

Layanan istimewa terus dikecapi oleh pencetak Melayu sehingga kerajaan menukar ketetapan (dasar) baru untuk menyerahkan keseluruhan operasi mencetak dan pengedaran buku-buku terbitan DBP termasuklah buku teks kepada sebuah syarikat swasta. Didapati bahawa proses penyerahan ini dipengaruhi oleh kuasa politik. Kuasa politik yang dimaksudkan adalah melalui tekanan dari pihak Timbalan Menteri Perdagangan dan Industri iaitu Dato Mustapa Mohamed untuk menyerahkan konsesi Dawama kepada pihak DTP Enterprise tanpa merujuk terlebih dahulu tentang pengalaman syarikat terbabit dalam industri dan tidak pernah terlibat dalam urusan percetakan dengan DBP. Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia yang mewakili keseluruhan pengusaha percetakan yang bernaung di bawah DBP sendiri menentang keras tindakan yang diambil oleh DBP ini. Mereka menentang atas dasar penyerahan ini akan melenyapkan hubungan baik yang sedia terjalin dengan DBP. Selain itu, pemilihan syarikat swasta yang bakal mengurus urusan percetakan DBP bukanlah sebuah syarikat yang berpengalaman dalam percetakan. Dalam urusan penyerahan percetakan kepada syarikat swasta ini, pencetak-pencetak Melayu ini telah diberi jaminan oleh Lembaga Pengarah DBP tentang keistimewaan yang diperolehi sebelum ini tidak akan tergugat.

Hasil kajian ini juga mendapati kesan yang diterima oleh pencetak Melayu ini terus merosot akibat penyerahan urusan percetakan ini kepada pengurusan baru syarikat Dawama Sdn Bhd iaitu DTP Enterprise. Pengurusan DTP Enterprise telah melanggar perjanjian antara mereka dengan DBP untuk terus membantu pencetak-pencetak percetakan Melayu. Selain itu

kajian ini menyelidiki tentang terma dan syarat perjanjian konsesi antara Dawama dan DBP. Hasil dapatan kajian yang diperolehi mendapati Dawama memperolehi keuntungan 70:30 untuk urusan percetakan buku umum dan majalah-majalah terbitan DBP dan 80:20 untuk urusan percetakan buku-buku teks Kementerian Pelajaran Malaysia. Disebabkan keuntungan mencetak bagi buku umum dan majalah-majalah terbitan DBP terlalu kecil berbanding mencetak buku-buku teks, Dawama telah mengambil pendekatan untuk melengah-lengahkan urusan percetakan tersebut. Kesan penswastaan ini mendapati majalah-majalah terbitan DBP tiada jualan di pasaran. Hasil temubual pengkaji dengan Editor Kanan Bahagian Buku Umum dan Pegawai Perancang Bahasa, Bahagian Pembangunan dan Penyelaras Penerbitan, DBP perkara ini berlaku kerana Dawama tidak berminat untuk mencetak produk yang tidak mendarangkan keuntungan yang besar. Implikasi teori pengeluaran produk budaya seperti buku teks lebih membawa minat Dawama mencetaknya kerana keuntungannya yang cukup besar iaitu jutaan ringgit.

Keputusan kerajaan menswastakan urusan percetakan dan pemasaran DBP kini telah menampakkan kegagalan akibat kelemahan pengurusan dan urus tadbir yang tidak cekap oleh pengurusan baru Dawama. Akibat kelemahan itu, syarikat Dawama berdepan dengan masalah kewangan yang cukup meruncing. Kajian ini turut memetik beberapa keputusan yang terpaksa diambil oleh pengurusan DBP yang diketuai oleh Ketua Pengarahnya iaitu Datuk Haji Termizi bin Abdul Aziz. Bagi meneruskan penerbitan, DBP perlu menerbit dan mencetak buku-buku terbitannya tanpa Dawama. Hasil kajian mendapati keputusan untuk mencetak sendiri tanpa bantuan Dawama disebabkan tanggungan hutang yang cukup tinggi oleh Dawama. Keadaan ini telah menyebabkan pembekal-pembekal kertas tidak lagi memberi bantuan kredit untuk pembekalan kertas. Keputusan yang diambil untuk mencetak sendiri tanpa bantuan Dawama telah memaksa DBP meminta bantuan daripada pencetak-pencetak Melayu yang berdaftar

dengan DBP. Hasilnya mendapati pengusaha-pengusaha percetakan Melayu ini meneruskan tradisi lama antara mereka dan DBP untuk terus menyuburkan industri penerbitan ini.

Kesan kerugian yang dialami oleh pencetak-pencetak Melayu ini yang melibatkan jumlah hampir RM150 juta sejak penswastaan ini berlaku. Kerugian ini telah mengakibatkan industri percetakan Melayu semakin mengecil yang mana bilangan ahli dalam PPPMM yang sebelum ini mencatatkan sejumlah 250 buah syarikat berdaftar kini hanya tinggal 63 buah syarikat sahaja. Selain itu kajian ini turut mendapatkan pandangan ahli-ahli PPPMM tentang pemasalahan ini dan rata-rata berpendapat isu penswastaan ini perlu dihapuskan. Hal ini kerana sebelum isu penswastaan ini timbul tidak kedengaran pemasalahan tentang kelewatan dan pemasalahan urusan percetakan antara DBP dan pencetak Melayu. Hasil kajian mendapati setelah penswastaan, timbul pelbagai masalah tentang kelewatan, kekurangan bekalan dan kerugian yang dialami oleh DBP akibat urus tadbir yang tidak cekap. Hasil kajian juga mendapati terdapat seramai 328 orang kakitangan Dawama yang diberhentikan kerja sejak Ogos 2011 lagi.

Kajian ini mendapati hampir 95% dari jumlah keseluruhan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu yang berdaftar masih mengekalkan dan menggunakan teknologi percetakan lama. Pengkaji juga turut menemubual beberapa pembekal-pembekal mesin percetakan di Malaysia. Hasil kajian mendapati operasi percetakan kini lebih ke arah penggunaan teknologi digital yang lebih menjimatkan masa dan kos operasinya. Keupayaan teknologi ini juga dianggap lebih hebat berbanding teknologi lama kerana beberapa proses kerja dapat dielakkan untuk proses percetakan. Selain itu kualiti cetakan teknologi digital ini setanding dengan teknologi lama.

Keupayaan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu untuk memperbaharui kelengkapan mencetak mereka kepada teknologi digital dilihat agak mustahil untuk dicapai. Didapati bahawa ketiadaan kontrak-kontrak percetakan kerajaan akan merencatkan perancangan pencetak-pencetak Melayu untuk mendapatkan teknologi ini. Ini kerana untuk memperolehi teknologi ini pengusaha percetakan Melayu perlu berbelanja jutaan ringgit dan perlu mengecil atau membuka premis percetakan yang berlainan sama sekali. Kedan ini kerana kebanyakan pengusaha percetakan Melayu memiliki premis percetakan yang besar dan tidak begitu sesuai keadaannya untuk menempatkan teknologi digital. Hingga kini kajian mendapati teknologi ini hanya dimonopoli oleh pencetak-pencetak Cina sahaja yang beroperasi di bandar besar seperti Kuala Lumpur. Ini kerana teknologi ini banyak digunakan oleh pelajar-pelajar, pekerja-pekerja dan pemilik-pemilik syarikat berskala kecil dan sederhana yang memerlukan tempahan mereka disiapkan dalam tempoh yang singkat. Teknologi digital ini berupaya menyiapkan pelbagai produk percetakan dalam variasi saiz yang berbeza dalam waktu yang singkat berbanding dengan percetakan konvensional yang dimiliki oleh pengusaha-pengusaha percetakan Melayu yang memerlukan masa yang cukup lama untuk menyiapkan sesuatu tempahan. Bezanya di sini, teknologi percetakan konvensional hanya berbaloi digunakan untuk jumlah cetakan yang tinggi manakala digital pula tidak berbaloi untuk cetakan yang banyak. Kehebatan teknologi digital ialah ia mampu untuk menyiapkan tempahan dengan cepat dan pada kadar cetakan yang sedikit.

Pembaharuan teknologi komunikasi turut menjadi penyumbang kepada kejatuhan pengusaha-pengusaha percetakan Melayu. Teknologi yang dimaksudkan ialah teknologi e-dagang yang kini banyak digunakan di seluruh dunia. Masalah yang melanda pencetak-pencetak Melayu ini berupa sistem e-perolehan yang digunakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk pendaftaran pembekal dan pengagihan kesemua tender-tender (perolehan)

kerajaan termasuklah industri percetakan. Sebelum ini, kerajaan telah menetapkan syarat utama untuk memperoleh tender dan kontrak percetakan ialah syarikat terbabit perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan menjadi ahli Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM). Kerajaan juga masih menggunakan SPP10/93 sebagai panduan untuk agihan tender dan kontrak percetakan. Kajian ini mendapati sistem e-perolehan yang merupakan rangkaian hubungan melalui e-dagang ini tidak lagi menggunakan SPP10/93 ini. Melalui sistem ini membolehkan syarikat-syarikat yang bukan berlatar belakang industri percetakan untuk mendaftar sebagai pembekal dan mendapatkan tender percetakan kerajaan. Selain itu ketetapan (dasar) kerajaan telah menetapkan hanya pengusaha percetakan Melayu sahaja yang boleh memperolehi tender dan kontrak percetakan. Namun, melalui e-perolehan ini tapisan syarat pendaftaran terlalu longgar dan syarikat-syarikat percetakan kaum lain juga boleh mendaftar dengan hanya menggunakan pendaftaran Melayu untuk mengaburi kerajaan.

Hasil kajian mendapati pencetak-pencetak Melayu tidak membantah penggunaan sistem ini bahkan menyokong sepenuhnya tetapi syarat yang telah ditetapkan kerajaan sebelumnya mesti dipatuhi. Dapatkan kajian juga mendapati penggunaan sistem ini banyak ke arah kebaikan berbanding keburukan terutama sekali tentang karenah birokrasi pentadbiran. Kini syarikat percetakan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah bidang percetakan melalui e-perolehan ini telah mencapai hampir 3000 buah syarikat. Ini jelas menunjukkan begitu mudah pendaftaran syarikat untuk bidang percetakan dilaksanakan melalui sistem ini. Keadaan sebegini hampir pasti akan menyebabkan industri percetakan Melayu bakal lumpuh dan semakin merosot. Penetapan harga yang terlalu rendah kini yang ditawarkan kerajaan melalui sistem ini telah menyebabkan kaum Melayu akan terlepas peluang untuk menperoleh tender dan percetakan tersebut. Kos sebenar yang sepatutnya ditawarkan oleh kerajaan sepatutnya mengambil kira pelbagai kos-kos lain seperti gaji pekerja, bekalan

bahan mentah, kadar sewa, pengangkutan dan pelbagai lagi. Syarikat-syarikat yang berjaya memperolehi tender percetakan tersebut tidak menampung kos yang tinggi seperti pengusaha percetakan Melayu kerana mereka ini kebanyakannya merupakan individu-individu yang tidak mempunyai peralatan percetakan berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri. Hal ini jelas melanggar akta yang telah digubal oleh kerajaan yang menetapkan syarikat yang memiliki peralatan mesin cetak perlu beroperasi di bawah pengawasan kementerian (Memorandum PPPMM, 2006/2008).

Perusahaan percetakan orang Melayu kian merosot akibat dari ketidaaan kontrak dan tender percetakan dari kerajaan yang diperolehi. Puncanya adalah disebabkan kerana persaingan antara ahli-ahli PPPMM yang ingin mendapatkan tawaran tender percetakan tersebut. Ahli-ahli PPPMM terpaksa bersaing antara mereka dengan menawarkan pelbagai harga yang murah demi untuk memperolehi tender tersebut. Hasilnya syarikat yang menawarkan harga yang paling murah akan diberikan tender tersebut. Akibat terlalu taksub untuk mendapatkan tender tersebut ini mereka hampir terlupa tentang tawaran harga yang dibuat itu dikatakan tidak berbaloi untuk dicetak. Kajian ini mendapatkan pandangan dari beberapa pengusaha-pengusaha percetakan Melayu berkenaan perkara ini. Mereka berpendapat keuntungan yang diperolehi tidak mencapai 10% jumlahnya. Pihak kerajaan kebiasaannya akan memilih tawaran sebut harga yang paling murah untuk diberikan tender tersebut. Selain persaingan harga, terdapat masalah di mana terdapat pengusaha-pengusaha percetakan yang berdaftar dengan e-perolehan ini “mengumpan” (melobi) pentadbir-pentadbir yang berkepentingan dalam urusan tender tersebut. Kajian juga cuba mendapatkan penjelasan dan pandangan dari Pengarah Urusan Kumpulan Media Karangkraf yang berjaya mencipta nama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa iaitu Y.Bhg Datuk Husamuddin Yaacob yang berjaya tanpa mengharapkan sebarang tender dan kontrak percetakan dari kerajaan. Tegas

beliau, kerja melobi sudah menjadi kelaziman pada pengusaha-pengusaha percetakan yang ingin mendapatkan tender dan kontrak percetakan. Perkara sebegini telah berlaku pada kawan-kawan beliau yang menjadi ahli dalam PPPMM yang ingin memperolehi tender percetakan kerajaan. Kajian juga mendapati kebenarannya apabila beliau sendiri pernah menolak tawaran percetakan yang lumayan ditawarkan kepada syarikat percetakan beliau iaitu Ultimate Prints Sdn Bhd dengan syarat beliau perlu memberi “sesuatu” kepada pentadbir tersebut. Perkara sebegini merupakan kaedah yang tidak baik diamalkan kerana banyak memberikan kesan buruk untuk jangka masa panjang.

### **7.1 Cadangan Kajian**

Kajian ini menyingkap kejayaan demi kejayaan yang dikecapi oleh pengusaha-pengusaha percetakan Melayu hingga pada suatu masa industri ini telah meletakkan nama-nama Melayu yang bergelar jutawan hasil perniagaan ini. Pengusaha-pengusaha percetakan Melayu ini sejak dulu hingga kini masih bergantung kepada kerajaan untuk mendapatkan tender percetakan. Pengkaji melihat kelaziman sebegini perlu dikaji semula oleh orang-orang Melayu khususnya ahli-ahli PPPMM yang telah sekian lama bergantung hidup kepada kontrak kerajaan.

Pengusaha-pengusaha percetakan Melayu ini perlu berubah daripada kebergantungan mereka kepada kerajaan sepenuhnya. Pengkaji menilai penawaran tender percetakan kerajaan ini adalah bermusim iaitu hanya tiga kali sahaja penawaran tender dilakukan. Jika pengusaha-pengusaha percetakan Melayu ini masih mengharapkan bantuan sebegini, maka pengusaha-pengusaha ini telah mengalami kerugian yang besar akibat tidak cuba untuk mendapatkan kerja-kerja mencetak dari pihak lain selain kerajaan yang jauh lebih besar jumlahnya. Menurut statistik nilai pasaran percetakan negara menunjukkan pertumbuhan yang begitu baik. Amat

malang bagi pengusaha-pengusaha ini jika mereka tidak berusaha bagi mendapatkannya. Melalui keupayaan mencetak pengusaha-pengusaha ini mempunyai kapasiti yang cukup baik untuk melaksanakannya.

Pengkaji juga ingin menyarankan ahli-ahli PPPMM supaya bergabung antara mereka jika ingin terus mencetak tender kerajaan. Hal ini kerana dalam e-perolehan persaingan harga antara mereka telah berlaku dan mengecilkan peluang pengusaha-pengusaha lain untuk mendapatkan tender tersebut. Cadangan pengkaji ini disokong oleh Ybg Datuk Husamuddin Yaacob tentang keberkesanan penggabungan tersebut. Jika penggabungan ini berlaku maka jumlah pengusaha-pengusaha percetakan yang bersaing dalam e-perolehan ini semakin mengecil dan tawaran yang bakal diperolehi akan dapat dikongsi bersama.

Pengkaji juga ingin memberi cadangan supaya pengusaha-pengusaha percetakan Melayu yang banyak mengendalikan operasi percetakan buku, majalah, laporan tahunan dan brosur supaya berkecimpung pula dalam percetakan pembungkusan seperti kotak dan pelbagai lagi. Hal ini demikian kerana hingga kini pasaran percetakan pembungkusan hanya dikuasai oleh pengusaha-pengusaha percetakan Cina. Pengusaha-pengusaha percetakan Melayu boleh menjadikan pengusaha-pengusaha syarikat kecil dan sederhana sebagai pelanggan mereka. Terdapat beribu-ribu produk industri kecil dan sederhana (IKS) serta pengusaha-pengusaha baru yang ingin menceburkan diri dalam perniagaan ini. Ini merupakan peluang bagi pengusaha-pengusaha percetakan Melayu untuk mengubah nasib hidup mereka dalam industri percetakan dengan merebut peluang ini.

Kajian ini ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan juga perlu mendengar dan memberi perhatian yang serius tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha-

pengusaha percetakan Melayu ini. Pengkaji berasaskan kerajaan perlu meminda semula dasar yang sekian lama diguna pakai seperti SPP10/93 yang memberikan keistimewaan kepada pencetak-pencetak Melayu memperoleh tender percetakan setelah pengkorporatan Jabatan Percetakan Negara (JPN). Dasar tersebut dengan jelas memberi keistimewaan kepada kaum Melayu tetapi kerana tiada pemantauan dan pemeriksaan, maka PNMB yang mengambil alih peranan JPN telah menceroboh aktiviti percetakan kaum Melayu. Kerajaan juga berhak untuk membatalkan semula perjanjian konsesi dengan PNMB jika terdapat sebarang pelanggaran syarat yang dilakukan.

Kajian juga ingin menyarankan perjanjian konsesi penswastaan Bahagian Percetakan dan Pemasaran DBP kepada syarikat Dawama perlu dikaji semula. Perjanjian konsesi tersebut jelas tidak dipatuhi oleh Dawama sehingga menjadikan industri percetakan Melayu terus merosot. Kajian juga mendapati kejadian piket oleh kakitangan Dawama pada tahun 2011 adalah kesan daripada kegagalan projek penswastaan tersebut. Kakitangan-kakitangan Dawama telah mengadakan mogok menuntut pembayaran gaji, kebajikan pekerja, pembayaran bonus dan kenaikan pangkat yang telah dijanjikan oleh Dawama dilaksanakan. Perkara sebegini telah menampakkan kegagalan projek penswastaan tersebut. Industri percetakan kaum Melayu tidak akan terjejas terus jika kerajaan sejak dari awal mendengar dan mengkaji keluhan pengusaha-pengusaha ini. Walaupun perjanjian konsesi ini akan tamat pada tahun 2014, pihak kerajaan berhak untuk membatalkan perjanjian tersebut lebih awal jika terdapat sebarang pelanggaran syarat.

Walau bagaimanapun pengkaji berharap kajian ini dapat membuka minda pencetak-pencetak Melayu khususnya untuk terus bersatu dan maju dalam lapangan yang diceburi. Pihak kerajaan juga perlu terus membantu dalam menjadikan agenda pembangunan bumiputera

khususnya kaum Melayu agar terus maju dalam arena perniagaan. Jika ini berjaya maka agenda Dasar Ekonomi Baru mampu dicapai.

Kajian ini secara umumnya hanya menyelidik tentang isu yang menyelubungi pencetak-pencetak Melayu juga merupakan ahli PPPMM berkaitan pengkorporatan, penswastaan agensi kerajaan dan kesan kedatangan serta penggunaan teknologi maklumat dalam urus tadbir perolehan kerajaan. Pengkaji berharap kajian tentang pencetak Melayu dapat dipanjangkan dan diteruskan oleh para pengkaji lain yang mungkin boleh mengkaji tentang hala tuju pencetak Melayu dalam arus globalisasi teknologi baru yang lebih diminati oleh pengguna masa kini. Selain itu, kajian juga boleh dijalankan untuk mengkaji masa depan pencetak Melayu setelah konsesi percetakan Dawama telah tamat pada 2014 dan kini DBP telah menyerahkan urusan percetakan produk budayanya termasuklah buku teks kepada satu consortium yang diwujudkan dan melibatkan keseluruhan pencetak-pencetak Melayu di Malaysia. Kajian juga dapat dihasilkan dengan mengkaji mekanisme dan tadbir urus terkini yang diguna pakai oleh DBP dalam pengagihan tender percetakan kepada keseluruhan pencetak-pencetak yang berdaftar dengannya.

## BIBLIOGRAFI

Abdullah Abdul Rahman (1991). *Konsep pensyarikatan Malaysia: Strategi penting dalam mencapai Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Unit Penyelidikan Sosioekonomi.

Ahmat Adam dan Saidaul Nornis Hj Mahali (2001). *Penyelidikan dan penulisan ilmiah; Prosiding Seminar Penyelidikan dan Penulisan Ilmiah*. Kota Kinabalu: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

Albert O. Hirschman (1970). *Exit, voice and loyalty: Responses to decline in firms, organizations and states*. Harvard College, United States of America.

Aslinda Ibrahim, (1998). *Penggunaan teknologi digital dalam industri percetakan on demand*. Latihan ilmiah Sarjana Muda Teknologi Percetakan. Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka. Institut Teknologi MARA.

Azizah Hamzah (2010). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media*. 12 (1).

Babbie, Earl. (1999). *The basic of social research*. Wadsworth: Belmont.

Babbie, Earl. (2001). *The practice of social research*. Edisi Kesembilan. Wadsworth: Belmont.

Bailey, H.S. (1990). *The art and science of book publishing*. Athens, Ohio: Ohio University Press.

Barlow, Colin (ed.) (2001). *Modern Malaysia in the global economy*, Cheltenhem: Edward Elgar.

Bruno, Michael H. (Ed.) (1995). *Pocket pal: A graphic arts production handbook (16th ed.)*. Memphis: International Paper.

Buku Tahunan Perangkaan (2014). Perangkaan Ekonomi Malaysia Siri Masa 2013. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Byrd, Cecil K., (1991). *Percetakan awal di Jajahan Selat 1806-1858*. Diterjemah oleh Mansor Ahamad Saman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Teks asal dalam bahasa Inggeris).

Carolyn B. dan Palena N. (2006). *Conducting in-depth interviews: A guide for designing and conducting in-depth interviews for evaluation input*. Pathfinder International.

Charles Shapiro (1966). *Lithographer manual*. Graphic Arts Technical Foundation; 1st Edition.

Cohen, L., & Manoin, L. (1989). *Research methods in education (3rd ed.)*. London: Routledge.

Cram, Carol M. (2001). *E-Commerce concepts* Singapore. Thomson Learning.

Creswell, J.W. (1994). *Research design – Qualitative & quantitative approaches*. London: SAGE Publications.

Creswell, J.W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches (2nd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage.

Creswell, J.W. (2014). *Qualitative, quantitative and mixed methods approaches (Creswell research design qualitative and mixed methods approaches) 4th Edition*; Thousand Oaks, CA: Sage Publication, Inc.

Cummings, T., & Gallagner, N. (2003). *An update on fulfillment. Binding, finishing and distribution*. 6(1), 26-29.

David Easton (1965). *A systems analysis of political life*. Englewood Cliffs, N.J. Prentice-Hall, Inc.

Denzin, N.K. (1978). *The research act: A theoretical introduction to sociological methods. Second edition*. New York: McGraw-Hill Book Company.

du Gay et al. (1997) *Doing cultural studies: The story of the Sony Walkman*. Thousand Oaks, CA: Sage.

Elizabeth L. Eisenstein (2012). *The printing revolution in early modern europe (Canto Classics)*; CA: Sage.

Fauzi, H. & Hussin, A. (2011). Sumbangan subsektor ekonomi terhadap pertumbuhan ekonomi ASEAN-3: Satu kajian empirikal. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia VI, Jilid I*.

Fauziah Ab. Hamid (1999). *Penggunaan teknologi moden dalam industri percetakan Di Malaysia: Kajian terhadap Tien Wah Press (M) Sdn Bhd dan Percetakan Nasional Malaysia Berhad*. Tesis Sarjana Sastera dan Sains Sosial. Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.

Fester, J.W. (1980). *Public administration: Theory and practice*. New Jersey: Prentice Hall.

Fombrum, C. dan Shanley, M. (1990). What's in a name? Reputation building and corporate strategy. *Academy of Management Journal*. 33. 233-256.

Fontana, A. and Frey, J.H. (1994). Interviewing: *The art of science: Dalam Denz h N.K and Lincholn, V.S. (eds.). Handbook of qualitative research*. Thousand Oaks, CA: Sage.361-376.

Frank J. Romano (2003). An investigation into printing industry demographics. *A research monograph of the Printing Industry Center*, RIT. No. PICRM-2010-04.

Frank J. Romano (2004). An investigation into printing industry trend. *A research monograph of the Printing Industry Center*, RIT. No. PICRM-2004-05.

Gerring, J. (2012). *Social science methodology: A unified framework (Strategies for social inquiry)*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.

Goldberg, R., & Romano, F. (2001). *Printing to the power of e*. Salem, NH: GAMA.

Hamed Mohd. Adnan (2001). *Asas dalam penerbitan*. Pearson Education Malaysia.Selangor.

Hamed Mohd. Adnan (2002). *Industri buku di Malaysia: Isu-isu dan cabaran*. Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Harvey R. Levensen (2000). *Understanding graphic communication : Selected readings*. Graphic arts technical foundation; 1st Edition (April 15, 2000).

- Henry Wilhelm (2006). A 15-year history of digital printing technology and print permanence in the evolution of digital fine art photography – From 1991-2006. *The 22<sup>nd</sup> International Conference on Digital Printing Technologies*. Colorado Amerika.
- Hutchinson, Sally A. (1988). Education and grounded theory. Dalam Robert R. Sherman dan Rodman B. Webb (ed.) *Qualitative research in education: Focus and methods*. London: Falmer Press.
- Ismail Salleh (1987). Penswastaan, kebebasan dan pembangunan: Perspektif & prospek. *Kertas kerja Seminar Penswastaan di Malaysia*. Kuala Lumpur (Tidak Diterbitkan).
- Ismail Yusof (1993). *Dasar-dasar kerajaan Malaysia: Tinjauan menyeluruh*. A.S. Noodeen, Kuala Lumpur.
- Jary, D. dan Jary, J. (1995). *Collins dictionary of sociology. Second edition*. Glasgow: HarperCollins Publishers.
- Kerlinger, Fred N (1973). *Foundations of behavioral research. Second edition*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Krippendorff, K. (1980). *Content analysis: An introduction to its methodology*. Beverly Hills, SAGE.
- Laporan Tahunan 2004, Jabatan Statistik Malaysia, Jabatan Perdana Menteri Malaysia
- Lincoln, Y., & Guba, E., (1985). Naturalistic inquiry. New York: Sage. Dalam Othman Lebar, *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.
- Mahani Zainal Abidin, (2002). *Rewriting the rules: The Malaysia crisis management model*. Kuala Lumpur, Prentice Hall.
- Malaysia Printing & Supporting Industries Directory (2008). Marshall Cavendish Business Information Private Limited.
- Malaysia technology research development, knowledge and facilities directory 2004/2005, Pusat Inovasi Sains dan Teknologi Malaysia.

Marshall, Catherine dan Rossman, Gretchen B. (1989). *Designing qualitative research*. Newbury Park: Sage Publications.

McQuail, Dennis dan Windahl, Sven. (1993). *Communication models – For the study of mass communications*. Edisi kedua. London: Longman House.

Md Sidin Ahmad Ishak (1998). *Penerbitan dan percetakan buku Melayu 1807 – 1960*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tahun 1992/1994

Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tahun 1994/1996

Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tahun 1996/1998

Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tahun 1998/2000

Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tahun 2000/2002

Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tahun 2002/2004

Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tahun 2004/2006

Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tahun 2006/2008

Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tahun 2008/2010

Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tahun 2010/2012

Memorandum Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia tahun 2012/2014

Merriam, S.B. (1988). *Case study research in education: A qualitative approach*. San Francisco: Jossey-Bass.

Merriam, S.B. (1998). *Qualitative research and case studies applications in education. 2<sup>nd</sup> Edition*. San Francisco: Jossey-Bass Publications.

Mohd Khairul Azahari Abdul Rani (2008). Keberkesanan penggunaan percetakan digital dalam industri komersil. *Research Management Institute*. Universiti Teknologi MARA.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia Press.

Mus Chairil Samani (2003). *Pembangunan buku teks sekolah di Malaysia: Dasar, amalan dan ekonomi penerbitan*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Neuman, W.L. (1997). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Edisi ke-3. Boston: Allyn and Bacon.

Nord, David Paul dan Nelson, Harold L. (1981). The logic of historical research. Dalam Guido H. Stempel III dan Bruce H. Westley (ed.) *Research methods in mass communication*. Englewood Cliffs: Prentice Hall Inc.

Okposin, S.B. (2003). *Perubahan fasa ekonomi Malaysia*. Kuala Lumpur; Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.

Othman Lebar (2009). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.

Park, Robert E. dan Burgess, Ernest W. (1969). *Introduction to the science of sociology. Third edition*. Chicago: University of Chicago Press.

Patton, M.Q. (1980). *Qualitative evaluation methods*. Beverley Hills: Sage Publications.

Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 1992

Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 1996

Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 1998

Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2002

Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2006

Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2008

Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2010

Profil Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia, 2012

Reinard, John C. (2001). *Introduction to communication research*. Edisi ketiga. Singapore: McGraw Hill.

Romano, F. (2001). *E-business*. Paramus, NJ: National association for printing Leadership, Pocket University Series.

Roslinda Ahmad, (1998). *Potensi dan masa depan cetak ofset litografi dalam industri percetakan di Malaysia*. Latihan ilmiah Sarjana Muda Teknologi Percetakan. Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka. Institut Teknologi MARA.

Rudestam, K.E. dan Newton, R.R. (1992). *Surviving your dissertation: A Comprehensive guide to content and process*. Newbury Park, California; Sage Publications.

Schensul, S.L., Schensul, J.J., and LeCompte, M.D. (1999). *Essential ethnographic methods*. Dalam J.J. Schensul and M.D. LeCompte, (eds.) *The ethnographer's toolkit*. Baltimore, MD: Altamira Press of Rowan and Littlefield.

Siti Nur Bainah Mat Yusoff, (2006). *Cabar dan prospek print on demand di Dawama Sdn Bhd*. Tesis Sarjana Sastera dan Sains Sosial. Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.

Smith, MaryAnn Yodelis (1981). *The method of history*. Dalam Guido H. Stempel III dan Bruce H. Westley (ed.) *Research methods in mass communication*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.

Syed Arabi Idid (1992). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Tang Mui Joo (2009). *Pemasaran, penjualan dan pengedaran buku dalam talian di Malaysia*. Thesis (PhD). Jabatan Pengajian Media. Universiti Malaya.

Taylor, M. J. dan England, D. (2006). *Internet marketing: Web site navigational design issues*. Marketing Intelligence & Planning 24(1).

Ten trends that are transforming today's industry, (2002). Tech Trends (National Association for Printing Leadership), 5(1).

Ting-Toomey, S & Chung, L.C (2012). *Understand intercultural communication*. New York: Oxford University Press.

Tuchman, G. (1994). *Historical social science: Methodologies, methods and meanings*. Dalam Norman K. Denzin dan Yvonna S. Lincoln (ed.). *Handbook of qualitative research*. Thousands Oaks, California: Sage Publications.

Turban, Efraim, King, David dan Warkentin, Merril (2002). *Electronic commerce 2002 – A managerial perspective*. New Jersey: Prentice Hall.

Turban, Efraim, King, David dan Warkentin, Merril (2004). *Electronic commerce 2004 – A Managerial Perspective*. New Jersey: Prentice Hall.

Twyla J. Cummings dan Bernice A. LeMaire (2004). Utilization of E-Commerce by commercial printing companies. *A research monograph of the printing industry center*, RIT. No. PICRM-2005-04.

Twyla J. Cummings dan Kalpana Chhita (2004). Industry trends in fulfillment, finishing and distribution, *A research monograph of the Printing Industry Center*, RIT. No. PICRM-2004-03.

Tyack, David B. (1976). *The history of education and the preparation of teachers: A reappraisal*. Dalam Robert R. Sherman dan Joseph Kirschner (ed.) *Understanding history of education*. Cambridge, Massachusetts: SchenkenPublishing Co. Inc.

UNCTAD Secretariat (2003). E-Commerce and development report 2003. Edisi internet. New York: United Nation.

Valentino, C. (2004). Diversifying with fulfillment services – Maximizing opportunity, minimizing risks. *Journal of graphic communications management*. NAPL.

Watson, R. T. dan Zinkhan, G. M. (1997). *Electronic commerce strategy addressing the key question*. University of Geogia, USA, unpublished manuscript.

Walizer, M. H. dan Wienir, P. L. (1978). *Research methods and analysis: Searching for relationship*. New York: Harper & Row.

West, Richard dan Turner, Lynn H. (2004). *Introducing communication theory – analysis and application*. London: McGraw Hill.

White, Erin. (2001). E-Commerce (A special report): The business – Teaching old dogs: Traditional academic publishers are scrambling to adapt to the online world. *The Wall Street Journal (Eastern Edition)* hal: R.16.

William Case, (2004). *Malaysia new reforms, old continuities, tense ambiguities*. In Kevin Hewison and Richard Robson, eds. *East Asia and the Trials of neo-Liberalism*. London Routledge.

William, R (1998). *The analysis of culture*. Dalam John Storey (ed). *Cultural theory and popular culture: A reader*. Prentice Hall, London.

Wimmer, Roger D. dan Dominick, Joseph R. (2006). *Mass media research*. Edisi kelapan. Singapore: Wadsworth/Thomson Learning.

Yusof, Zainal Aznam dan B Deepak, (2008). *Economic growth and development in Malaysia: Policy making and leadership*. Washington: World Bank.

Zubaiddah Isa (1972). *Printing and publishing in Indonesia: 1602-1970*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Indiana University.

## **SENARAI PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA**

1. Kesan Perubahan Dasar Kerajaan Terhadap Industri Percetakan Orang Melayu. Jurnal e-Bangi Vol. 9, No. 2 (2014) 063-73, ISSN: 1823-884x
2. Kesan Perubahan Dasar Kerajaan Terhadap Industri Percetakan Orang Melayu: Satu Analisis Kandungan. Jurnal e-Bangi Vol. 10, No. 2 (2015). Akan Terbit Pada November/Disember 2015
3. Isu Dawama: Kesan Penswastaan Kepada Pencetak Melayu. International Conference on Media and Communication (MENTION2015). Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4. Analisis Kesan Perubahan Dasar Kerajaan Dalam Industri Percetakan di Malaysia. International Conference on Media Education & Training (ICMET2014). Universiti Malaya, Kuala Lumpur
5. Print Media in Malaysia: Challenges In The Era of New Media. International Conference on Innovative Trends in Multidisciplinary Academic Research (ITMAR2014). Istanbul, Turkey
6. The Issues Pertaining Changes In The Government Policy And Its Effects On Malay Printing Entrepreneurs. International Conference on Global Trends in Academic Research (GTAR2014). Bali, Indonesia
7. Kaum Melayu Dalam Industri Percetakan. Seminar Kebangsaan Mengubah Destini Anak Bangsa 2012. Universiti Teknologi MARA Sabah
8. Media Cetak: Halatuju Pencetak-pencetak Bumiputera Dalam Menghadapi Transformasi Teknologi. Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia V (PAHMI2011). Universiti Malaya, Kuala Lumpur